

MASYARAKAT DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

Edisi Baharu

MASYARAKAT DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

Suatu Analisis Perkembangan Kebudayaan di Malaysia

Edisi Baharu

A. AZIZ DERAMAN

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2001

Cetakan Pertama, edisi pertama 1975 dan edisi kedua 1994 buku ini pernah diterbitkan oleh Penerbit Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd.

Edisi Baharu Cetakan Pertama 2001

© A. Aziz bin Deraman 2001

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Aziz Deraman. 1948-

Masyarakat dan kebudayaan Malaysia : suatu analisis perkembangan kebudayaan di Malaysia / A. Aziz Deraman.
Edisi baharu.

Bibliografi: hlm. 197

Mengandungi indeks

ISBN 983-62-7206-2

ISBN 983-62-7227-5 (kkt)

1. Culture--Malaysia. 2. Malaysia--Social conditions. 3. Malaysia--Culture policy. I. Judul.

306.09595

M

1075715

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

03

306.09595

AZ

25 APR 2002
Perpustakaan Negara
Malaysia

Untuk
Isteriku
Zon

dan putera puteri kami

Alfishahrin 'Arafat

'Azmatun Alifah

Afzal 'Alamin

'Aliatun Izzaty

Mohd 'Azmun Amin

'Arifatun 'Aqilah

serta rakyat berbudaya Malaysia

KANDUNGAN

<i>Senarai Fotograf</i>		ix
<i>Senarai Peta</i>		xi
<i>Kata Pengantar</i>		xiii
<i>Prakata</i>		xix
Bab Satu	Kebudayaan dan Masyarakat	1
Bab Dua	Latar Belakang dan Sejarah Budaya Malaysia	10
Bab Tiga	Zaman Prasejarah	26
Bab Empat	Ujian Pertama Pertumbuhan Budaya	41
Bab Lima	Pembinaan Peribadi dan Pembentukan Identiti	64
Bab Enam	Sistem Sosial Masyarakat Melayu Tradisional	89
Bab Tujuh	Konflik Nilai dan Perubahan Sosial	116
Bab Lapan	Kemerdekaan dan Pewujudan Kebudayaan Kebangsaan	130
Bab Sembilan	Dasar Kebudayaan Kebangsaan Malaysia	151

KANDUNGAN

Bab Sepuluh	Politik dan Pembangunan Sosioekonomi	162
<i>Lampiran</i>	Ucapan Y.A.B. Perdana Menteri Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Hussein di Majlis Perasmian Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971	187
<i>Bibliografi</i>		197
<i>Indeks</i>		203

SENARAI FOTOGRAF

- Fotograf 1** Gambaran bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Hakikat menunjukkan bahawa Kebudayaan Kebangsaan memainkan peranan yang besar dalam memupuk semangat perpaduan antara kaum. 8
- Fotograf 2** Penemuan di Gua Cha, Kelantan, yang menunjukkan rangka manusia di Zaman Batu dan tembikar yang halus buatannya. (Dengan Ihsan: Jabatan Muzium dan Antikuiti) 35
- Fotograf 3** Wayang kulit daripada epik *Ramayana* dan *Mahabharata* merupakan seni warisan budaya Melayu yang unggul dan agung di Malaysia. 55
- Fotograf 4** Senjata Melayu. (Dengan Ihsan: Jabatan Muzium dan Antikuiti) 56
- Fotograf 5** Sejak beberapa abad yang lalu makyung telah berkembang menjadi satu bentuk warisan teater tradisi yang diminati ramai. (Dengan Ihsan: Jabatan Muzium dan Antikuiti) 62
- Fotograf 6** Tulisan jawi pada Batu Bersurat Terengganu ini ialah tulisan jawi yang pertama pernah dijumpai dalam

SENARAI FOTOGRAF

- bahasa Melayu di Semenanjung Malaysia. (Dengan Ihsan: Jabatan Muzium dan Antikuiti) 67
- Fotograf 7** Sebahagian daripada bangunan pentadbiran dan stesen kereta api Kuala Lumpur yang lazim dilihat sebagai bentuk seni bina Islam. 68
- Fotograf 8** Pemandangan sekitar Kuala Lumpur, Ibu Negara Malaysia. 84
- Fotograf 9** Menara Kembar Petronas, menara yang tertinggi di dunia. 85
- Fotograf 10** Kompleks Perdana Putra di Putrajaya merupakan Pusat Pentadbiran Negara berkonsepkan Bandar Pintar. 86
- Fotograf 11** Masjid Putra yang terletak di Putrajaya dibina berasaskan ciri-ciri seni bina Islam. 87
- Fotograf 12(a)** Pengisytiharan Kemerdekaan Negara pada 31 Ogos 1957. (Dengan Ihsan: Jabatan Muzium dan Antikuiti) 128
- Fotograf 12(b)** Pemasyhuran Kemerdekaan 31 Ogos 1957. 133
- Fotograf 13** Tugu Negara. Lambang jati diri Malaysia dalam pemerintahan demokrasi. 135

SENARAI PETA

Peta 1 Keluarga Bahasa Melayu-Polinesia.	24
Peta 2 Empayar Melaka pada abad ke-15 dan awal abad ke-16.	70
Peta 3 Melaka sebagai pusat pengembangan Islam yang utama di Nusantara pada abad ke-15 dan awal abad ke-16.	71



KATA PENGANTAR

Kebudayaan sesuatu kumpulan manusia tidak wujud dengan sewenang-wenangnya; ia adalah hasil pengalaman kumpulan itu melalui sejarahnya sendiri. Walau apa pun tafsiran kita terhadap *Kebudayaan Malaysia* sekarang, kita cuma akan dapat memahaminya secara mendalam apabila kita melihatnya bukan sahaja dari segi cirinya yang wujud kini (iaitu pandangan secara sinkronis) tetapi juga dari segi latar belakang pertumbuhan ciri itu (iaitu pandangan secara diakronis). Pengetahuan terhadap kebudayaan adalah penting bagi rakyat Malaysia, kerana banyak salah faham dan prasangka timbul daripada gagasan untuk mewujudkan kebudayaan kebangsaan Malaysia yang berteraskan kebudayaan peribumi.

Tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat Malaysia seperti yang diwarisi daripada rupa bentuk masyarakat kolonial Inggeris adalah masyarakat pelbagai budaya. Pada zaman penjajahan kepelbagaian budaya itu sengaja dipupuk dan kehidupan masyarakat sengaja dibiarkan berkembang dalam lingkungan budaya masing-masing dan hubungan langsung antara anggota pelbagai budaya berlaku sedikit sahaja. Keutuhan masyarakat kolonial tersimpai melalui jentera pentadbiran yang walaupun cekap dan berkesan, amat kurang menanamkan semangat dan perasaan yang melibatkan anggota masyarakat dalam konsep kenegaraan. Semangat dan perasaan yang dipupuk ialah rasa berterima kasih dan bersyukur terhadap kebahagiaan hidup di bawah naungan takhta kerajaan dan bendera Inggeris. Aspirasi hidup dan ukuran kebahagiaan hidup

masing-masing adalah seperti yang terdapat dalam masyarakat Kepulauan Inggeris sendiri. Walaupun taraf ini tidak dapat dicapai oleh kebanyakan rakyat, ia terhad kepada segelintir mereka yang berguna demi kepentingan keutuhan masyarakat kolonial di tanah jajahan.

Kemerdekaan Tanah Melayu yang kemudian menjadi negara Malaysia mewarisi konsep masyarakat kolonial Inggeris di Asia Tenggara. Konsep kemasyarakatan bagi sebuah negara yang merdeka telah berubah sama sekali daripada yang digambarkan di atas tadi: konsep kenegaraan yang perlu ditanam dan dipupuk dalam setiap rakyat negara yang baharu itu demi keutuhan negara sebagai satu kumpulan sosial. Pelaksanaan konsep ini adalah sukar bagi negara yang baru merdeka kerana ia terpaksa mengikis saki-baki warisan masyarakat kolonial dan pandangan dunia penduduknya. Bagi negara yang mempunyai penduduk pelbagai budaya dan keturunan etnik, seperti Malaysia, pelaksanaannya lebih rumit lagi. Dalam pengalaman negara kita, pelaksanaan konsep kenegaraan telah melalui beberapa kejadian yang mengancam keutuhannya sebagai satu kumpulan sosial, dan yang paling mencemaskan ialah peristiwa 13 Mei 1969 selepas pilihan raya umum, satu-satunya cara yang telah kita terima untuk mengatur hidup politik kita sebagai sebuah negara. Jentera pentadbiran yang juga diwarisi daripada pemerintahan kolonial Inggeris terus menjadi tulang belakang bagi keutuhan negara ini. Tetapi penglibatan anggota masyarakat dalam negara bukanlah setakat mengatur kehidupan masing-masing berlandaskan undang-undang, sistem politik, ekonomi, dan pentadbiran. Penglibatan yang lebih mendalam diperlukan, yang menyentuh emosi dan semangat terhadap negara ini. Dengan perkataan lain, penglibatan diri masing-masing anggota masyarakat tidaklah setakat aspek kognitif sahaja, tetapi memerlukan aspek afektif juga. Di samping menjalani kehidupan sebagai rakyat negara ini dengan mengikuti perlembagaannya, undang-undangnya, serta corak pentadbirannya, kita juga dapat menyayangi dan menghormati negara kita. Untuk menanamkan semangat inilah, maka simbol yang mewakili keutuhan negara seperti bendera Malaysia, lagu kebangsaan, Rukun Negara ditonjolkan, dan usaha mewujudkan kebudayaan Malaysia yang melampaui kebudayaan tempatan, kelompok

atau sukuan, iaitu sebagai penyebut sepunya (*common denominator*) bagi pelbagai kebudayaan yang wujud dalam kehidupan sehari-hari, dipergiatkan.

Dalam usaha mencapai matlamat inilah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, (kini Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan) telah menjalankan beberapa projek. Salah satunya adalah dengan mengkaji hal ehwal masyarakat dan budaya, di samping dengan secara sedar dan sengaja memupuk dan mengisi konsep kebudayaan kebangsaan. Usaha mengkaji hal ehwal masyarakat dan budaya mungkin tidak serumit memberi definisi atau pengenalan kebudayaan, kerana dalam mengkaji itu kita cuma menumpukan perhatian pada ciri tertentu atau aspek tertentu kebudayaan, sementara kebudayaan itu sendiri terlalu luas untuk dilihat sekali gus kerana bukan sahaja ia meliputi seluruh cara hidup masyarakat, tetapi terkandung dalam konsep budaya itu sejarah pertumbuhannya sendiri. Namun, usaha Dato' A. Aziz Deraman bukanlah sesuatu yang senang dilakukan; bahkan saya mengucapkan tahniah kepada beliau kerana berjaya mengumpulkan bahan untuk mengemukakan sejarah latar belakang masyarakat dan kebudayaan Malaysia. Setakat ini masih belum lagi terdapat usaha untuk menulis sejarah kebudayaan di Malaysia, kecuali yang pernah diusahakan oleh Sir Richard Winstedt dalam bukunya *The Malays: A Cultural History* (terbitan Routledge and Kegan Paul Ltd., mula-mula diterbitkan pada tahun 1947). Tetapi usaha Winstedt adalah mengikut corak penulisan zaman kolonial dengan pandangannya sendiri. Yang hendak dikemukakan oleh Dato' A. Aziz Deraman adalah lebih rumit kerana beliau bukan sahaja mesti memperlihatkan latar belakang masyarakat dan kebudayaan Malaysia dengan menyingkap sejarah kebudayaan di rantau ini, tetapi yang lebih penting lagi adalah membuat pengungkapan yang merintang sejarah kebudayaan itu dengan hakikat kemasyarakatan kini.

Sejarah kebudayaan masa lampau tidak dapat tidak bertumpu kepada kebudayaan penduduk bumiputera, terutama orang Melayu. Pengalaman sejarah yang mencorakkan peradaban orang Melayu dan kaum bumiputera yang lain sedikit sebanyak mencorakkan pula watak masyarakat dan kebudayaan Malaysia sekarang, di samping faktor lain yang turut sama mencorakkannya seperti warisan

masyarakat kolonial ataupun kebudayaan penduduk lain di Malaysia. Struktur sosial yang telah wujud dari zaman pengaruh Hindu mungkin tidak begitu ketara dalam masyarakat Malaysia kini, tetapi ciri tinggalannya masih diamalkan, misalnya, raja Melayu yang merupakan pucuk pemerintahan pada peringkat negeri dengan orang besar jajahannya. Begitu juga dengan kelas-kelas masyarakat: walaupun penentuan status seseorang lebih bercorak tercapai (*achieved*) dan pembahagian kelas lebih berdasarkan kedudukan ekonomi, tinggalan struktur sosial lama masih diamalkan, seperti status yang ditentukan (*ascribed*) dan kelas berdasarkan keturunan. Masih diamalkan, misalnya, pemilihan suami isteri, seperti golongan raja dengan raja dan syed dengan syarifah.

Yang lebih penting daripada tinggalan yang sedang kurang diamalkan ialah ciri kebudayaan yang masih dominan. Peradaban Islam di kalangan orang Melayu misalnya, telah bermula sejak beberapa kurun yang lalu, dan ia mempunyai wataknya yang tersendiri jikalau dibandingkan dengan umat Islam di tempat lain. Walaupun pada dasarnya ajaran Islam adalah sama, iaitu bersandarkan al-Qur'an dan sunnah Nabi, cara Islam yang dihidupkan oleh umat di Malaysia mempunyai sifatnya yang tersendiri, seperti yang dapat dilihat dalam pentadbiran agama, merayakan Hari Raya Aidilfitri, ataupun pertembungan antara adat dengan agama. Dengan mengetahui sejarah masyarakat dan kebudayaan zaman lampaulah, maka ciri kebudayaan kini dapat difahami.

Bahagian latar belakang seperti yang dikemukakan oleh Dato' A. Aziz Deraman penting kerana ia menggambarkan ada persambungan dalam proses mewujudkan masyarakat dan kebudayaan Malaysia. Peristiwa sejarah pada abad ke-19 dan ke-20, terutama dari segi peranan pemerintahan kolonial Inggeris sama pentingnya dengan huraian tentang zaman prasejarah, zaman pengaruh Hindu, atau zaman pembentukan peradaban Islam. Usaha untuk menghurai-kan yang jitu dan menyeluruh tentang apa-apa yang dikonsepsikan sebagai masyarakat dan kebudayaan Malaysia pada tahap ini bukanlah senang kerana pembentukannya adalah suatu proses yang sedang berjalan sekarang. Mungkin gambaran itu akan lebih jelas 10 tahun dari sekarang, dan 100 tahun dari sekarang pula, persoalannya mungkin tidak timbul lagi kerana kewujudannya sudah pun

merupakan hakikat hidup. Percubaan Dato' A. Aziz Deraman dalam buku ini untuk memaparkan pemikirannya terhadap masyarakat dan kebudayaan Malaysia dengan sendirinya merupakan sebahagian daripada proses pembentukan masyarakat dan kebudayaan itu. Sama ada kita setuju atau tidak dengan huraian atau pendekatannya juga merupakan sebahagian daripada proses pembentukan masyarakat dan kebudayaan Malaysia. Tetapi kita harus akui bahawa buku ini bukanlah satu manifesto perjuangan, ataupun pernyataan pemikiran dan perasaan semata-mata, kerana ia bersendikan pendekatan ilmiah. Pengetahuan perihal masyarakat dan kebudayaan dari segi ilmiah adalah syarat untuk kita memperkatakan masyarakat dan kebudayaan Malaysia supaya terhindar prasangka dan kekaburan yang didorong oleh emosi dan perasaan sahaja. Saya kira dari segi ini, Dato' A. Aziz Deraman berjaya mengemukakan huraian.

DATUK MOHD. TAIB OSMAN

PRAKATA

Buku *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia* ini merupakan pengenalan ringkas tentang latar belakang dan sejarah sosiobudaya Malaysia bagi menggambarkan peringkat awal perkembangannya sehinggalah ke arah cita-cita pewujudan kebudayaan kebangsaan kini. Buku ini ditulis bagi tujuan memenuhi hasrat pengajian masyarakat dan kebudayaan Malaysia, kerana memangnya pengajian sosiobudaya di Malaysia amat perlu dilihat secara terperinci. Pendekatan yang menyeluruh terhadap permasalahan kebudayaan rakyat dan hubungannya dalam pertumbuhan kebudayaan negara dalam konteksnya hari ini amat diperlukan. Harapan saya semoga bahan ini akan menjadi suatu pengenalan yang dapat memberi gambaran umum tentang masyarakat dan kebudayaan kita.

Dalam menyiapkan buku ini saya telah mendapat kerjasama yang tidak ternilai daripada Mohd. Affandi Hassan yang memberi pandangannya tentang perkara tertentu. Penghargaan dan ucapan terima kasih khusus saya tujukan kepada Datuk Mohd. Taib Osman yang telah meneliti serta menyediakan kata pengantar buku ini. Kerjasama mereka amat dihargai. Saya juga mengajukan terima kasih atas kerjasama institusi pengajian tinggi, badan awam, dan orang perscorangan yang memberi kemudahan kepada saya sewaktu menjalankan penyelidikan perpustakaan.

DATO' HAJI A. AZIZ BIN DERAMAN

Ketua Pengarah

Dewan Bahasa dan Pustaka



Bab Satu

KEBUDAYAAN DAN MASYARAKAT

I

Kita sering mendengar perkataan kebudayaan sebagaimana kita mendengar perkataan lain juga. Kadangkala terlintas pada kita bermacam-macam pertanyaan tentangnya. Apakah makna kebudayaan? Lebih-lebih lagi di negara kita kini, setiap orang telah sedar dan bercakap tentang kebudayaan. Malahan semua orang tahu bahawa diri mereka tergolong dalam lingkungan kebudayaan tertentu seperti Ali Melayu, Ah Chong Cina, dan Raju India. Cara hidup, perlakuan, dan pemikiran masing-masing dipengaruhi oleh kebudayaan sendiri. Mereka juga ahli masyarakatnya. Jadi kebudayaan mempunyai hubungan yang amat rapat dengan masyarakat, kerana tidak akan ada kebudayaan sekiranya tidak ada masyarakat.

—Sering kali kita terdengar orang mengatakan bahawa kebudayaan adalah tarian, sebab kita selalu melihat atau menonton persembahan tarian dalam satu-satu pertunjukan. Kita menonton persembahan itu dalam majlis, pesta, pertandingan, dan dalam majlis ucapan kebudayaan, baik yang dianjurkan oleh badan sukarela, sekolah, mahupun agensi kerajaan, sehingga tergambar pada kita bahawa tarian adalah kebudayaan. Juga kadangkala kita langsung menggabungkan kegiatan itu dengan kegiatan lain, seperti sastera, drama, deklamasi sajak, muzik dan sebagainya, yakni apa-apa yang dikatakan bersifat seni. Pentafsiran seperti ini adalah salah dan sempit. Walau bagaimanapun tidak boleh disalahkan sesiapa

dalam hal ini kerana perkembangan pengetahuan kita sememangnya bergantung pada perkembangan masyarakat kita sendiri.

Dari segi ilmiah, berbagai-bagai takrif dikemukakan tentang kebudayaan. Masing-masing pengkaji masyarakat dan budaya memberi pelbagai takrif berdasarkan pendapat mereka. Jika dihitungkan, kita akan mendapat ratusan definisi atau takrif kebudayaan, tetapi jika dibuat perbandingan antara satu sama lain, didapati maksud dan tujuan pengertian tadi sama sahaja. Sebagai contoh, Robert Bierstedt dalam bukunya *Social Order* menyatakan bahawa kebudayaan ialah "kesemua yang kita fikir, yang kita buat, dan yang kita miliki sebagai ahli dalam masyarakat".¹ Edward B. Tylor, dalam *Primitive Culture* memberi definisi dari segi antropologi pula, mengatakan:

"Kebudayaan adalah keseluruhan kompleks yang mengandungi antaranya pengetahuan, kepercayaan, kesenian, tatasusila, undang-undang, moral, adat resam, dan apa-apa juga kebolehan serta kebiasaan (tabiat) yang didapati oleh manusia sebagai ahli sesebuah masyarakat."²

Definisi yang diberi oleh pengkaji masyarakat seperti ini sesungguhnya amat luas. Daripada definisi contoh tadi, kita boleh mengatakan bahawa "kebudayaan ialah apa-apa juga yang kita fikir, kita buat, dan kita miliki dalam kehidupan yang merangkumi semua bidang kehidupan baik pengetahuan, kepercayaan, kesenian, undang-undang, moral, adat istiadat, mahupun apa-apa juga cara hidup kita yang merupakan pengalihan daripada apa-apa yang kita warisi daripada masyarakat kita". Cara pemikiran kita sesuai dengan cara berfikir anggota masyarakat yang lain. Begitulah juga apabila kita melakukan atau menghasilkan daripada apa-apa yang kita fikir dan lakukan. Jadi, kebudayaan adalah cara hidup, yakni meliputi seluruh cara hidup satu masyarakat baik dari segi pengumpulan idea dan perasaan, kepercayaan, lambang, nilai kemasyarakatan, serta objek kebendaan yang diwariskan turun-temurun.

Kebanyakan orang, apabila membicarakan budaya sering kali

1 Bierstedt, 1970.

2 Tylor, 1871.

hanya menitikberatkan beberapa aspek atau ranting budaya sahaja. Takrif dan pengertian secara longgar itu akan hanya meluaskan lagi kekaburan sesiapa yang baru hendak mengenali kebudayaan. Lebih-lebih lagi, ada orang yang hanya melihat kebudayaan dari segi tertentu semata-mata seperti tarian, hasil seni, atau adat istiadat. Dalam kajian ilmiah, kita telah menerima pentakrifan yang lebih tegas yang menunjukkan ciri budaya, sebagaimana yang pernah dikemukakan oleh tokoh seperti H.M. Johnson, Malinowski, Herskovit, Benedict, Mead, R. Linton, Piddington, Tylor, Koentjaraningrat dan lain-lain.³ Daripada keterangan yang lalu, kita sekurang-kurangnya telah mengetahui bahawa konsep kebudayaan amat luas. Pengkaji masyarakat mempunyai berbagai-bagai cara melihat kebudayaan, malahan beratus-ratus pengistilahan telah diberi tentangnya. Memanglah kebudayaan adalah cara hidup yang diwariskan daripada satu keturunan kepada satu keturunan yang lain. Jadi, kebudayaan mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan masyarakat.

Walaupun kajian masyarakat tidak luas, kedua-duanya tidak boleh dipisahkan sebab "kalau tidak ada masyarakat tidak ada budaya". Mengikut tafsirannya masyarakat terdiri daripada kumpulan individu yang mempunyai hubungan yang sangat lama. Rakyat Malaysia, baik masyarakat Melayu atau Cina adalah daripada keseluruhan jumlah individu yang telah membentuk masyarakat sendiri. Mereka saling berhubung dengan itu timbul perlakuan daripada apa-apa yang difikirkan. Masyarakat adalah kelompok manusia, tua dan muda, laki-laki dan perempuan yang mempunyai hubungan sosial dalam sesuatu penempatan yang sama. Perhubungan mereka boleh jadi wujud dalam pekerjaan, tempat tinggal, atau dari segi kekeluargaan. Daripada hubungan ini, akhirnya wujud institusi atau organisasi tertentu yang dapat menyatukan lagi manusia dalam kumpulan unit sosial.

Sifat budaya universal tetapi paradoksnya adalah pada masa yang sama terdapat perbezaan antara budaya satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Cara tertentu dapat menggambarkan keuniversalan budaya, iaitu salah satu ciri atau sifat yang ada pada

3 Johnson, 1967; R. Linton, 1965; Herskovit, 1956; Koentjaraningrat, 1970.

semua manusia atau tempat mereka berada dan bagaimana cara hidup mereka. Ditinjau secara objektif, terdapat bahagian tertentu budaya dan masyarakat, misalnya, cara hidup tertentu atau bagaimana mereka bekerja bagi meneruskan kehidupan atau memiliki peralatan bagi menguasai alam persekitaran, cara pembahagian hasil atau sebagainya yang dapat dilihat dalam struktur ekonomi masyarakat yang dikaji. Mereka juga terikat dengan institusi kekeluargaan sebagai unit sosial sama ada keluarga asas (*nuclear family*) atau keluarga besar (*extended family*) yang terikat dan berbeza pula daripada ikatan perkumpulan yang lain selain keturunan darah yang sama dan hidup dalam satu lingkungan kawalan sosial (*social control*) yang harus dapat ditinjau dalam sistem politik mereka. Daripada aspek lain, masyarakat itu juga mempunyai pandangan dunia atau falsafah tentang kejadian di sekeliling mereka, misalnya, kepercayaan terhadap kuasa ghaib yang halus yang dipuja bagi mencapai sesuatu hajat melalui hubungan dengan mengamalkan bahasa tertentu.

Kebudayaan sesuatu masyarakat dengan masyarakat yang lain adalah berbeza walaupun wujud universaliti kebudayaan. Anasir yang terdapat dalam budaya dan masyarakat dapat dipisahkan kepada aspek tertentu, seperti sosial, ekonomi, politik, agama, kepercayaan, dan sistem lain yang tersendiri yang mungkin ada persamaan dan perbezaan yang dapat dikesan dari alam persekitaran yang sama. Sesuatu kebudayaan berkembang dan terus dicipta mengikut kesanggupan masyarakatnya. Ada budaya yang dipadankan apabila berlaku pertembungan dengan pengaruh luar sama ada bagi mengisi kekosongan atau sebagai alternatif atau bagi menokok tambah pada yang sedia ada. Dengan itu, berlakulah perubahan kebudayaan dan masyarakat. Boleh dikatakan "manusia membentuk budaya"; oleh sebab itu perkembangan kebudayaan adalah mengikut perkembangan masyarakat itu sendiri. Hal ini adalah kerana budaya adalah cara hidup yang diikuti oleh orang yang menjadi anggota kumpulan tertentu dan meliputi anasir sistem sosial, susunan organisasi ekonomi, politik, agama, kepercayaan, adat resam, sikap, nilai, peralatan budaya, atau apa-apa yang dihasilkan oleh mereka sebagai anggota masyarakat.

Yang jelas ialah manusia dari satu segi memiliki ciri fizikal

dan dari segi yang lain mempunyai mental. Oleh sebab itulah seorang pengkaji masyarakat pernah mengatakan, "budaya boleh ditafsir sebagai satu himpunan kelengkapan intelek dan kebendaan yang dapat memenuhi kehendak biologi dan kemasyarakatan serta dapat pula menyesuaikan dengan kehendak sekeliling."⁴ Maksudnya, aspek budaya yang dimiliki, boleh dibahagikan pula kepada aspek yang kebendaan dan bukan kebendaan kerana dalam kehidupan, kita memiliki segala benda yang dilihat, disentuh, dan dirasa, dan kita juga mempunyai perkara-perkara yang tidak sedemikian. Jadi, budaya itu merangkumi dua lapangan besar tersebut, misalnya, **budaya kebendaan** iaitu peralatan dan kelengkapan hidup seperti rumah, perahu, senjata, atau **budaya bukan kebendaan**⁵ seperti kepercayaan, adat istiadat, dan undang-undang. Kadangkala kedua-duanya mempunyai hubungan yang amat rapat. Kedua-duanya boleh dilihat dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Orang Melayu mempunyai bentuk rumah yang berbeza daripada orang Inggeris atau orang Arab atau orang Eskimo dan kesenian orang Melayu juga berbeza daripada kesenian orang Cina atau orang India. Aspek yang ada dalam satu-satu masyarakat menggambarkan cara pemikiran dan pandangan dunia masyarakat itu sendiri. Oleh sebab itulah pula budaya dikatakan budaya relatif (*cultural relativism*) dan satu-satu budaya mestilah ditinjau dari segi masyarakat itu sendiri serta perhubungannya dengan persekitaran atau alam sekeliling di tempat budaya itu wujud.

II

Kebudayaan adalah satu cara hidup. Bagaimanakah hubungan konsep kebudayaan dengan cara hidup masyarakat kita, iaitu

4 Piddington, 1952, Bab I.

5 Budaya kebendaan adalah segala perlakuan lahir yang berupa alat yang dicipta oleh manusia berbentuk objek tertentu, jelas dan nyata, seperti rumah, peralatan hidup, senjata dan lain-lain yang juga dikenali sebagai artifak. Budaya bukan kebendaan ialah sesuatu yang tidak bercorak benda berbentuk abstrak dan spiritual seperti kepercayaan, moral, adat, dan lain-lain yang dikenali sebagai mantifek.

masyarakat di Malaysia? Sebagaimana yang dimaklumi, Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum, berbilang agama, kebudayaan dan cara hidup yang berlainan sama sekali. Selama ini, masing-masing hidup dan mengamalkan cara hidup sendiri baik dalam apa-apa juga bidang pun. Sesungguhnya, ada benarnya bahawa perpaduan berlandaskan kebudayaan kebangsaan bukanlah perkara mudah yang boleh dicapai dalam masa yang singkat oleh negara kita. Perkara ini mungkin ada benarnya, kerana soal pemupukan kebudayaan bukanlah boleh "disumbat-sumbat" begitu sahaja dengan sekelip mata. Lebih-lebih lagi, yang penting bagi kita adalah menanamkan dan merasai kejiwaan yang sama terhadap negara kita, Malaysia. Ini pula didasarkan pada sikap, nilai, dan kepercayaan kita.

Tiada sesiapa pun boleh menafikan bahawa kebudayaan amat penting bagi seseorang atau sesuatu masyarakat. Seseorang, sesuatu kumpulan atau komuniti daripada satu-satu masyarakat tidak boleh difahami melainkan melalui kebudayaannya, misalnya, kita boleh memahami cara hidup satu kaum atau suku yang lain dalam negara kita sendiri baik Melayu, Cina, India, Iban, Murut, Bidayuh, Kadazan, Melanau, Bajau dan Kenyah. Kebudayaan menimbulkan perbezaan antara seseorang atau antara satu-satu kumpulan. Jadi, yang penting dibicarakan dalam konteks negara kita ialah aspek persamaan dan perbezaan kita sama sendiri sebagai satu bangsa Malaysia. Kita perlu memahami bahawa dari sudut ilmu kemasyarakatan, kebudayaan adalah "kepunyaan bersama" bukan kepunyaan seseorang. Jadi, yang perlu mestilah ditegaskan supaya kita mempunyai matlamat ke arah pencapaian dan pewujudan kebudayaan kebangsaan. Sebelum ini, telah disebut adanya salah pengertian tentang kebudayaan yang sebenarnya. Berbagai-bagai tanggapan diberi. Menyentuh hasrat negara, satu kongres diadakan pada bulan Ogos, 1971, iaitu Kongres Kebudayaan Kebangsaan.⁶ Takrif kebudayaan yang dimaksudkan telah digunakan seluas-luasnya

6 Kongres ini membincangkan secara serius permasalahan kebudayaan dalam pelbagai bidang dan menetapkan konsep penting untuk menjadi teras kebudayaan kebangsaan. Kongres itu disertai oleh semua lapisan masyarakat di kalangan sarjana, pakar, peminat, dan rakyat biasa. Lihat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1973: Bab 8.

termasuk perkara yang sangat penting kedudukannya, iaitu agama.

Kita di Malaysia belum dapat dikenali sebagai satu bangsa kerana kita masih belum mempunyai aspek hidup yang pokok yang boleh dibanggakan sebagai kepunyaan bersama. Kalau ditinjau daripada pengertian ilmu kemasyarakatan, seharusnya kita sudah boleh dikenali sebagai bangsa Malaysia, bukannya masyarakat Malaysia. Negara kita adalah negara berbilang masyarakat, tetapi satu bangsa iaitu bangsa Malaysia (*Malaysian nation*). Hal ini memang benar, kerana kita mempunyai sistem pemerintahan yang sama, kawasan atau sempadan geopolitik yang sama, sistem pendidikan yang sama, sistem ekonomi, perlembagaan, dan sebagainya. Tetapi sebaliknya pula kita masih berpecah-pecah dan kita masih dikenali atas dasar kaum atau ras, atas dasar ekonomi dan politik yang berlandaskan perbezaan kaum.

Di mana-mana pun, kalau ditinjau, orang Malaysia masih memanggil diri mereka sebagai Melayu, *Malaysian-Chinese*, *Malaysian-Indian*, padahal kita adalah rupa bangsa Malaysia. Ini terjadi, misalnya, sewaktu merekodkan nama di hotel. Di bawah ruangan "warganegara" penuh dengan perkataan Melayu, Cina, dan India. Perkataan ini diisi sendiri, bukan oleh warganegara negara lain, seperti China, India, Britain, atau Libya. Begitu jugalah pengalaman dalam percakapan dan sewaktu perjumpaan sehari-hari. Seorang keturunan Cina umpamanya, tidaklah sebagaimana mereka bercakap dengan kaum sendiri apabila bercakap dengan orang Melayu atau India. Jadi, antara dua makhluk ini seolah-olah ada satu halangan atau satu macam batasan atau dinding. Ini menunjukkan telah wujud *cultural barrier* antara warganegara Malaysia sendiri. Hal ini menggambarkan rakyat masih belum mempunyai "kejiwaan Malaysia" tanpa mengira keturunan, agama dan golongan masing-masing. Dengan erti kata yang lain, mereka masih terikat dengan tradisi hidup yang diwarisi daripada kaum sendiri.⁷ Padahal mereka semestinya mempunyai ciri kebudayaan yang pokok yang dimiliki bersama yang menentukan keperibadian sendiri. Perbezaan kaum tidak dapat dihilangkan sama sekali, tetapi dengan keadaan demikian telah mengecil atas dasar ras (kaum)

7. Baharuddin Hj. Musa. 1973:8:7. hlm. 2-11, Oktober 1973.



Fotograf 1 Gambaran bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Hakikat menunjukkan bahawa Kebudayaan Kebangsaan memainkan peranan yang besar dalam memupuk semangat perpaduan antara kaum.

dan akhirnya mengikiskannya dan dapat menunjukkan identiti bangsa Malaysia yang sebenar. Salah faham dalam menentukan unsur kebudayaan, antara mempertahankan yang asli dengan yang harus tunduk pada pembaharuan, boleh timbul kerana kesedaran terhadapnya baru timbul. Malaysia menjadi negara satu bangsa yang sangat baru selepas kemerdekaan dan kedaulatan dicapai, walaupun sesungguhnya kebudayaan asli rantau ini adalah warisan kebudayaan purba yang bermutu tinggi dan mempunyai tradisi nilai sosial yang menjamin keamanan dan kestabilan rakyat. Kemerdekaan menimbulkan semula kesedaran kebudayaan tadi, terutama dalam usaha memenuhi dan mengisi kemerdekaan negara ke arah pembentukan bangsa Malaysia.

Bab Dua

LATAR BELAKANG DAN SEJARAH BUDAYA MALAYSIA

I

Pendekatan pengajian kebudayaan memang amat bergantung pada pengkaji budaya itu sendiri, yang secara ilmiah membuat pentafsiran yang berbeza-beza tentangnya. Suatu hal yang nyata adalah apabila kita membincangkan kebudayaan sesuatu kaum atau masyarakat, kita selalunya harus menumpukan perhatian pada pentafsiran tentang kebudayaan dan cirinya. Kebudayaan yang biasanya dihubungkan dengan cara hidup sesuatu masyarakat dan ciri yang menekankan "kewujudannya tidak secara automatik", "wujudnya pelanjutan budaya", "kedinamisannya", "polanya", "simbolismenya", dan "fungsinya sebagai alat perhubungan" amat menarik dalam rangka pengkajian sosiobudaya mana-mana masyarakat pun. Bahkan peraturan yang dijemakan melalui adat resam, lembaga, tradisi, nilai budaya, kepercayaan, dan peralatan budaya telah dapat menggambarkan sesuatu pernyataan kehidupan manusia. Selama ini, mungkin pula dalam pendekatan pengajiannya dan pentafsirannya, kita menyesuaikan beberapa bahagian pendekatan sebagai garis kasar panduan daripada sarjana Barat yang membuat aplikasi kajian bukan sahaja di kalangan masyarakat Barat (kerana mereka orang Barat), tetapi juga meninjau penghidupan sosiobudaya daerah sebelah sini seperti di Semenanjung Malaysia, Jawa, Andaman, dan daerah lain alam Melayu.¹ Ternyata

1 Saya lebih cenderung menggunakan Alam Melayu bagi daerah kebudayaan

bahawa pendekatan yang dijanjikan untuk melihat kebudayaan amatlah luas dan tidak semata-mata menitikberatkan aspek kecil sahaja.

Kebudayaan mempunyai hubungan yang amat rapat dengan masyarakat, kerana "kalau tidak ada masyarakat tidak ada budaya". Sekiranya kebudayaan adalah cara hidup, bagaimanakah hubungan cara hidup itu dengan kehidupan sesuatu masyarakat, misalnya, dengan cara hidup di Malaysia? Sering kali timbul kekeliruan tanggapan terhadap kebudayaan bukan sahaja terhadap konsepnya bahkan juga cirinya. Kekeliruan ini boleh dilihat dari segi, iaitu kekeliruan di kalangan rakyat dan kekeliruan tanggapan hasil daripada pendekatan yang berbeza di kalangan sarjana kebudayaan sendiri. Kekeliruan rakyat mungkin timbul kerana pengertian secara ilmiah terhadap kebudayaan bukan pokok persoalan utama mereka. Pada mereka atau pada sesetengah orang, kebudayaan (konsep ini adalah terhad) adalah tarian² atau apa-apa jua pertunjukan seni pentas seperti menora, makyung, wayang kulit, boria, kuda kepang, dikir barat, dan lainnya.

Mungkin hal ini terjadi kerana kita kerap kali melihat atau menonton persembahan sedemikian dalam satu-satu pertunjukan, majlis, pesta, pertandingan yang dikelolakan oleh badan sukarela, institusi pengajian, dan perbadanan kerajaan. Kadangkala kita juga menggabungkan kegiatan itu dengan kegiatan lain, seperti sastera, drama, muzik, sajak, dan sebagainya, yakni, sebagai apa-apa yang bersifat seni. Walau bagaimanapun, sesiapa pun tidak boleh dipersalahkan tentang hal ini kerana perkembangan pengetahuan kita sememangnya bergantung pada tingkatan perkembangan dan kemajuan masyarakat sendiri.

Dalam proses mentafsir sesuatu kebudayaan, sering terdapat pendapat yang menunjukkan kekeliruan hasil daripada pendekatan yang berbeza di kalangan sarjana. Sesuatu yang tidak boleh dinafikan adalah bahawa sarjana, pengkaji masyarakat, dan ahli budaya

Melayu termasuk daerah Kepulauan Melayu, Malagasi, Formosa, selatan Siam, Kemboja, Vietnam, dan Laos. Kepulauan Melayu meliputi Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan seluruh pulau di sekitarnya dan Asia Tenggara meliputi bahagian tenggara Asia termasuk bahagian selatan China, Yunan, Burma, dan Alam Melayu itu sendiri.

2 Lihat Bab Satu.

memang bebas memberi pendapat sendiri bersandarkan penemuan mereka. Misalnya, timbul anggapan bahawa unsur kebudayaan di negara ini bermula dari Barat atau gambaran yang cuba menunjukkan keseluruhan kompleks cara hidup di sini adalah pengaruh dari luar. Penegasan sedemikian boleh membawa implikasi dua hala kepada kita, iaitu sama ada benar atau tidak yang menyebabkan kita boleh menerimanya atau menolaknya atau kemungkinan yang lain bahawa memang ada penyebatian unsur budaya luar, khususnya Barat, dengan kebudayaan tempatan. Di ruangan inilah kita memerlukan suatu pendekatan yang teliti daripada sarjana yang membahaskan adakah benar sebahagian atau sangat kecil unsur Barat diterima oleh kebudayaan kita dan apakah bidangnya.

Penyebatian unsur kebudayaan memang berlaku kerana budaya dalam pelanjutannya akan sering mengalami perubahan, dan sebagai sesuatu yang dinamik ia sentiasa berubah mengikut masyarakatnya. Namun, untuk mengatakan kebudayaan kita bermula dari Barat adalah sesuatu yang amat mengelirukan. Ada sarjana yang mungkin memberatkan bidang kesusasteraan sahaja dengan cuba melihat persamaannya dengan kesusasteraan Indonesia yang juga menerima pengaruh yang sama dalam kesusasteraan mereka atau mungkin juga boleh diaplikasikan pada bidang yang amat kecil yang tidak membentuk keseluruhan kebudayaan kita. Malahan mungkin masih boleh dipersoalkan adakah istilah Barat atau luar itu meliputi kuasa penjajah yang mula mengembangkan sayapnya di Alam Melayu pada abad ke-15, seperti Portugis, Sepanyol dan Belanda atau dibataskan kepada periode kedatangan Inggeris pada abad ke-18 hingga abad ke-19 dahulu?

Pendekatan dan pendapat yang menegaskan "unsur kebudayaan" di negara ini bermula dari Barat, atau bermula dari luar, mungkin berdasarkan cara hidup dan perkembangan teknologi masyarakat kita hari ini, biarpun setahu kita belum lagi terdapat kajian yang benar-benar mendalam terhadap perkembangan sejarah dan budaya masyarakat Melayu, kecuali penulisan yang kian lama menjadi monopoli pegawai Inggeris. Sebagai contoh, kalau diambil konsep Bierstedt dan Tylor tadi,³ adakah ciri budaya yang terdapat

3 Lihat hlm. 2.

dalam budaya kita dapat dikatakan sebagai unsur dari Barat? Adakah pengetahuan, kepercayaan, kesenian, undang-undang, moral atau adat istiadat kita menggambarkan unsur yang demikian? Hal ini masih boleh dikaji menerusi perbandingan dan penelitian. Bahkan harus (bagi tujuan tersebut) dilihat perubahan kebudayaan dan masyarakat yang dilalui oleh masyarakat di negara ini.

Kini, peringkat pelaksanaan ciri budaya kita, menggambarkan pelahiran matlamat pencapaian dan hasrat masyarakat kita sendiri di luar masyarakat yang lainnya. Hal ini juga bermaksud bahawa alam keliling masyarakat dan persekitaran hidup mereka menentukan ciri sedemikian sesuai dengan pertumbuhan yang dikehendaki oleh negara kita sendiri. Oleh hal yang demikian, boleh dikatakan bahawa proses pengekalan dan pertumbuhan kebudayaan yang kita warisi itu tidak akan sama dengan proses yang kini dialami oleh Barat.

Apabila dikatakan unsur kebudayaan di negara ini bermula dari luar, kita temui tiga corak pendekatan yang penting yang melihat perkembangan kebudayaan Melayu iaitu secara pensejarahan, secara melihat pengaruh kebudayaan jati, dan pendekatan yang melihat penyebatian dalam kebudayaan. Boleh jadi pendapat yang sedemikian terpengaruh dengan kajian tersebut setelah memastikan tingkat perkembangan kebendaan dan bukan kebendaan yang ada pada kebudayaan negara ini. Misalnya, sesetengah tulisan cuba memperlihatkan tidak ada kebudayaan Melayu yang sejati kecuali selepas kedatangan pengaruh kebudayaan asing yang secara pensejarahan membahagikan pengaruh dan perkembangan sejarah kebudayaan Melayu kepada empat peringkat yang penting, iaitu zaman prasejarah, dan zaman pengaruh Hindu, zaman pengaruh peradaban Islam, dan zaman pengaruh Barat. Pendapat yang mengemukakan pengaruh Barat lebih mempengaruhi kebudayaan Melayu, mungkin pendapat itu semata-mata berdasarkan kajian zaman pengaruh tersebut, bukan perkembangan kebudayaan Melayu semenjak mula wujudnya manusia Melayu.

Ada juga pendekatan yang cuba meneliti pengaruh kebudayaan jati, misalnya, kajian Coedes⁴ yang melihat perbandingan kebu-

4 Coedes, 1968.

dayaan antara lapisan masyarakat di Jawa. Sarjana seperti Van Leur pula melihat penyebatian dalam kebudayaan dengan adanya unsur kebudayaan asing dan juga perkembangan kebudayaan lain yang wujud sebelumnya. Usaha meninjau aspek luar itu membolehkan kita melihat pula bagaimana masyarakat dan kebudayaan Melayu mengubah dan menyesuaikan kebudayaan luar dengan kehendak sendiri. Pengkajian masyarakat dan kebudayaan Melayu hingga kini dimonopoli oleh sarjana Barat. Jadi, tidak hairanlah mereka lebih melihat tradisi yang tidak ada dalam masyarakat Melayu, bahkan menutup mata kepada anasir yang memang sedia ada.

Untuk mengatakan bahawa unsur kebudayaan negara ini bermula dari luar, amat tidak tepat. Kebudayaan yang meliputi keseluruhan kompleks cara hidup yang diwarisi oleh satu-satu masyarakat termasuk susunan organisasinya yang meliputi sistem ekonomi, politik, dan sistem kemasyarakatan amat luas bidangnya dalam kebudayaan Melayu dan meliputi seluruh Alam Melayu. Malahan masih boleh dibuktikan, iaitu apabila kita melihat sejarah kebudayaan sesuatu masyarakat bermakna kita melihat sejarah kewujudan manusia berdasarkan perlakuan mereka dalam berbagai-bagai bidang, bergantung pada masyarakat itu sama ada sederhana atau kompleks. Ternyata bahawa dunia kebudayaan Melayu (termasuk negara kita) adalah kebudayaan manusia daerah Alam Melayu yang termasuk di dalamnya Kepulauan Melayu yang mempunyai banyak persamaan dari segi bahasa, adat, kesenian, kepercayaan, dan lain-lain, yang mungkin berbeza disebabkan pengaruh alam sekeliling dan pengaruh luar yang didatangkan, bukan pengaruh itu yang membawa unsur kebudayaan utama.

Perkembangan kebudayaan negara ini boleh juga didasarkan pada empat peringkat zaman tadi. Jelas bahawa unsur kebudayaan negara ini bukan bermula dari Barat, tetapi tidaklah dinafikan perubahan sesuatu kebudayaan boleh berlaku dengan perubahan sejarah yang dilalui, misalnya, dari zaman pengaruh Hindu ke zaman pengaruh Islam dalam kebudayaan Melayu. Perubahan berlaku hasil daripada pertembungan dua masyarakat atau budaya (*cultural contact*) menerusi proses difusi, asimilasi atau penyebatian, dan perubahan masyarakat yang lain. Kebudayaan negara ini bukan bermula daripada pengaruh luar, terutama Barat, kerana

kebudayaan kita adalah kebudayaan yang diwariskan dan disesuaikan tanpa merosakkan identitinya sejak zaman-berzaman, daripada satu generasi kepada satu generasi yang telah ada semenjak wujudnya manusia di negara ini. Kebudayaan Melayu berkembang sekian lama daripada sederhana (kerana masyarakat awal Melayu yang sederhana) kepada kompleks, mengalami perubahan dari semasa ke semasa dengan adanya pertembungan dengan pengaruh luar, dan lebih-lebih lagi manusia Melayu mempunyai kebolehan menguasai alam sekelilingnya bagi mencapai kehendak biologinya dan sosialnya. Perkembangan kemajuan hidup dan penyesuaian dengan alam sekeliling merupakan faktor utama perubahan dalam (*internalistic*) masyarakat Melayu sendiri. Perubahan masyarakat pula mengakibatkan perubahan kebudayaan, dan kebudayaan kita kini telah melalui proses perubahan atas penyesuaian sendiri. Jadi, kalau dikatakan, unsur bermula dari Barat seolah-olah unsur yang telah sedia ada itu bukanlah unsur kebudayaan negara ini, kecuali selepas kedatangan Barat. Kenyataan yang demikian juga boleh mengelirukan seolah-olah kebudayaan kita tidak ada dan tidak pernah bermula sebelum kedatangan mereka. Padahal jelas bahawa sebelum kedatangan Barat sedia wujud pemerintahan dan kemasyarakatan dalam kebudayaan Melayu, misalnya, sewaktu kerajaan Melayu Melaka yang gemilang itu. Kerajaan Melayu Melaka juga mempunyai kekuatan pertahanannya sendiri dan kejatuhannya adalah kerana tipu helah dan selok-belok Barat.

Mohd. Taib Osman⁵ dalam tulisannya memaparkan tingkat perkembangan kebudayaan Melayu dan perbandingan antara daerah Alam Melayu. Zaman prasejarah (zaman yang belum boleh dimasukkan ke dalam zaman tamadun manusia yang manusia belum lagi mengenal huruf dan tulisan dan kajian tentangnya bersandarkan peninggalan artifak) menunjukkan bahawa sudah sedia ada manusia yang mendiami dan mempunyai cara hidup tersendiri di daerah Nusantara termasuk negara kita. Perkembangan prasejarah boleh didasarkan pada pengaruh kebudayaan Dongson dan telah ada Empayar Funan yang luas di tiga kawasan, iaitu Lembah Mekong, Annam dan Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia). Hipotesis juga

5. Mohd. Taib, 1974.

dibuat berdasarkan sumber tulisan Cina, sebagai bukti wujudnya beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia. Zaman tersebut dan kedatangan pengaruh seperti Hindu-Islam selain tulisan Cina juga dapat dibuktikan berdasarkan sumber Arab-Portugis, dan juga dengan membuat perbandingan tinggalan pengaruh itu. Dengan itu, dapat dikatakan corak kebudayaan dan sistem kemasyarakatan di negara ini telah wujud lebih lama daripada dakwaan yang menegirukan itu.

W.F. Weirtheim⁶ membahagikan tiga corak asas sistem kemasyarakatan yang ada di Nusantara sejak awal kurun Masihi: (a) perkampungan petani, iaitu daerah sawah padi tempat terdapatnya pusat pemerintahan beraja seperti Keraton di Jawa (b) adanya pusat bandar sebagai negara kota pesisir Nusantara dengan kegiatan perdagangannya, dan (c) pedalaman bandar pesisir yang mengusahakan kegiatan tanaman perdagangan, seperti lada hitam dan padi huma. Menjelang kedatangan pengaruh Hindu (peradaban India), masyarakat Melayu dikatakan hidup secara berkelompok dan mengusahakan pertanian, tidak lagi berpindah-randah atau berburu. Mereka sudah mempunyai hubungan keluarga, sudah ada kumpulan dan sudah ada kawasan kediaman (*territory*) yang menggambarkan sistem kemasyarakatan walaupun secara komuniti. Hal ini adalah sebagai contoh yang memperlihatkan sudah wujud suatu sistem kemasyarakatan dan kebudayaan lebih awal sebelum kedatangan apa-apa pengaruh pun. Hal ini tidak dinyatakan supaya peringkat ini boleh dijadikan faktor untuk mengukuhkannya, tetapi supaya pendekatan pengajian kita tentangnya akan menjadi lebih nyata dan terang buat masa akan datang. Yang perlu adalah mencari, menanamkan, dan memperkuat nilai positif dalam masyarakat. Seluruh unsur kebudayaan mesti dikaji selidik.

Mengikut pandangan Mohd. Taib, pengaruh Hindu hanya mewujudkan gambaran realiti dan mendukung sistem sosial yang ada dari segi etos dan pandangan dunia semata-mata,⁷ misalnya, kita lihat adanya legitimasi yang diberi terhadap kemasyarakatan waktu itu. Terdapat juga unsur pengaruh Hindu-Buddha yang

6 Weirtheim, 1959.

7 Mohd. Taib, *op. cit.*

dibawa ke Nusantara dalam bidang politik (pemerintahan), adat istiadat, kesenian, bahasa-sastera, dan unsur kepercayaan. Kedatangan Islam telah mengubah kepercayaan yang diletakkan oleh pengaruh peradaban India itu dan menukar falsafahnya serta kepercayaannya dengan mementingkan kemanusiaan, pemikiran rasional, dan teladan, bukan lagi konsep ideal semata-mata. Konsep ketuhanan berasaskan keadilan dan kebenaran diperkenalkan. Islam berbanding dengan pengaruh sebelumnya menyerapi segenap lapisan masyarakat, khususnya berhubung dengan akidah Islam dan meninggalkan tradisi pengetahuan dengan lahirnya pusat pembelajaran dengan sistem pondok, madrasah, pesantren hingga kini. Malahan penerimaan Islam bermakna penerimaan suatu pengaruh peradaban yang berkembang semenjak kurun Masihi Ketujuh hingga daerah Alam Melayu juga menjadi sebahagian dunia Islam yang lebih luas yang turut sama merasai pergolakan umat Islam di mana-mana jua.⁸

Syed Muhammad Naquib al-Attas, apabila membincangkan Islam dan hubungannya dengan pertumbuhan kebudayaan Malaysia, menganjurkan pengaruh serta kesan Islam dalam nilai serta kenyataan kebudayaan kita masih perlu dikaji dengan lebih mendalam sebab kebanyakannya telah diabaikan oleh pengkajian yang terpengaruh oleh sarjana asing. Bagi beliau juga pengaruh Islam telah membawa kesan yang amat hebat bukan sahaja kepada sejarah Malaysia atau Asia Tenggara, tetapi Islam menjadi kuasa yang agung dalam dunia termasuk alam kebudayaan Barat.⁹

Ada juga kebenarannya jika dikatakan peradaban di dunia sedikit sebanyak bergantung pada perkembangan teknologi di Barat yang banyak mempengaruhi kebendaan umat manusia dan oleh sebab itu mungkin benar kiranya yang dimaksudkan oleh sarjana itu ialah pengaruh kebendaan. Pengaruh ini sebenarnya tidak memberi kesan yang mendalam dari sudut kejiwaan dan hanya berupa pengaruh luaran sahaja. Sungguhpun unsur Barat diterima, seluruh kehidupan masyarakat Melayu adalah bertunjangkan agama Islam dalam segenap bidang. Pentafsiran juga pernah dibuat oleh Van

8 *Ibid.*

9 Syed Muhammad Naquib, 1974.

Leur, Winstedt, dan Snouck Hurgronje dengan melihat bahawa penerimaan Islam adalah pada satu lapisan yang tipis sahaja, dan mereka kerap meninjau perkembangan agama Islam sebagai suatu perkembangan yang cuma meluas tetapi tidak mendalam.

Kekeliruan tanggapan terhadap kebudayaan negara ini perlu diperbetul lebih-lebih lagi adanya pandangan yang sering ditimbulkan oleh sarjana khususnya sarjana Barat yang mengelirukan lebih eurosentrik semata-mata. Mereka selama ini hanya membuat penelitian melalui pendekatan yang selaras dengan hasrat mereka. Tanggapan yang mengelirukan sebegini bukan semata-mata terhadap kepada kebudayaan, bahkan melampaui bidang lain seperti sejarah atau yang lainnya yang memperlihatkan adanya motif tertentu pula. Ada juga sarjana yang mementingkan penemuan dalam bidang ilmiah semata-mata dan dengan itu mengkaji bagi tujuan akademik sahaja. Tetapi bagi kita, jelas masih banyak aspek yang diwarisi dalam peradaban dan kebudayaan kita yang sedia ada sebelum pengaruh Barat. Pengaruh peradaban luar hanyalah salah satu pengaruh yang meresap dan diubahsuai mengikut peradaban Timur dan kebetulan merupakan pertembungan dengan pengaruh luar itu. Tidak wajar kalau dikatakan Barat yang memulakan unsur kebudayaan kita dan tidak juga wajar kiranya segala penentuan, misalnya, dalam melihat unsur yang dominan dalam kehidupan, kita mesti berpaling ke Barat. Tanggungjawab ini adalah tanggungjawab kita, sarjana kita, dan cendekiawan kita supaya mencari penentuan berdasarkan kaca mata sendiri atau "*Malaysian - sentric*".

Kebudayaan merupakan sesuatu yang kekal diperlanjutkan dalam masyarakat yang menjiwainya. Kekeliruan tanggapan terhadapnya yang merangkumi keseluruhan kompleks cara hidup, mestilah diteliti. Berkemungkinan pentafsiran seperti itu ada benarnya, jadi, kita perlu mendalaminya, menyorot implikasinya, dan membuat penilaian berasaskan perkembangan yang telah, sedang, dan akan dilalui dalam konteks sejarah, pemikiran, kemajuan, dan perubahan yang dilalui. Berbanding dengan Islam, baik pengaruh Hindu atau Barat yang terkemudian, sebenarnya itu tidak menjiwai dan membentuk keseluruhan unsur budaya kita. Pengaruh peradaban Hindu meletakkan kepercayaan baharu dalam titik perubahan masyarakat prasejarah dan Barat membawa perkembangan

baharu dalam bidang kebendaan. Pengaruh Islam mengubah dan menjiwai seluruh manusia Alam Melayu dan menghilangkan unsur utama peradaban Hindu, sedangkan tidak menolak unsur kemajuan yang lain. Unsur kebudayaan negara ini wujud sebelum kedatangan apa-apa pengaruh pun dan berubah mengikut perubahan zaman yang dilaluinya.¹⁰ Pengaruh yang utama ialah peradaban Islam yang menentukan hampir-hampir seluruh cara hidup dalam segenap bidang dan lapangan.

II

Kebanyakan sarjana bersetuju bahawa bidang kebudayaan ras Melayu itu sangatlah luas. Kebudayaan sebagai sesuatu yang dinamik akan sentiasa berubah mengikut arus perubahan masyarakatnya dan akan terus berlanjutan dengan adanya perakuan yang diperoleh dan dipelajari oleh anggotanya melalui proses sosialisasi. Yang jelas, kebudayaan tidak lahir secara automatik dan di dalamnya pula wujud pola hidup yang diikuti oleh masyarakatnya, kerana tidak semua masyarakat manusia menjalani pola yang sama. Jadi, apabila memperkatakan latar belakang dan sejarah sesuatu kebudayaan, misalnya, kebudayaan Melayu, kita melihat sejarah wujudnya manusia berdasarkan perlakuan mereka dalam berbagai-bagai bidang kehidupan bergantung pada kesederhanaan atau kekompleksannya masyarakat.

Kebudayaan adalah cara hidup yang merangkumi keseluruhan lapangan kehidupan dan sama ada sederhana atau kompleks bidang itu bergantung pada tingkat perkembangan kemajuan dan perubahan yang dilalui oleh masyarakat itu sendiri. Ini bermakna latar belakang dan sejarah sesuatu kebudayaan harus dilihat meliputi keseluruhan cara hidup, yang diwarisi oleh satu-satu masyarakat termasuk susunan organisasinya yang meliputi sistem sosial seperti sistem politik, ekonomi, kepercayaan, dan segala hasil pembikinan manusia yang berupa kebendaan dan bukan kebendaan.

Banyak pendekatan yang digunakan untuk melihat perkem-

¹⁰ Perbincangan hal ini dalam bab yang selanjutnya.

bangun kebudayaan Melayu dan pendekatan begini bergantung pula pada pengkaji budaya dan masyarakat itu sendiri. Ada benarnya kalau dikatakan bahawa perkembangan sesuatu kebudayaan boleh dibuat berdasarkan perkembangan sejarah masyarakatnya. Oleh sebab itu, ada kecenderungan yang cuba membahagikan perkembangan kebudayaan Melayu juga berdasarkan peringkat zaman secara periodisasi. Maka corak dan tingkat perkembangan dijadikan landasan untuk melihat perubahan kebudayaan dan masyarakat serta pengaruh yang dialami. Memang selama ini sejarah kebudayaan Asia Tenggara lebih banyak menekankan pelbagai ciri asing dalam kebudayaan penduduk, iaitu ciri-ciri yang berasal daripada peradaban luar.¹¹

Berikutan itu, perkembangan kebudayaan Melayu dapat juga dilihat daripada perkembangan kebudayaan di rantau ini sehingga kepada perkembangan pengaruh Barat. Biasanya, pembahagian dibuat berdasarkan empat peringkat, iaitu zaman prasejarah, zaman pengaruh Hindu, zaman pengaruh peradaban Islam dan zaman pengaruh Barat.¹² Zaman pengaruh Hindu, Islam, dan Barat adalah peringkat kebudayaan tempatan melalui zaman pengaruh luar. Perkembangan ini berlaku disebabkan faktor geografi Alam Melayu yang terdedah kepada pengaruh luar sejak beribu-ribu tahun dan menjadi tumpuan perdagangan dan perniagaan Timur-Barat zaman-berzaman. Kedudukan Selat Melaka yang strategik tidak putus-putus menjadi lorong hubungan pedagang dan merupakan jalan perhubungan yang terdekat. Faktor ini pula melahirkan kekuatan empayar Melayu di Sumatera, Jawa dan Semenanjung Malaysia yang menjadi negara kota yang penting dan bergantung pada perniagaan. Hakikat bahawa kebudayaan yang lahir di daerah ini adalah kebudayaan kosmopolitan yang amat kaya dengan pelbagai unsur yang telah disesuaikan dan dipadukan oleh anak negeri atas kreativiti mereka sendiri adalah kenyataan yang tidak boleh

11 Mohd. Taib, *op. cit.*:3.

12 Skema ini juga digunakan sebagai satu pendekatan oleh Datuk Mohd. Taib Osman. Beliau cuba membandingkan dan mengemukakan asas perkembangan dan latar belakang sejarah budaya Melayu, daripada satu-satu peringkat tersebut dalam proses pertumbuhannya. *Ibid.*

dilupakan. Umpamanya, sastera dalam bahasa Melayu itu jua amat kosmopolitan sifatnya yang memberi gambaran sifat kosmopolitan Selat Melaka.

Memperkatakan sesuatu zaman pengaruh luar misalnya, Hindu atau zaman terkemudian, yakni, zaman pengaruh peradaban di daerah sebelah sini, juga menggunakan pendekatan yang melihat pertumbuhan dan perkembangan kebudayaan Melayu yang pernah dikemukakan oleh kebanyakan sarjana secara periodisasi. Oleh hal yang demikian, timbul penekanan yang cuba menggambarkan sejarah kedatangan dan pengaruh sesuatu peradaban ke atas kebudayaan tempatan. Alam Melayu yang juga mengandungi beribu-ribu buah pulau dan kedudukannya yang amat strategik dalam hubungan antara Timur dengan Barat sejak permulaan abad Masihi lagi sentiasa terdedah kepada unsur kebudayaan luar. Satu-satunya tema yang penting dalam sejarahnya ialah tema hubungan kebudayaan.¹³ Selain menunjukkan kedatangan pengaruh kebudayaan asing, ia juga memperlihatkan secara perbandingan perkembangan budaya sebelum dan selepas sesuatu peringkat melalui aspek budaya yang diterima dan diubahsuai. Unsur penyebatian dalam kebudayaan boleh berlaku lebih-lebih lagi kebudayaan adalah dinamis.

Kebudayaan Melayu adalah keseluruhan atau cara hidup bangsa serumpun Melayu sekiranya ditinjau dari sudut ras, bahasa, dan unsur budaya lain yang meliputi seluruh manusia yang bukan sahaja terdapat di Malaysia bahkan tempat lain di Alam Melayu yang juga meliputi seluruh daerah Kepulauan Melayu. Orang Melayu di negara ini hanya sebahagian daripada bangsa yang berasal daripada satu rumpun ras yang sama dan budaya mereka merupakan sebahagian daripada warisan budaya Alam Melayu.¹⁴ Faktor pemisah orang Melayu di Malaysia daripada suku-sakat Melayu di

13. Harrison: *hlm.* x.

14. Meskipun timbul tanggapan bahawa orang Melayu Semenanjung adalah ahli waris yang sah kebudayaan Melayu, pemisahan sebenar terjadi dengan wujudnya bentuk politik yang berbeza antara negara di rantau ini yang lahir dalam peringkat yang berbeza, khususnya perbezaan yang dipisahkan oleh kolonialisme Barat. Perkembangan terkemudian adalah perkembangan yang bertlainan sama sekali.

bahagian lain Kepulauan Melayu adalah disebabkan oleh penjajahan yang memecahkan kawasan kepada unit yang terpisah dan memberi kesan kepada kehidupan daerah berdekatan yang lain. Perbezaan yang agak nyata antara bangsa Melayu Malaysia dengan bangsa lain di rantau ini adalah bahawa di kalangan penduduk kawasan lain terdapat beberapa ikatan rumpun bangsa yang sama atau mengamalkan cara hidup yang sama, walaupun suku bangsa berlainan. Tetapi di Malaysia orang Melayu adalah rakyat asal yang kini menjadi sebahagian daripada kaum yang terdapat dan tidak mempunyai kaitan kebudayaan asal kecuali menduduki unit geografi yang sama dan antara mereka wujud perbezaan yang tersendiri. Dalam konteks masyarakat dan kebudayaan Malaysia, sejarah perkembangan sosiobudayanya dilihat sebagai suatu entiti yang dapat menyesuaikan perkembangan pengaruh luar dengan kehidupan asli mereka. Proses pengubahsuaian yang selari dengan perkembangan mereka dan persekitaran mereka menjadi teras kebudayaan Malaysia. Asas dan pertumbuhan kebudayaan Malaysia bukan bermula dengan terbentuknya negara ini, tetapi wujud beribu-ribu tahun yang lalu dengan mengalami peringkat perkembangan dan perubahan dari semasa ke semasa mengikut peredaran zaman.


Orang Melayu, walaupun berasal daripada rumpun bangsa yang sama, berbeza kerana mereka terdiri bukan sahaja daripada orang yang datang dalam siri migrasi atau perpindahan berabad-abad yang lalu, tetapi juga datang dalam masa yang lebih terkemudian dari kawasan berdekatan; misalnya, kedatangan suku Bugis atau orang Melayu Minangkabau, Sumatera atau orang Melayu Jawa ke Semenanjung Malaysia. Mereka berbeza dari segi amalan sistem sosial, cara hidup, dan bahasa. Oleh sebab mereka datang secara berkumpulan dan menetap di sini, mereka juga cuba mengekalkan unsur budaya yang dibawa dan besar kemungkinan berjaya apabila mereka beramai-ramai menetap dalam satu kawasan besar. Sifat kepelbagaian wujud kerana mereka berasal dari persekitaran dan suku bangsa yang berlainan, misalnya, orang Minangkabau dengan Adat Perpatih mempunyai cara kemasyarakatan dan adat resam yang tersendiri, walaupun dalam banyak hal mempunyai warisan budaya yang sama dengan orang Melayu di Semenanjung.

Penduduk Nusantara diakui telah pun mempunyai peradaban yang tersendiri sebelum kedatangan pengaruh luar.¹⁵ Saki-baki atau artifak yang dikaji secara arkeologi, khususnya pada peringkat akhir Zaman Neolitik menunjukkan mereka sudah mempunyai sistem kemasyarakatan dengan hidup berkelompok atau dalam unit perkampungan kecil.¹⁶ Mereka sudah mempunyai hubungan kekeluargaan, hidup dalam kumpulan besar yang tinggal menetap, di samping mengusahakan pertanian dan tidak lagi berpindah-randah dan memburu. Mereka juga mengamalkan kepercayaan terhadap kuasa luar biasa atau animisme atau kepercayaan yang menghubungkan mereka dengan kuasa luar dan dewa alam. Pada peringkat ini juga sedikit sebanyak mereka mengetahui hal pelayaran dan bidang kesenian. Dapat dibuktikan bahawa apabila pengaruh Hindu atau India mula bertapak di Kepulauan Melayu, orang Melayu atau anak negeri sudah mempunyai kebudayaan sendiri. Dari kira-kira 1500 Sebelum Masihi hingga abad ke-20, orang Melayu mempunyai kebudayaan yang bersejarah. Secara lebih kurang 3500 tahun bangsa Melayu mengalami pelbagai perkembangan hasil daripada pertembungan dengan berbagai-bagai bangsa Asia seperti India dan Cina semenjak 1500 tahun yang lalu atau berkenalan dengan bangsa Barat semenjak abad Masihi ke-16, yakni, kira-kira hampir 500 tahun yang lalu lagi. Pertembungan dan percampuran ini melahirkan penyesuaian kebudayaan sesuai dengan cara hidup orang Melayu, baik pertembungan dengan orang Hindu, Cina mahupun dengan Portugis, Belanda, dan Inggeris.

Kebudayaan Melayu melalui berbagai-bagai ujian dengan perkembangan selama lebih 3000 tahun, tetapi tidak pula hilang atau terhapus dari negara ini bahkan telah disesuaikan dengan kehidupan mengikut perubahan masa. Kebudayaan itu sudah dapat mengatur kehidupan orang Melayu purba dalam suatu masyarakat yang maju dengan mempunyai sistem pemerintahan, ekonomi, dan sistem kepercayaan atau agama yang tersendiri. Masyarakat yang didatangi pengaruh luar bukanlah masyarakat yang beku dan yang amat primitif. Masyarakat Melayu purba sebenarnya sudah maju

15 Coedes, *op. cit.*, hlm. 9.

16 Weirtheim, *op. cit.*, hlm. 20.



Peta 1 Keluarga Bahasa Melayu-Polinesia

dan sentiasa terbuka kepada idea baharu dari luar.¹⁷ Sebagai masyarakat yang liberal dan boleh menyesuaikan diri, pengaruh yang datang itu menjadi rangsangan bagi sesuatu perubahan yang berkesan dalam kebudayaan dan masyarakat. Proses penyesuaian berlaku sedemikian rupa hingga proses itu dan sadurannya dianggap asli. Ini membuktikan reaksi mereka terhadap pengaruh itu melahirkan daya cipta dan daya asimilasi yang tinggi. Pengaruh yang diterima sebenarnya tidak pernah menenggelamkan keperibadian dan identiti Melayu. Jelas perubahan kebudayaan peribumi mempunyai asas yang kukuh dan yang tahan melalui proses ujian masa dan didukung oleh rakyat sepenuhnya.

17 Le May, 1964, hlm. 75-76.

Bab Tiga

ZAMAN PRASEJARAH

I

Zaman ini merupakan suatu zaman yang belum boleh dimasukkan ke dalam zaman tamadun. Oleh sebab itu zaman ini tidak dapat dikatakan sebagai zaman sejarah, lebih-lebih lagi tidak terdapat bukti bertulis tentangnya. Pengkajian arkeologi memungkinkan kita menentukan asal usul dan juga corak kehidupan masyarakat berdasarkan peninggalan atau artifak yang ditemui. Ahli sejarah sebenarnya kurang menumpukan perhatian pada zaman ini. Jadi, penentuan wujudnya masyarakat sepenuhnya berdasarkan hipotesis ahli arkeologi dan ahli antropologi. Pada mereka, peninggalan atau artifak yang ditemui boleh menentukan usia sesuatu masyarakat. Gambaran pernah dibuat tentang bagaimana tinggalan itu (sama ada dengan melihat lapisan bumi atau secara moden dengan radioaktiviti) boleh menunjukkan cara hidup masyarakat sama ada bertani, bertukang, atau sebagainya. Umpamanya, bagi menentukan asal usul orang Melayu terutama tentang nenek moyangnya, dari mana asalnya, serta bentuk kebudayaannya dan masyarakatnya, pengetahuan arkeologi dapat digunakan. Biasanya perkara penting yang dikaji ialah alat kegunaan atau peralatan hidup seperti kapak batu, gelang, periuk belanga, dan lain-lain. Begitu juga fosil seperti bentuk bekas makanan daripada rangka binatang dan rangka manusia. Untuk itu, perbandingan dibuat dengan daerah lain di Asia Tenggara, seperti Burma, Indo-China, Sumatera, dan yang

lainnya sebagai perbandingan untuk melihat perkembangan serta aliran kebudayaan dan masyarakat daerah sebelah sini.

Dalam menerangkan sejarah pertumbuhan kebudayaan peringkat prasejarah di rantau ini, terdapat sekurang-kurangnya dua hipotesis. Selama ini, rangka pengkajian prasejarah Asia Tenggara terpengaruh dengan skema yang dikemukakan oleh Robert Heine Geldern, sarjana Austria yang menerbitkan makalahnya pada tahun 1932 dalam bahasa Jerman. Sering juga dikatakan bahawa Asia Tenggara merupakan lanjutan peradaban yang lebih tua, iaitu India dan China ataupun pusat peradaban purbakala di Asia Barat. Pendapat ini menerangkan dengan jelas bahawa tempat asal peradaban manusia adalah di Asia Barat kini. Banyak sekali sumbangan yang diberi terhadap pengetahuan kita tentang prasejarah rantau ini. Berdasarkan penemuan baharu, kini dikemukakan pula pendapat lain tentang manusia di Asia Tenggara. Misalnya, Prof. Wilhelm G. Solheim II tidak bersetuju dengan hipotesis atau pendapat tradisional tadi, tetapi cuba meramalkan Asia Tenggara sebagai tempat mula-mula terciptanya peradaban manusia.¹ Yang penting adalah bahawa memang sedia wujud kebudayaan rakyat asli rantau ini semenjak wujudnya mereka. Walaupun gambaran zaman ini di Asia Tenggara (negara kita adalah sebahagian daripadanya) belum lengkap, masih ada dalam kehidupan kita sebagai sesuatu yang dilanjutkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain dalam tradisi, kebiasaan, dan organisasi sosialnya.

Zaman prasejarah dibahagikan kepada tiga peringkat yang penting. Pembahagian ini dibuat tidak berdasarkan pembahagian tarikh kerana perkembangan masyarakat manusia berbeza antara tempat yang berlainan. Tiga peringkat tersebut adalah:

1. Zaman Pleistosen (Zaman Air Batu)
2. Zaman Batu
 - (a) Zaman Paleolitik (Zaman Batu Lama)
 - (b) Zaman Mesolitik (Zaman Batu Pertengahan)

1 Misalnya, Prof. Wilhelm G. Solheim II berpendapat mungkin di Asia Tenggara terciptanya peradaban manusia yang mula-mula dan beliau juga mengemukakan susunan tingkat peradaban prasejarah di Asia Tenggara yang berbeza daripada susunan tingkat universal selama ini. Lihat Solheim II 1971, hlm. 330-42, 1972, hlm. 34-41, 1972; lihat juga Mohd. Taib, *op. cit.*, hlm. 5-13.

(c) Zaman Neolitik (Zaman Batu Baharu)

3. Zaman Logam
 - (a) Zaman Gangsa
 - (b) Zaman Besi

Pada Zaman Air Batu belum lagi terdapat bukti wujudnya manusia di Alam Melayu. Walau bagaimanapun, pendapat Eugene Du Bois, doktor Belanda, tentang fosil yang ditemui pada tahun 1890 adalah menarik. Beliau dalam kajian terhadap fosil tersebut (tengkorak, gigi, dan tulang paha), berpendapat bahawa Jawa mungkin telah didiami oleh "manusia kera" yang berjalan tegak dan adalah asal nenek moyang manusia kini. Pendapat beliau ini mendapat tentangan dan reaksi yang hebat di kalangan ahli arkeologi.² Tetapi jika ada benarnya pendapat beliau itu, berkeungkinan di bahagian lain Kepulauan Melayu, termasuk Malaysia, sudah ada manusia; cuma sayangnya ciri atau hasil budaya manusia jenis demikian tidak diperolehi bagi dijadikan asas bukti yang kuat. Bukti awal di Semenanjung tentang wujudnya manusia banyak dijangkakan pada Zaman Batu, iaitu Zaman Paleolitik, Zaman Mesolitik dan Zaman Neolitik.

Berdasarkan penemuan arkeologi, pada Zaman Paleolitik (dikenali juga sebagai Zaman Batu Lama), tidak terdapat bukti konkrit yang menunjukkan sudah ada manusia di Semenanjung Malaysia, tetapi ada tanda sudah ada manusia berdasarkan tinggalan di gua, bukit batu, dan lembahan sungai. Zaman ini dikenali sebagai Zaman Batu kerana peralatan hidup diperbuat daripada batu. Menurut perbandingan yang dibuat oleh H.E. Collin (1938) berdasarkan bahan tinggalan di dasar Sungai Perak, dikemukakan hipotesis bahawa sekurang-kurangnya kawasan Kota Tampan, Lenggong, telah didiami manusia semenjak pengglasieran kedua lagi yang mengamalkan budaya Tampaniah. Tinggalan itu berupa peralatan daripada batu menyerupai siri alat pembikinan yang sama seperti yang terdapat di India, Ayuthia, Burma, dan Jawa. Anggaran waktu pengglasieran kedua ialah 400–500 ribu tahun dahulu.

2. Lihat Koentjaraningrat, 1970, hlm. 45–56.

Manusia pada peringkat ini lebih bergantung hidup pada perburuan dan berpindah-randah, yang menunjukkan ada unsur kanibalisme, dan mendiami gua. Pengkajian oleh J.V. Keoningswald di Lembah Sungai Bengawan Solo,³ Indonesia tentang tengkorak *Pithecanthropus* (Greek: Pithe'kos monyet, antropes manusia) menunjukkan sudah terdapat makhluk yang amat tua dari Zaman Paleolitik.⁴ Fosil itu adalah suatu rahang bawah seperti rahang manusia, tetapi lebih besar daripada rahang gorila jantan, yang ditemui pada tahun 1941. Kajian lanjut tentangnya terbelengkalai kerana Perang Dunia Kedua. Pada Zaman Paleolitik ini juga terdapat peralatan budaya yang diperbuat daripada batu yang menunjukkan ciri pembuatan yang kasar.

Peringkat Mesolitik adalah zaman peralihan dari Zaman Paleolitik ke Zaman Neolitik atau sesetengah pendapat menyatakannya sebagai "Protoneolitik" dan hasil budayanya berbeza antara satu kawasan dengan kawasan yang lain di Asia Tenggara. Tinggalan yang dijumpai dalam kajian arkeologi selain di Semenanjung Malaysia ialah di Vietnam Hoa Binh, Ninh-Binh, Hanan, Tan Hoa, Quang Beng, dan di Luang Prabang, Laos, menunjukkan masyarakatnya hidup berkelompok dan menghasilkan kebudayaan kesukuan masing-masing. Artifak juga dijumpai di Siam.

Pada peringkat awal Zaman Mesolitik (Zaman Batu Pertengahan) tidak terdapat tanda yang masyarakatnya sudah pandai menjalankan kerja pertanian atau penternakan. Mereka tinggal di dalam gua dan mencipta alat daripada batu yang lebih halus buatanya berbanding dengan manusia Zaman Paleolitik. Peringkat ini dikenali juga sebagai Hoabinhian. Artifak daripada batu dan tengkorak manusia pertengahan zaman ini banyak ditemui. Tinggalan

³ *Ibid.*, hlm. 44.

⁴ Pengkajian tentang asal usul manusia sangat menarik perhatian sarjana arkeologi dan antropologi dan mereka cuba menunjukkan perbezaan ras hari ini berdasarkan bentuk terawal dari segi homosapien atau bentuk manusia moden. Homosapien di Asia Timur yang dibuktikan terawal ialah *Sinanthropus pekinensis* atau manusia Peking dijumpai pada tahun 1927 di Gua Chou-K'outien kira-kira 30 batu dari barat daya ibu negara China. Mereka dipercayai mempunyai kebolehan yang sama dengan manusia Jawa dan dianggarkan hidup 400 000 SM. Lihat juga Harrison, *op. cit.*

yang ditemui termasuklah kapak batu yang tidak bertangkai dan bekas makanan seperti tulang ikan, kekura, lelabi, kerang, kulit siput dan pecahan fosil manusia. Berkemungkinan manusia zaman ini memakan daging manusia dan tahu menggunakan api, kerana terdapat rangka manusia yang terbakar. Alat-alat seperti lembing daripada batu menunjukkan mereka pandai menggunakan alat berburu binatang. Berdasarkan teori Radcliffe Brown tentang manusia di Andaman, masyarakat zaman ini juga boleh dikatakan mula mempunyai kepercayaan walaupun dari segi adat resam, mereka amat primitif. Debu batu merah (*Hemitit*) yang dijumpai, boleh jadi digunakan bagi tujuan upacara tertentu dalam kehidupan mereka.

Berdasarkan pendapat Heine Geldern, memanglah telah wujud masyarakat Mesolitik di Semenanjung Malaysia. Mereka mungkin datang dari utara atau dari daerah yang mempunyai tinggalan yang sama seperti di Hoa Binh, Vietnam, dan cara hidup mereka tersebar secara berkumpulan. Ahli arkeologi menganggarkan mereka hidup dari 400 hingga 1000 tahun Sebelum Masihi yang lampau. Tengkorak banyak menyerupai orang Polinesia dan Indonesia jenis Papuan-Negroid dan Vedde-Austroid yang dijangka mungkin berasal dari selatan China kawasan sempadan Yunan-Tibet dan langsung tersebar ke timur dan selatan Asia Tenggara. Tinggalan zaman yang kemudian menunjukkan terdapat ciri pertalian dengan peringkat Neolitik yang juga dikenali sebagai kebudayaan Bacsonian. Pada zaman ini, banyak tinggalan ditemui di Vietnam seperti artifak kulit kerang, tulang, bentuk tembikar, dan peralatan daripada tanah liat di Tan Hoa. Mengikut ahli antropologi fizikal, bentuk fizikal manusia zaman itu bersamaan dengan bentuk fizikal manusia di Semenanjung Malaysia, Indonesia, dan Papua.

Pada Zaman Neolitik, bukti artifak menunjukkan sudah ada mutu penciptaan yang tinggi dan peralatan halus buatannya. Tinggalan yang terdapat di Kemboja, Burma, Indo-China sedikit sebanyak menggambarkan kewujudan kebudayaan yang pengaruh-mempengaruhi antara satu sama lain. Misalnya, jenis kapak "*shoulder-axe*" di Indo-China dianggap seiras dengan kapak orang Hindu-India dan kapak jenis "empat persegi panjang" terdapat di beberapa buah negeri seperti di Indo-China, Korea, dan Jepun.

Penciptaan peralatan pada zaman ini juga misalnya, mangkuk, sudah dihias dengan ukiran. Cara hidup masyarakat pada zaman ini adalah lebih baik, terutama pada hasil kerja tangan, pertanian, dan kepercayaan. Mereka tidak lagi tinggal di gua, tetapi di tanah lapang serta hidup berpuak dan berkelompok. Menurut Coedes, masyarakat zaman ini mengamalkan kepercayaan animisme dan menanam mayat di dalam kotak; ini menunjukkan kebolehan mental yang lebih tinggi daripada manusia sebelumnya.⁵

Hubungan kebudayaan Zaman Mesolitik (Zaman Batu Pertengahan) dengan Zaman Neolitik (Zaman Batu Baharu) yang lebih ketara ialah peralihan daripada perburuan kepada bercucuk tanam dan berternak. Dalam konteks ini, penggalian di utara Thailand, iaitu di Non Nok Tha dan Spirit Cave, membuktikan kenyataan itu⁶ dan kesan bercucuk tanam yang didapati di Spirit Cave melibatkan lebih daripada 10 jenis tumbuh-tumbuhan termasuk lada hitam, mentimun, pinang, dan kacang. Vlekke⁷ mengatakan bukti kajian menunjukkan pertanian sebagai cara hidup orang Melayu pada peringkat awal itu dan darjahnya sangat maju kerana pertanian termasuklah bertanam padi sawah. Coedes dan Vlekke sependapat tentang bahasa masyarakat zaman itu dengan mengatakan mereka mempunyai dan menggunakan bahasa yang kaya dengan penambahan, awalan, sisipan, dan akhiran.

Pengenalan logam dalam masyarakat Melayu memulakan peringkat baharu prasejarah, yakni peringkat penggunaan logam; yang terpenting ialah gangsa. Unsur perkembangan prasejarah dunia, dari Zaman Batu ke Zaman Logam, mulai kelihatan dalam masyarakat Melayu. Tanda tinggalan yang menunjukkan adanya perkembangan hingga ke peringkat logam dijumpai di Kelang dan Sungai Tembeling. Terdapat dua bukti yang jelas, iaitu penemuan loceng gangsa di Kelang dan sejenis *cattle drum* seperti kawah

5 Coedes, *op. cit.*, hlm. 9.

6 Bagi sesetengah pendapat ia "... mencerminkan tanaman dan binatang ternakan wujud sejak 5000 tahun lebih awal daripada peradaban yang serupa di Asia Barat.... Dan dengan ini bermakna bahawa pengaliran peradaban bukanlah dari luar dari benua India dan China ke dalam, iaitu Asia Tenggara, tetapi sebaliknya." Lihat M. Taib, *op. cit.*, hlm. 6.

7 Vlekke, 1967, hlm. 12.

besar yang ditemui di Kelang dan Sungai Tembeling.

Tinggalan yang diperbuat daripada gangsa bukan sahaja dijumpai di Semenanjung, tetapi juga di Kemboja dan di Annam. Ahli prasejarah memperoleh bukti yang menunjukkan kawasan tumpuan Zaman Logam yang sangat besar yang dikenali sebagai Dongson. Oleh sebab itu peringkat yang baharu ini dikenali sebagai kebudayaan Dongson yang bermula kira-kira pada abad ketiga sebelum Masihi. Daripada kebudayaan ini, tumbuh Empayar Funan; pengaruh kebudayaan dan perdagangan Empayar Funan meliputi tiga kawasan yang besar, iaitu kawasan Lembah Sungai Mekong, kawasan Annam, dan kawasan Semenanjung Malaysia (di Kelang). Hal ini menunjukkan berlaku penyebaran pengaruh Empayar Funan, perhubungan antara masyarakat Melayu di tepi laut dengan pedagang yang lalu-lalang di antara Timur dengan Barat, dan sebaliknya, dan adanya pelayaran. Semua perkara ini merupakan dorongan bagi perkembangan masyarakat Melayu dari peringkat Zaman Batu ke peringkat Zaman Gangsa.

Perkembangan ini membawa perubahan yang besar dalam kehidupan manusia. Penggunaan logam memungkinkan penggunaan alat pertanian seperti bajak yang diperbuat daripada logam yang mempergiat aktiviti pertanian. Peluasan aktiviti pertanian ini dapat menyara kehidupan masyarakat yang besar. Penggunaan logam (besi dan gangsa) berhubung juga dengan penciptaan roda. Inovasi ini mempercepat pengangkutan yang memungkinkan hubungan yang lebih segera dengan kawasan lain. Semua peradaban yang besar tumbuh pada Zaman Logam, tetapi bagi masyarakat Semenanjung sedikit benda sahaja yang ditemui untuk menunjukkan pertumbuhan masyarakat yang besar ini. Sebaliknya, muncul pemerintah, seolah-olah masyarakat Semenanjung berada di pinggir perkembangan pemerintahan yang besar.

II

Di Malaysia, banyak tinggalan Zaman Prasejarah musnah kerana kuasa alam. Tinggalan di tanah lapang Zaman Neolitik termasuk kepala kapak empat segi bujur atau empat segi lebar; pisau yang

dijumpai di Tembeling, Pahang; dan gelang, cincin, pinggan, piring batu, penukul, ketul batu pengasah dan periuk tanah liat yang ditemui di dalam gua. Beberapa penemuan di Semenanjung seperti di Gua Cha, Kelantan (hasil kerja G. de G. Sieveking) penggalian di Perak (hasil kerja Peter V. Van Stein Callenfels dan Tweedie), Gua Kecil, Pahang (oleh F.L. Dunn), dan yang lainnya menghasilkan bahan prasejarah dan dikatakan mempunyai hubungan dengan artifak Hoabinhian peringkat Mesolitik.

Dalam mengkaji latar belakang dan sejarah kebudayaan Malaysia, kita sebenarnya mengkaji sejarah kewujudan manusia Melayu, kerana orang Melayu adalah masyarakat pertama Malaysia sebelum kedatangan orang luar. Penemuan arkeologi di Semenanjung (dan begitu juga di daerah lain Alam Melayu) menggambarkan memang dapat dikatakan bahawa sudah sedia wujud manusia pada Zaman Prasejarah lagi. Walau bagaimanapun, mengikut pengkajian yang pernah dibuat, sungguhpun sudah ada tanda terdapat manusia *homo sapiens*⁸ pada Zaman Paleolitik, tidak ada bukti yang menunjukkan Semenanjung menjadi kawasan perkembangannya. Sesetengah pendapat mengatakan bahawa oleh sebab tinggalan prasejarah amat sedikit di Semenanjung, maka susah hendak ditentukan *genius* tempatan. Oleh itu tidak mudah bagi kita menentukan asal usul orang Melayu dengan tepat, khususnya pada peringkat Paleolitik.

Penentuan boleh dilakukan berasaskan keterangan Zaman Neolitik, tetapi hubungan sebenar yakni dorongan perhubungan dengan masyarakat utara sudah sedia ada semenjak Zaman Mesolitik lagi. Masyarakat Neolitik tidak lagi tinggal di dalam gua, tetapi mungkin di tanah lapang tempat mereka menjalankan aktiviti pertanian atau berdekatan laut untuk mengusahakan kegiatan menangkap ikan. Hipotesis yang dibuat juga mengatakan bahawa masyarakat Semenanjung Malaysia tidak mungkin wujud hasil daripada perkembangan sebelumnya, tetapi merupakan masyarakat Neolitik yang mengembara datang berpindah di sini. Berdasarkan bukti sejarah ada kecenderungan yang mengatakan bahawa orang Melayu yang pertama itu datang dari dataran Asia yang dikenali sebagai Yunan.

8 *Ibid.*

Teori pengembaraan ini mengemukakan kemungkinan mereka datang melalui jalan laut menerusi Formosa, Filipina, dan Indonesia atau juga melalui jalan darat menerusi Vietnam, Kemboja, Siam ke Semenanjung Malaysia dan kemudian bertebaran ke Sumatera dan Kepulauan Indonesia yang lain. Keadaan ini jelas dapat dibuktikan dengan adanya persamaan tinggalan yang ditemui di daerah Alam Melayu. Mereka mengembara mungkin kerana aktiviti pertanian (kerana pada peringkat ini manusia sudah tahu bertani dan berternak) untuk membuka kawasan baharu. Di daerah China Selatan pula mereka yang mendiami kawasan pesisiran adalah ahli pelayaran yang biasa mengembara ke selatan. Bahkan mungkin juga dengan adanya penaklukan, pemerintah Cina meluaskan kawasan, menyebabkan rakyat berundur ke arah selatan atau mereka mengembara ke Kepulauan Melayu setelah didesak oleh kaum liar yang mendiami bahagian utara Yunan.⁹ Dari situ mereka bertapak di Campa, Siam, Semenanjung dan Kepulauan Indonesia.


Kebudayaan Hoabinhian meninggalkan kesan di Malaysia. Masyarakat zaman ini masih menggunakan artifak batu yang merintang sejarah selama lebih kurang 30 000 tahun di Asia Tenggara. Hal ini terbukti apabila penggalian dibuat oleh Dunn di Pahang, Peter V. Van Stein Callenfels di Perak, dan oleh ahli arkeologi dari Universiti Malaya, F.L. Dunn yang membuat penggalian di Gua Kecil, Pahang, menerbitkan laporan yang berkaitan dengan penggalian tersebut pada tahun 1964 dan membuktikan terdapatnya hubungan antara artifak corak Hoabinhian dengan pekerjaan membuat tembikar dan perubahan corak hidup yang menghasilkan bahan makanan.¹⁰ G. de G. Sieveking membuat penggalian di Gua Cha, Kelantan.¹¹ Tinggalan yang diperolehi dari Gua Cha dan Bukit Tengku Lembu di Perlis¹² adalah seperti kapak beliung, batu berbentuk bujur, cincin, gelang, pinggan, mangkuk, kendi dalam pelbagai bentuk, batu penumbuk, periuk tanah, dan batu pengasah.

9 S. Takdir, *et al.*, 1965, hlm. 26; 1972, hlm. 11.

10 Mohd. Taib, *op. cit.*, hlm. 10.

11 Sieveking, 1956, hlm. 75-138.

12 Lihat Sieveking, G. de G., 1956, "The Prehistoric cemetery at Bukit Tengku Lembu, Perlis", FMJ Jil. VII, Siri Baharu, 1962, Jabatan Muzium Kuala Lumpur.



Fotograf 2 Penemuan di Gua Cha, Kelantan, yang menunjukkan rangka manusia di Zaman Batu dan tembikar yang halus buatannya. (Dengan Ihsan: Jabatan Muzium dan Antikuiti)

Di Tembeling, Pahang, ditemui pisau yang diberi nama "pisau tembeling". Daripada barang tinggalan ini, beberapa kesimpulan dibuat oleh ahli arkeologi, iaitu yang berkenaan dengan kualiti buatan barang tersebut yang didapati lebih bermutu daripada zaman sebelumnya. Di samping itu masyarakat pada zaman tersebut dikatakan mempunyai daya pemikiran yang tinggi; mereka mencipta barang daripada tanah liat dan boleh melapah daging binatang dengan menggunakan pisau (seperti pisau tembeling). Batu penumbuk digunakan untuk membuat kain daripada kulit kayu dan ketul batu yang halus dan kecil digunakan untuk mengasah kapak dan beliung. Kebudayaan Hoabinhian berasaskan perburuan dan peramuhan barang makanan. Kapak dan beliung selalu didapati di tanah lapang, tetapi cincin, periuk, dan belanga sering dijumpai di muka pintu gua. Ini menunjukkan mungkin mereka hidup di muka pintu gua supaya mereka mudah keluar dan masuk. Misalnya, di Bukit Tengku Lembu terdapat kendi yang beraneka bentuk dan di Gua Cha ada rangka manusia, gelang, dan cincin batu. Demikian juga halnya dengan kajian arkeologi di Gua Niah, Sarawak, yang membuktikan sudah ada manusia semenjak berpuluh-puluh ribu tahun Sebelum Masihi lagi di sana.

Di samping itu terdapat persamaan dari segi penyebaran bahasa yang sama dengan penyebaran kapak empat segi bujur. Geldern menunjukkan kapak yang berleher itu ada hubungan, terutama dengan orang Mon-Khmer di Kemboja. Masyarakat dan kebudayaan Zaman Batu Baharu ini mungkin boleh dikaitkan dengan masyarakat dan kebudayaan Mon-Khmer. Tetapi Kern, yang mengkaji persamaan bahasa, mendapati bahawa bahasa itu bukan mempunyai persamaan dengan orang Mon-Khmer, tetapi dengan orang Campa di Kemboja.¹³ Geldern juga mengatakan penggunaan kapak empat segi bujur tersebar hingga ke Thailand, Vietnam, dan China Selatan. Beliau menamai kumpulan manusia yang membawa

13 Dalam pengajian linguistik, kumpulan bahasa yang dikenali sebagai Austronesia ini merupakan keluarga bahasa ketiga yang terpenting di Asia. Keluarga bahasa ini termasuk bahasa Melayu yang meliputi Malaysia, Indonesia, Filipina, selatan Siam, Taiwan, dan juga di bahagian barat yakni di Malagasi (Madagaskar) sehingga paling jauh daerah Indonesia dan Kepulauan Polinesia di timur. Ini menguatkan lagi alasan dalam pengajian persamaan bahasa dan ciri budaya manusia Alam Melayu. Lihat juga peta.

ciri kebudayaan Neolitik Kepulauan Melayu sebagai Austronesia dan pengaliran itu berlaku antara tahun 2500 hingga tahun 1500 Sebelum Masihi.

Kesan dan tinggalan itu menunjukkan masyarakat Zaman Neolitik pandai bercucuk tanam; mereka menanam ubi kayu, keladi, dan bersawah bendang. Di sesetengah tempat terdapat kulit siput dan kepah di tempat kediaman mereka. Jadi, mereka bukan sahaja bercucuk tanam dan bersawah, tetapi mengumpul karangan laut atau sungai untuk keperluan hidup. Dipercayai juga mereka menggunakan sumpitan, tetapi digunakan untuk berburu dan bukan untuk berperang. Daripada batu kecil yang dijumpai, ada tanda yang menunjukkan mereka pandai bertukang seperti membuat tempat kediaman dan sebagainya. Bagi Tweedie masyarakat ini sudah pandai bertukang dan bercucuk tanam dan mereka hidup menetap.¹⁴ Dengan demikian mereka mempunyai banyak masa lapang untuk membuat kendi, periuk belanga, dan ukiran pada alat yang digunakan. Tinggalan Neolitik yang terdapat di Semenanjung dan di Asia Tenggara menunjukkan penggunaan yang meluas kapak empat segi bujur itu. Dengan itu Zaman Batu Baharu dikenali sebagai "Kebudayaan Kapak Empat Segi Bujur" (*Quadrangular Axe Culture*).¹⁵ Ahli antropologi fizikal mendapati bahawa bentuk fizikal orang Neolitik mempunyai banyak persamaan dengan orang Proto Melayu. Di negeri ini kumpulan Proto Melayu adalah orang Melayu asli iaitu orang Jakun. Bentuk fizikal orang Semang dan orang Jakun berbeza, tetapi orang Neolitik ini ada persamaan dengan orang Jakun.

Banyak bukti di Semenanjung seperti gong gangsa Sungai Tembeling (1927), Kelang (1944), dan loceng gangsa (1905) menunjukkan memang sedia ada hubungan Semenanjung dengannya. Hipotesis juga dibuat berdasarkan tulisan orang Cina dan teori pengembaraan yang dikemukakan oleh sarjana Barat, seperti Bosch dan Van Leur, Van Der Tuuk, dan yang lainnya. Kumpulan manusia yang membawa ciri budaya Neolitik ini digelar sebagai orang Austronesia (antara tahun 2500 hingga tahun 1500 Sebelum Masihi)

14 Lihat Tweedie, 1965.

15 *Ibid.*

oleh Geldern, yang dikenali juga sebagai orang Indonesia. Orang Proto Melayu adalah keturunan mereka yang mendiami kawasan pedalaman Nusantara dan orang Deutero Melayu pula yang datang kemudian membawa bersama-sama mereka budaya logam dan menetap di kawasan pesisir.

Tidak dinafikan bahawa Nusantara sudah mempunyai satu corak kebudayaan yang menyeluruh pada zaman prasejarahnya.¹⁶ Perkembangan prasejarah orang Melayu boleh ditentukan dengan melihat garis kasar kesatuan kebudayaan Alam Melayu, daripada penciptaannya sama ada alat daripada batu peringkat Hoabinhian atau Zaman Logam dengan alat gangasanya yang dikenali sebagai Dongson. Pada pendapat pengkaji, tinggalan peringkat Dongson yang ditemui membuktikan sudah ada peradaban separuh asli dan separuh Cina kira-kira pada abad ketiga hingga abad keempat Sebelum Masihi, bahkan dikatakan telah wujud Empayar Funan yang luas di tiga kawasan penting, iaitu Lembah Mekong, Annam, dan Semenanjung Malaysia. Kemudian, pada abad yang ketujuh muncul kerajaan Melayu yang gagah Seriwijaya, di Jawa, dan di Semenanjung Malaysia. Bukti sejarah menunjukkan bangsa Melayu pandai memerintah dan mempertahankan negara sebelum kedatangan mana-mana pengaruh pun. Masyarakat Melayu purba, umpamanya, tidak terlepas daripada konflik yang boleh menimbulkan pergaduhan dan pertempuran antara mereka mungkin kerana berebut satu-satu kawasan perairan, persawahan, atau perdagangan. Keperluan senjata dan ilmu peperangan mengubah peralatan hidup mereka yang selama ini berguna bagi perburuan atau pertanian menjadi alat yang juga boleh digunakan untuk mempertahankan diri. Masyarakat Melayu yang kian berkembang menyempurnakan pembuatan alat itu yang semakin luas pula digunakan untuk mempertahankan diri daripada serangan binatang buas dan juga dalam peperangan. Senjata Melayu yang terkenal ialah keris; tidak ada bukti sejarah bahawa senjata ini ditiru dari mana-mana kebudayaan luar.¹⁷

Kehendak terhadap ilmu mempertahankan diri berasaskan kepandaian menggunakan senjata menimbulkan seni silat Melayu

16 *Ibid.*, hlm. 10.

17 Winstedt, 1972, hlm. II; Takdir, 1965, hlm. 26.

yang dianggap sebagai ciptaan Melayu asli (yang asalnya mungkin kepunyaan individu, tetapi bertukar menjadi kepunyaan masyarakat). Seni mempertahankan diri daripada musuh ini berkembang dan diberi nilai baharu dan menjadi amalan dan ilmu yang dipelajari secara tekun setelah Kesultanan Melayu berdiri dengan teguhnya. Cara hidup masyarakat pada zaman prasejarah dapat diselidiki dan diteliti dengan melihat tinggalan sejak Zaman Mesolitik (Zaman Batu Pertengahan) dan Zaman Neolitik (Zaman Batu Baharu), yang ditemui. Mereka didapati sudah mempunyai sistem ekonomi, kepimpinan, sosial, dan kepercayaan yang kompleks yang dapat dilihat daripada kepandaian mereka menjinakkan binatang, menanam padi, membuat senjata, dan menguasai kepandaian belayar.¹⁸ Ahli antropologi pernah mencatatkan bahawa bangsa Melayu tua yang berasal dari Semenanjung Melayu sudah menjelajah Afrika Selatan beribu-ribu tahun sebelum Columbus.¹⁹

Sarjana kebanyakannya berpendapat bahawa penduduk bumi-putera Alam Melayu prasejarah memang mempunyai peradaban sendiri dan mengamalkan pertanian padi, penternakan, dan berpengetahuan tentang pelayaran dan penggunaan logam. Mereka bukan primitif, tetapi mempunyai peradaban yang tersendiri dan sistem kemasyarakatan yang tersendiri.²⁰ Jika diteliti perkembangan kebudayaan bangsa Melayu purba, semenjak mereka mula mendarangi daerah Alam Melayu, khususnya Kepulauan Melayu, dari Dataran Yunan hingga kedatangan pengaruh luar yang awal, menunjukkan mereka sudah merupakan masyarakat yang berdisiplin dan mempunyai organisasi sosial yang tersendiri dalam suatu jangka masa beribu-ribu tahun lamanya. Nilai hidup mereka begitu progresif, demokratik, bahkan mempunyai sistem sosio-politik dan ekonomi, berasaskan gotong-royong yang amat kuat.²¹ Kemampuan dalam pelayaran atau pertanian sesuai dengan kepentingannya dan perkembangannya yang menggambarkan suatu

18 Lihat juga Bab Enam (IV) dan (V).

19 Joesof, 1973, hlm. 122 - 23; 1973, hlm. 62 - 63; Winstedt, *op. cit.*, II; Takdir, *op. cit.*, hlm. 26.

20 Coedes, *op. cit.*, hlm. 8 - 10.

21 Lihat Bab Enam (IV).

bentuk peradaban sendiri. Peradaban akan berkembang ke suatu arah yang paling sempurna jika semuanya tidak berubah dengan nilai baharu yang dipengaruhi oleh peradaban Hindu sebagai ujian pertama pertumbuhan kebudayaan dan masyarakat Melayu purba.

Bab Empat

UJIAN PERTAMA PERTUMBUHAN BUDAYA

I

Pengaruh peradaban India meluas dan berkembang secara dominan dari abad pertama hingga abad ke-14 atau abad ke-15 di daerah Nusantara dalam dua bentuk falsafah kepercayaan yang penting, iaitu Hinduisme dan Buddhisme.¹ Pengkaji biasanya menyarankan pendekatan yang lazim dibuat dalam mengkaji masyarakat dan budaya yang menekankan unsur luar terhadap suatu daerah. Maka timbul istilah seperti *The Greater India* atau *Indianized* atau *Penghinduan* yang dihubungkan dengannya. Perhubungan India dengan daerah di sebelah sini dikatakan wujud semenjak tahun 100–200 Sebelum Masihi lagi, tetapi perhubungan benar-benar mempengaruhi kehidupan masyarakatnya pada zaman selepas Masihi. Hal ini terjadi mungkin kerana adanya kepandaian dan pengetahuan manusia bagi menguasai alam sekeliling, misalnya, menyesuaikan diri dengan laut atau mengetahui peredaran musim, yang membolehkan mereka mempunyai kepandaian membuat kapal serta tahu tentang peredaran monsun. Pada waktu yang sama juga kebangkitan agama Buddha menyebabkan orang India cuba memecahkan tradisi lama mereka dengan menggalakkan anggotanya keluar menyebarkan kepercayaan itu. Pandangan juga tertumpu ke Alam Melayu dan Timur sebagai tempat hubungan perdagangan

1 Lihat Mohd. Taib, *op. cit.*, hlm. 13.

baharu setelah perdagangan dengan kawasan utara (seperti Siberia sebelum itu) tidak menggalakkan.

Banyak teori dikemukakan tentang pengaruh peradaban India di Nusantara. Teori yang paling popular adalah yang berdasarkan struktur sosial hasil daripada proses penggolongan masyarakat kepada stratifikasi tertentu, yakni pembahagian kasta masyarakat India kepada Brahmin, Ksyatriya, Vaisya, dan Sudra. Beberapa teori penting yang dikemukakan bagi menerangkan bagaimana pengaruh peradaban India berkembang di Nusantara ialah teori ksyatriya, teori vaisya, dan teori brahmin. Teori ini masih menjadi perdebatan di kalangan sarjana budaya, bahkan ada pendapat yang menolak kebenaran teori tersebut. Penyebaran pengaruh India dibuktikan dengan adanya batu bertulis (bersurat) yang mencatatkan wujudnya beberapa kerajaan bercorak India dan juga berdasarkan sumber tulisan Cina, terutama oleh pengembara seperti Fa Hsien dan I Tsing. Di samping itu, masih terdapat peninggalan dalam kebudayaan Melayu yang dilanjutkan daripada pengaruh peradaban yang nyata sekali apabila perbandingan dibuat.

Teori ksyatriya menekankan peranan golongan ksyatriya sebagai bukti kepahlawanan mereka menakluk dan mengalahkan kerajaan di Kepulauan Melayu. C.C. Berg beranggapan bahawa kebudayaan India berkembang disebabkan oleh kegiatan mereka yang berpindah ke Asia Tenggara dan mengalahkan beberapa buah daerah seperti Jawa dan mendirikan kerajaan baharu bercorak India. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan cerita panji dan mereka mungkin berkahwin dengan perempuan tempatan. Dengan yang demikian, unsur Hindu Jawa diperkenalkan dan terbentuklah masyarakat keraton kacukan. Sesetengah pendapat mengatakan, kebangkitan kerajaan di Jawa ada kaitan dengan kejatuhan kerajaan di India yang menyebabkan raja dari sana datang membuka negeri baharu di sebelah sini. Keruntuhan dinasti menimbulkan jalan baharu perpindahan keturunan mereka ke Timur. Boleh juga diterima anggapan bahawa orang India sememangnya mempunyai semangat pengembaraan dan memilih Jawa sebagai pusat tumpuan mereka. Dalam pada itu, mereka tetap mempunyai hubungan dengan negeri asal mereka dan langsung membawa unsur kesenian, keagamaan, pengetahuan, dan cara hidup yang lain.

Golongan ksyatriya dan vaisya adalah dua golongan yang amat berbeza. Berkemungkinan penyebaran pengaruh mereka juga berbeza; golongan ksyatriya boleh menggunakan unsur paksaan sedangkan vaisya sebaliknya. N.J. Krom, tentang "teori vaisya", mengatakan bahawa kemasukan orang India adalah secara damai dan aman, bermula dengan pedagang tempatan di Kepulauan Melayu. Pada masa yang sama, mereka memperkenalkan pengaruh India. Kedatangan pedagang dalam usaha untuk mencari keuntungan dalam perniagaan antara India dengan China kemudian diterima secara sukarela oleh penduduk tempatan. Mereka kemudian berkahwin campur sementara menunggu pertukaran musim.

Kemungkinan pengaruh peradaban India disebarkan oleh golongan ksyatriya atau vaisya ditolak oleh Van Leur yang mengemukakan teori brahmin. Beliau menganggap kedudukan golongan ksyatriya dan vaisya sebagai pembuka jalan sahaja kerana usaha mengembangkan pengaruh peradaban memerlukan orang yang mempunyai kemahiran tertentu. Kedua, golongan itu tidak mempunyai kemahiran dalam hal ehwal adat istiadat, kesenian, pentadbiran, bahasa dan sastera, apatah lagi hal keagamaan. Orang yang mahir dalam bidang begini ialah brahmin, malah perkembangan pengaruh Hindu-Buddha hanya kuat selepas kedatangan brahmin. Hal ini juga telah dikaitkan dengan kepandaian penduduk tempatan dalam ilmu pelayaran; mereka keluar ke India dan mempelajari unsur Hindu-Buddha dengan lebih mendalam hasil daripada dorongan yang diberi khususnya dalam agama, cara hidup, dan lain-lain. Ini mewujudkan penerimaan secara dua hala. Golongan brahmin kemudian memainkan peranan yang besar dalam menyebarkan unsur peradaban itu di kalangan orang atasan. Mereka juga memberi legitimasi kepada raja dan ini meningkatkan lagi status dan kepentingan raja. Van Leur juga menolak kemungkinan pedagang mengembangkan kebudayaan kerana mereka adalah anak kapal golongan bawahan atau Negro Afrika atau hamba yang tidak berpengetahuan tentang kesusasteraan, upacara keagamaan, atau apa-apa kebijaksanaan rasional yang lain.²

Walaupun sukar untuk mengesan kerajaan yang berunsur

2 Lihat Hall, 1971, hlm. 22.

Hindu-Buddha pada awal abad Masihi di Nusantara kerana kekurangan bahan sejarah, kerajaan Hindu telah wujud sebelum abad ketujuh lagi di daerah sebelah sini. Kesan arkeologi dan penemuan tinggalan seperti peralatan, batu bertulis, dan ukiran menunjukkan ciri peradaban Hindu. Semenanjung Malaysia (Tanah Melayu), misalnya, sudah dikatakan mempunyai kerajaan di sebelah utara pada awal abad keempat. Bukti wujudnya kerajaan itu diperkuat oleh sumber Cina, batu bersurat, dan patung berhala yang dijumpai. Batu bertulis tulisan India kuno ditemui di Cerok Tokkun, Seberang Perai, dan tulisan sanskrit kepingan batu di Bukit Meriam, Kedah, yang kedua-duanya bertarikh lebih kurang abad keempat. Kerajaan Melayu terawal yang menjadi sebahagian daripada kerajaan Buddha-Langkasuka ialah Kedah yang juga mempunyai hubungan perdagangan dan kebudayaan dengan India dan Kemboja.

Di Kedah juga terdapat Candi Bukit Batu Pahat, terletak ke utara Kampung Merbok yang dipercayai dibina pada abad ketujuh atau kelapan Masihi, yang termasuk sebuah kuil Syiva (Hindu), tinggalan lama yang dipercayai bekas sebuah berhala Hindu yang dibina antara abad ke-10 atau ke-11 di kawasan Tikam Batu dan tinggalan pengaruh Empayar Sailendra, Jawa, di Matang Pasir. Ditemui juga patung-patung dewi Hindu-Buddha di Kedah dan di daerah lain Nusantara termasuk di Borneo Barat, Bogor, dan Tanjung Periuk (Jawa) serta patung Buddha di Sumatera. Kerajaan di utara Semenanjung dianggarkan wujud kerana hilangnya pengaruh kerajaan Funan (yang jatuh pada kurun Masihi keempat) dan perdagangan di kawasan utara mula kukuh. Kerajaan utara itu dikatakan pernah meminta perlindungan China pada abad yang sama; hal ini disebut dalam beberapa catatan pengembara atau utusan Cina seperti Sejarah Dinasti Liang (502-551) atau I Tsing. Disebut juga bahawa kegiatan perdagangan bertumpu di situ disebabkan perairan Melayu dan Johor yang dikuasai oleh lanun. Pada tahun 607 atau tahun 609 Masihi, negara itu pernah dilawati oleh utusan Cina. Sumber Arab dan India pula menyebut negara Langkasuka telah wujud pada abad kedua lagi dan mereka menyebut Kedah sebagai Kadaha (Kalaha?) dan mengikut suatu pendapat kerajaan Kedah musnah lebih kurang pada tahun 1370.³ Sumber Cina juga menyebut

3. Wilkinson, 1935, hlm. 4-5.

nama negeri di sebelah timur Tanah Melayu sebagai negeri yang pernah berutusan dengannya pada abad kelima, yang dikenali sebagai negeri Pah Huang (Pahang), Tong-Ya-Nu (Terengganu), dan Hi-La-Tan atau Ci-Lan-Tan (Kelantan).

Sebagai perbandingan dengan daerah lain Nusantara, terdapat bukti yang menunjukkan wujudnya kerajaan di Sumatera dan Jawa. Kerajaan Mo-Lo-Yo' (Melayu) di Sumatera (mengikut sumber Cina) dikatakan pernah menerima utusan dari China pada tahun 644/645 Masihi dan sebelum itu telah pun mengirim utusan dan mempersembahkan hasil bumi kepada pemerintah (Kaisar) China. Menurut Fa Hsien unsur Hindu-Buddha sangat kuat di Sumatera semenjak abad kelima lagi. Selepas abad Masihi ketujuh, muncul kerajaan Seriwijaya yang mencapai kemuncak kegemilangannya pada kurun Masihi kelapan dan telah berpengaruh sehingga ke Jawa. I Tsing yang pernah singgah dan tinggal selama 10 tahun di Seriwijaya mendapati Seriwijaya merupakan pusat perkembangan Buddha. Pada abad kesembilan kekuasaan Seriwijaya meliputi Langkasuka, Kelantan, Terengganu, dan Pahang, bahkan seluruh Semenanjung Malaysia. Mereka yang berasal dari Palembang telah membuka pulau Singapura pada abad ke-13 dan mendirikan kerajaan Tumasek di sana. Batu bersurat di Sumatera seperti Kedukan Bukit, Talang Tuwo, Karang Berahi, dan Kota Kapur telah dijadikan bukti wujudnya kerajaan Seriwijaya. Di Jawa pula terdapat bukti wujudnya kerajaan yang bercorak Hindu-Buddha. Di sana dijumpai candi dan patung yang menggambarkan cara hidup dan peradaban Hindu-Buddha. Kerajaan Sailendra, Mataram, Singasari, dan Majapahit adalah kerajaan yang pada suatu masa pernah menjadi pusat agama Hindu. Hal ini tercatat dalam babad Jawa *Negarakertagama* karya Empu Prapanca pada tahun 1365. Empayar Hindu Majapahit yang bangkit di Jawa pada permulaan abad ke-14 itu berkuasa sehingga ke Borneo. Pada zaman inilah banyak candi dan patung Hindu didirikan.

II

Unsur pengaruh Hindu-Buddha yang diterima oleh kebudayaan tempatan Nusantara bukan sahaja telah mendukung sistem sosial

dan nilai yang ada bahkan banyak memberi implikasi kepada kehidupan masyarakat Nusantara sehingga kini. Zaman penerimaan peradaban India ini merupakan babak kedua dalam pertumbuhan kebudayaan Malaysia dan Nusantara amnya. Kesan pengaruh India yang meluas sejak abad pertama hingga abad ke-14 atau ke-15 boleh dikatakan meliputi beberapa bidang kehidupan yang penting. Pengaruhnya telah diterima dalam sistem sosial, khususnya dalam sistem politik dan kemasyarakatan tempatan, adat istiadat dan upacara, bahasa dan kesusasteraan, kesenian, kepercayaan, dan falsafah.

Konsep raja atau kerajaan yang wujud dalam masyarakat di negara sebelah sini berasal dari India, wujud setelah bangsa Melayu purba menerima pengaruh Hindu. Maka ketua bergelar raja dengan penasihat yang bergelar bendahara atau perdana menteri. (Perkataan negeri atau negara, misalnya, adalah perkataan Hindu-Sanskrit yang menggambarkan masyarakat yang hidup di kawasan yang digelar negeri). Sesetengah mereka berkahwin dengan ahli keluarga Indonesia (Melayu) yang terkemuka (ketua) dan memperkenalkan cara pemerintahan beraja Hindu.⁴ Dari awal abad Masihilah muncul buat pertama kali organisasi sosial yang bercorak negara dan negara kota, atau setidaknya-tidaknya komunitinya yang jelas menunjukkan penerimaan ciri peradaban India.⁵ Begitu juga dengan upacara pertabalan diraja pada masa dahulu yang dikelolakan oleh brahmin, tetapi telah disesuaikan kemudian selepas kemasukan Islam dan Barat. Konsep raja disamakan kedudukannya dengan dewa; ini menunjukkan penerimaan tradisi brahmin yang pusatnya tertumpu pada konsep *devaraja* dan dianggap berkuasa penuh dalam hal keagamaan dan adat istiadat, dan konsep *dharma* dan *ryta* pula menekankan sifat ideal seseorang raja yang adil dan saksama. Kerajaan Hindu di Jawa menganggap raja sebagai penjelmaan dewa. Oleh sebab adanya kepercayaan dan falsafah bahawa pusat syurga adalah di gunung, maka sesetengah raja seperti Sailendra (bererti gunung) menggunakan nama daripada hubungan tersebut atau istana didirikan di kawasan bukit. Kedudukan raja yang telah

4 Winstedt, hlm. 35.

5 Mohd. Taib, *op. cit.*, hlm. 15.

berubah dan dipertingkatkan tarafnya sama dengan dewa. Dengan itu, segala-galanya ditentukan oleh kuasa yang tertinggi, iaitu raja, dan permuafakatan atau musyawarah tidak penting. Rakyat menjadi golongan rendah dalam sistem feudalisme Hindu itu dan tidak mempunyai peranan dalam pemerintahan atau dalam urusan organisasi masyarakat.

Raja juga dikatakan berdarah putih dan dianggap "Raja Tuhan" bagi meninggikan kedudukan mereka (status) di mata rakyat. Muncul sistem kemasyarakatan yang berkasta; raja daripada kasta ksyatriya dan rakyat (petani atau pekerja) kasta yang lebih rendah yakni kasta sudra. Status ketua masyarakat Melayu pesisir semakin tinggi dengan kemasukan pengaruh peradaban itu. Dengan kedatangan Hindu, sekurang-kurangnya wujud tiga kasta dalam masyarakat Melayu, iaitu raja (bangsawan), golongan pertuanan (yang menjalankan perintah raja), dan rakyat jelata yang menjadi hamba abdi kepada kedua-dua golongan tadi. Selepas kedatangan Hindu mula wujud sistem pengabdian dan ini menjejaskan sistem yang selama ini mementingkan rundingan dan kata sepakat dalam sesuatu perkara dan segala-galanya adalah hak kepunyaan bersama dalam suatu keadaan rakyat menerima perintah yang dikenakan ke atas mereka. Perubahan ini merupakan perubahan sistem pemerintahan daripada demokratik kepada feodalistik berasaskan sistem kasta Hindu dan dipertahankan dengan menguatkan undang-undang Hindu purba ke dalam masyarakat Melayu. Maka lahir pula konsep baharu, iaitu konsep "derhaka". Perubahan corak masyarakat dan kepimpinannya berlaku.

Di samping itu, sistem politik yang juga merangkumi pemerintahan dan pentadbiran banyak dipengaruhi oleh peradaban India. Pewarisan pemerintahan adalah berasaskan keturunan (misalnya, pelantikan raja terhadap anak gahara),⁶ adanya gelaran dan jawatan istana sama ada bagi raja atau pembesar, misalnya, Seri Paduka, Bendahara, Laksamana, bahkan pelantikan pembesar juga dipengaruhi oleh astrologi⁷ Hindu yang menggelar pembesar secara berangka iaitu Orang Besar Berempat, Orang Besar Lapan, Orang

6 Winstedt, *op. cit.*, hlm. 70.

7 *Ibid.*, hlm. 68.

Besar Enam Belas, Orang Besar Tiga Puluh Dua. Gelaran ini masih dipakai di Pahang, Perak, dan Kedah.

Di daerah Nusantara, raja mempunyai banyak keistimewaan dalam pelbagai bidang. Mereka dibezakan daripada rakyat dari segi pakaian, bahasa, pertuturan, dan adat lain misalnya, warna kuning dihaskan sebagai pakaian diraja dan bahasa dalam yang dituturkan, atau upacara yang berhubung dengan raja seperti santap, murka, gering, bersiram, beradu, dan sebagainya. Dalam undang-undang Melayu lama (pada zaman kerajaan Melayu Melaka) ada perbezaan hukuman bagi kesalahan yang dilakukan berdasarkan status seseorang, yakni antara pembesar dengan orang biasa. Hak istimewa yang menyerupai undang-undang Hindu itu juga memperlihatkan orang biasa terpaksa memberi sebahagian daripada hasil pertanian mereka kepada raja dan ini berlanjutan dalam masyarakat Melayu sebelum kedatangan Barat. Terdapat juga dalam undang-undang itu hukuman dibuang negeri atau daerah dan hukuman sula. Undang-undang ini tidak sama berat dijalankan. Tanah adalah hak raja dan raja sebagai pengawal rakyat. Oleh sebab itu raja ada kuasa menggunakan tenaga rakyat bagi kepentingannya. Cara hukuman adalah berasaskan undang-undang dan hukuman Hindu. Struktur masyarakat yang wujud atas hubungan raja-rakyat telah memisahkan golongan ini kepada peringkat sosial tertentu yang tidak memungkinkan berlakunya mobiliti sosial. Dalam sistem feodal begini, seluruh rakyat menjadi hamba raja dan kaum bangsawan memerintah, berbanding dengan sebelumnya yang masyarakat Melayu merupakan unit yang demokratik dan mempunyai hak yang sama dalam pemerintahan, pengeluaran ekonomi, dan sebagainya. Hasil pengeluaran harta benda bukan lagi kepunyaan bersama, tetapi kepunyaan raja atau golongan bangsawan, dan rakyat hanya mengerjakannya bagi kepentingan kedua-dua golongan itu. Pimpinan penghulu yang dahulu menjadi ketua sesuatu kelompok bertukar menjadi wakil raja dan perantaraan hubungan raja dengan rakyat. Dalam usaha kegiatan ekonomi yang mementingkan golongan petuanan itu timbul pula institusi ekonomi baharu dalam masyarakat Melayu purba yang dikenali sebagai sistem "kerah". Seseorang yang menjadi rakyat boleh dikerah pada bila-bila masa sahaja untuk membuat kerja raja. Dari sinilah bermulanya sistem

perhambaan dalam masyarakat Melayu purba.⁸

Pengaruh Hindu membawa masuk undang-undang yang baharu sama sekali dalam masyarakat Melayu purba. Sistem masyarakat dan undang-undang berubah, daripada undang-undang yang berasal daripada Adat Perpatih kepada Adat Temenggung yang juga dijadikan kekuatan diri raja Melayu Hindu dan raja Melayu Islam. Mengikut Ahmad Ibrahim, pada mulanya Adat Temenggung sama dengan Adat Perpatih, tetapi telah menerima begitu banyak perubahan akibat pengaruh Hindu.⁹ Pengaruh Hindu yang mementingkan estetik dan pandangan hidup fatalistik menjadikan orang Melayu pasif terhadap kezaliman sistem feudal, apabila undang-undang baharu dilaksanakan. Penciptaan undang-undang Adat Temenggung bermula dari Zaman Kesultanan Melaka lagi, tetapi ditulis atau dibukukan selepas kedatangan Islam; antaranya yang terkenal ialah *Risalat Hukum Kanun Melaka* (1446), *Undang-undang Pahang* (1596), *Undang-undang Kedah* (1650), dan *Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan, Perak* (1750).

Dasar undang-undang Hindu diterima bulat-bulat oleh masyarakat Melayu dengan sumbernya yang terbesar *Dharmasutra* (puisi).¹⁰ Undang-undangnya diterima bulat-bulat oleh masyarakat dan raja Melayu, terutama undang-undang jenayah. Keadaan ini berterusan hingga kedatangan Inggeris. Menurut undang-undang Hindu, hukuman terbahagi kepada empat jenis, iaitu amaran, cela (murka), denda, dan diseksa (dirotan), dipotong, atau dibunuh. Hukuman seperti pembunuhan dengan sula, gantung, atau dibenamkan ke dalam air atau diperlihatkan orang yang dihukum itu kepada orang ramai kerap dilakukan di negeri Melayu, dan hukuman sula merupakan amalan yang terkenal. Menurut undang-undang Hindu juga, suami yang dikatakan kepala keluarga itu akan digantikan oleh anak lelakinya yang tertua apabila dia meninggal dunia dan pembahagian pusaka terpulang kepada anak lelaki dan pihak perempuan, baik ibu atau anak-anak mendapat bahagian yang

8 Tentang kesan perhambaan ini daripada pengalaman seorang "bangsawan" Melayu, lihat Datuk Sir Mahmud, 1954, hlm. 8 - 10.

9 Ahmad, 1970, hlm. 13.

10 Ahmad, 1970, hlm. 14.

sangat kecil. Harta yang tidak ada waris menjadi milik raja. Dari sinilah wujud amalan di Malaysia yang segala tanah adalah kepunyaan raja. Menurut undang-undang Hindu, kaum brahmin tidak boleh dihukum sebab mereka berada di luar undang-undang; begitu juga dengan raja di negeri Melayu yang terkecuali daripada hukuman.

Walaupun undang-undang Hindu yang diamalkan itu zalim dan hanya wujud dalam sebuah negara feodalistik, ia telah berjaya mendisiplinkan rakyat supaya mematuhi pemerintah. Semangat rasionalisme sama sekali tidak wujud pada masa itu, tetapi hasil kepatuhan rakyat terhadap raja dan dengan adanya pelaksanaan hukuman dan undang-undang yang ditakuti itu wujud empayar Melayu yang besar seperti Funan, Seriwijaya, Majapahit, dan Melaka. Tidak diragui bahawa sifat taat setia ini yang ditanam beribu-ribu tahun lamanya dalam sistem feodal Hindu ini memungkinkan wujudnya kestabilan politik dalam kerajaan Melayu. Penentangan terhadap raja tidak timbul, tetapi yang terjadi ialah peristiwa huru-hara apabila raja tidak mempunyai pertimbangan yang saksama, misalnya, Hang Tuah diperintah dihukum bunuh, peristiwa Sultan Mahmud mangkat dijulang, dan lain-lain. Seorang yang paling tidak menyukai raja mungkin akan hanya melarikan diri seperti yang dinyatakan dalam *Sejarah Melayu* tentang cerita Megat Seri Rama.¹¹ Pertelingkahan, dan pergaduhan boleh berlaku antara raja dengan raja, atau antara golongan yang mendatang seperti dengan kongsi gelap Cina, tetapi bukannya antara rakyat dengan raja yang zalim.

Dalam istiadat pertabalanan raja, dilakukan banyak upacara yang mengandungi pengaruh peradaban Hindu. Di Perak, terdapat upacara membisikkan sesuatu sewaktu pertabalanan raja ke telinga bakal raja dan upacara membaca Ciri (dalam bahasa sanskrit) yang

11 Lihat riwayat begini dalam *Sejarah Melayu*. *Sejarah Melayu* juga menggambarkan dengan jelas ciri kebudayaan Melayu, ciri Hindu, dan pertumbuhan kebudayaan yang berteraskan agama Islam. Perihal kemasyarakatan seperti kerajinan orang Melaka mempelajari ilmu agama, kehidupan istana, dan perkembangan kesusasteraan Melayu. Zaman Sebelum Masihi benar-benar merupakan sumber terpenting pengajian sejarah Alam Melayu umumnya dan Melaka khususnya. Lihat juga Zainal Abidin, 1974.

tidak difahami malah oleh pembacanya sendiri. Selain itu, adat lain termasuk upacara membersihkan dosa dengan adat bersiram, tolak bala. Dalam istiadat pertabalalan raja, seseorang raja terlebih dahulu bersiram, dipakaikan perhiasan kerajaan di tangan, leher, kepala, kaki, dan lain-lain lagi.¹²

Adat istiadat dan upacara boleh dikatakan yang paling banyak dan kuat sekali mempengaruhi masyarakat Melayu, baik raja mahupun rakyat. Seseorang anak sejak dalam kandungan lagi (melalui ibu) mesti menjalani adat Hindu yang menunjukkan terdapatnya unsur *rites de passage* atau adat yang dikenakan ke atas seseorang individu (walaupun kini banyak yang berkurangan) semasa mencapai peringkat umur tertentu. Dalam masyarakat Melayu, perkara ini boleh dilihat dalam upacara melenggang perut, mencecah garam, memijakkan kaki, menindik telinga, dan dalam adat perkahwinan dan kematian. Peringkat adat ini menimbulkan suatu cara untuk memperingati, meminta kesejahteraan bahkan mengharapkan kebaikan yang khusus bagi anggota masyarakat berkenaan. Antara adat itu, misalnya, melenggang perut masih diamalkan hingga ke hari ini baik di kalangan istana mahupun rakyat sebagai menandakan kandungan ibu yang genap tujuh bulan. Adat ini biasanya diiringi dengan kenduri, jampi, dan mantera berunsur Hindu. Manakala adat mencecah garam pula dilakukan apabila seseorang bayi dilahirkan, (ada persamaan dengan orang India yang pada masa dahulu memberi minyak sapi atau madu). Kata-kata "makan garam dahulu" menggambarkan upacara ini telah lama diamalkan di kalangan masyarakat Melayu. Upacara menindik telinga mempunyai bersamaan dengan yang terdapat di India, orang India biasanya mengadakan upacara menindik telinga dan memakai subang dan caranya dibezakan antara keturunan diraja dengan keturunan rakyat biasa. Demikian juga dengan beberapa adat istiadat yang lain, termasuk dalam perkara yang melibatkan kenduri-kendara, biarpun telah dibuat beberapa penyesuaian selepas kedatangan Islam.

Dalam adat perkahwinan pula pasangan yang berkahwin dikatakan raja sehari dan diadakan upacara tertentu untuk mereka.

12 Winstedt, 1961, hlm. 65.

Upacara bersanding yang menjadi kemuncak adat perkahwinan dilakukan di hadapan sanak saudara dan sahabat handai.¹³ Mereka berada di atas pelamin khas yang berhias, ditaburi beras kunyit, dan direnjis air mawar. Di pelamin diletakkan pulut kuning dan bunga telur berbentuk gunung. Pengantin yang sedang bersanding tidak boleh bergerak. Kadang-kadang terjadi perkahwinan paksa; tiada unsur pilihan antara teruna dengan dara dalam menentukan pasangan hidup masing-masing, walaupun saling suka sama suka. Kenduri-kendara diadakan selama beberapa hari. Memakan sirih, menabur beras kunyit, dan adat berinai juga menunjukkan pengaruh India.

Dalam adat kematian orang Melayu dahulu, yakni dalam kerajaan Melayu lama dikatakan ada unsur pengebumian dengan membakar mayat dan abu dibuang ke laut dalam bekas khas. Di Jawa, abu itu disimpan di candi-candi mereka. Tetapi upacara ini tidak lagi dilakukan oleh orang Melayu kini, tetapi masih kedapatan upacara pengebumian dilaksanakan. Setelah pengebumian dijalankan secara Islam, diadakan upacara kenduri tiga hari, tujuh hari, empat puluh hari dan seratus hari, di kalangan orang Kelantan dikenali sebagai "makan tiga hari", "makan tujuh hari", "makan empat puluh hari" dan "makan seratus hari".

Selain itu, ada penyesuaian nama seperti yang terdapat dalam kebudayaan India bagi jawatan, pangkat gelaran dan lain-lain. Contohnya, pada mulanya ketua orang Melayu purba bergelar raja dan penasihat bergelar bendahara atau perdana menteri; kemudian wujud lagi gelaran seperti laksamana, sida, biduanda, hulubalang, permaisuri, dan lain-lain. Bukan sahaja nama raja berubah menurut nama Hindu, misalnya, Raja Indera Bongsu, negerinya pun diberi nama Hindu seperti Langkasuka,¹⁴ Indrapura, Indragiri, dan sebagainya. Istiadat diraja biasanya tentang pertabalan yang atur caranya hampir-hampir sama dengan istiadat perkahwinan, tetapi berlaku dalam suatu peringkat yang lain. Seorang raja dimandikan dan disirami sebelum ditabal, dipakaikan dengan perhiasan kerajaan di tangan, leher, kepala, kaki, dan lain-lain.¹⁵ Di atas singgahsana

13 Winstedt, *op. cit.*, hlm. 46.

14 Siti Hawa, 1960.

15 Winstedt, 1961, hlm. 51 n. 65.

pertabalan itu juga raja tidak boleh bergerak. Raja akan bersumpah untuk menjadi pemerintah yang adil, lalu mencium keris kerajaan. Pada masa ini, upacara ini dijalankan dengan penuh istiadat keagamaan diiringi oleh gamelan diraja atau nobat diraja.

Walau bagaimanapun, adat istiadat dan upacara yang disebut itu telah mengalami perubahan dan penyesuaian khasnya selepas kedatangan pengaruh peradaban Islam. Kecuali di kalangan golongan yang berkepentingan, beberapa ciri adat tertentu telah sebatii selepas disesuaikan oleh orang Melayu dengan kehendak mereka.

Terdapat unsur pengaruh yang jelas dalam lapangan bahasa dan kesusasteraan, terutama tentang bahasa, prosa, puisi, dan istilah. Dalam kesusasteraan kita, terdapat pengaruh dua epik penting berbentuk prosa iaitu *Ramayana* dan *Mahabharata* sebagai hasil karya kesusasteraan yang terbesar. Kedua-dua epik tersebut dan kitab agama Hindu, *Jataka* atau *Pancatantra*, *Kathasaritsagara* dan lain-lain banyak mempengaruhi cerita rakyat (*folk tales*). Di Jawa, bentuk cerita itu diubahsuai dan diterjemah ke bahasa Jawa dengan berlatar belakang Jawa, misalnya, babad Jawa, *Negara-kertagama*, karya Empu Prapanca (banyak mengandungi unsur Hindu) dan Arjuna Wiwaha. Perwatakan juga diubah dan kadangkadangkang ada tokoh tambah termasuk *Hikayat Perang Pandawa Jaya*, *Hikayat Maharaja Boma*, *Cerita Panji*; di Semenanjung terdapat *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Nakhoda Muda* (terpengaruh dengan *Kathasaritsagara*). Ini adalah contoh hikayat yang mengandungi pengaruh epik Hindu yang menunjukkan bahawa epik India itu tidaklah diambil bulat-bulat, tetapi disesuaikan dengan iklim tempatan. *Ramayana* dan *Mahabharata* melahirkan beberapa buah hikayat Melayu yang berupa adaptasi daripada prototaipnya seperti *Hikayat Sang Boma*, *Hikayat Seri Rama*, *Hikayat Perang Pandawa Jaya*, dan lain-lain. Epik itu juga, sebagaimana yang disebut, mempengaruhi cerita penglipur lara Melayu sekadar disesuaikan dengan nama India, diberi rangka atau struktur cerita yang baharu, malahan model untuk membina cerita baharu, seperti yang dapat dilihat dalam *Hikayat Malim Dewa*, *Hikayat Terung Pipit*, *Hikayat Indra Sakti*, dan lain-lain.

Dari segi bahasa, terdapat banyak perbendaharaan kata yang diambil daripada Hindu yang hampir-hampir keseluruhannya kata Sanskrit yang menjadi bahasa orang brahmin. Antaranya, istilah perkataan guru, dosa, syurga, neraka, seksa, niwarna, harta, warna, dewa, dewi, seri, dan ribuan lagi sehingga sudah lumrah penggunaannya sehari-hari. Begitu juga dalam karya berbentuk puisi (selain pantun yang kita akui sebagai hak mutlak Melayu) terdapat puisi Hindu seperti mantera, seloka, dan gurindam, tetapi tidak memberi kesan yang mendalam dalam kesusasteraan. Tulisan Pallawa dan Kawii,¹⁶ iaitu tulisan dari India Selatan, terbukti daripada inskripsi. Hasil penulisan seperti yang terdapat di Cerok Tokkun, Bukit Meriam (Kedah), dan Seberang Prai¹⁷ menunjukkan ia pernah dipinjam dan digunakan oleh orang Nusantara. Sumbangan kebudayaan Hindu dalam bidang ini memperkaya perbendaharaan bahasa dan kesusasteraan Melayu, dan penggunaannya berkembang luas. Pengaruh bahasa Sanskrit yang amat luas itu merangkumi bidang dan konsep keagamaan, undang-undang, kesenian dan lain-lain, tetapi meskipun sebegitu besar pengaruhnya, struktur bahasa Melayu tetap utuh dan masih tidak terjejas. Ini boleh dianggap sebagai keistimewaan bahasa kerana sifatnya yang terbuka itu tidak mengubah struktur nahunya, perkara yang dialami apabila menerima peradaban Islam dan Barat. Kesenian wayang kulit yang ceritanya berdasarkan epik *Ramayana* dan *Mahabharata* telah diberi nafas baharu oleh dalang Melayu dan Jawa, bahkan juga telah memperkaya seni muzik dan seni tari Malaysia.

Kesenian juga banyak dipengaruhi dan ditinggalkan oleh pengaruh India meskipun kedatangan Islam kemudian mengubah beberapa ciri tertentu kesenian rakyat rantau ini, khasnya Malaysia. Sebelum kedatangan Islam, banyak candi didirikan seperti Candi Borobodur, Candi Prambanam, Candi Mendut, dan lain-lain yang masih ada hingga ke hari ini. Unsur seni bina dan ukiran yang ada dipercayai dibawa dari India, tetapi usaha mendirikannya dibuat oleh orang tempatan yang membuktikan bahawa anak negeri mampu membina bangunan besar yang kompleks. Hasil kreativiti

16 Winstedt, *op. cit.*, hlm. 139.

17 Lihat juga Tweedie, *op. cit.*



Fotograf 3 Wayang Kulit daripada epik *Ramayana* dan *Mahabharata* merupakan seni warisan budaya Melayu yang unggul dan agung di Malaysia.



Fotograf 4 Senjata Melayu.
(Dengan Ihsan: Jabatan Muzium dan Antikuiti)

mereka yang tinggi itu boleh dilihat dalam contoh seni bina anak negeri yang mengagumkan seperti Candi Borobudur dan Angkor Watt itu. Ukiran di candi itu adalah menggambarkan babak kehidupan Buddha sendiri. Tradisi mengukir patung yang terdapat di beberapa buah daerah Alam Melayu hingga kini adalah unsur India, sama ada dari segi pembikinan patung dewa dewi Hindu atau patung raja tempatan yang diberi sifat dewa dewi Hindu.

Perkembangan seni amat kuat dipengaruhi oleh dua epik India yang besar iaitu, *Ramayana* dan *Mahabharata*. Kesenian wayang kulit sama ada telah ada di Alam Melayu sebelum kedatangan Hindu lagi atau dibawa oleh orang India, wayang kulit tetap ada di Semenanjung Malaysia, Jawa dan India. Cerita atau episod yang biasa dimainkan ialah cerita Hindu daripada dua epik yang terkenal, *Ramayana* dan *Mahabharata* yang diberi nafas baharu apabila epik India itu dikenali oleh dalang Melayu dan Jawa. Kedua-dua epik itu bukan sahaja meninggikan mutu seni patung, seni ukir dan seni pahat di Jawa dan Bali bahkan memperkaya seni muzik dan seni tari Melayu. Episod dalam epik itu dijadikan tarian atau drama dan nyanyian terutama di Jawa, Bali, dan di Kemboja.¹⁸ Di negara kita, percubaan dan usaha ke arah daya cipta yang sama telah dibuat dalam bentuk tarian dan taridra, misalnya, oleh kumpulan kesenian Kelantan yang mencipta tarian wayang kulit. Perkembangan ini didapati memungkinkan pembaharuan dalam perkembangan seni tari Melayu seandainya disiplin tentangnya diutamakan. Adat istiadat dan upacara pemujaan panggung banyak dijalankan dengan menggunakan kata Sanskrit. Begitu juga keris yang merupakan warisan dan unsur kebudayaan Melayu. Kadangkala dari beberapa segi, motif ukiran di hulu kerisnya adalah suatu motif Hindu yang agak nyata.

Kepercayaan agama Hindu-Buddha dan falsafah kehidupan mereka meresap ke dalam masyarakat Alam Melayu semenjak awal Masihi lagi. Istana menjadi pusat perkembangan kepercayaan; di sini brahmin memainkan peranan yang penting. Oleh hal yang demikian, pengaruh kepercayaan dan falsafah begitu kuat di kalangan bangsawan. Selain penduduk Bali dan golongan di Jawa

18 Alisjahbana, 1966: Bab 8.

yang masih kekal beragama Hindu, pengaruh kepercayaan mereka ini masih wujud dalam unsur magis masyarakat tempatan. Mereka mempercayai roh benda bernyawa dan dengan itu lahir institusi bomoh, pawang, dan dukun dalam masyarakat Melayu. Kepercayaan terhadap roh orang mati (yang sering mengganggu orang hidup), konsep bertapa, membuang ancah, dan unsur magis yang lain menunjukkan unsur Hindu walaupun masyarakat itu telah memeluk Islam.

Kedatangan agama Hindu lebih banyak mengubah sikap orang Melayu tetapi sebenarnya tidak mengubah sistem keagamaan orang Melayu purba itu. Pengaruh India dalam lapangan keagamaan juga tidak sampai kepada rakyat yang masih mengamalkan animisme, tetapi menjadi agama golongan atasan. Agama berfungsi menguatkan kedudukan raja dengan menyamakan mereka dengan dewa, dalam mitos atau legenda Hindu. Di samping melengkapkan sistem keagamaan bangsa Melayu purba, kepercayaan Hindu itu hanya membawa perubahan dan penyesuaian konsep tertentu sahaja. Konsep hantu bertukar menjadi dewa; misalnya, pawang dan bomoh menamai hantu dan jembalang dengan nama Mahadewa, Rudra, Mahakala, dan lain-lain sebagai ketua hantu yang asli sifat Melayunya, perubahan konsep semangat atau sebagainya kepada nama dewa Hindu, sedangkan kepercayaan animisme masih utuh. Tetapi suatu perkara yang amat ketara tentang pengaruh India ini ialah perihal tidak adanya kegiatan intelektual yang bersifat falsafah atau pemikiran yang sistematik berkenaan dengan sesuatu masalah hidup.¹⁹ Agama Hindu-Buddha tidak pernah membangkitkan perkembangan pemikiran yang kritis dan hanya lahir dalam bentuk kesenian seperti seni dalam berhala, seni muzik, seni tari, dan ukiran patung yang kehadirannya memungkinkan perkembangan seni yang amat kaya di rantau ini. Bagi sesetengah pendapat, agama Hindu sendiri adalah fatalistik, seperti yang dapat dilihat daripada sistem metafiziknya dan falsafahnya.²⁰ Sikap mereka terhadap alam realiti-

19. Le May, 1964: Jil. 76. ITsing menyebut ada kira-kira seribu orang sami Buddha di Seriwijaya dalam lawatannya (T.M. 671). Ini tidak dapat dijadikan bukti adanya kegiatan intelek sebab kegiatan sami lebih bersifat keagamaan dan kerahiban. Lihat Muhammad Naquib, 1972, hlm. 16.

20. Minattut, 1965, hlm. 93; Muhammad Naquib, *op. cit.*

nya tidak berubah kepercayaan pada *karma* dan *nirwana* dan kehidupan semula dalam bentuk lain telah mempengaruhi masyarakat Melayu. Falsafah ini kemudian dipegang teguh hingga menjadikan orang Melayu tidak perlu lagi menguasai alam dan menentukan nasib untuk mengejar perubahan hidup semasa.

Umumnya, dapat dikatakan bahawa selain yang disebut masih ada pengaruh Hindu yang boleh dicungkil daripada kehidupan masyarakat dan bangsa serumpun Melayu. Pengaruh itu meluas dalam kehidupan sosial, politik, dan ekonomi, dan semuanya harus dilihat dalam konteks sistem feodal yang dibawa oleh Hinduisme. Dalam bidang ekonomi, masyarakat Melayu juga mempunyai kegiatan perdagangannya yang maju sewaktu orang India berhubung dengan China dalam lapangan ini. Jadi, wujud pertembungan masyarakat dan budaya. Ini berkait rapat dengan timbulnya bandar pelabuhan pesisiran pantai dan kegiatan perdagangan, biasanya diketuai oleh raja, yang semakin kuat dengan kedatangan Islam. Bahkan masyarakat awal Melayu memang sudah mempunyai sistem kemasyarakatannya sendiri sama ada berupa komuniti perkampungan petani yang wujud di daerah sawah padi dan pemerintahan beraja, negara kota pesisir atau komuniti pedalaman yang menjalankan kegiatan tanaman perdagangan.²¹

Kedatangan Hindu memperkuat sistem politik feudalisme yang membantutkan perkembangan intelektual bangsa Melayu, merosakkan sistem nilai dan sistem demokratik daerah ini melalui pengaruh golongan ksyatriya, vaishya, atau brahmin. Ternyata bahawa sebahagian besar pengaruh Hindu melemahkan sikap yang kemudian menimbulkan konflik nilai selepas orang Melayu memeluk agama Islam. Lebih-lebih lagi kalaulah benar bahawa agama Hindu sampai di daerah ini dibawa oleh orang Dravidian dari selatan India,²² maka ciri pengaruh Dravidian masih dapat dikesan dalam kehidupan orang Melayu seharian. Kegemaran orang Melayu pada keindahan alam dengan pandangan pokok yang menghirau di halaman atau melihat air mengalir tenang atau tidak senang dengan kehidupan kota kerana tidak mempunyai kawasan berternak dan bercucuk

21 Weirtheim, 1959.

22 Minattut, *op. cit.*, hlm. 94.

tanam dapat dikesan daripada nilai hidup orang Dravidian ini. Seseengah nilai yang dibawa oleh pengaruh India dalam sistem feudalisme menjadikan orang Melayu menurut perintah raja kerana kekuasaan raja mutlak dan rakyat adalah hamba raja. Sistem ini tidak membenarkan kritikan terhadap pemerintah, sekalipun zalim, bahkan ternyata peranan individu tidak penting. Segala-galanya dilakukan oleh kelompok tertentu, lantaran itu pengarang bagi sesuatu hasil kesusasteraan pada zaman Hindu-Buddha tidak memberi namanya yang jelas, yang memperlihatkan pemikiran individu tidak dibenarkan, malah kelahiran pengarang atau ahli fikir secara individu juga tidak dibenarkan sama sekali.

Kedatangan Islam yang tidak membezakan penganutnya dan tidak ada seseorang yang lebih daripada yang lain, kecuali bertakwa pada Allah sahaja, mengubah sistem ini ke arah yang lebih demokratik. Konsep tauhid mencabar akal manusia memikirkan kewujudan dirinya dan Tuhannya. Ahli fikir Melayu seperti Hamzah Fansuri, Shamsuddin al-Sumatrani, Abdul Rauf Singkel, dan lain-lain merupakan individu yang lepas bebas menyatakan pemikiran mereka. Pertumbuhan intelektual dan keradikalan sikap, pandangan, dan nilai Hinduisme terhindar, walaupun Hindu telah memperkaya kesenian, kesusasteraan, adat istiadat, dan yang lainnya. Kesusasteraan dan kesenian misalnya, bukanlah kepunyaan dan pengalaman bersama masyarakat, tetapi merupakan kesusasteraan dan kesenian istana yang dimiliki oleh raja seperti tarian asyik, tarian istiadat, tarian gamelan, dan ukiran yang indah yang hanya terdapat di istana. Hasil kesusasteraan pula lebih menggambarkan perkembangan dan bakat raja, umpamanya, gambaran tentang putera raja sama ada gagah perkasa dan bijak atau puteri yang cantik rupawan. Suatu bentuk peradaban istana (*court civilization*) lahir kerana pertapakan dan pusat kegiatan pengaruhnya berkisar di sekitar istana tadi.

Kehidupan masyarakat Melayu agak sudah tidak agresif lagi berbanding dengan zaman sebelum kedatangan pengaruh Hindu-Buddha. Kegiatan intelektual mereka dalam falsafah dan metafizik menjadi beku dan tidak ada ahli fikir Melayu Hindu sebagaimana adanya ahli fikir Melayu Islam. Hal ini mungkin berlaku kerana perubahan konsep tidak banyak dilakukan dengan kedatangan pengaruh itu sebab kepercayaan animistik sebagai sistem agama

Melayu kuno yang memuja hantu, semangat, atau penunggu tidak jauh bezanya daripada sistem agama Hindu, bahkan nama baharu yang berbau Hindu telah digunakan oleh orang Melayu sebagai nama hantu yang dipercayai oleh mereka. Kedatangan Islam membawa perubahan konsep yang besar dan merupakan suatu revolusi fikiran yang radikal apabila kepercayaan pada kuasa hantu dan dewa sudah tidak diberi tempat lagi.

Pengaruh peradaban India telah diterima dan disesuaikan dengan corak tempatan sama ada bagi memenuhi tempat kosong atau menambahkan apa-apa yang ada dan telah berkembang dalam bentuk kebudayaan yang paling jelas untuk menggambarkan organisasi kebudayaan itu, yakni sebagai Tradisi Besar dan Tradisi Kecil.²³ Kehidupan yang fatalistik terutama di peringkat Tradisi Kecil masih dapat dikesan dalam animisme yang kukuh di kalangan orang Melayu luar bandar dan fatalistik itu juga melahirkan sikap "tidak apa" dalam masyarakat Melayu. Sikap ini kini merupakan sikap yang dianjurkan oleh pemimpin supaya diubah sesuai dengan kehendak kemajuan masyarakat yang progresif berdasarkan sains dan teknologi. Masalah sikap juga menjadikan orang Melayu beranggapan bahawa pemimpin yang berjaya harus datang daripada golongan bangsawan. Walaupun terdapat perubahan kepimpinan dalam masyarakat mereka, seolah-olah disamakan dengan golongan feodal yang kadangkala disanjung dengan istiadat warisan Hindu.

Berbanding dengan Jawa, pengaruh kebudayaan India tidak begitu tebal di Semenanjung, misalnya, dari segi kepercayaan, tidak terdapat orang Melayu yang banyak memeluk kepercayaan Hindu. Kiranya ditinjau dari sudut tempat tinggal dan golongan, terdapat ciri yang memperlihatkan perbezaan pengaruh itu ketika ini, misalnya, golongan rakyat yang mengusahakan pertanian atau perikanan banyak memperlihatkan ciri animisme dalam penyertaan upacara tertentu dalam pelbagai kehidupan mereka termasuk upacara pemujaan roh, semangat, hantu laut, dan yang lainnya yang buat beberapa waktu menghadapi konflik baharu dalam kepercayaan dan keagamaan sebenar orang Melayu. Di kalangan golong-

23 Mohd Taib, *op. cit.* Lihat tentang konsep ini yang digunakan oleh Robert Redfield, 1956.



Fotograf 5 Sejak beberapa abad yang lalu makyung telah berkembang menjadi satu bentuk warisan teater tradisi yang diminati ramai. (Dengan Ihsan: Jabatan Muzium dan Antikuiti)

an ini, misalnya, golongan menengah di bandar atau di kota telah menerima pula tradisi sains dan teknologi yang berasaskan modernisasi atau yang menghendaki kenyataan bukti, maka unsur ini amat kurang sekali, kerana mereka adalah "pusat perubahan" yang mula-mula menerima angin perubahan yang berbeza daripada "*periferi perubahan*" yang diterima oleh rakyat sebagai tempas sahaja.²⁴ Boleh jadi hal ini disebabkan penglibatan rakyat bawahan sedikit dan lebih-lebih lagi peradaban Islam yang mempunyai pengaruh yang sangat kuat dan berunsur persamaan hak manusianya.

Adat istiadat Hindu tidak penting dalam pemikiran moden, tetapi amat penting dalam konteks feudalisme Melayu warisan Hindu. Walau bagaimanapun, pengaruh peradaban India memberi gambaran dan menambahkan lagi kompleksnya kebudayaan di Alam Melayu khasnya kebudayaan bangsa Melayu, baik dalam memperkaya seninya dan kesusasteraannya. Malah feudalisme Hindu memberi kekuatan kepada orang Melayu untuk menyesuaikan diri dengan alam dan sehingga pengaruh itu dapat mendirikan kerajaan yang kuat, mengadakan armada sendiri, dan sebagainya yang amat penting dalam konteks feudalisme dan perkembangan kebudayaan serta masyarakat Melayu hingga ke hari ini. Satu perkara yang amat penting ialah bahawa pengolahan dan penyesuaian kebudayaan timbul di kalangan penduduk tempatan sendiri.

24 Oleh sebab Pusat Perubahan itulah mungkin kini cendekiawan tempatan mula menyedari perbezaan sikap antara golongan di kota dengan di luar bandar, lebih-lebih lagi kota selama ini menjadi pusat penyaluran tradisi asing yang banyak sekali mengancam kestabilan masyarakat. Kota sekian lama menjadi tumpuan persinggahan kaum kolonial dan tempat yang penghidupan masyarakat imigran, tetapi tidak pernah menjadi pusat penyaluran tradisi sendiri. Bagi Ismail Hussein, suasana ini nyata berbeza apabila dilihat hubungan kota dengan masyarakat agrari yang mengelilinginya. Suasana hari ini menunjukkan kota terlebih dahulu kerana fungsinya sebagai pusat penyaluran itu - menerima unsur hippisme dan absurdisme. Hal ini pernah disarankan oleh Ismail Hussein dalam majlis perasmian Mesyuarat Agung PENA ke-13, pada 29 Mac 1975. Lihat juga *Mingguan Malaysia*, pada 13 April 1975.

Bab Lima

PEMBINAAN PERIBADI DAN PEMBENTUKAN IDENTITI

I

Babak pertama pertumbuhan kebudayaan Melayu ialah peringkat zaman prasejarah dan terpisah dengan suatu perkembangan lain selepas kedatangan pengaruh luar. Pengaruh Hindu-Buddha merupakan ujian pertama perkembangannya yang melibatkan proses difusi, asimilasi, dan akulturasi yang terjadi hasil daripada pertembungan masyarakat. Faktor ini berlanjutan biarpun setelah pertumbuhan kebudayaan itu, melampaui peringkat sejarah yang berbeza. Kedatangan suatu pengaruh peradaban yang besar, khususnya kedatangan Islam, bukan sahaja menandakan kedatangan zaman baharu bahkan permulaan suatu zaman moden di rantau ini. Perubahan cara hidup meluas, yang memaparkan pandangan hidup yang berbeza daripada yang lampau, "zaman yang menumbuhkan bukan sahaja rupa baharu bahkan jiwa baharu".¹

Kedatangan dan perkembangan Islam di Alam Melayu dihubungkan oleh sarjana dengan berbagai-bagai teori. Biasanya perbandingan dan penulisan sejarah mereka dikaitkan dengan sejarah benua India yang seolah-olah menggariskan setiap peristiwa sejarah kita. Pemerintahan Islam ke atas orang yang belum Islam menyebabkan mereka beransur-ansur menganut agama Islam; sehubungan ini Vlekke berpendapat bahawa agama Islam bukanlah

1 Lihat Syed Muhammad Naquib, 1972, hlm. 3.

disebarkan melalui mubaligh.² Baginya pedagang dan saudagar Gujerat yang datang tidaklah dengan tujuan untuk menyebarkan Islam, tetapi mengurus perniagaan.

Banyak teori dikemukakan tentang kedatangan Islam dan perkembangannya di rantau ini. Pengkaji mengemukakan penemuan batu nisan, sumber Cina, sumber Arab Parsi, dan juga pelbagai hikayat sewaktu perkembangan Islam sebagai bukti kedatangannya. Kedatangan Islam dibuktikan dengan adanya batu nisan seorang wanita di Leran bertarikh 1082, batu nisan Malikul Salleh 1297 (1307) yang menunjukkan Islam setidaknya-tidaknya sudah ada di Sumatera Utara sebelum abad ke-13 lagi dan juga bersandarkan tulisan Marco Polo yang singgah di Perlak pada tahun 1292 dalam pengembaraannya yang menyatakan sudah terdapat pengaruh Islam dan terdapat banyak pedagang Arab-Parsi-India di sana. Salah satu sumber Cina ada menyebut bahawa sebelum tahun 1282, orang di Samudra telah pun memeluk Islam. Bukti terawal tentang adanya Islam di Semenanjung ialah adanya Batu Bersurat Terengganu bertarikh 1303/702H dengan tulisan Melayu Arab. Sarjana ber-setuju bahawa perhubungan Arab-Parsi dengan rantau ini berlaku sekian lama semenjak dahulu lagi, walaupun mereka lebih menumpukan perhatian pada perniagaan dan bukan menyebarkan Islam. Sebelum abad ke-11, dipercayai memang sudah ada kelompok Arab Parsi di Sumatera Utara dan Acheh.

Usaha penyebaran Islam boleh dikatakan bermula selepas abad ke-13 dengan munculnya beberapa buah negara kota di Kepulauan Melayu dan berkembang pesat setelah kuasa Barat mula mengalihkan pandangan mereka ke daerah sebelah sini. Ada dua versi yang cuba melihat pertapakan Islam di sini. Satu versi menganggap bahawa Islam didatangkan dari India berdasarkan beberapa faktor, khususnya hubungan dengan Benggala. Pendapat Tome Pires, Ma Huan, dan Duarte Barbosa menekankan hubungan antara orang di Benggala dengan orang di Pasai/Sumatera dan Semenanjung. Pada waktu yang sama juga (abad ke-13), perkembangan sufi di India semakin meluas dan ada ahlinya yang keluar mengembangkan Islam termasuk ke Sumatera. Ibnu Battuta pernah menemui ahli sufi di

2 Lihat Vlekke, *op. cit.* hlm. 86.

Benggala, Canton (Guangzhou), dan China Selatan. Moquette, sarjana Belanda, menekankan bahawa Islam Nusantara berasal dari Gujerat, barat India, berasaskan persamaan batu nisan yang terdapat di Pasai, Gerisek dengan yang terdapat di Bombay dan di Gujerat. Gujerat memainkan peranan membawa Islam ke sini kerana pedagang atau saudagar yang datang telah diislamkan di Gujerat atau mereka datang dari Kaherah, Makkah, Aden, dan pelabuhan lain di Teluk Parsi akan melalui Gujerat sebagai tempat persinggahan dalam pelayaran ke Timur. Selepas pengislamannya, Melaka memainkan peranan yang sangat besar dalam perkembangan Islam Nusantara seluruhnya. Sebenarnya, kebangkitan Melakalah yang memberi dorongan kepada pengislaman Semenanjung Tanah Melayu.³ Pendapat yang lain pula menganggap bahawa kenyataan Moquette itu atau bahawa Islam di daerah ini bermula dari Gujerat (India) tidak sewajarnya diberikan perhatian sangat apabila dilihat dari sudut hubungan Arab dengan rantau ini, khasnya dari segi perdagangan kerana sudah sedia ada pedagang Islam daripada Arab-Parsi sejak abad kelapan lagi. Persamaan nama raja di Pasai dan Sumatera dengan raja di Timur Tengah boleh juga dijadikan alasannya. Ada pendapat yang menekankan bahawa ciri yang sah bagi menentukan faktor ini adalah menerusi tulisan serta bahasa dan kesusasteraan.⁴ Hasil kesusasteraan keagamaan yang merupakan sumber tulisan lama Islam berkenaan kepulauan ini, tidak merujuk kepada penulis India atau kepada kitab yang berasal dari India dan yang digunakan oleh orang India. Bahkan menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, kitab yang disebut "berasal dari India" atau penulis "orang India" itu bagi sarjana Barat sebenarnya adalah penulis dan kitab Arab. Nama dan gelaran masing-masing menunjukkan mereka terdiri daripada orang Arab-Parsi yang selain datang melalui India atau melalui Parsi dan China atau negeri Maghribi dan Turki juga datang langsung dari negeri Arab.

Islam telah diperkenalkan sejak abad kelapan lagi, dengan adanya pedagang Arab-Parsi di rantau ini. Tetapi proses pengislaman peringkat awal berlaku agak lambat kerana motif keda-

3 Hall, *op. cit.*, hlm. 246.

4 Lihat Syed Muhammad Naquib, *op. cit.*, hlm. 33-35.



Fotograf 6 Tulisan jawi pada Batu Bersurat Terengganu ini ialah tulisan jawi yang pertama pernah dijumpai dalam bahasa Melayu di Semenanjung Malaysia. (Dengan Ihsan: Jabatan Muzium dan Antikuiti)



Fotograf 7 Sebahagian daripada bangunan pentadbiran dan stesen kereta api Kuala Lumpur yang lazim dilihat sebagai bentuk seni bina Islam.

tangan mereka bukanlah sebenarnya untuk mengembangkan Islam. Kegiatan penyebaran agama berjalan lancar selepas abad ke-13 dan digiatkan lagi selepas abad ke-15 apabila peranan penyebaran agama dimainkan oleh Melaka (abad ke-15), Jawa (abad ke-16), dan Aceh (abad ke-17 dan abad ke-18). Dua faktor penting yang biasa dikaitkan dengan penyebaran Islam ialah peristiwa sejarah yang berupa penaklukan India oleh orang Islam pada abad ke-13 dan wujudnya konflik antara orang Kristian dengan orang Islam Barat yang akibatnya menular sehingga dalam persaingan mereka di Asia Tenggara. Pada waktu yang sama kebangkitan Melaka dan kekuatan pemerintahan dan keagungan kesultannya yang dapat menguasai sebahagian besar Alam Melayu itu memberi kesan yang besar terhadap pengembangan Islam di rantau ini.

Hal ini amat berbeza daripada zaman sebelumnya; abad pertama Masihi hingga ke-14 merupakan zaman pengembangan pengaruh Hindu-Buddha terutama di negeri yang terletak di bahagian utara dan timur Semenanjung. Negeri Melaka dibuka pada awal abad ke-14 dan peristiwa ini sangat penting dalam pensejarahan Malaysia kerana peranannya dalam penyebaran Islam di rantau ini. Cesar Adib Majul, sarjana Islam di Filipina, merumuskan enam teori tentang kemasukan dan perkembangan Islam di Alam Melayu.⁵ Beliau menekankan kedatangan dan perkembangan Islam boleh didasarkan pada pertama, teori yang dihubungkan dengan perdagangan; kedua, teori bahawa agama Islam disebarkan oleh pengembangan agama terutama, oleh ahli sufi dan kumpulan tarekat; ketiga, teori bahawa Islam berkembang kerana dorongan politik akibat persaingan antara kuasa Islam tempatan dengan yang masih belum Islam; keempat, peranan raja; kelima, menegaskan kelebihan ideologi Islam; dan keenam, teori yang menekankan penentangan terhadap kuasa Kristian, iaitu Portugis dan Sepanyol. Van Leur juga mengaitkan kepesatan penyebaran di Nusantara kerana persaingan dengan kuasa Kristian tadi.


S.Q. Fatimi⁶ menegaskan bahawa hubungan pertama rantau ini dengan Islam dilakukan oleh pedagang Islam dari Arab, Parsi, dan

5. Majul, 1962.

6. Lihat Fatimi, 1953.



Peta 2 Empayar Melaka pada abad ke-15 dan awal abad ke-16.



Peta 3 Melaka sebagai pusat pengembangan Islam yang utama di Nusantara pada abad ke-15 dan awal abad ke-16.

India. Mereka singgah di pusat perdagangan penting Nusantara dalam hubungan perniagaan mereka dengan China sebelum zaman Islam lagi. Orang Islam dikatakan mula ada kira-kira sebelum abad kesembilan lagi, kerana terbukti telah ada petempatan saudagar Islam di Semenanjung, cuma Islam belum diperkembangkan secara meluas lagi. Pengislaman secara berkesan hanya bermula pada abad ke-13 dengan kedatangan golongan sufi. Pendapat yang berbeza ini sebenarnya memberi gambaran bahawa orang Arab dan orang India sememangnya sudah sedia mempunyai sejarah hubungan yang begitu lama. Syed Muhammad Naquib memang tidak menerima pendapat sarjana Barat itu yang meriwayatkan pengislaman daerah ini berasal dari India dan disebarkan oleh orang dari India. Menurutnya, "kalau Moquette berpendapat bahawa beberapa bentuk nisan yang dijumpai di Pasai dan Gerisek menyerupai bentuk batu nisan di Gujerat, kenyataan ini tidak semestinya bermakna Islam di daerah ini berasal dari Gujerat".⁷ Bagi beliau, Islam didatangkan terus dari Tanah Arab bersandarkan perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu. Penulis yang dikatakan berasal dari India sebenarnya bangsa Arab dan mubaligh Islam di daerah ini pun orang Arab Parsi. Gelaran nama atau gelaran masing-masing membuktikan hal ini.

Sebelum kedatangan Islam di Nusantara, masyarakat di sebelah sini melihat India sebagai tempat bimbingan dan dipengaruhi oleh unsur peradaban Hindu. Peradaban India sekurang-kurangnya telah menimbulkan konflik baharu dalam pertembungan antara dua masyarakat dan budaya. Jadi, tidaklah menghairankan masyarakat di rantau ini akan menukar pandangan sebagaimana India juga telah berubah dari zaman sebelum pengaruh Islam kepada peradaban baharu semasa Islam berkembang luas di sana pada abad ke-13. Masyarakat Nusantara juga terpengaruh kerana hubungan mereka dengan India. Kebanyakan pedagang India juga telah memeluk Islam dan mungkin benar ramalan yang mengatakan peranan mengembangkan Islam oleh golongan ini tidaklah kecil. Pada waktu yang sama bangkit golongan sufi yang memainkan peranan yang penting di Nusantara. Usaha menyebarkan Islam semakin kuat

7 Syed Muhammad Naquib, *op. cit.*, hlm. 33.

didorong oleh persaingan untuk mengembangkan kuasa dengan wujudnya percubaan meluaskan pengaruh antara orang Islam dengan orang Kristian. Pertelingkahan sebelum abad ke-12 yang meletuskan peperangan di Barat juga memberi kesan di Asia Tenggara. Kedatangan orang Kristian pada abad ke-15 ke daerah Alam Melayu menyebabkan pedagang Islam, yang berasa selamat sebelum ini, kian terancam. Mereka memperkuat diri dan berusaha dengan penuh dedikasi mengembangkan Islam, dibantu oleh ahli sufi.

Pusat perdagangan, seperti Perlak, Samudra-Pasai, dan Jawa menjadi tumpuan pedagang Arab-Parsi, India, dan juga anak tempatan. Begitu juga Demak, Tuban, dan Aceh yang menjadi tumpuan pedagang pada abad ke-17 dan abad ke-18. Pedagang ini pula mempunyai hubungan yang rapat dengan golongan pemerintah atau bangsawan Melayu. Golongan atasan memandang tinggi pedagang Islam, dan secara tidak langsung mempelajari pula agama, kepercayaan, dan ciri kebudayaan yang lain hingga berlaku penyesuaian kebudayaan. Sufisme yang timbul pada mulanya di Timur Tengah telah berkembang luas di India dan ahli sufi merupakan penyebar penting agama, lebih-lebih lagi selepas India diislamkan dan mereka mendapat penyokong yang ramai. Peranan golongan ini nyata sekali pada abad ke-13 hingga abad ke-18. Ahli sufi dari India turut datang bersama-sama dengan pedagang Islam Arab-Parsi dan India, ada juga ahlinya yang terdiri daripada pedagang.

Islam yang pada mulanya dikembangkan di kota-kota atau di kalangan golongan atasan kini tersebar ke daerah pedalaman dan di kalangan rakyat; pengembang agama ini juga telah diberi "autoriti diraja". Golongan sufi begitu penting dalam perkembangan pemikiran, ilmu dan penyebaran Islam di Aceh. Antara ulama Islam yang terkenal dan berpengaruh di sana pada abad ke-17 dan abad ke-18 termasuk Shamsuddin al-Sumatrani, Nuruddin al-Raniri, Abdul Rauf Singkel, dan Hamzah Fansuri. Sebagaimana yang dinyatakan bahawa Islam bertapak kukuh di kalangan orang atasan dan pedagang. Rakyat lebih senang menerima perubahan pemikiran peradaban Islam menerusi saluran sedemikian, lebih-lebih lagi golongan yang berpengaruh ini merupakan pucuk pimpinan masyarakat semasa. Jadi, mudahlah mereka mengubah pandangan dan ajaran yang lama.

II

Penyebaran Islam sejak mulanya lebih berpusat pada golongan feudal atasan dan perkembangannya juga adalah melalui pengaruh golongan ini. Oleh itu, Islam dianggap gagal mengubah sikap dan nilai Hindu dan juga gagal menghapuskan feudalisme yang wujud beribu-ribu tahun di kalangan mereka, lebih-lebih lagi perubahan sosial yang berlaku melalui proses evolusi, kecuali dalam keadaan revolusi berancang semata-mata. Agama Islam telah diterima dari atas ke bawah; maka struktur feudal tidak berubah, malah disesuaikan dengan kehendak Islam dan boleh diinterpretasi sebagai hanya menyentuh kedudukan sistem itu sendiri. Naskhah Melayu lama, seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Raja-raja Pasai*, *Hikayat Merong Mahawangsa* dan lain-lain menceritakan pengislaman raja yang memerintah, iaitu golongan pertama yang memeluk Islam, diikuti oleh orang besar dan rakyat jelata. Oleh sebab itu dalam proses penyesuaian, kedudukan golongan ini telah diwarnai dengan nilai baharu yang lebih memperkuatkan kedudukan mereka. Raja diberi gelaran "sultan", diberi kuasa yang lebih besar, kerana kini baginda telah menjadi "khalifah" di dunia. Hal ini menunjukkan bahawa dalam konteks feudalisme Hindu, perubahan sebenarnya berlaku pada garis penyesuaian, tidak menyentuh struktur yang sedia ada.

Agama Islam mempunyai sistem politik yang berlainan daripada sistem feudalisme Hindu, justeru Islam seperti yang diajarkan oleh al-Qur'an dan Rasul-Nya Nabi Muhammad s.a.w. tidak berteraskan sistem feudal. Seseorang "khalifah" adalah penguat kuasa hukum Tuhan di dunia, dipilih di kalangan umat Islam sendiri tanpa mengira keturunan, bangsa, kulit, darjat, dan lain-lain. Khalifah juga dipilih secara demokratik, daripada kumpulan pemimpin yang paling jujur dan bersedia mengendalikannya hukum Allah. Hal ini tidak berlaku dalam struktur kepemimpinan dan pemerintahan warisan Hindu, mungkin kerana kesan perkembangan sejarah yang dialami oleh politik Islam selepas wafatnya Nabi Muhammad s.a.w. dan berakhirnya pemerintahan Khulafah al-Rasyidin.

Pandangan hidup masyarakat Melayu begitu terpengaruh dengan unsur keagamaan Hindu-Buddha sebelum kedatangan Islam di daerah ini. Unsur Hindu-Buddha itu pula telah bercampur aduk

dengan kepercayaan anak negeri yang wujud sebelum perkembangannya di kalangan orang Melayu-Indonesia dan di daerah lain. Agama Hindu-Buddha merupakan amalan tipis dalam masyarakat yang hanya mungkin dianjurkan dan dipertahankan oleh golongan atasan, yakni raja dan bangsawan, sedangkan tidak tersebut sebagai ajaran agama yang diterima oleh rakyat. Penerimaan pengaruh Hindu-Buddha boleh jadi kerana permasalahan sezaman yang lebih mementingkan upacara dan ajaran mengagung-agungkan dewa bagi kepentingan sendiri, mereka menganggap bahawa mereka adalah jelmaan dewa, atau bagi menunjukkan bahawa masyarakat Melayu di Nusantara lebih cenderung terhadap sifat kesenian daripada sifat falsafah yang mendalam.

Pandangan ahli sejarah Barat dan orientalis selalu memperlihatkan bahawa agama Islam tidak membawa suatu tamadun yang lebih luhur daripada yang sudah sedia ada. Mereka kerap memperkecil agama Islam dan peranannya dalam pensejarahan umat manusia di Kepulauan Melayu. Namun, tidak pula dalam tulisan mereka terdapat hujah yang konkrit bagi mempertahankan sikap dan pandangan mereka tentang Islam di sini. Hal ini hanya membayangkan konsep yang lahir daripada fikiran sarjana Barat sebagai gambarnya yang sesuai dengan jiwa dan pandangan kebaratan mereka sahaja, tidak kepada alasan kedatangan dan kesan peradaban Islam yang agung.

Bangsa Melayu diselubungi oleh nilai peradaban Hindu-Buddha selama kira-kira lebih 1500 tahun. Penerimaan ini tidaklah pula bererti bahawa setiap pengaruhnya baik belaka kerana terdapat juga ciri yang tidak memberi makna atau negatif yang semakin boleh membantutkan kemajuan dan perkembangan kehidupan bangsa Melayu. Tetapi hal ini bukanlah pula bermakna bahawa kenyataan sejarah yang sebenarnya ditolak sama sekali lantaran pengaruh kebudayaan India telah mempengaruhi lapangan politik dan kemasyarakatan, adat istiadat dan upacara, bahasa dan kesusasteraan, kesenian, kepercayaan dan falsafah bangsa Melayu. Warisan nilai Hindu-Buddha yang tertanam begitu lama dan dipegang teguh oleh masyarakat menjadikan mereka bersikap fatalistik terhadap hidup. Pengaruh seperti kepercayaan pada hantu dan penunggu (sisa animisme yang diperkuat oleh Hindu), kesetiaan yang tidak rasional,

sikap tidak suka mengkritik, dan sikap terhadap kehidupan estetik yang mengkhayalkan amat kuat meresap dalam kehidupan masyarakat, hingga pengaruh itu tidak begitu mudah dapat dikikis oleh agama Islam. Masyarakat Melayu di negara Malaysia, umpamanya, masih kuat berpegang pada nilai hidup Hindu yang bertentangan dengan ajaran dan amalan Islam.

Agama Islam amat berbeza daripada kepercayaan atau agama yang lain kerana Islam sama sekali tidak bersandarkan kepercayaan karut hasil daripada renungan insan atau falsafah pemikiran individu; ia wujud sebagai agama Tuhan. Bagi umat Islam, Islam adalah agama dalam erti kata yang sebenarnya, iaitu agama yang ditanzilkan oleh Allah yang Maha Suci dengan perantaraan wahyu menerusi pesuruh-Nya yang terpilih dengan akidahnya termaktub dalam kitab suci al-Qur'an dan amalannya dicarakan dalam sunah Nabi-Nya yang agung itu. Islam mengambil tempat agama Hindu-Buddha apabila berkembang secara lebih meluas dan menyerapi orang perseorangan dan masyarakat seluruhnya. Islam membawa kebenaran, membebaskan rohani, dan adil, dan dengan mutlaknya membicarakan sifat hukum, undang-undang, akhlak dan budi pekerti yang sangat istimewa.

Untuk membicarakan Islam keseluruhannya dan penyebatian setiap unsur peradabannya dalam pertumbuhan budaya masyarakat yang menganutinya amat luas. Penghuraian di sini hanya memperlihatkan kenyataan dan penyebatian unsur yang mempengaruhi sifat kebudayaan Melayu, bukan sahaja dalam bidang bahasa dan kesusasteraan yang disebut terdahulu, bahkan dalam cara hidup yang lain, baik ekonomi, sosial, mahupun politik. Agama Islam telah menimbulkan suatu gerakan zaman baharu di Alam Melayu yang boleh dinilai sebagai "peralihan punca atau paksi kehidupan sesuatu kebudayaan yang mewujudkan bukan sahaja rupa baharu bahkan juga jiwa baharu dan peralihan tersebut menyusuli pemusnahan perpaduan kebudayaan yang merupakan sifat asasi kehidupan yang lampau.⁸

Islam telah menyerapkan rasionalisme dan intelektualisme ke dalam kehidupan masyarakat Melayu. Ia bukan sahaja sekadar ber-

8 *Ibid.*, hlm. 20.

jaya mempengaruhi golongan istana, bahkan rakyat jelata. Biar pun kedua-dua golongan ini belum berjaya meleburkan feudalisme dan kepercayaan karut warisan Hindu, proses penghapusannya berlaku secara beransur-ansur. Agama Islam memberi cahaya gemilang kepada keperibadian Melayu. Kegiatan intelektual tidak mungkin timbul pada zaman Hindu sebagaimana yang berlaku di Aceh pada abad ke-17 atau di Pattani pada akhir abad ke-19. Hal ini berkembang kerana dalam menerangkan perihal kewujudan Tuhan, tidak dapat tidak akan disentuh falsafahnya dan metafiziknya. Kegiatan intelektualisme ini, pada hakikatnya, telah ditanam lebih dahulu oleh Islam sebelum pengaruh Barat bertapak kuat di Alam Melayu. Benih inilah yang kemudian memesatkan pemodenan kebudayaan Melayu boleh dikatakan bahawa "Islamlah yang telah mencirikan zaman baharu dalam kebudayaan Melayu".⁹ Oleh itu Islam telah mengubah kehidupan bercorak estetik kepada kehidupan yang rasional dan intelektual dengan mengutamakan nilai rasionalisme, keadilan, keinsafan atas kemuliaan diri, dan kebebasan peribadi seseorang. Faktor rasionalisme dan intelektualisme ini boleh dianggap sebagai angin pembaharuan yang mempercepat perubahan pandangan hidup masyarakat di Nusantara, daripada konsep ideal dan kepercayaan yang bercampur aduk berpaling kepada falsafah dan kepercayaan yang mementingkan kemanusiaan dan berlandaskan pemikiran rasional.

Penegasan tadi menekankan bahawa kedatangan Islam ke Alam Melayu menandakan kedatangan zaman baharu dan permulaan zaman moden yang memajukan pemikiran dan pengetahuan berdasarkan rasionalisme dan sistem kemasyarakatan yang mementingkan kebebasan individu dan keperibadian insan daripada lingkungan kepercayaan yang tidak rasional.¹⁰ Pendapat yang pernah menafikan agama Islam meresap ke dalam masyarakat Melayu-Indonesia adalah tidak benar sama sekali. Islam yang berkembang luas di Alam Melayu telah membentuk keperibadian dan identiti yang amat berbeza daripada penganut Hindu-Buddha. Pengaruh sebelumnya lebih berupa ujian yang disesuaikan tetapi

⁹ Syed Muhammad Naquib, 1974.

¹⁰ Syed Muhammad Naquib, *op. cit.*

transformasi kebudayaan yang lebih luas dan mendalam hanya berlaku selepas penerimaan dan perkembangan Islam. Ketatane-garaan Islam lebih mementingkan unsur-unsur kemanusiaan yang berlandaskan pemikiran rasional dan harga diri setiap makhluk Tuhan tanpa mengira di peringkat mana dia berada. Umpamanya, Islam memberi tujuan dan makna hidup serta tafsiran kerohanian tentang kehidupan dan alam. Islam menjamin keperibadian manusia ke suatu peringkat yang paling mulia, suci, dan tinggi mengikut nilai akhlak dan kesusilaan sejagat. Walau bagaimanapun, percanggahan yang wujud adalah akibat penerimaan yang berbeza di kalangan umat itu sendiri; oleh sebab itu lahir pengalaman yang tidak digariskan oleh Islam.

Kedua-dua kepercayaan Hindu-Buddha tidak dapat kekal di Alam Melayu, walaupun berkembang sekian lama dan tidak meninggalkan kesan yang mendalam di Sumatera, walhal Sumatera adalah pusat perkembangannya. Kepercayaan dan falsafahnya dapat dicari, tetapi tidak merupakan penyebatian yang mendarah daging. Dalam agama Buddha kewujudan tuhan dijelaskan melalui patung dan candi; dalam agama Islam konsep bahasa tentang falsafah, metafizik, ilmu al-kalam, dan lain-lain digunakan supaya dapat menerangkan kewujudan Tuhan. Perubahan pemikiran berlaku dengan meluasnya perkembangan dalam bidang bahasa, persuratan, dan kesusasteraan. Umpamanya, banyak istilah Islam¹¹ dalam bahasa Arab diterima pakai dalam bahasa Melayu, begitu juga bahasa Parsi, yang memungkinkan ia menjadi salah satu bahasa antarabangsa dalam perkembangan radikal yang ditempuhi dari semasa ke semasa. Bahasa Melayu digunakan untuk menyampaikan fikiran yang abstrak, falsafah, teologi, dan lain-lain dan menjadi bahasa yang lebih sempurna, lebih maju, dan tinggi mutunya. Bahasa Melayu melalui peringkat yang lebih moden, bukan lagi sebagai bahasa sastera semata-mata, tetapi adalah bahasa ilmu pengetahuan yang berkembang dari semasa ke semasa. Kini bahasa Melayu moden sudah agak berlainan daripada bahasa Melayu lama *Sejarah Melayu*.

Sebelum kedatangan Islam, hubungan ekonomi dan perda-

11 *Ibid.*

gangan Alam Melayu, hanya terbatas kepada gelanggang Lautan Hindi sahaja. Islam telah memperluas kegiatan perdagangan dan lalu lintas itu ke hala Laut Merah, Laut Parsi, dan Laut Tengah sehingga ke pelabuhan Eropah. Hal ini mengalihkan pandangan masyarakat dari India ke daerah Asia Barat. Yang penting keagamaan berpusat pula di Tanah Suci Makkah yang merupakan pusat memperoleh pemikiran dan ilmu agama atau pengajian Islam. Islam amat mengagungkan ilmu bahkan mewajibkan pengikutnya memperdalam pelbagai ilmu sebagai pengenalan diri dan alam. Hal ini terbukti dalam al-Qur'an dan ajaran Islam bahawa bukan ilmu ibadat sahaja yang wajib dituntut. Universiti dan pusat pengajian tinggi Islam baik di Baghdad, Kaherah, Istanbul, dan juga Delhi telah menarik umat dan menjadi tumpuan masyarakat Alam Melayu. Pengajaran Islam di Alam Melayu meluas; Islam meninggalkan tradisi pengetahuan dengan tertubuhnya sistem pendidikan pondok, madrasah, pesantren, atau institusi pendidikan agama di pusat bandar sebagai pusat pengajaran yang berkembang semakin luas dari semasa ke semasa. Sistem pendidikan pondok masih kekal di negeri Kelantan, Kedah, Jawa, dan sebagainya.

Perubahan yang terbesar dalam pandangan hidup keilmuan dan keintelektualan boleh difahami dengan melihat pengislaman daerah ini dalam konteks yang lebih luas, iaitu dalam konteks kebudayaan Islam itu sendiri.¹² Unsur intelek dan keilmuan ini menjadi asas dunia moden yang dialami oleh bangsa Melayu mulai pertengahan abad ke-19, yang kemudian dipergiatkan dengan kedatangan Inggeris (Barat). Walau bagaimanapun, perubahan arah dari India ke Makkah dan Timur Tengah memungkinkan kita meninjau proses ini dalam konteks kebudayaan Islam yang lebih luas yang telah melahirkan kegiatan intelektual yang hebat dan berpengaruh, yang hakikatnya adalah lanjutan kegiatan intelektual zaman kegemilangan Islam dahulu. Islam telah memperkenalkan rasionalisme ke dunia Barat melalui kegiatan falsafah dan teologi. Ahli falsafah Islam terutama al-Qhazi, Ibn Sina, Ibn Rushd, al-Ghazali, al-Farabi, dan lain-lain, memainkan peranan yang amat besar dalam bidang keilmuan ini. Sebaliknya, ahli falsafah Yunani seperti Socrates,

12 *Ibid.*, hlm. 22

Plato, Aristotle, dan Plotinus tidak dikenali oleh Barat yang gelap-gelita ketika itu. Kegiatan intelektual Islam ini, diperlanjut sehingga meluas di Alam Melayu menerusi kegiatan ahli fikir Melayu beragama Islam di Sumatera pada abad ke-16 dan abad ke-17.

Peranan alim ulama dalam pengajaran pelbagai ilmu dan peranan mereka sebagai ahli fikir dan falsafah, ahli politik dan intelek Islam sangatlah berpengaruh. Alam Melayu menjadi sebahagian daripada dunia Islam yang lebih luas dan pergerakan umat di bahagian lain juga dirasai di sini. Gerakan Wahhabi dan Muhammad Abduh misalnya, kemudian ternyata mempengaruhi semangat keislaman mereka. Islam membawa perubahan sikap, pandangan hidup dan nilai berdasarkan fahaman ilmiahnya dan akliahnya. Pusat pengajian penting yang timbul di Pasai, Barus, Singkel, Aceh, Melaka, Demak, dan Ampel menimbulkan kesedaran kerohanian baharu, fahaman baharu yang merangkumi bidang pengenalan dan pengetahuan yang menggambarkan pembaharuan pemikiran. Pengaruh agama dan peradaban Islam dalam masyarakat dan kebudayaan Melayu harus dilihat dalam konteks agamanya. Salah satu perjuangan pemimpin Islam, baik di Semenanjung ataupun di negara Islam yang lain, ialah perjuangan bagi menegakkan ajaran Islam yang tidak dipengaruhi oleh mana-mana unsur karut dan bidaah.

Kesedaran kerohanian yang baharu hasil daripada perkembangan sezaman Hamzah Fansuri, menimbulkan konflik yang hebat antara Kaum Muda dengan Kaum Tua yang berterusan semenjak awal kesedaran nasionalisme Melayu,¹³ hingga kini dengan seruan ke arah meletakkan agama Islam dan nilainya yang sebenar pada tempat yang benar-benar berhak. Namun begitu, konflik tersebut tidak melibatkan usul yang lebih besar, seperti sistem politik Islam, sistem ekonomi, falsafah, dan yang lainnya; ia didorong oleh jiwa yang mahu mengikis pengaruh animisme-Hindu yang begitu menebal dalam kehidupan masyarakat Melayu Islam yang sering mencampuradukkan amalan animisme dengan ajaran Islam. Kegagalan Islam menghilangkan atau paling tidak mengurangkan sistem

13 Roff, 1974, Bab 3.

politik feudal tidaklah wajar dijadikan alasan bagi mengetepikan peranan agama Islam dalam perkembangan masyarakat dan kebudayaan Melayu. Bahkan perkembangan ini wajar kalau dikaitkan dengan konteks, bahawa bangsa Melayu itu sendiri memang terkenal pandai menyesuaikan diri dengan apa-apa pengaruh pun sehinggakan Islam juga disesuaikan dengan kehidupan dan iklim Melayu, seperti yang berlaku pada agama Hindu-Buddha.

Satu lagi penyesuaian apabila Islam bertapak di Alam Melayu ialah terdapatnya pelaksanaan undang-undang dan adat. Sebelum kedatangan agama Hindu, adat Melayu lama digunakan sebagai undang-undang masyarakat Melayu lama. Proses penyesuaian berlaku dalam undang-undang Hindu, dan kemudian hukum syarak dan hukum adat serta undang-undang Hindu bercampur aduk pula setelah kedatangan Islam.¹⁴ Hukum adat terus kekal, biarpun dengan kedatangan Barat, sedikit demi sedikit menghapuskan undang-undang Hindu yang masih dirasai dalam kehidupan orang Melayu, khususnya dalam perhubungan rakyat dengan raja dan orang besar. Misalnya, adat istiadat istana keseluruhannya berbau Hindu dengan sedikit tambahan serta penyesuaian dengan pengaruh agama Islam, terutama pengaruh Parsi. Undang-undang berbau Hindu tidak lagi praktik dan dikuatkuasakan kecuali dalam pemerintahan raja Melayu dahulu. Tetapi selepas pengaruh Barat, hukum adat masih dijalankan sementara hukum Islam terhad kepada hal-ehwal perkahwinan dan perceraian, pembahagian pusaka, dan apa-apa sahaja hal-ehwal keagamaan.

Bidang bahasa dan kesusasteraan yang lahir dalam proses pertembungan Hindu-Buddha menarik golongan raja atau bangsawan sahaja. Manakala intelektualisme Islam bukan menggambarkan penikmatan terhadap golongan tertentu sahaja, kerana penulis, penterjemah atau bijak pandai yang menghasilkan karya semasa sesungguhnya bertujuan bagi meninggikan adab susila dan kesedaran orang ramai terhadap kemuliaan insan dan keagungan Tuhan. Jelas bahawa kesusasteraan Melayu Islam bukanlah berdasarkan

¹⁴ Mackeen, membahagikan perkembangan perundangan di Malaysia, organisasi perlembagaan dan undang-undang syariah di Malaysia dalam hubungan latar belakang sejarah dan politik. Lihat Mackeen, 1969.

mitos atau dongeng yang tertakluk kepada nilai istana dan keraton, tetapi lebih serius, demokratis dan rasional serta lebih saintifik daripada kesusasteraan zaman lampau.

Kedudukan bahasa Melayu amat penting kerana kini bahasa Melayu telah mencapai taraf nilai bahasa yang tinggi, apabila perkembangan Islam di rantau ini menjadikannya sebagai bahasa pengantar agama. Bahasa Melayu yang ada asalnya bahasa masyarakat pesisiran Selat berkembang menjadi bahasa yang penting kepada kerajaan yang agung, seperti Aceh dan Melaka. Faktor ini dimungkinkan oleh kedudukan Selat Melaka yang berabad-abad lamanya terbuka dan menjadi pusat lalu lintas dunia dan sebagai daerah pertembungan pelbagai masyarakat dan kebudayaan dan perdagangan antarabangsa, sehingga Islam di Alam Melayu tersebar melalui bahasa Melayu. Bahasa Melayu juga menjadi bahasa rasmi agama Kristian di Indonesia Timur. Peranan bahasa dan kesusasteraan Melayu di Alam Melayu dewasa ini tidak dapat dinafikan telah menjadi bahasa *lingua-Franca* bagi lebih 200 juta orang umat manusia Alam Melayu. Agama Islam menjadikannya bahasa umum yang diolah dan diperkenalkan melalui tulisan jawi yang merupakan tulisan antarabangsa yang amat praktik dan senang difahami. Cantuman bahasa dan kesusasteraan Melayu dengan agama Islam sehingga timbulnya kedua-dua unsur yang penting dalam kebudayaan Melayu ini, telah menanamkan fahaman dan semangat kebangsaan yang amat penting dalam masyarakatnya.

Sebelum Islam, yakni pada zaman Hindu, orang Melayu diperkenalkan dengan tulisan palawa, kawi, dan lain-lain yang didatangkan dari India. Namun tulisan ini tidak popular dan sukar difahami dan tidak berkembang meluas kecuali hanya berjaya menghasilkan batu bersurat; tidak ada kitab besar yang tertulis. Kesusasteraan Melayu kuno masih dalam bentuk lisan dan hanya ditulis selepas orang Melayu menerima tulisan jawi. Perkara ini mempunyai pengertian yang amat penting kerana dalam sejarah perkembangan kebudayaan Melayu kini buat pertama kalinya orang Melayu mempunyai alat ekspresi fikiran dan perasaan. Yang paling penting ialah ungkapan fikiran dan perasaan dalam bahasa yang teratur untuk disampaikan kepada seluruh rakyat. Justeru dengan tulisan itu lahirlah penyair, ahli falsafah, ahli fikir, dan ahli sejarah bangsa

Melayu. Orang Melayu mudah menyesuaikan diri dengan pengaruh baharu itu, ditambah pula oleh kreativiti semula jadi mereka. Maka tulisan tersebut disempurnakan dengan mencipta huruf baharu berdasarkan huruf Arab itu. Huruf baharu itu menyempurnakan sistem tulisan jawi, manakala lima bunyi yang lazim dalam bahasa Melayu diberi hurufnya berdasarkan huruf Parsi yakni: Ca, nga, pa, ga, nya.¹⁵ Ini membolehkan ribuan perkataan Arab Parsi dimasukkan ke dalam bahasa Melayu terutamanya perkataan yang berhubung dengan agama, politik, falsafah, moral, dan lain-lain yang sama sekali tidak merosakkan struktur bahasa, malah memperkayanya, kerana beberapa konsep baharu telah dapat diberi pengertiannya. Perkembangan ini menjadi lebih bermakna apabila bahasa itu menjadi bahasa pengantar utama perkembangannya dan melaluinya agama Islam disalurkan ke seluruh Kepulauan Melayu. Proses ini mencapai kemuncaknya apabila penyatuan ejaan antara bahasa Melayu di Malaysia dengan bahasa Indonesia dicapai pada abad ke-20, lanjutan proses yang terus-menerus berlaku sekian lama.

Dengan perkembangan bahasa Melayu, kesusasteraan juga diperkaya dengan hasil yang bukan bersifat agama, tetapi juga roman, hikayat, kitab falsafah, sejarah, dan lain-lain. Bahkan di puncak perkembangan itu kesusasteraan diberi nafas baharu oleh ahli falsafah, penyair, dan ahli fikir Melayu yang ulung, iaitu Hamzah Fansuri yang mencipta dan mempopularkan bentuk syair dalam kesusasteraan Melayu.¹⁶ Bentuk syair ini amat popular dan sebagai alat melahirkan roman Melayu, seperti *Syair Siti Zubaidah*, *Syair Ken Tambuhan*, *Syair Gul Bakawali*, dan lain-lain.

Walaupun hasil kesusasteraan pada peringkat awal penyebaran agama Islam masih kuat dipengaruhi oleh unsur Hindu (kerana pengaruh Hindu sudah begitu kuat bertapak), unsur Islam mula diserapkan. Misalnya, ada disebut perihal Nabi Adam bertapa dalam *Hikayat Seri Rama*; dalam hikayat lain yang berunsur Hindu dimasukkan juga unsur Islam, seperti wali, nabi, malaikat, dan lain-lain. Roman sejarah Islam seperti *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat*

15 Syed Muhammad Naquib, 1972, hlm. 41.

16 Syed Muhammad Naquib, 1968, 1970; Teeuw, 1969.



Fotograf 8 Pemandangan sekitar Kuala Lumpur, Ibu Negara Malaysia.



Fotograf 9 Menara Kembar Petronas, menara yang tertinggi di dunia.



Fotograf 10 Kompleks Perdana Putra di Putrajaya merupakan Pusat Pentadbiran Negara berkonsepkan Bandar Pintar.



Fotograf II Masjid Putra yang terletak di Putrajaya dibina berasaskan ciri-ciri seni bina Islam.

Muhammad Ali Hanafiah, Hikayat Isma Yatim, dan Hikayat Bakhtiar ditulis dalam bahasa Melayu bagi menggantikan hikayat pahlawan Hindu. Pengaruh Parsi yang tersebar luas, melalui adat istiadat raja Parsi, dan perkataan Parsi, ke dalam kebudayaan Melayu. Raja Melayu misalnya, gemar memakai gelaran "syah", iaitu gelaran raja Parsi.¹⁷

Islam telah memberi kesan dan pengaruh yang amat mendalam dalam pertumbuhan dan perkembangan kebudayaan di Alam Melayu, khususnya kebudayaan orang Melayu. Pengaruh dan kesan itu boleh dikaji selidik untuk mengelakkan pergolakan yang sebenarnya dialami sehingga Alam Melayu menjadi sebuah rantau Islam. Peranan agama Islam dalam masyarakat dan kebudayaan Malaysia bukanlah hanya sebagai kesan yang sudah berlaku tetapi sedang dan akan terus memberi kesan yang amat hebat. Agama Islam telah membawa transformasi kebudayaan yang lebih luas dan mendalam sesuai dengan perubahan dan kemajuan pemikiran masyarakat semenjak mula kedatangannya hingga ke hari ini dalam memodenkan kehidupan masyarakat seluruhnya. Nyatalah, kedatangan Barat bukan mencirikan suatu zaman baharu dalam kebudayaan Melayu, tetapi mendorong berlakunya "pengislaman" orang Melayu di alam Melayu dengan lebih pesat lagi dalam erti kata memodenkannya kerana sifat-sifat rasionalismenya dan intelektualismenya.

17 Winstedt, 1961.

Bab Enam

SISTEM SOSIAL MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL

I

Perkataan tradisional biasanya menggambarkan keadaan atau sifat sesuatu masyarakat sebelum kuatnya pengaruh modenisasi. Tradisional juga dihubungkan dengan cara hidup masa lampau. Kalau dikenakan pengertian tradisional kepada masyarakat Melayu sebelum tahun 1900 atau tahun sebelum kemerdekaan 1957, konsep itu mungkin menimbulkan beberapa masalah. Pengertian ini agak subjektif kerana ada ukuran yang cuba memisahkan tradisional daripada moden dalam masyarakat Melayu berdasarkan detik campur tangan politik Barat, khususnya Inggeris. Sebelum kemerdekaan, telah ada ciri masyarakat moden Melayu, khususnya dalam politik dan pentadbiran. Suatu sistem pentadbiran yang kuat diperkenalkan oleh Inggeris dan dari segi ekonomi pula terdapat ekonomi kewangan dan pemasaran.¹ Ada kebenarannya juga jika dikatakan istilah tradisional sebagai sesuatu yang relatif. Perdagangan menggantikan ekonomi secukup hidup atau perdagangan pertukaran barang (*barter trade*) pada zaman tradisi bermula dengan terbentuknya kerajaan Melayu Melaka (meskipun perdagangan itu hanya dijalankan oleh segelintir kaum bangsawan sahaja) dan kedatangan Islam yang mengubah seluruh masyarakat menjadi

1 Perbincangan umum tentang pemerintahan awal dan campur tangan politik Inggeris lihat Tregonning, 1965.

masyarakat maju. Biarpun masih ditemui sifat tradisi dalam proses perubahan masyarakat, kontroversi harus dapat dikurangkan dengan menimbangkan kenyataan sejarah moden. Proses pemodenan jika dihitung dari sudut kebendaan boleh diukur melalui proses penerimaan cara dan teknologi Barat khususnya selepas Revolusi Industri. Hubungan dengan Barat, misalnya, dengan Portugis, Belanda, juga Sepanyol, di bahagian lain Alam Melayu berlaku lebih awal. Tetapi kesan besar yang menyeluruh, khususnya dari segi sosial, ekonomi, politik, dan pendidikan amat terasa setelah Perjanjian Pangkor 1874 dimeterai dan diekori pula oleh campur tangan British dalam politik dan pemerintahan tradisional Melayu.² Pemodenan intelektualisme dan kerohanian yang sebenarnya berlaku setelah proses pengislaman Alam Melayu mengambil tempat, yang menjadi ciri zaman baharu dalam masyarakat dan kebudayaan Melayu. Berdasarkan realiti yang wujud di negara Barat sendiri, pendapat bahawa Barat boleh menjadi model bentuk maju kepada negara moden masih boleh dipersoalkan.

II

Ada dua penekanan yang penting tentang corak masyarakat Melayu tradisional iaitu masyarakat feodal Melayu yang wujud pada zaman kerajaan Melayu Melaka abad ke-14 atau abad ke-15 dan masyarakat sebelum campur tangan Inggeris abad ke-18 dan abad ke-19. Melaka pada zaman kebesarannya merupakan contoh masyarakat feodal kerajaan pesisir yang didirikan di tepi laut berasaskan empayar dengan ekonomi perdagangan sekurang-kurangnya pada peringkat suprakampung seperti mana masyarakat yang banyak terdapat di Jawa, Makasar, dan lain-lain. Sebagai masyarakat pesisir, anggotanya bergantung pada perdagangan secara besar-besaran yang kemudian menjadikan Melaka sebuah negara bersifat kosmopolitan. Perdagangan ini menimbulkan pula golongan sosial tertentu yang berpengaruh dan bersama-sama dengan golongan pembesar negeri sentiasa mempunyai hubungan yang rapat antara

2 Lihat juga Khoo, 1974, hlm. 1-9, 1966, hlm. 52-91.

satu sama lain. Pedagang memerlukan kebenaran raja dan raja menerima hasil cukai daripada mereka. Golongan pembesar dan raja memperkuat kedudukan ekonomi mereka sebagai sesuatu yang amat penting dalam tanggungjawab bukan sahaja terhadap keluarganya dan kerabatnya tetapi juga pengikutnya dan hamba rakyatnya. Sebagai masyarakat feudal, tumpuan taat setia adalah kepada seorang raja. Pembesar merupakan orang yang berkuasa dalam jajahan masing-masing dan tertakluk pada perintah raja. Kajian sejarah, menggambarkan masyarakat Melayu prakolonial sebagai masyarakat feudal berdasarkan gabungan beberapa kumpulan yang menjadi kelompok yang lebih besar dengan mempunyai raja atau pembesar sebagai ketua, di samping adanya kelompok lain yang tidak bergabung dan tidak mengakui kekuasaan raja. Masyarakat ini berbeza daripada masyarakat Melayu Melaka abad ke-15.

Struktur masyarakat tradisional belum dipengaruhi oleh kuasa British sebelum abad ke-19, kerana walaupun kuasa luar yang terawal telah ada, struktur masyarakat sebenarnya masih bersifat tradisional. Walaupun Portugis telah sampai pada tahun 1511, cara pentadbirannya disesuaikan dengan sistem masyarakat Melayu semasa dengan pengertian bahawa personel sahaja yang baharu tetapi sistem keseluruhannya tidak dirombak.

Struktur masyarakat Melayu tradisional merupakan lanjutan cara pemerintahan Hindu yang mengakibatkan perpecahan masyarakat berasaskan golongan bangsawan dan golongan rakyat. Rakyat hidup berkelompok dengan komuniti yang kecil berasaskan wilayah yang sama, selalunya di kawasan pesisiran. Wujud pula perbezaan sosial antara mereka yang dihubungkan oleh faktor, misalnya, pembahagian kerja, status, dan kuasa. Pembahagian kerja (istilah ini digunakan oleh ahli ekonomi dalam konteks masyarakat) cuba membezakan aktiviti antara unit sosial tadi, sedangkan status pula cuba memperlihatkan nilai prestij sosial yang berbeza dalam struktur keseluruhannya. Dalam sistem hierarki, golongan bangsawan mempunyai prestij yang tinggi daripada yang lain. Kuasa yang dipegang oleh golongan bangsawan juga mencerminkan peranan mereka dalam membuat keputusan terhadap orang lain dan melahirkan darjah perbezaan yang memungkinkan struktur masyarakat

kat tradisional dapat dikaji.

Dalam sistem yang masih wujud integrasinya, masyarakat Melayu digambarkan sebagai satu piramid yang besar dengan golongan bangsawan terdiri daripada raja atau sultan di kemuncak dan orang besar atau pembesar dan ketua yang mempunyai hubungan dengan rakyat sebagai golongan yang diperintah. Hal ini melibatkan sebahagian besar kuasa tertumpu pada orang bangsawan dalam satu "sfera kampung" yang lain atau "sfera suprakampung". Di bawah sistem feodal ini, kedudukan politik tidak dipersoalkan bahkan lebih stabil kerana rakyat menerimanya tanpa persoalan. Dalam sistem ini yang penting ialah ketaatsetiaan rakyat pada pemerintah dan tidak ada dorongan perubahan diri untuk bekerja keras dalam lapangan ekonomi, kecuali bekerja untuk kepentingan raja.

Perbezaan golongan rakyat dengan bangsawan jelas. Di kalangan komuniti rakyat yang kecil, hubungan anggota tiap-tiap satu komunitinya adalah berasaskan perkahwinan. Keadaan ini menimbulkan *sense of commoners*. Suasana ini melahirkan rasa kekitaan (*esprit de corps*) dan kerjasama yang baik. Institusi sosial terjelma dalam bentuk gotong-royong, berderau, menyeraya yang memperlihatkan kerjasama antara satu sama lain yang tidak dielakkan oleh anggota masyarakat meskipun tenaga mereka tidak mendapat upah. Asas amalan melalui lingkungan kekeluargaan menguatkan lagi perpaduan antara unit itu. Tiap-tiap komuniti atau gabungan unit kecil biasanya mempunyai ketua atau penghulu masing-masing. Ketua berperanan sebagai tempat berunding atau tempat mengemukakan masalah hidup mereka. Jikalau kesatuan itu tertakluk kepada orang besar, maka pemerintah dapat menyalurkan pengaruhnya kepada komuniti yang kecil itu.

Golongan bangsawan tinggal di kawasan sfera suprakampung yang terpisah dan mewujudkan pula rintangan sosial antara keduanya. Mereka bukan sahaja mempunyai kuasa politik, tetapi juga kuasa untuk menempatkan mereka dalam kedudukan sosial, status, dan prestij yang tinggi. Struktur ini membahagikan masyarakat Melayu kepada strata tertentu dalam hierarki stratifikasi sosial yang menentukan tinggi rendah (*superior-inferior*) seseorang individu dan jelas menampakkan hubungan stratifikasi itu dengan sistem

politik, yakni pemerintahan dan pentadbiran tradisional orang Melayu. Pembahagian kepada golongan yang memerintah dengan golongan yang diperintah juga menentukan aspek tertentu, seperti ekonomi, politik, dan nilai hidup mereka. Stratifikasi sosial bermakna pembahagian penduduk kepada kelas hierarki tertentu kerana terdapat perbezaan sosial antara individu atau golongan dalam masyarakat. Perbezaan ini boleh dihubungkan dengan faktor pekerjaan, kuasa, pendapatan, atau kedudukan sosial individu. Dalam masyarakat tradisional Melayu, perbezaan ini jelas apabila struktur masyarakat dihubungkan dengan peranan yang berbagai-bagai dan kedudukan ekonomi masing-masing.

Dalam masyarakat tradisional begini, perbezaan pembahagian masyarakat merupakan suatu fenomena universal yang meliputi seluruh masyarakat di dunia. Secara kasar, misalnya, masyarakat di dunia dibahagikan kepada masyarakat praindustri dan masyarakat industri yang membezakan sistem susun lapis seperti hamba, estet, dan kasta yang wujud pada zaman praindustri dan kelas pula wujud dalam masyarakat industri. Konsep kelas banyak dibicarakan oleh Karl Marx sebagai hubungan manusia dengan penguasaan faktor pengeluaran dan pembahagian kekayaan. Pembahagian ini lebih wujud dalam masyarakat yang moden dan sudah tidak ada lagi batas sosial yang menyekat mobiliti masyarakatnya. Dalam masyarakat Melayu tradisional ada batas sosial sedemikian, yang kawasan suprakampung telah memisahkan keluarga bangsawan daripada keluarga rakyat. Kawasan suprakampung itu didiami oleh rakyat sebagai pengikut raja, hamba, dayang, dan pekerja istana.

Golongan raja dan bangsawan mempunyai kedudukan ekonomi yang kuat kerana kemampuan mereka memperoleh hasil pendapatan daripada pelbagai punca. Seseorang pembesar boleh mengekalkan pengaruh dan kuasa apabila mentadbir sebuah kawasan yang kaya dan raja pula mendapatkan hasil cukai daripada pembesar dan juga rakyat. Pengikut raja yang menjadi orang perang atau pembantu raja bukanlah produktif ekonominya tetapi sebagai simbol kekuasaan raja. Aspek ekonomi dalam pimpinan politik juga dapat dilihat, misalnya, melalui sultan yang masih menerima cukai import yang dikenakan di muara sungai besar negeri dan juga melalui pembesar sebuah daerah perlombongan yang penting yang mendapat penda-

patan tahunan sebanyak RM25 000 hingga RM100 000 atau lebih. Sultan Abdullah Perak menyewakan hak memungut cukai di muara Sungai Perak sebanyak RM24 000 setahun dan Menteri Laut pada zaman kemuncak pemerintahannya (1870–72) mendapat RM180 000 setahun daripada lombong di Larut.³ Raja Jumaat di Lukut pula, pada awal tahun 1860, mempunyai pendapatan sebanyak RM120 000 setahun. Raja dan pembesar boleh menambahkan kegemilangan dan kesejahteraan hidup mereka berbanding dengan kehidupan rakyat. Batas sosial yang tebal begini boleh menguatkan lagi kedudukan raja dan oleh sebab daulat raja, segala titah perintah raja tidak selalu dipersoalkan. Dengan ini ada kecenderungan pembahagian kuasa berlaku di kalangan keluarga raja yang kuasanya dan kedudukan sosialnya diperoleh secara keturunan. Hal ini jelas apabila perkahwinan berlaku di kalangan keluarga raja dan bangsawan sahaja. Jadi, golongan bangsawan menduduki tingkat yang paling tinggi dalam sistem susun lapis masyarakat tradisional seolah-olah ada persamaan dengan susun lapis zaman Empayar Rom yang rakyatnya hidup bertani, menangkap ikan, dan mempunyai kedudukan sosial lapisan bawah yang lebih rendah.

III

Sistem dan organisasi politik tradisional Melayu selalu ditegaskan sebagai yang bercorak feodal. Konsep feudalisme sehingga kini menjadi kontroversi kerana tanggapan dan pandangan yang berbeza dari segi penentuannya. Masalah pertama ialah penentuan perbezaan tempat dan alam persekitaran tempat tegaknya feudalisme menimbulkan perbezaan yang nyata dalam masyarakat yang wujud. Misalnya, seluruh masyarakat feodal di Perancis pada abad ke-18 berbeza daripada seluruh masyarakat feodal di Jawa kerana adanya perbezaan perkembangan sejarah, semangat, dan kepercayaan masyarakatnya. Dari segi kejiwaan pula, masyarakat feodal Jawa dijiwai oleh semangat Hindu-Buddha, sedangkan feudalisme Eropah dijiwai oleh semangat Greek-Rom. Kedua-duanya mem-

3 Gullick, 1970, hlm. 205.

punya alam persekitaran yang berlainan yang asas ekonominya memungkinkan ekonomi pertanian atau perdagangan.

Susunan feudalnya juga berlainan, yakni dalam sistem ekonomi pertanian kuasa politik dan ekonomi ditentukan oleh pemilikan tanah, tetapi dalam sistem ekonomi perdagangan, kuasa itu ada hubungan dengan modal. Bahkan peringkat perkembangan masyarakat feudal sendiri ditentukan oleh sama ada masyarakat utuh yang bersepadu atau berpecah belah, misalnya, bentuk feudal yang berdasarkan susunan sosial seperti piramid dengan raja berada di puncak dan diikuti oleh pembesar dan rakyat jelata di bawahnya. Dalam penentuan ini, kita boleh melihat sejauh mana raja berkuasa dan sejauh mana pembesar mengakui kuasa raja. Dua susunan asas yang penting ialah pertama, kuasa politik dan ekonomi tertumpu pada golongan bangsawan, raja, dan pembesar serta keluarga yang mendiami kota atau suprakampung, dan kedua, rakyat tinggal di kampung mengamalkan aktiviti secukup hidup dalam bidang pertanian atau perikanan. Mereka tidak mempunyai apa-apa status dalam sistem sosial.

Aspek politik juga menentukan bentuk kepimpinan dan corak pentadbiran masyarakat Melayu; perhubungan yang wujud adalah melalui nilai sosial berdasarkan kuasa atau kuat kuasa dalam proses hubungan antara ahlinya atau bahagian masyarakat yang terlibat, umpamanya, raja dengan rakyat. Kepimpinan masyarakat Melayu tradisional adalah secara warisan (keturunan) dan mereka adalah pemimpin tradisional yang memimpin mengikut garis keturunan dan norma masyarakat yang berpegang pada tradisi daripada satu generasi kepada generasi yang lain.⁴ Kedudukan pemimpin adalah sah kerana adanya pengiktirafan rakyat. Sebagai masyarakat feudal yang pemerintahannya dan pentadbirannya berpusat pada seseorang raja dan empayarnya, pembesar daerah yang berkuasa terhadap jajahannya tertakluk pada perintah raja dan merupakan alat saluran kuasa seseorang raja baik di peringkat negeri, daerah (jajahan), atau kampung.

Raja mempunyai kedudukan yang sangat tinggi dan merupakan

4 Bagi perbandingan bentuk pemerintahan dan kepimpinan ini, lihat Johnson, 1967, hlm. 313-90.

lambang perpaduan negeri. Kekuasaannya tidak dipersoalkan sesuai dengan tarafnya di puncak politik tradisional dan bersesuaian dengan konsep bahawa raja (sebagaimana yang diterima oleh orang Melayu) adalah khalifah yang memerintah umat Islam. Dalam keadaan yang bersepadu, yakni wujudnya keharmonian antara raja dengan pembesarnya, kuasa raja diperkuat dan dipertingkatkan. Bahkan wujud kefahaman di kalangan rakyat tentang kepercayaan tertentu, mitos, dan dongeng yang berkait dengan kedaulatan seseorang raja. Terdapat ketentuan khas, seperti adat istiadat, konsep pertabalan, istiadat penyembahan, dan sebagainya. Raja juga mempunyai tempat semayam khas, yakni istana, dan menggunakan bahasa pertuturan yang khas yang dikenali sebagai "bahasa dalam" yang pantang atau tabu bagi masyarakat umum. Istiadat penyembahan menunjukkan kestabilan kedudukan raja atas takhtnya, selain konsep daulat dalam upacara istiadat pertabalannya. Dipercayai bahawa orang Melayu yang melanggar daulat raja akan menderita akibat pembalasan daripada kuasa ghaib disebabkan kemurkaan raja yang dimuliakan itu. Sifat kesucian seseorang sultan juga dihubungkan dengan alat kebesaran yang biasanya berbeza mengikut negeri kecuali alat yang umum, termasuk, alat muzik, seperti gendang, nobat, serunai, seruling, dan trompet yang dimainkan oleh orang kebanyakan tetapi memperoleh darjat yang tinggi: lencana jawatan, seperti kayu gamit, puan naga taru, kamala, surat ciri, cap halilintar dan ubor-ubor, bantal, langsir, dan lain-lain lagi yang digunakan dalam upacara istiadat; senjata seperti keris panjang, pedang, tombak yang dipercayai mempunyai kuasa sakti dan boleh memusnahkan sesiapa yang menyentuhnya tanpa keizinan.

Dalam menjalankan pentadbiran seharian, raja dibantu oleh beberapa orang pegawai yang juga dikenali sebagai menteri. Seseengah pembesar adalah kerabat diraja dan sesetengahnya dilantik di kalangan orang yang dipercayai mempunyai kebolehan memimpin. Pembesar diberi gelaran, bergantung pada tanggungjawab yang dipegang, misalnya, Orang Besar Berempat, Berlapan, Berenam Belas, dan Tiga Puluh Dua. Raja berkuasa dalam hal-ehwal dalam dan luar negeri seperti menandatangani perjanjian dengan kuasa asing yang juga dihadiri oleh pembesar. Raja bertanggungjawab terhadap majlis mesyuarat yang dianggotai oleh pembesar dan

penentuan darjat seseorang berdasarkan kedudukan masing-masing dalam susunan majlis itu dan merupakan prinsip umum dalam kehidupan golongan bangsawan Melayu.

Pembesar merupakan pemerintah daerah yang biasanya terdiri daripada keturunan yang lama mempunyai hubungan dengan daerah itu. Mereka dilantik oleh raja dan ada juga yang berasal daripada keturunan raja. Kadangkala sultan meminta nasihat penasihat tertentu tentang semua tindakan pentadbiran negeri. Penasihat terdiri daripada anggota lelaki keluarga diraja yang rapat dengan susur waris negeri dan pembesar peringkat pertama yang biasanya terdiri daripada empat orang dan kadang-kadang pembesar tingkat kedua (lapan orang). Hubungan sultan dengan pembesar bersifat khusus, yakni dalam urusan persidangan majlis, tempat perbincangan hubungan luar, peristiwa istiadat seperti pertabalan, hari raya, dan upacara urusan rumah tangga yang besar, seperti mewakili raja dalam pentadbiran daerahnya, mengutip cukai, bertanggungjawab terhadap keselamatan dan keamanan daerah, menjaga keadilan, memberi perlindungan, dan sebagai tempat tumpuan aduan rakyat. Istiadat penyembahan sebenarnya merupakan pengakuan pembesar terhadap kedudukan raja yang lebih tinggi. Walaupun terdapat perselisihan kepentingan dan konflik antara raja dengan pembesar atau ketua, dalam sistem feodal masyarakat Melayu, seluruh pemerintahan dan pentadbiran memperlihatkan keadaan mereka sangat bergantung antara satu sama lain. Raja yang memerintah mengharapkan sokongan penuh pembesar bagi mengekalkan tempat, kedudukan, dan kuasa sama ada menerusi taat setia pembesar, hasil cukai, dan tenaga kerahan bagi kerja baginda. Sebaliknya, pembesar memerlukan pengiktirafan raja, misalnya, melalui surat tauliah supaya dia ditaati dan kuasanya disahkan di kalangan anak buah; pembesar memerlukan perlindungan raja supaya diri, keluarga, dan anak buah mereka terselamat dan tidak dicerobohi.

Hakikat politik sebelum abad ke-19 menunjukkan warisan susunan sosial⁵ masyarakat Melayu sebelum campur tangan Inggeris

5 Gullick telah membincangkan bentuk politik ini dengan agak teliti sebagai hubungan pemerintahan dan pentadbiran orang Melayu. Lihat Gullick J.M. 1970, *op. cit.*

dalam pemerintahan negeri Melayu dan perubahan sosial yang disebabkan pengaruh mereka. Unit politik yang terbesar ialah negeri yang asalnya bermakna bandar, tetapi konsep ini bertukar pada akhir abad ke-19 membawa makna kawasan yang diperintah oleh raja sendiri. Sempadan sesebuah negeri ditentukan oleh faktor geografi dan sungai yang menjadi jalan perhubungan yang penting pada masa itu. Ibu negeri biasanya terletak di kuala sungai dan dengan itu dapat memperteguh pengawasan raja terhadap orang keluar masuk, pertahanan, dan cukai.

Unit politik dipimpin oleh raja atau sultan yang berkuasa dalam pemerintahan; baginda adalah pemimpin pertahanan dan lambang negeri dengan dibantu oleh ahli keluarga dan ahli Majlis Diraja. Daerah adalah unit politik kedua yang dibentuk oleh sempadan sungai yang menjadi jalan perhubungan antara daerah sama ada di sebelah sungai besar atau lembah anak sungai. Pembesar daerah bergelar datuk yang mungkin mempunyai hubungan keturunan raja atau bangsawan. Pembesar daerah sangat penting dalam susunan pemerintahan sesebuah negeri kerana sistem perhubungan yang sukar; mereka berkuasa besar dalam pentadbiran, keamanan, pemungutan cukai, dan lain-lain. Unit politik yang terkecil ialah kampung yang penduduknya mempunyai pertalian keluarga, mempunyai ikatan kerjasama, dan kuat mengamalkan tradisi hidup secara gotong-royong dan kerjasama serta pemuafakatan. Ketua kampung dikenali sebagai penghulu dan bertanggungjawab terhadap pemerintahan dan perhubungan luar. Walaupun orang biasa, dia mempunyai prestij sosial yang tinggi dalam mengawasi usaha sosial mereka memecahkan golongan yang tinggi dalam ekonomi dan sosial yang terdiri daripada raja dan keturunannya, kelas bangsawan yang berkuasa, dan rakyat. Sistem ini hampir-hampir sama dengan sistem pada Zaman Pertengahan di Eropah yang mementingkan faktor kekeluargaan.

Kedudukan dan status setiap pemimpin diakui oleh pengikut mereka, misalnya, sultan diakui oleh semua golongan rakyat, pembesar diakui oleh anak buah, dan begitu juga ketua kelompok tertentu. Mereka, dari segi sosiologi adalah, sah dan diberi kuasa untuk menjalankan pentadbiran. Di kalangan rakyat, wujud tiga corak pemimpin tradisi; wujud kepimpinan dalam bentuk keluarga,

kepimpinan dalam magis dan agama, dan kepimpinan politik⁶ yang dikekalkan, walaupun setelah negara mencapai kemerdekaan daripada penjajah Inggeris. Perubahan bentuk kepimpinan tidak bererti seluruh sistem pentadbiran tradisi dihapuskan oleh birokrasi moden kerana dalam beberapa peringkat pentadbiran moden masih wujud sistem tradisi yang diberi fungsi baharu. Birokrasi moden yang berkembang kerana wujudnya sistem ekonomi kewangan telah mengubah struktur dan organisasi pentadbiran tradisi menjadi corak baharu yang penting dalam satu-satu organisasi rasmi. Birokrasi berkuat kuasa di setiap peringkat perjawatan mengikut arahan dan bergerak dari peringkat yang paling atas ke bawah. Di kalangan rakyat, pemimpin tradisional, seperti penghulu, adalah orang tertua yang pernah berjasa menyelesaikan masalah kehidupan bermasyarakat. Penghulu dalam masyarakat purba dipilih berdasarkan kebijaksanaannya dan kebolehannya ternyata orang yang seratus peratus lahir di kalangan rakyat dapat menyelesaikan masalah hidup dengan cara yang demokratik.

Konsep ini hanya berubah daripada purba kepada tradisional dan konsep "keturunan" setelah orang Melayu menerima pengaruh Hindu, tetapi masih dalam konteks pemuafakatan. Pemerintahan yang dipilih melalui suara terbanyak dan persetujuan ramai adalah sifat Melayu asli, umpamanya, dalam adat Minangkabau. Kemanusiaan dan persefahaman adalah batu ujian yang penting dalam kehidupan masyarakat purba Melayu, tetapi berubah sama sekali setelah pengaruh Hindu mencorakkan bentuk pemikiran baharu berbau kasta dengan pembahagian golongan tinggi rendah sebagai golongan yang memerintah dan yang diperintah. Sifat Melayu demokratik bertukar dengan konsep yang berbeza daripada yang sebelumnya kerana ternyata kemanusiaan dan persefahaman masyarakat mula terjejas.

Kepimpinan kekeluargaan jelas terbukti dalam Adat Perpatih di Minangkabau dan di Negeri Sembilan dan beberapa bahagian di Melaka dengan adanya pemilihan ketua-ketua perut, suku atau luak sebagai buapak, lembaga, dan undang. Ketua suku, iaitu lembaga misalnya, bertanggungjawab ke atas sukunya dan bagi mengekalkan

6 Lihat pembicaraan Syed Hussin Ali, 1966, 1975.

sistem nisab ibu antara tugasnya suatu masa dahulu adalah menentukan sempadan negeri dan tanah, mengawas adat di kalangan anak buah, menjadi wakil Penghulu Luak, dan tugas lain yang tertentu berkaitan dengan kesejahteraan anak buahnya. Pemilihan lembaga mesti berdasarkan persetujuan buapak dan anak buah dan seseorang biasanya mempunyai waris perempuan dan waris itu pula berharta.

Organisasi politik masyarakat Melayu abad ke-19 masih memperlihatkan sifat tradisional. Sistem feodal yang bersepadu terus kekal, dengan pembesar di peringkat suprakampung atau daerah masih mewakili sultan. Kalau Melaka diasaskan pada empayar, tetapi kesultanan pada abad ini diasaskan pada negeri yang tidak dengan jelasnya dipisahkan. Negeri pada masa itu tidak berpusat pada sesuatu tempat, tetapi tersebar; ini boleh jadi memperlihatkan kesan daripada kejatuhan dan perpecahan kesultanan Melaka. Kuasa seseorang pembesar boleh berubah dengan melihat kecil besarnya bilangan pengikut dan kedudukan ekonomi mereka. Pengikut mereka kebanyakannya orang perang, orang berhutang, hamba sahaya, dan orang perempuan. Keteguhan ekonomi pula penting bagi menampung keperluan pengikut yang banyak dan puncanya boleh didapati melalui beberapa cara, iaitu melalui pengutipan cukai daripada pedagang yang melalui kawasan masing-masing; usaha perlombongan yang dijalankan sendiri, atau cukai daripada pelombong Cina; hasil daripada pungutan yang dikenakan ke atas rakyat dan orang kampung, misalnya, 10 peratus daripada hasil padi, atau melalui kutipan lain; hasil daripada sawah dan dusun buah-buahan yang dikerjakan oleh hamba hutang dan hamba sahaya sebagai khidmat dan bayaran kepada pembesar. Kerja-kerja mereka yang dijalankan setiap masa ini menjadi sumber pendapatan yang besar bagi pembesar dan juga sebagai bayaran penyelesaian hutang oleh hamba tadi.

Dalam keadaan yang berpecah belah, konflik sering timbul antara raja dengan pembesarnya. Hal ini secara terbuka atau tidak dapat dilihat sebelum campur tangan Inggeris ketika pertentangan wujud antara pembesar dengan pembesar atau pembesar dengan raja. Penentangan pembesar terhadap raja tercetus apabila pembesar mula berasa kekuatannya dan kekayaannya melebihi raja dan sultan. Apalagi pada masa itu tidak terdapat sistem perhubungan yang baik

antara daerah raja dan tidak dapat menyalurkan kuat kuasanya dengan berkesan.

Konflik yang begitu lumrah dalam susunan politik Melayu ialah faktor yang berkait dengan penggantian raja atau sultan. Perpindahan dan kekecohan dalam kuasa politik begini bukan sahaja melibatkan perpindahan daripada satu kumpulan kepada kumpulan yang lain, bahkan dari tempat ke tempat yang lain juga. Dalam susunan politik negeri Melayu seperti Perak dan Negeri Sembilan, pengganti sultan adalah anak tertua. Di Perak, pemilihan jawatan raja dikhaskan kepada beberapa keluarga yang termasuk dalam waris negeri dan memegang jawatan secara bergilir-gilir. Di Negeri Sembilan, yang jawatan diperolehi mengikut sistem matrilineal terdapat sedikit perbezaan. Tetapi seseorang bakal raja juga mestilah dapat diterima oleh pembesar. Sokongan pembesar penting kerana mereka merupakan penentu pelantikan raja. Krisis dalam penggantian raja kerap berlaku apabila pembesar yang mempunyai kepentingan diri mempunyai calon sendiri. Krisis sedemikian boleh menimbulkan pemindahan kuasa politik daripada sesuatu kumpulan dan tersebar kepada beberapa pihak, misalnya di Selangor selepas kemangkatan Sultan Abdul Samad pada tahun 1857 kuasa tidak lagi dipusatkan tetapi disebar kepada Raja Malik di Jeram, Raja Bot di Lukut, Raja Mahadi di Kelang, dan lain-lain kawasan. Di Perak pula, proses politik pada mulanya tertumpu di hilir dan di utara. Namun yang demikian, hubungan yang bersepadu juga wujud kerana bukan kesemua pembesar menentang kedudukan raja, dan sesetengah mereka mempunyai pertalian kekeluargaan. Hubungan antara raja dengan pembesar dalam sistem politik tradisional sangat perlu dan sangat penting dalam mengimbangi keperluan timbal balik dengan satu pihak memerlukan pihak yang lain dan pengikut pula memerlukan naungan dan perlindungan bukan sahaja dari segi kepimpinan tradisional, tetapi juga dari segi sistem ekonominya yang jelas memisahkan golongan tadi.

IV

Sistem ekonomi masyarakat Melayu purba dan tradisional dalam pengertian yang amat luas boleh dilihat melalui cara orang Melayu

mempergiatkan usaha untuk hidup. Ahli ekonomi kini menganalisis sistem ekonomi berdasarkan kategori tertentu, misalnya, masyarakat Melayu moden yang mempunyai sistem kewangan dan pemasaran yang kompleks. Dalam mengkaji ekonomi semua masyarakat, kita juga melihat perkembangan ekonomi dalam hubungan dengan masyarakat berasaskan ekonomi sebagai aspek budaya atau subsistem daripada sistem sosialnya, seperti perbezaannya dalam masyarakat atau komuniti yang sederhana. Sistem ekonomi masyarakat Melayu tradisional, misalnya, memungkinkan penglibatan orang Melayu dalam mengatur pengeluaran, penggunaan, dan penyebaran barang dan perkhidmatan. Dalam hal ini, peringkat penggunaan teknologi mereka dalam menghadapi cabaran persekitaran yang kian bertambah besar juga dapat diukur. Sistem ekonomi bukan sahaja penting bagi menampung keperluan hidup bahkan penting berhubung dengan sistem pertahanan bagi mengawal kesejahteraan masyarakat.

Orang Melayu mendiami kawasan pesisiran dan lembah sungai dengan menjalankan kegiatan ekonomi tani yang melibatkan pertanian dan perikanan, selain memternak, berkebun, dan sebahagian kecilnya mengusahakan perlombongan dan perdagangan. Masyarakat Melayu purba dan tradisional lahir sebagai masyarakat agraria yang sudah pandai menyesuaikan diri dengan kebolehan mereka menguasai alam bagi kepentingan penanaman padi dan pengairan sawah. Buktinya, sistem tanaman teres di Jawa dan Sumatera.⁷ Kehidupan secara berkelompok di tepi laut dan sungai melahirkan golongan pelaut yang berani dan ulung di kalangan mereka, malah perahu ringan tetapi kukuh yang dibuat oleh mereka telah membawa mereka hingga ke Malagasi.⁸ Pembentukan armada Melayu yang kuat pada zaman pemerintahan Seriwijaya, Majapahit, Aceh, Melaka, dan lain-lain menunjukkan kecekapan tradisi pelayaran dan penguasaan alam, khususnya laut. Kepandaian dan keberanian bangsa Melayu dalam pelayaran terbukti dalam sejarah dan tidak dapat dinafikan lagi.⁹ Kecekapan ini membolehkan

7 Lihat Vlekke, 1965, hlm. 12; Cady, 1964, hlm. 9.

8 Alisjahbana, 1965, *op. cit.*, hlm. 27; Winstedt, 1972, *op. cit.*, hlm. 11, n., hlm. 42.

9 *Ibid.*, n., hlm. 42.

mereka mengendalikan urusan perdagangan dan perniagaan yang penting dengan daerah luar, seperti India, timur Afrika, China, bahkan Amerika Selatan.

Tradisi ini berubah apabila pengaruh Hindu mula menguasai istana Melayu, menjadikan aktiviti itu terbatas kepada golongan yang ditempatkan oleh pengaruh Hindu di hierarki yang tinggi. Aktiviti perlombongan dan perdagangan terbukti diusahakan oleh orang Melayu semenjak zaman silam, bahkan perlombongan bijih sudah ada pada Zaman Gangsa. Patung Buddha yang dijumpai bertarikh abad kelima dan abad kesembilan diperbuat daripada gangsa; dan orang Arab telah pun menjalinkan hubungan perdagangan bijih dengan Kedah pada abad kesembilan lagi. Manakala catatan Cina tahun 1412 pula menyebut bahawa bijih timah adalah antara barangan yang diperdagangkan di Melaka dan catatan Cina tahun 1436 pula menyebut bijih menjadi bahan eksport Pahang yang tidak kurang pentingnya. Perlombongan merupakan kegiatan ekonomi yang menambahkan pendapatan pembesar Melayu yang sering menimbulkan perebutan dan konflik antara mereka yang berlanjutan dari semasa ke semasa sehingga Inggeris yang datang kemudian mencampuri hal-ehwal politik terutama pemerintahan dan pentadbiran negeri Melayu.

Perdagangan dalam sistem ekonomi tradisional Melayu mencapai peringkat yang terkuat di Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16, khususnya apabila berlaku peluasan daerah perdagangan itu setelah kedatangan Islam. Ketika itu perdagangan menjadi sistem ekonomi bangsa Melayu yang terpenting. Melaka menjadi pusat pedagang luar, bukan sahaja dari India dan China, bahkan Eropah. Perdagangan sebagai sumber ekonomi yang penting bagi orang Melayu Melaka itu bukan sahaja berpusat di Melaka semata-mata, tetapi ternyata melibatkan negeri lain. Dokumen Cina 1436, misalnya, menyatakan Pahang mengeksport bijih timah dan kapur barus dan mengimport sutera, dan kain dari Jawa, dan lain-lain. Johor, pada waktu yang sama, mengeksport tanduk badak, gading gajah, bijih serta pinang kering; dan Terengganu (mengikut rekod Newbold 1829) mengeksport bijih dan rotan. Walaupun aktiviti ini terbatas kepada golongan raja dan pembesar sahaja yang bermula dengan kedatangan Hindu, kenyataan ini menunjukkan

perdagangan menjadi suatu sistem ekonomi yang penting bagi masyarakat tradisional. Terdapat juga keterangan tentang bagaimana pemerintahan Kedah dan Perak mengeksport gajah India, Sultan Kedah pula (Tahun Masihi 1711) menjual 70 ekor gajah setiap tahun kepada saudagar Chulia yang mengeksport gajah itu ke Pantai Coromandel sebagai suatu kegiatan perniagaan yang baik. Pada zaman kerajaan Melayu Melaka, disebut Sultan Muzaffar mengumpul dan membeli perahu bagi kegunaan perdagangannya.

Perdagangan di kalangan rakyat jelata dijalankan secara kecil-kecilan sahaja berbanding dengan perdagangan di bawah kawalan pemerintah tadi. Ini membezakan dua corak kegiatan ekonomi yang berbeza yang terdapat dalam dua peringkat golongan dalam struktur masyarakat Melayu. Keadaan ini sebenarnya memperlihatkan asas ekonomi masyarakat Melayu tradisional bergantung pada pertanian dan perikanan. Walaupun tingkat perkembangan ekonomi sudah agak maju kerana telah ada sedikit sebanyak penggunaan wang sejak kerajaan Melaka lagi, syiling emas dan kepingan timah digunakan, penggunaannya terhad kepada golongan yang memerintah sahaja dan mereka sahaja yang berpeluang mengira sejumlah wang apabila berlaku transaksi perdagangan yang besar. Masyarakat Melayu boleh dikatakan masyarakat "ekonomi tani" dan sumber ekonominya bergantung pada perikanan.¹⁰ Sebagai masyarakat ekonomi tani, tingkat pengkhususan atau keanggotaan sistem pengeluaran dan hubungan dengan pengeluaran pertukaran, pemilikan harta, dan punca pengeluaran yang lain tidak sukar dijangkakan.

Masyarakat tani Melayu bukanlah masyarakat primitif kerana kedua-duanya mempunyai peringkat perkembangan dan ciri yang berlainan. Masyarakat tani dalam erti kata perubahan antara masyarakat primitif dengan masyarakat industri pewujudan ciri baharu ekonominya dan sosialnya dapat dilihat. Masyarakat tani seharusnya merupakan asas masyarakat moden perindustrian kerana asas masyarakat moden dalam perkembangannya yang terbaharu adalah hasil daripada runtuhannya masyarakat tani.¹¹ Pernyataan umum

10 Firth, 1963, hlm. 80-121 tentang perbandingan pelbagai ekonomi tani.

11 Tentang hal ini dan beberapa aspek yang memperkatakan tentang masyarakat tani, lihat Wold, 1966.

terhadap ciri ekonomi masyarakat tradisional Melayu boleh juga berdasarkan fakta tadi dan susunan organisasi masa ini yang sebenarnya lanjutan proses amalan masa lampau.

Dalam ekonomi tradisional orang Melayu, proses pengeluaran berkait rapat dengan ciri kehidupan mereka¹² kerana matlamat pengeluaran sebenar adalah bagi secukup hidup sahaja. Tidak terdapat pembaikan bagi meningkatkan lagi perkembangan teknologi mereka, maka itu memperlihatkan suatu peringkat teknologi yang tersendiri. Umpamanya, dari segi penggunaan tenaga bersama-sama dengan alat dan penyesuaian ekologi atau pengkhususan peranan dalam pengeluaran mereka yang tidak tinggi tetapi sesuai dengan perubahan semasa. Sumber tenaga yang paling asas ialah tenaga manusia dan binatang, dan beberapa peringkat teknologi mereka yang rendah itu dapat disaksikan hingga ke hari ini. Peralatan mereka yang sederhana dan penggunaan tenaga manusia dan binatang serta pengairan yang bergantung pada musim mungkin menunjukkan corak perekonomian paleoteknik. Aspek ini mempunyai kaitan dengan faktor sosiobudaya, misalnya, tidak wujud pembahagian tugas yang begitu tinggi dalam penghasilan kerja pengeluaran dan sebahagian besarnya diusahakan oleh orang yang sama. Dengan teknologi yang sederhana, kerja pengeluaran memerlukan amat sedikit pengkhususan. Pembahagian kerja tidak jelas, kecuali berdasarkan jantina dan umur yang membezakan peranan lelaki dengan perempuan atau orang tua dengan kanak-kanak.

Teknologi yang sederhana bermakna pengeluaran dan penggunaan berlaku secara langsung dan hanya melibatkan tiap-tiap keluarga secara ekonomi secukup hidup dengan amat sedikit berlakunya pertukaran menggunakan wang. Oleh hal yang demikian tenaga kerja tidak disusun atau diatur bagi tujuan pengeluaran, tetapi keanggotaannya bergantung pada susunan sosial yang sedia wujud, khasnya keluarga. Keluarga bukan sahaja merupakan unit sosial,

12 Beberapa ciri umum ekonomi masyarakat tani boleh diukur, misalnya, dari segi teknologi, sistem pembahagian kerja, sistem pertukaran, pemilikan harta dan sebagainya. Lihat Manning Nash, 1966, hlm. 19-41, 1974. Beliau memperlihatkan sistem yang wujud berdasarkan komuniti Melayu dalam hubungan politik, keagamaan, dan proses modenisasinya. Sebagai perbandingan, lihat Swift, 1965.

tetapi juga unit ekonomi; setiap ahli keluarga terlibat dalam proses pengeluaran. Tiada unit pengeluaran yang khusus bagi tujuan pengeluaran dan tenaga keluarga yang diperlukan bagi pengeluaran tidak sama sekali dibayar secara upahan. Organisasi kekeluargaan merupakan mekanisme yang mewujudkan organisasi pengeluaran pula dan dengan ikatan kekeluargaan dan tempat tinggal yang sama menimbulkan sifat "derivate" yang rangkaian perhubungan sosial mempunyai kaitan yang rapat bagi pengeluaran dan perkhidmatan.

Ekonomi secukup hidup sedemikian juga belum lagi memerlukan pertukaran barang dengan erti kata tujuan bagi menambahkan lebih kegunaan sendiri bukanlah perkara pokok. Pertukaran, sekiranya ada, mungkin hanya akan berlaku dalam hubungan yang sederhana, baik secara langsung atau melalui perantaraan tertentu, tetapi pertukaran secara kecil-kecilan itu sedikit sebanyak menunjukkan ciri pemodenan dalam sistem perekonomian mereka. Sistem gotong-royong, berderau, atau bentuk kerjasama yang lain menunjukkan wujudnya usaha untuk menambahkan sumber tenaga bagi kerja yang memerlukan tenaga yang banyak, walaupun tenaga bukan dinilai dengan wang tetapi dengan tenaga juga. Perbezaan ekonomi dan sosial antara individu tidak besar dan jelas kerana fakta keseragaman aktiviti adalah berterusan dan perbezaan sosial timbul daripada perbezaan golongan, misalnya, pemerintah dengan rakyat sebagai golongan yang diperintah. Pemilikan harta dan punca pengeluaran lain, terutama tanah ditentukan oleh susun lapis masyarakat; penentuan hak milik sepenuhnya dibuat oleh golongan yang mempunyai kuasa politik.

Masyarakat Melayu tradisional adalah masyarakat pertanian; hasil pengeluarannya bergantung pada unit keluarga sebagai unit asas pengeluaran dan juga pada besar kecil tanah yang dapat dikerjakan serta jumlah keperluan mereka sendiri. Pemilikan tanah biasanya diasaskan pada keluasan tertentu yang hasilnya boleh menampung keperluan lain. Apabila sistem kewangan mendapat tempat, orang Melayu menggiatkan pengeluaran bagi tujuan pemasaran juga. Dengan adanya peluang pemilikan harta, timbul kegiatan seperti pawah, sewa, dan pajak. Kegiatan ini merupakan yang tertua di Semenanjung dan bahagian lain Asia Tenggara. Kemudian apabila penggunaan wang kian meluas, berlaku kegiatan gadai dan jual janji.

Aktiviti gotong-royong, menyeraya, dan berderau, di sesetengah tempat dikenali sebagai *sakai*¹³ dijalankan dalam ekonomi *subsistence* ini dan oleh sebab masyarakat kampung merupakan unit *geneological* maka tenaga lebihan tidak sukar diperoleh. Faktor perpaduan ini menjadi asas nilai kerjasama yang sangat baik. Cara ini melibatkan hampir-hampir semua ahli atau anggota menjalankan aktiviti yang sama yang bersifat *homogeneous*.¹⁴ Hal ini melahirkan pula *conformity* antara anggota masyarakat bagi memenuhi tanggungjawab sosial dan penilaian sosial yang sekiranya diketepikan akan menerima *sanksi* tertentu, seperti tidak diberi pertolongan pada masa lain atau sebagainya. Faktor ini juga menunjukkan sedia wujud sentimen di kalangan anggota masyarakat Melayu untuk bekerjasama dan mempertimbangkan kebajikan mereka.¹⁵ Dalam masyarakat yang sedemikian tenaga komunal lebih banyak terdapat berbanding dengan tenaga tersusun yang lebih mementingkan pengkhususan individu atau kumpulan dalam proses pengeluaran dan pemberian khidmat yang tertentu. Penggunaan buruh secara tersusun merupakan ciri masyarakat perusahaan moden yang tidak terdapat dalam masyarakat tradisional yang lebih mengutamakan kerjasama dalam komuniti daripada kerja pengkhususan.

Kerjasama dan gotong-royong dalam masyarakat Melayu mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan nilai masyarakat, pertalian sosial dan ekonomi mereka, khususnya melalui penyertaan dalam kegiatan serupa itu bagi kepentingan komuniti. Institusi ini memberi gambaran bahawa selain anggotanya mempunyai hubungan bersemuka (*face to face*) yang amat penting ialah sikap orang Melayu yang menimbulkan tanggungjawab antara kumpulan

13 Mazidah, P. tarikh.

14 Aktiviti ini bagi Durkheim melahirkan lebih banyak perpaduan mekanikal (yakni tenaga komunal) berbanding dengan perpaduan organik (yakni tenaga tersusun). Lihat Durkheim, 1960.

15 Ross, dalam pembicaraannya tentang kawalan sosial juga menekankan sentimen demikian termasuk rasa simpati, pertimbangan dan rasa kemanusiaan bahkan sewajarnya mempunyai pelbagai cara bagi melengkapinya dan memenuhinya untuk mengekalkan aturan dan disiplin yang perlu, termasuk melalui fikiran umum, undang-undang kepercayaan, cadangan umum, matlamat individu, personaliti, penilaian umum, dan sebagainya. Lihat Ross, 1901, hlm. 39.

dengan orang perseorangan. Hubungan kerjasama secara bertimbal balik itu memperkatakan keadaan saling bergantung antara individu dengan individu atau kumpulan dengan kumpulan. Sekiranya wujud penggunaan wang dalam sesetengah kumpulan, kemungkinan ada golongan yang memperniagakan kemahiran dan tenaga mereka yang tidak memerlukan tanggungjawab lagi, tetapi hubungan penyatuan hasil daripada sikap bekerjasama kekal dalam masyarakat Melayu tradisional. Keadaan muafakat, gotong-royong, dan kerjasama itu memperlihatkan suatu falsafah kemasyarakatan yang sangat tinggi nilainya dan paling murni, yakni kemampuan tenaga ramai bagi mengendalikan suatu tugas yang berat bersama-sama. Ini menjadi bukti yang amat nyata bahawa masyarakat Melayu sudah mempunyai kepandaian berorganisasi yang tinggi dan maju semenjak zaman-berzaman. Malah ia juga membuktikan mereka sudah mempunyai pemimpin yang baik di kalangan mereka. Gotong-royong adalah contoh nilai sosioekonomi masyarakat Melayu yang sangat penting; sari patinya menjadi amalan nilai sosioekonomi rakyat Malaysia kini dalam penubuhan projek bersama, kerjasama antara masyarakat yang berbeza dan kegiatan yang lain.

Era baru pensejarahan Malaysia bermula dengan adanya campur tangan Inggeris, khususnya dalam politik. Campur tangan Inggeris membawa perubahan menerusi pemerintahannya dan pentadbirannya; sistem baharu disesuaikan hingga membangkitkan rasa kesedaran yang lebih mendalam di kalangan orang Melayu bagi menghadapi perkembangan baharu pula. Perjuangan orang Melayu, seperti Datuk Bahaman, Mat Kilau, Mat Lela, Tuk Janggut, dan lain-lain pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 adalah manifestasi semangat kebangsaan sebagai penolakan sistem pemerintahan Inggeris yang menyetepikan kepentingan orang Melayu dalam perkembangan baharu di tanah air sendiri. Penjajah sengaja tidak mahu mengakui kenyataan bahawa bumiputera tanah jajahan mereka juga berkeupayaan seandainya peluang diberi.

V

Kepercayaan dan keagamaan bangsa Melayu, mengalami proses

perkembangan yang melampaui peringkat perubahan bersekali dengan perkembangan masyarakat. Hakikat ini menjadi pengaruh yang penting dalam kehidupan mereka seluruhnya dalam apa-apa bidang sekalipun, baik politik, ekonomi, atau selainnya yang ternyata melalui upacara yang berhubung dengannya. Peninggalan zaman lampau menunjukkan orang Melayu purba memang sudah mempunyai tanggapan tentang hakikat hidup dan mati dalam alam semesta. Kajian aspek kepercayaan ini menjadi sangat penting (sama ada dari sudut sosiologi agama atau antropologi agama) untuk melihat perlakuan agama dalam satu-satu masyarakat sebagai pernyataan manusia terhadap tenaga yang lebih berkuasa daripada mereka dari segi kerohanian atau kuasa luar biasa. Keagamaan atau bentuk kepercayaan manusia amat berkesan ke atas gerak laku manusia yang menganutinya atau ke atas aspek ekonomi, kemasyarakatan, dan sebagainya. Berbanding dengan aspek politik dan ekonomi, agak sukar untuk dikesan perbezaan yang nyata dari segi kepercayaan atau keagamaan orang Melayu.

Proses pengislaman yang berlaku pada abad ke-15 memperlihatkan bangsa Melayu memeluk agama Islam mazhab Syafie. Proses pengislaman dihubungkan dengan saudagar Arab, India, dan Parsi. Kedatangan Islam merupakan sebahagian daripada pergerakan yang lebih besar. Proses pengislaman di alam Melayu yang pada masa yang singkat merupakan tenaga terkuat yang mencorakkan kepercayaan, nilai, dan sikap masyarakat. Bagi sesetengah pendapat, penerimaan Islam di kalangan orang Melayu adalah menarik kerana "Islam merupakan satu keratan lapisan yang diletakkan atas sistem kepercayaan yang sudah wujud dalam masyarakat" sebelum mereka menganut agama Islam. Walaupun agama Islam diwarisi di kalangan orang Melayu, ada juga sistem bukan Islam yang masih dikekalkan di kalangan mereka hingga kini. Keadaan ini juga menggambarkan sikap, kreativiti, dan penyesuaian masyarakat Melayu terhadap sesuatu pengaruh luar apabila sistem keagamaan ini diterima, di samping kekalnya kepercayaan tempatan. Ia juga menunjukkan pengembang bersedia memelihara lanjutan yang lampau sesuai dengan usaha penyebaran mereka. Hal ini juga menunjukkan kebijaksanaan orang Melayu melalui asimilasi dalam penyesuaian sistem kepercayaan lama dengan yang baharu.

Unsur penyesuaian dan kepercayaan orang Melayu kadangkala mengelirukan apabila mereka menganggap sesuatu pengaruh tradisi sebagai sebahagian daripada Islam, seperti keramat, azimat, tangkal, dan sebagainya yang kemudian menghadapi suatu gerakan pembaharuan yang dimulakan oleh Syed Syekh al-Hadi atau yang lainnya berilhamkan gerakan di Timur Tengah yang dipelopori oleh Muhammad Abduh dan lain-lain.

Agama Islam adalah kepercayaan yang dominan tetapi bercampur aduk dengan unsur kepercayaan yang wujud sebelum Islam, khususnya peninggalan zaman lampau lanjutan animisme dan Hindu-Buddha. Sebagaimana yang dihuraikan sebelum ini, Hinduisme pada asasnya merupakan kepercayaan pada semangat sebagai tenaga yang ada pada objek tertentu, organik atau bukan organik baik manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan, atau anasir alam yang lain, yang amat berpengaruh dalam gerak laku manusia. Animisme pula adalah sistem kepercayaan primitif yang semenjak awal wujud di kalangan masyarakat Melayu purba sebelum pertembungan dengan mana-mana pengaruh luar. Ia juga dikatakan sebagai agama rakyat yang mempercayai wujudnya zat luar biasa (bagaimana manusia bergantung harap seperti pada semangat, roh, tenaga ghaib sebagai aspek kepercayaan terhadap kuasa unsur ghaib). Ini menunjukkan bangsa Melayu sudah maju pada zamannya dan sudah mempunyai sistem kepercayaan yang kompleks. Lantas timbul anggapan yang dikenali sebagai *mana* seperti yang dihubungkan dengan kepercayaan orang Melanesia. Terdapat juga unsur kepercayaan pada roh atau semangat yang ada pada bahagian tertentu tubuh manusia, seperti kuku, lidah, dan sebagainya. Unsur *mana* bukan sahaja wujud pada anasir alam, tetapi juga pada peralatan budaya yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari, seperti besi, tembikar, zink dan lain-lain khususnya jika objek itu tidak diketahui asal usulnya atau umurnya.

Mana dalam alat begitu dihubungkan dengan kesaktian, yakni suatu kategori istimewa objek itu sebagai barang warisan keluarga dan pusaka, misalnya, keris, alat bunyian keluarga diraja, atau tajak di kalangan masyarakat kampung yang dapat digunakan bagi menanam padi. Tumbuh-tumbuhan, seperti kelapa dan padi, dan bahagian binatang, seperti tanduk lembu, taring buaya, kuku

harimau mempunyai hubungan dengan kehidupan dan digunakan bagi kepentingan tertentu. Demikian juga penggunaan objek seperti azimat atau tangkal. Kepingan besi atau logam, permata cincin, dan lain-lain dianggap mempunyai tujuan mengelakkan diri daripada terkena racun atau ubat pengasih. Setiap benda yang hidup ataupun yang mati mempunyai semangat yang mesti dipuja supaya tidak mengacau ketenteraman masyarakat. Berasaskan konsep yang terjelma daripada berbagai-bagai kepercayaan tadi timbul pantang larang, adat istiadat, undang-undang, kepercayaan, dan sebagainya dan mengembangkan kesenian tertentu yang penting dalam masyarakat untuk memuja semangat, misalnya, tarian, mantera, adat menanam, adat kematian, dan lain-lain.

Kepercayaan dan keperluan kepada jawapan terhadap kejadian dalam masyarakat dan konsepsi mereka terhadap alam dalam kepercayaan animisme ini memungkinkan lahirnya mitos dan cerita asal usul sebagai suatu perkembangan tradisi lisan yang beraneka ragam. Tradisi ini semakin kaya dan berkembang apabila pengaruh Hindu dan Islam berkembang setelah orang Melayu mempunyai sistem tulisan. Warisan yang paling berkesan dalam tradisi lisan orang Melayu purba ialah pantun, peribahasa, perbilangan, dan cerita penglipur lara. Pantun, alat pernyataan pemikiran dan falsafah bangsa Melayu dan telah menjadi pusaka budaya yang difahami dan diminati, adalah satu bentuk ciptaan asli Melayu meskipun terdapat bentuk puisi yang hampir-hampir sama dalam puisi Turki tua, Jepun kuno, dan Cina kuno. Pantun adalah bentuk puisi Melayu yang pertama dan yang tidak terpengaruh oleh kebudayaan luar.¹⁶ Amalan juga sebagai upacara yang jelas berbentuk perayaan bagi memuja semangat padi, memuja pantai, dan sistem lain dalam *rites de passage* sebagai menandakan peralihan tahap umur individu dan status, misalnya, upacara sewaktu dan sebelum lahir, kahwin, dan mati. Wujudnya kepercayaan ini ada kaitan dengan pengaruh Hindu, khasnya pengaruh ilmu kedukunan atau perbomohan dengan adanya kaitan nama dewa, seperti Betara Guru, Visynu, dan Dewi Agung pencipta alam dan manusia, dan masing-masing mempunyai

16 Emeis, 1965, hlm. 198. Ghazali, 1969, hlm. 159; Za'ba, 1965, hlm. 192; Winstedt, 1969, *op. cit.*, hlm. 193-207, 1972, hlm. 157-160.

pengaruh dan peranan ke atas kesusilaan manusia.

Bomoh dan pawang dan ilmu yang berkaitan dengannya amat besar pengaruhnya dan memungkinkan suatu sistem perubatan rakyat yang sangat berfaedah. Walaupun dianggap primitif dan tidak saintifik jikalau diukur dengan sains moden, ia berjaya mengumpul kemudahan perubatan yang kaya yang dapat digunakan untuk mencari kemungkinan baharu dalam perubatan moden.¹⁷ Tradisi perubatan lahir di kalangan orang Melayu dengan penggunaan akar kayu, buah-buahan, dedaunan, dan yang lainnya, meskipun tidak selalunya tepat bagi menyembuhkan sesuatu penyakit. Contoh yang baik, misalnya, "jamu" yang amat popular di Indonesia merupakan tonik ramuan akar kayu yang nyata memberi kesan. Di Malaysia, ramuan begini dikenali sebagai makjun. Kepercayaan pada bomoh masih meluas bukan sahaja di kalangan orang bandar dan kedua-dua sistem perubatan ini wujud persaingan bagi mengurangkan kesakitan dan kesengsaraan pesakitnya. Dalam banyak hal, perubatan moden tidak dapat mengambil berat tentang perubatan tradisional. Dengan penerimaan perubatan moden, walaupun bomoh tidak kekal sebagai pengubat setiap penyakit, peranan mereka sangat penting bagi jenis penyakit yang bukan fizikal. Ini menunjukkan cara tradisional memang diperlukan bagi mengubati setengah penyakit.¹⁸

Sistem yang berlanjutan hingga kini semenjak zaman pra-Islam lagi sangat mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu hingga sebahagiannya mempunyai unsur magik yang dapat dibezakan daripada agama kerana magik ada kaitan dengan unsur luar biasa dan digunakan bagi kepentingan khusus. Magik menimbulkan jampi atau formula tertentu untuk memenuhi tujuan tertentu. Animisme dan magik adalah saki-baki kepercayaan masyarakat pra-Islam yang

17 Bagi keterangan lanjut, lihat Gimlette, 1971.

18 Hal ini memang diakui oleh kebanyakan sarjana budaya masyarakat dan pakar perubatan sendiri, bahkan ada antara mereka menyarankan supaya kerjasama sains moden dengan pakar perubatan tradisional digalakkan. Dalam simposium kaji saraf di negara membangun di Kuala Lumpur, Mac, 1975, sarjana seperti Prof. B.O. Osuntokun (Nigeria), Dr. Gwee Ah Leng (Singapura) dan Prof. Mohd. Taib Osman (Malaysia) mengakui hakikat ini. Lihat juga Gimlette, *op. cit.*

menjadi pernyataan pandangan dunia mereka. Kepercayaan begini bukan menunjukkan kerendahan pemikiran mereka, tetapi pengalihan sistem logik yang diasaskan terhadap diri dan alam mereka. Hal ini juga menjadikan institusi perpawangan dan perbomohan semenjak zaman purba, dari suatu sudut, menanamkan kesedaran pemikiran, ketekunan, dan kesabaran dalam diri seseorang yang mahu memperoleh ilmunya. Mungkin perkara ini tidak disedari oleh orang Melayu, tetapi kebolehan mereka melanjutkannya melalui pengajian daripada satu keturunan kepada yang lain, minat dan ketekunan murid yang menerimanya, menunjukkan sudah sedia ada disiplin tertentu dalam ilmu ini, seperti juga dalam bidang perdalangan, pencak silat, dan lain-lain. Keaslian dan peribadi tidak terjejas, bahkan pengaruhnya yang kuat itu disemaikan dalam adat istiadat, mantera, tarian, setelah datangnya pengaruh luar. Tradisi keilmuan ini biarpun hakikatnya wujud dalam kehidupan manusia Melayu purba, telah menjadi disiplin keilmuan yang sehingga kini masih dipegang oleh masyarakat Melayu di Malaysia, khususnya di luar bandar.

Kedatangan Islam mengubah penganutan agama keseluruhan bangsa Melayu kepada satu agama wahyu yang ditanzilkan oleh Tuhan yang kini membentuk segala kegiatan dan perlakuan keagamaan mereka. Proses sinkretisme, iaitu penyebatian dan penyesuaian terhadap agama baharu yakni Islam berlaku, tetapi ciri kepercayaan animisme dan Hinduisme dalam upacara kepercayaan orang Melayu masih boleh dikesan. Kini agama Islam merupakan agama yang rasmi bagi masyarakat Melayu semenjak kira-kira lebih enam abad yang lalu, walaupun unsur kepercayaan lama animisme dan pengaruh Hindu dikekalkan. Unsur animisme masih dapat dilihat dalam pesta main pantai, pesta mandi safar (telah dihapuskan dan ditukar kepada Pesta Budaya Melaka mulai bulan April 1975 dan tidak ada hubungan lagi dengan bulan Safar) dan juga kepercayaan pada penunggu, jembalang, pelesit, dan hantu syaitan. Pesta puja pantai masih subur di Terengganu kecuali akhirnya ini dipinda menjadi main pantai (tetapi di Kelantan diharamkan semenjak tahun 1959) tidak lain daripada suatu perayaan memuja semangat dan hantu laut yang dipercayai berkaitan dengan kehidupan nelayan. Sepintas pandang, pesta ini menjadi istiadat

bersuka ria yang dapat menghilangkan penat bekerja; tetapi ia juga memenuhi fungsi masyarakat dan kesenian sekali gus yang berasaskan falsafah tertentu, hingga menimbulkan ciptaan kesenian rakyat dalam tarian, nyanyian, dan memperteguh institusi gotong-royong orang Melayu.

Lagu dan nyanyian orang Melayu lahir pada mulanya berdasarkan pantun ciptaan asli mereka; pengaruh kebudayaan Hindu (India), Islam (Arab), Portugis (Eropah), Jawa dan lain-lain sebenarnya tidak menghilangkan jiwa Melayu menerusi seni kata pantun. Ciri kemelayuan dan keaslian tetapi wujud kerana pengaruh itu sudah diubah dan disesuaikan dengan keperibadian orang Melayu, sehingga kita mendapati tarian joget berunsur Portugis, tarian serampang berunsur Sumatera (yakni sebahagian daripada Dunia Melayu, walaupun tarian itu bukan ciptaan asal Semenanjung), inang, dan lain-lain atau lagu seperti Dondang Sayang, Mas Merah, dan sebagainya berasaskan pengubahsuaian sendiri.

Di kalangan bangsa Melayu (yang disebatikan antara animisme dan Hindu dengan Islam) terdapat amalan yang bukan bercorak Islam, sebagai bahagian yang amat kecil dalam suatu rangka keagamaan yang sebenarnya. Islam sebenarnya menentukan tindakan dan pengaruh yang besar dalam kebudayaan bangsa Melayu, baik dari segi ekonomi, politik, ataupun sosial hingga kini merupakan agama rasmi negara dengan sultan atau raja menjadi ketua yang menyerahkan kuasanya kepada Majlis Agama setiap negeri dalam membuat arahan atau penganan hukum ke atas penganutnya. Islam menjadi pegangan agama yang kuat. Seluruh masyarakat Islam di Malaysia bertanggungjawab memelihara dan mengembangkan kesuciannya. Islam sebenarnya adalah faktor pengikat yang kuat menggabungkan anggotanya dalam satu unit sosial.¹⁹ Ciri penyatuan²⁰ kehidupan masyarakat umpamanya jelas dapat dilihat dalam undang-undang dan pelajaran agama, institusi keagamaan yang praktikal, kalendar Islam, moraliti Islam, dan upacara tradisional yang menjadi amalan di serata negara dunia yang penduduknya beragama Islam. Cuma

19 Lihat juga perbincangan Firth tentang kepentingan agama dalam realiti sosial. Firth, 1963, hlm. 215-50.

20 Lihat Trimmingham, 1959, hlm. 68-101.

SISTEM SOSIAL MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL

amalan berbeza mengikut kehidupan masyarakat masing-masing, lebih-lebih lagi masyarakat Melayu yang telah menyesuaikan amalan seharian mereka daripada pengaruh tradisi purba dan Hindu dengan Islam.

Bab Tujuh

KONFLIK NILAI DAN PERUBAHAN SOSIAL

Kedatangan Barat pada awal abad ke-16 yang mencapai puncak pengaruhnya pada pertengahan abad ke-19 hingga kini merupakan kedatangan kuasa penjajahan baik dalam bentuk politik kolonialisme mahupun dalam bentuk ekonomi kapitalismenya. Hakikat bahawa kebudayaan Barat bukan membawa suatu zaman baharu yang mengubah keperibadian dan identiti kebudayaan Melayu perlu ditekankan, kerana Barat tidak membawa sifat yang menguntungkan seluruh rakyat. Kedatangan Barat, khususnya kedatangan Inggeris, di Tanah Melayu yang membawa sistem ekonomi kapitalismenya dan campur tangannya yang luas dalam hal-ehwal politik dan pentadbiran negeri Melayu, menimbulkan konflik nilai yang amat hebat dalam masyarakat Melayu. Berbanding dengan Islam, yang proses pemodenan kebudayaan Melayu terjadi hasil daripada proses pengislaman yang telah mengubah pandangan hidup kepada alam rasionalisme dan intelektualisme dan keseluruhan keperibadian insan, baik batiniah mahupun lahiriah; kedatangan Inggeris selain memperkenalkan sistem kapitalisme dalam bentuk ekonomi baharu yang mengejar aspek luaran kehidupan manusia juga memungkinkan perkembangan dan pergolakan baharu manusia di Asia Tenggara. Kolonialisme Barat sedikit sebanyak melumpuhkan masyarakat di Asia Tenggara khasnya dan di Asia amnya.

Kesan Barat pada abad ke-19 jauh berbeza daripada kedatangan mereka pada awal abad ke-16 dahulu. Ternyata tujuan perdagangan dengan daerah Alam Melayu sebelumnya telah bertukar menjadi bukan sahaja penguasaan ekonomi bahkan politiknya. Kalau

Spanyol menduduki Filipina, Belanda di Indonesia maka Inggeris pula mencampuri hal ehwal politik Tanah Melayu dengan memulakan langkahnya menerusi Perjanjian Pangkor 1874.¹ Masyarakat tradisional Melayu yang mempunyai sistem sosiopolitik dan pemerintahan yang kekal beberapa lama mula digugat dengan idea baharu Inggeris yang lebih memenuhi tujuan tertentunya sahaja. Pengenalan sistem dan ekonomi baharu memungkinkan campur tangan mereka yang lebih besar dan kuat, khasnya dengan mewujudkan sistem residen dan menubuhkan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Inggeris mula menentukan corak pemerintahan, pentadbiran, dan mengadakan dasar yang penting berhubung dengan sesebuah negeri Melayu, bahkan menentukan kedudukan seseorang raja yang dilantik memerintah negeri.

Perkembangan sosial yang baharu mulai wujud bahkan dirancarkan oleh Barat. Penghijrahan orang asing beramai-ramai ke rantau sebelah sini, terutama Malaya, tidak boleh dipisahkan begitu sahaja kerana ternyata pertembungan dan konflik nilai yang telah dan akan berlaku mempunyai kesan yang besar dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan negara ini. Pencarian identiti kebangsaan, perpaduan kaum, dan pengenalan sistem sosial menjadi ujian kekuatan kebudayaan Melayu yang telah wujud beribu-ribu tahun yang lalu, khususnya terhadap identiti dan keperibadian.

Perubahan masyarakat dan budaya merupakan suatu fenomena universal yang berlaku dalam masyarakat dari semasa ke semasa, baik perubahan pola budaya, terutama sikap mahupun pemikiran yang membawa kesan pada kehidupan. Hakikatnya, perubahan yang berlaku dapat disedari dengan peredaran masa dan dengan tanggapan terhadap perbezaan yang wujud antara sesudahnya dan sebelumnya, misalnya, jika bandingan dibuat tentang perbezaan kenyataan sosial masyarakat dan budaya sebelum abad ke-19 atau abad ke-20 dengan sesudahnya atau Zaman Batu dengan Zaman Logam orang Melayu. Masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang mempunyai kekuatan untuk berubah dengan sendiri, tetapi tidak dapat juga disangkal perubahan akibat faktor-faktor sejarah daripada pengaruh luar yang melibatkan penyesuaian kehidupan

1 Lihat Khoo, 1966 - 1974, *op. cit.*

dalam aspek sosial, politik, dan ekonomi.

Akibat pertembungan Barat dengan pengaruh Hindu dan Islam, kesannya dapat dilihat dengan nyata. Anasir pengaruh dalam unsur kepercayaan, adat istiadat, dan kesenian berlaku serentak dengan proses "penghinduan" (*Indianization*), tetapi Hindu tidak mengubah keperibadian masyarakat Melayu berbanding dengan Jawa apabila terbentuknya kerajaan Hindu yang sangat kuat. Pengaruh Hindu dalam kebudayaan Melayu terbatas kepada anasir yang amat kecil. Pengaruh Islam yang mula bertapak pada abad ke-14 atau abad ke-15 membawa kesan yang jauh berbeza yang mengubah kepercayaan bangsa Melayu yang sebelumnya dipengaruhi oleh Hindu itu. Kemasyarakatan dan kebudayaan Melayu berubah corak dan rupa dengan cara hidup masyarakatnya disesuaikan dengan prinsip Islam.

Kebudayaan Melayu tidak banyak menerima sumbangan Barat, bahkan sebagaimana ditegaskan oleh seorang ahli sejarah Belanda bahawa orang Barat bersikap hipokrit apabila mereka mengatakan Baratlah yang membawa tamadun ke rantau ini. Hal ini amat benar apabila dilihat bahawa orang Barat yang mula-mula datang bukanlah ahli yang terlindung dalam asuhan kebudayaan Barat, tetapi lebih tepat dianggap sebagai penjajah atau pengkhianat kemurnian pemerintahan Melayu sezaman atau paling elok mereka hanyalah ahli perniagaan. Golongan lain, seperti paderi dan pengembang agama Kristian hanya datang kemudian daripada golongan tadi. Kedatangan Barat yang membawa agama Kristian ke Alam Melayu menjadikan Filipina (kecuali bahagian selatannya) menerima dan menganut agama Kristian dan daerah lain Kepulauan Melayu khususnya Malaya dan Indonesia, mempunyai penduduk Kristian.

Walaupun agama Kristian tidak begitu berpengaruh, kedatangan agama ini sedikit sebanyak melambatkan proses penyempurnaan intelektualisme dan rasionalisme Islam dan melewati pengislaman rantau ini sepenuhnya. Suatu corak kehidupan yang diharapkan berlainan sama sekali daripada sebelumnya (dalam erti kata sebenarnya jika gerakan rasionalisme Islam disempurnakan) menghadapi jalan yang digelapkan oleh Inggeris apabila Inggeris mengasingkan agama (Islam) dan adat daripada politik. Pengasingan ini menjadikan orang Melayu menganuti agama yang dianggap sebagai agama akhirat semata-mata dan masyarakat Melayu moden lahir dengan

semangat dan kejiwaan yang disemaikan oleh materialisme Barat. Faktor ini memungkinkan Islam yang dianuti oleh bangsa Melayu tinggal nama sahaja dan menjadi agama yang mundur. Hakikat inilah yang memerlukan kesedaran baharu bagi mengembalikan keperibadian sendiri bangsa Melayu yang sudah sedia ada zaman-berzaman, di samping menghindarkan kekeliruan.

Sejak kebelakangan ini, perubahan masyarakat dan budaya dikaitkan dengan penyesuaian pengaruh Barat dalam konteks kedatangan Inggeris dan penjajahannya di Malaya, walaupun kita tidak menolak bahawa aspek perubahan sosial melibatkan perubahan ekonomi, politik dan budaya. Pengaruh mereka, terutama di Malaya, mula terasa pada abad ke-19 yang memberi kesan terhadap politik dan ekonomi negara. Pengaruh politik, pada mulanya terasa di Melaka (setelah dikuasai Portugis pada tahun 1511 dan Belanda pada tahun 1641), sedikit sebanyak memberi kesan terhadap kesenian bangsa Melayu. Berbanding dengan pengaruh Portugis (tidak banyak terdapat melainkan dalam tarian joget, lagu rakyat, seperti *Jingling Nona* dan beberapa perkataan dalam bahasa Melayu), pengaruh Belanda agak besar ertinya dalam seni bina Melayu, meskipun tidak berasal dari zaman pendudukannya di Melaka.² Bentuk rumah perabung lima adalah bentuk Belanda asalnya, bentuk yang berlainan bentuknya daripada rumah orang Melayu. Rumah Melayu mempunyai sebuah perabung memanjang sepanjang rumah. Susunan bilik juga berubah, begitu juga letak lantai, dan rumah Melayu sudah tidak tinggi lagi. Dalam perbendaharaan bahasa Melayu, banyak perkataan Belanda dibawa masuk, terutama di Indonesia, berserta fakta penjajahan antara Belanda di Indonesia dengan pengaruh Inggeris di Malaysia. Berbeza daripada kedatangan pengaruh sebelumnya, Inggeris pada abad ke-19 campur tangan dalam peluasan pengaruh politik, sama seperti cita-cita negara Barat lain di Alam Melayu untuk meluaskan jajahan takluk. Perkembangan ini berkait rapat dengan permulaan kemajuan sains dan teknologi Barat yang mencetuskan Revolusi Industri dan Revolusi Pertanian pada abad ke-17 dan abad ke-18. Revolusi ini mengubah tradisi ekonomi mereka daripada ekonomi

2 Syed Muhammad Naquib, 1972, hlm. 20.

pertanian kepada perindustrian yang memecahkan struktur masyarakat feodal kepada kapitalisme.

Golongan tuan tanah bertukar menjadi golongan pemodal yang menguasai punca pengeluaran perindustrian. Perubahan itu sendiri memungkinkan perombakan ekonomi tradisional orang Melayu atas dorongan peluasan kuasa Inggeris tadi. Inggeris kini menumpukan perhatian pada bahan mentah perkilangan, di samping mencari pasaran hasil pengeluaran mereka di tanah jajahan. Motif perniagaan dan perdagangan bertukar dengan cepat ke arah penaklukan menerusi saluran halus politik dan diplomasi mereka. Kepentingan ekonomi menentukan dua cara hidup yang berbeza dan melahirkan konflik perubahan nilai dalam politik, ekonomi, pentadbiran, undang-undang atau pelajaran yang menimbulkan cara berfikir, sikap dan nilai baharu yang mendekatkan masyarakat Melayu kepada unsur kehidupan Barat serta merenggangkan unsur-unsur budaya dan sistem sosial tradisional mereka. Perubahan ini menjadikan pengaruh Inggeris semakin kuat dalam bidang tertentu dan memungkinkan keperluan penjajah dipenuhi. Maka kehendak mereka untuk menjamin kedudukan di negara yang dijajah dapat dicapai dengan mudah.

Kedatangan Inggeris menemukan dua masyarakat yang jauh berbeza dari segi asas kemasyarakatan, ekonomi, dan politik dan dalam banyak lapangan yang lain. Sistem beraja Inggeris tidak boleh disamakan dengan sistem beraja bangsa Melayu, kerana sistem beraja di Semenanjung benar-benar merupakan kenyataan kepimpinan yang berkuasa penuh dalam kawalan kuat kuasa kerana penyebaran daerah-daerahnya. Sebenarnya sistem pemerintahan dan penyelarasan kekuasaan masyarakat Inggeris adalah lebih kompleks dan dipusatkan, berbanding dengan masyarakat Melayu yang pada masa itu berpecah-pecah. Inggeris mengambil kesempatan ini dengan memperkenalkan sistem pentadbiran yang mengakibatkan perombakan dan pembentukan pemerintahan yang dipusatkan dan menentukan sempadan negeri buat pertama kalinya, seperti Selangor, Perak, dan Pahang yang menjadikan negeri tradisional itu meliputi kawasan yang belum diduduki orang. Raja yang berkuasa ke atas sesuatu kawasan merupakan individu yang diterima oleh Inggeris dan yang sanggup menerima sistem residen

untuk menasihati mereka dari segi pemerintahan. Nilai baharu dan perubahan dasar yang diperkenalkan oleh Inggeris berhubung dengan kedudukan sultan ini menjadikan raja sebagai lambang. Negara sebenarnya dikuasai oleh penasihat Inggeris dan pegawainya. Pembesar yang cuba melawan akan menerima penentangan Inggeris melalui pertempuran atau serangan. Sesetengahnya ditangkap dan dibuang negeri. Kuasa raja bukan lagi kuasa politik dan ekonomi, tetapi bertukar menjadi kuasa ke atas adat resam orang Melayu dan hal-ehwal Islam sahaja. Sistem pecah dan perintah ini pernah juga dilakukan oleh Inggeris di India dan negara di Afrika.

Inggeris menganggap pemerintahan secara tidak langsung ini sangat baik, cekap, dan mengurangkan belanja. Mereka memperoleh kerjasama sultan, di samping mengekalkan hak istimewa mereka dan gaji yang besar. Kerjasama sultan memungkinkan pemerintahan Inggeris tidak ditentang padahal semakin hari kuasa raja mula dilucutkan, termasuk kuasa ekonomi. Kegiatan secara langsung raja dan pembesar dalam kegiatan ekonomi, seperti perlombongan, dihadkan kepada kemampuan masing-masing dan sebaliknya Inggeris menyertai perlombongan secara besar-besaran dengan modal yang banyak. Ekonomi moden yang bergantung pada modal pula menyebabkan golongan raja dan pembesar tidak dapat ikut serta. Sistem baharu ini juga menutup sumber pendapatan lain; pungutan cukai, misalnya, dijalankan oleh pegawai yang dilantik khas dan ditempatkan di perbendaharaan bagi kegunaan pentadbiran, seperti untuk membayar gaji dan membina jalan raya. Proses pemusatan pemerintahan (walaupun raja atau sultan mempunyai kuasa yang lebih teguh) tidak diimbangi dengan keteguhan ekonomi dan politik sebagaimana sebelumnya. Hal ini membawa implikasi kepada kedudukan sultan dan pembesar.

Peluasan sempadan negeri menyebabkan pentadbiran menyalurkan kakitangan yang lebih banyak bagi melaksanakan dasar pemerintahan. Birokrasi moden diwujudkan dan dianggotai oleh pegawai baharu dengan residen Inggeris berada di puncaknya. Corak pentadbiran yang formal ini sangat memerlukan pegawai dan kakitangan yang patuh pada pemerintah yang harus berbeza daripada pembesar sekeliling. Hal ini memperlihatkan keadaan yang tidak bersepadu, yakni pembesar dapat membantah kuasa raja.

Inggeris membawa kakitangan dari England bagi memenuhi keperluan pentadbirannya sebelum pelantikan anak negeri dibuat di kalangan golongan pembesar bangsawan tradisional yang tidak menentang campur tangan mereka. Kecekapan memerlukan kakitangan yang terlatih dan hal ini ditampung dengan penubuhan pusat latihan.

Inggeris memperkenalkan sistem pendidikan baharu yang membekalkan pegawai pentadbiran kolonial yang kemudian menimbulkan golongan baharu dalam masyarakat yang sebelum ini tidak wujud dalam masyarakat tradisional. Golongan menengah ini terdiri daripada guru yang merupakan pemimpin baharu masyarakat sehingga selepas kemerdekaan, selain orang berada atau orang kaya yang wujud hasil daripada sistem kapitalisme Barat di samping penghulu dan pemimpin agama – magik.³ Inggeris membuka sekolah untuk melatih pegawai rendah anak negeri dengan jentera pentadbiran yang disusun seratus peratus bagi menjaga kepentingan penjajahan mereka. Daripada perkembangan pendidikan itu lahir golongan terpelajar anak negeri yang terdidik secara Barat. Meskipun bilangannya amat sedikit berbanding dengan rakyat terbanyak, mereka inilah kelak menjadi pejuang kemerdekaan dan pemimpin politik. Perkembangan pelajaran tidak lagi memisahkan pengetahuan dan pemikiran anak negeri daripada pergolakan dunia luar. Malah ia berkembang pesat dengan peluang terbuka luas bagi seluruh rakyat apabila kemerdekaan dicapai. Persoalan dalam bidang politik, ekonomi, kesenian, kesusasteraan, falsafah dan lain-lain turut dibincangkan walaupun pada mulanya melalui bahasa penjajah.

Kesedaran dan nasionalisme kemudian meletakkan bahasa

3 Mengikuti kajian Syed Hussin Ali, pemimpin dominan di peringkat kampung hari ini terdiri daripada penghulu, guru sekolah dan orang kaya kampung. Ini ternyata sebagaimana yang digambarkan di Kerdau dan Bagan yang kepemimpinan mereka ditentukan oleh kedudukan, peranan, dan fungsi yang dimainkan. Mereka dominan dalam komuniti kerana pemilihan sosiometrik yang meletakkan mereka dalam berbagai-bagai jawatankuasa dan tingkah laku kepimpinan mereka yang boleh memberi kesan ke atas sikap dan mempengaruhi cara pemikiran masyarakat dalam membuat keputusan penting untuk mencapai satu-satu matlamat. Lihat Syed Hussin, 1966, 1975, *op. cit.*

Melayu di tempatnya yang hak dan wajar dan bahasa itu disempurnakan sedikit demi sedikit. Pengaruh yang terbesar dalam perkembangan pelajaran barangkali adalah tulisan Melayu yang disesuaikan dengan huruf latin yakni tulisan rumi yang ternyata sangat praktikal. Dengan tulisan ini bahasa Melayu dapat dibunyikan dengan lebih tepat, ringkas dan mudah dipelajari dan lebih mudah diajar kepada orang bukan Melayu. Cendekiawan mulai berasa bimbang tentang pengaruh ejaan ini. Kekuatan itu menenggelamkan ejaan jawi seperti ejaan jawi menenggelamkan tulisan sanskrit. Gesaan pihak tertentu timbul supaya dua sistem tulisan ini dikekalkan seimbang dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Perkembangan baharu dalam bidang bahasa memesatkan lagi alam kesusasteraan dan kesenian Melayu. Bentuk kesusasteraan Barat, seperti novel, drama, sajak (soneta), esei, dan kritikan kesusasteraan diperkenalkan di Nusantara dan bentuk itu, terutama soneta, novel, cerpen, dan drama kian popular dan menjadi sebahagian daripada alat ekspresi bangsa Melayu. Keadaan ini juga memungkinkan bahasa Melayu menjadi bahasa kesusasteraan dan diperteguh dengan cita-cita serta perkembangan baharunya menjadi bahasa moden antarabangsa dalam apa-apa juga bidang keilmuan. Bahkan sejarah bahasa Melayu sendiri menunjukkan kejayaannya menjadi bahasa persatuan yang ulung di daerah Nusantara yang tidak ada bandingannya di Asia. Daerah ini yang terkenal dengan berbilang suku dan bahasa dapat disatukan oleh bahasa Melayu kerana sifatnya yang serupa itu. Keinginan terhadap suatu alat perhubungan moden pada abad ke-20 mewujudkan perkembangan baharu bagi penstandardan bahasa Melayu dan penciptaannya yang baharu hingga kerjasama Malaysia-Indonesia dalam pembinaan bahasa kesatuan ini menjadi amat penting. Pada sesetengah tanggapan, kerjasama antarabangsa itu memperlihatkan keazaman untuk merencana dan menyelaraskan perkembangan bagi kepentingan Nusantara.

Sains dan teknologi moden yang diperkenalkan oleh Barat, khasnya alat cetak mempertingkatkan perkembangan bidang ini. Kesusasteraan Melayu selepas pengenalan alat cetak tidak terbatas di istana lagi, tetapi dapat disebar dengan seluas-luasnya. Percetakan dianggap menjadi ciri zaman baharu dalam kesusas-

teraan Melayu moden.⁴ Teknologi Barat juga melahirkan filem dan drama moden yang memerlukan latihan khas untuk menanganinya yang disesuaikan daripada drama tradisional Melayu yang selama iri dinikmati melalui wayang kulit, bangsawan, makyung atau tradisi lisan yang lain.

Perubahan sosial yang penting semasa kolonial tidak dialami oleh rakyat, misalnya kemudahan perubatan yang hanya disalurkan secara kecil-kecilan sahaja berbanding dengan perubahan ekonomi yang memperkenalkan tanaman getah sebagai tanaman tunai yang menimbulkan kesan terhadap ekonomi pengeluaran dan kewangan. Mereka mula berasa tidak puas hati terhadap ekonomi secukup hidup, dan sudah meletakkan nilai terhadap barangan keluaran perusahaan dan barangan yang didatangkan dari luar. Kesedaran Inggeris terhadap kemungkinan perkembangan ekonomi yang pesat dalam perusahaan getah dan bijih timah menyebabkan kemudahan perhubungan disediakan seperti jalan raya dan kereta api, hinggakan kini kemudahan perhubungan di Malaysia merupakan yang terbaik di Asia Tenggara. Inggeris, yang percaya pada ekonomi bebas, juga merancang ekonomi sesuai dengan hasrat dan kepentingan mereka.

Perubahan ekonomi membawa kesan terhadap ekonomi tradisional yang masih dikekalkan. Sistem ekonomi orang Melayu memperlihatkan keadaan yang sama sebagaimana wujud sebelumnya, berasaskan pertanian dan perikanan dengan penggunaan teknologi mudah dan dengan ekologi terbatas kepada tenaga binatang dan unit keluarga secara secukup hidup yang berubah secara lebih teratur selepas negara ini mencapai kemerdekaan. Perubahan ekonomi melibatkan konflik baharu nilai ekonomi, biarpun perubahannya berbeza daripada perubahan politik tradisional yang disesuaikan dengan politik dan pentadbiran baharu. Perusahaan getah dan per-

4 Pendapat ini selalu ditekankan oleh Ismail Hussein (Prof.) apabila beliau membicarakan permasalahan kesusasteraan Melayu moden. Abdullah Munsyi, misalnya, yang lahir pada masa alat ini diperkenalkan dikatakan pelopor kesusasteraan autobiografi dan isinya tidak lagi tentang raja dan istana. Alat cetak juga mengembangkan persuratkhabaran dan majalah Melayu. Beliau juga sering menimbulkan permasalahan dan kepentingan yang bersangkutan-paut dengan pertumbuhan bahasa Melayu di Nusantara: Lihat Ismail, 1974.

lombongan secara besar-besaran hanya boleh melibatkan manusia yang berkemampuan dalam perdagangan antarabangsa yang tidak melibatkan orang Melayu secara langsung kerana bentuk ekonomi mereka bukan bercorak Kapitalisme. Bentuk pemodenan sedemikian dapat diadakan oleh pedagang besar khususnya Inggeris. Raja dan pembesar Melayu tidak menggunakan modal mereka bagi menyertai perusahaan besar, sedangkan mereka adalah golongan yang lebih berkemampuan. Rakyat masih dengan cara tradisional menjalankan kegiatan tradisional, dan mustahil untuk ikut serta dalam perkembangan baharu itu, walhal mereka adalah bahagian penduduk yang lebih besar dalam ekonomi yang sedang berubah itu. Ekonomi "duaan" wujud sebahagiannya terlibat dalam aktiviti modal ekonomi kewangan antarabangsa secara besar-besaran.

Perubahan ekonomi juga mengakibatkan perubahan kehidupan, kesan daripada perubahan persekitaran itu. Salah satu kesannya ialah susunan kekeluargaan (sebelumnya sebagai unit sosial dan ekonomi) yang kini mulai melalui proses keruntuhan. Keluarga sebagai unit ekonomi mula berpecah. Apabila masalah kekurangan tanah timbul daripada sistem Torrens yang memperkenalkan pemilikan dan pembukaan tanah, kadar pemilikan tanah menjadi bertambah kecil dan dirasai setelah pembukaan lombong dan ladang menyebabkan keluasan tanah untuk dikerjakan oleh satu-satu keluarga semakin sempit dan terhad. Tenaga lebih mencari peluang lain bagi menampung kehidupan dan merupakan faktor yang menolak orang Melayu berpindah ke kawasan industri di pusat bandar. Keruntuhan keluarga sebagai satu unit ekonomi dapat juga dikaitkan dengan perkembangan pendidikan baharu yang menyebabkan penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar sehingga kini. Susunan masyarakat Melayu, di peringkat permulaan perubahannya, menyebabkan mereka tidak mempunyai peluang pekerjaan. Mereka mempunyai nilai dan pandangan baharu yang menimbulkan konflik antara nilai tradisional dengan unsur kebendaan moden yang melemahkan ikatan kekeluargaan. Keruntuhan keluarga sebenarnya merujuk kepada keruntuhannya sebagai unit sosial. Hal ini menunjukkan konsep kekeluargaan orang Melayu tetap dapat dipertahankan dan berbeza daripada keruntuhan keluarga yang dialami oleh Barat.

Kemasukan orang Cina dan India secara besar-besaran bertujuan bagi menampung keperluan tenaga kerja di lombong dan di ladang yang berkehendakkan buruh murah dan cekap (pada mulanya bukan untuk maksud tinggal menetap di Malaya) dan kemudian menjadi sebahagian daripada penduduk yang sangat penting di negara ini. Akibat yang sangat besar ialah timbulnya masyarakat berbilang kaum dan masalah perhubungan ras yang rumit. Corak masyarakat majmuk (*plural society*) ini ada hubungannya dengan pertumbuhan ekonomi moden.⁵ Kaum Cina dan India sangat kuat berpegang pada kebudayaan dan nilai sosial mereka masing-masing. Demikian juga kumpulan kecil yang lain seperti orang Ceylon, orang Thai, dan yang lainnya, tetapi imigran Indonesia lebih cepat mengasimilasikan kehidupan, kerana cara hidup mereka yang sama dengan orang Melayu di Malaya dan berasal daripada satu rumpun dan daerah yang sama pula yang berbeza daripada imigran lain. Maka, khususnya selepas kemerdekaan timbul kemahuan rakyat untuk mencari identiti kebangsaan melalui suatu kebudayaan kebangsaan supaya tujuan pembinaan negara sebenar-benarnya tercapai, di samping mengikis rasa perkauman yang tebal.

Hakikat ini memberi satu kesimpulan penting bahawa memangnya Barat telah menyekat semangat dan kejiwaan rakyat asal negara ini dengan melindungi pandangan hidup orang Melayu dan bumiputera sendiri. Sistem ekonomi baharu Eropah, khasnya Inggeris, telah memisahkan orang Melayu feudalisme dengan perekonomian moden. Orang Melayu tidak diberi peluang. Mereka dianggap sebagai tidak berpengalaman dalam kerja perburuhan dan perdagangan. Peluang pendidikan juga tidak dibuka seluas-luasnya, kecuali sekolah rendah yang diharap memberi kedudukan yang baik sedikit daripada keturunan mereka yang terdahulu.

Sistem feudalisme terus berjalan dalam ekonomi baharu itu dengan kedudukan yang hanya dibuka oleh Inggeris kepada anak aristokrat sahaja. Orang Melayu di luar bandar hanya memainkan peranan dalam penghasilan tanaman tunai dengan menanam getah, kelapa, dan perkebunan kecil. Walaupun anak aristokrat menerima pendidikan moden, mereka tidak mengambil bahagian yang aktif

5 Lihat Furnivall, 1956.

dalam ekonomi. Mereka lebih tertumpu pada pentadbiran. Di kalangan mereka juga lahir pemimpin nasionalis Melayu, biarpun hakikatnya, pemimpin Melayu moden itu masih dianggap sebagai wakil golongan feodal sebagaimana yang wujud pada zaman kerajaan Melayu dahulu. Oleh hal yang demikian juga, maka pemimpin yang berjaya harus datang daripada golongan bangsawan atau elit, misalnya, orang bergelar atau pegawai tinggi. Sebahagian besar orang Melayu masih menetap di negeri yang kurang maju, seperti di pantai timur dan utara Semenanjung dengan bertani atau menangkap ikan dan mempunyai taraf kehidupan yang sangat rendah dalam lapangan ekonomi berbanding dengan kumpulan etnik yang lain.

Dalam suatu penganalisan didapati perkembangan yang berlaku sebenarnya tidak pernah didorong oleh kedatangan Barat, tetapi timbul daripada hasrat rakyat sendiri yang menyedari bahawa kapitalisme dan politik mereka hanya ditujukan untuk kepentingan penjajah sendiri. Pengaruh ekonomi dan politik kolonialisme dan kapitalisme Barat menjadikan kehidupan orang Melayu seolah-olah seperti suatu penjelmaan baharu feudalisme Hindu yang mengalihkan sistem kerah (rakyat bekerja untuk raja) kepada perhubungan buruh dengan majikan. Barat memberi pengertian baharu terhadap politik, pentadbiran, dan undang-undang, sementara itu mempertahankan kuasa raja dan ketaatsetiaan rakyat, tetapi sebenarnya mengekalkan kekuasaan sebenar di tangan mereka. Pengertian dan bentuk baharu negara difahami apabila negara mencapai kemerdekaan dan berlaku perpindahan kuasa daripada penjajah. Pemerintahan secara demokrasi berparlimen diperkenalkan dan kegiatan politik bangsa Melayu tidak lagi bersifat kesukuan, tetapi berpusat pada ideologi atau fahaman kebangsaan dan kenegaraan.

Semua aspek dalam bidang seperti pelajaran, pentadbiran, politik, undang-undang, ekonomi, dan lain-lain tidak dinafikan merupakan pengaruh yang memberikan "keuntungan" dengan adanya kemajuan positif hasil daripada pendidikan moden yang memungkinkan kita menerima faedah perkembangan sains dan teknologi. Di samping konsep baharu pemerintahan, pengaruh Barat banyak sekali disesuaikan oleh bangsa Melayu dari segi kediaman, pakaian, kehidupan sosial, makanan, adat istiadat, dan lain. Unsur



Fotograf 12(a) Pengisytiharan Kemerdekaan Negara pada 31 Ogos 1957.
(Dengan Ihsan: Jabatan Muzium dan Antikuiti)

kemajuan Barat, seperti perindustrian, sains, ilmu pengetahuan, proses perbandaran dan pembangunan boleh dipupuk bagi kemajuan negara di samping menimbangkan unturnya yang tidak sesuai dengan keperibadian Melayu yang menolak manusia individualistik dan mementingkan kebendaan semata-mata yang boleh mengakibatkan keruntuhan akhlak dan kerohanian.

Perkembangan politik dan ekonomi yang memerlukan sistem undang-undang dan pentadbiran yang berkesan melahirkan kelas baharu yang amat rapat hubungannya dengan penjajahan dan feudalisme sehingga terpisah daripada golongan rakyat. Keadaan berubah setelah negara merdeka dan pembangunan sosioekonomi dilaksanakan secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, kesejahteraan hidup, kesenangan kebendaan dan kekuasaan politik ekonomi yang dimungkinkan oleh sains dan teknologi Barat berjaya meneguhkan golongan tertentu sedangkan kejiwaan rakyat seluruhnya masih belum berubah. Mereka masih mengamalkan sebahagian besar unsur feudalisme Hindu dan rasionalisme Barat, menerusi pendidikan dan politik, hanya memperkuat feudalisme. Dalam keadaan inilah wujud konflik nilai dalam masyarakat Melayu yang sudah beragama Islam, antara menerima atau menolak pengaruh Barat. Adat istiadat dan feudalisme Hindu bukan sahaja bertentangan dengan ajaran Islam, tetapi tidak sesuai pula dengan pendidikan Barat. Falsafah kehidupan secara fatalistik bukan sahaja menjiwai sikap yang pasif bahkan sikap "tidak apa" yang ternyata lari daripada kehendak peribadi kehidupan moden.

Kesan animisme yang kuat menghindarkan kemajuan bangsa Melayu sendiri. Perkembangan baharu dalam pemikiran, sikap, dan nilai bangsa Melayu sering ditimbulkan oleh ahli fikir Melayu supaya orang Melayu lebih bebas berfikir dan supaya kembali kepada Islam yang sebenar. Perjuangan Dr. Ungku Omar, Dr. Burhanuddin Helmi, Aminuddin Baki, Zulkifli Mohammad, Pendeta Dr. Za'ba dan lain-lain memperlihatkan bahawa pengaruh Barat hanya berjaya menyediakan kehendak kebendaan sahaja tetapi tidak perubahan kejiwaan bangsa Melayu dan rakyat Malaysia seluruhnya dalam kehidupan masyarakat dan kebudayaan mereka sebagai satu cara hidup yang berkesan dalam identiti kebangsaan.

Bab Lapan

KEMERDEKAAN DAN PEWUJUDAN KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

Semenanjung Malaysia (sebelum ini Tanah Melayu) mencapai kemerdekaan dengan persetujuan kerajaan British pada 31 Ogos 1957, hasil daripada rundingan kemerdekaan di London pada tahun 1956. Perjanjian Persekutuan dimeterai (bagi pihak) antara raja Melayu dengan Baginda Ratu dan kemudian diikuti oleh kemerdekaan wilayah timur (Sabah dan Sarawak) dengan penubuhan Negara Malaysia pada 16 September 1963 setelah perjanjian antara kerajaan-kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dan British ditandatangani untuk menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu dengan tanah jajahan Sabah, Sarawak, dan Singapura menjadi sebuah negara baharu dan merdeka.¹ Sehingga tahun 1942, organisasi politik Semenanjung terbentuk daripada Negeri-Negeri Selat, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Melayu Tidak Bersekutu hinggalah selepas Jepun menyerah kalah pada tahun 1945, pembentukan Malayan Union pada tahun 1946 dan pembentukan Persekutuan pada tahun 1948. Penaklukan dan pemerintahan Jepun membuktikan bangsa Barat bukannya tidak dapat dihancurkan hingga membawa kesan terhadap tuntutan kemerdekaan tanah jajahan, khususnya selepas Perang Dunia Kedua bahkan kuasa Barat sendiri mulai insaf kelemahan sistem mereka yang tidak dapat dikekalkan lagi.

1 Walaupun Malaysia mencapai kemerdekaan pada 16 September, ulang tahun Hari Kemerdekaan atau Hari Kebangsaan dirayakan pada 31 Ogos. Lihat *Akta Malaysia*, 1963.

Kuasa Barat, seperti Inggeris, Belanda, Sepanyol, Perancis, dan lain-lain, terpaksa menanggung perbelanjaan yang besar untuk menentang tuntutan kemerdekaan dan perjuangan yang hebat dalam kebangkitan nasionalisme dan gerakannya di negara rantau ini. Penjajahan Inggeris tidak sama dengan Belanda, walaupun perjuangan orang Indonesia menentang Belanda mempunyai kesan yang penting dalam ideologi nasionalisme Melayu. Inggeris pernah kehilangan India yakni tanah jajahannya yang terbesar dan oleh sebab itu kemerdekaan Malaysia sebagai salah sebuah tanah jajahannya yang kecil tidak merugikan mereka hingga kemerdekaannya dapat dicapai dan diserahkan untuk mewujudkan pemerintahan sendiri tanpa pertumpahan darah.

Di Malaysia, kuasa pemerintahan bertukar tangan secara damai dengan sultan terus menikmati keistimewaan. Golongan menengah yang sudah menerima pendidikan moden mula mencampuri politik. Sistem politik secara demokrasi itu memberi rakyat hak mengundi yang bebas dalam menentukan nasib masa hadapan negara. Pemerintahan Inggeris tidak memberi kesan yang menyeluruh kepada rakyat, tetapi sebaliknya peluang khusus untuk segelintir golongan tertentu bagi kepentingan mereka yang tertentu pula. Walau bagaimanapun, sistem pelajaran yang diperkenalkannya menjadi unsur penting bagi kebangkitan nasionalisme Melayu. Sekiranya pemerintahan Jepun selama tiga tahun lapan bulan tidak berjaya melakukan perubahan, kecuali menggantikan sistem kolonial dengan tindakannya yang menindas, maka gerakan menuntut kemerdekaan melalui perjuangan nasionalis Melayu memainkan peranan yang penting setelah Inggeris memerintah semula selepas Perang Dunia Kedua. Pertubuhan politik dan persatuan kebangsaan muncul melaungkan kebebasan sehingga kemerdekaan negara tercapai pada tahun 1957.

Kemerdekaan menimbulkan banyak perkembangan baharu bukan sahaja dari segi ekonomi dan sosial, bahkan yang paling penting bentuk pemerintahan negara. Perubahan sosial secara berancang dilaksanakan; yang paling penting ialah rancangan pembangunan seperti Pembangunan Luar Bandar yang menimbulkan kesedaran kerajaan dan rakyat terhadap pembaikan taraf hidup rakyat jelata. Dasar yang progresif ini terus dilaksanakan dan kerajaan Malaysia mengambil langkah yang tegas membantu kaum

bumiputera dan rakyat amnya dalam peluang melanjutkan pelajaran, kemudahan persekolahan, teknologi, perubatan, perhubungan, dan sebagainya. Dalam sistem pemerintahan yang wujud secara demokrasi berparlimen, wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat merupakan perantaraan hubungan arahan dan tindakan untuk disalurkan kepada rakyat. Wakil rakyat bergantung pada sokongan rakyat semata-mata dari semasa ke semasa setiap kali pilihan raya.²

Dalam sistem pemerintahan baharu ini kedudukan sultan dan raja dikekalkan dengan kuasa terhadap agama dan adat istiadat. Kedudukan itu merupakan bentuk institusi kesultanan yang unik di rantau ini. Sultan mempunyai kedudukan yang lebih teguh dan sebagai lambang perpaduan yang sangat penting. Kedudukan raja yang paling tinggi bergelar D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dilantik bergilir-gilir antara sembilan orang sultan yang memerintah selama lima tahun. Faktor ini walaupun menyebabkan perbelanjaan yang besar bagi Malaysia, sedangkan negara ini sebuah negara kecil jika dibandingkan dengan India, Indonesia, dan lain-lain, institusi itu sendiri yang wujud ribuan tahun merupakan warisan yang amat penting bagi bangsa Malaysia. Di bawah pemerintahan yang baharu ini negeri mempunyai Dewan Undangan Negeri dan juga menteri besar atau ketua menteri dan

-
- 2 Perlembagaan Persekutuan memberi tanggungjawab kepada kerajaan melalui perwakilan rakyat. Semenjak tahun 1955 pilihan raya umum dijalankan mengikut undang-undang yang ditetapkan tentangnya dan diadakan setiap lima tahun sekali. Dalam pilihan raya tahun 1955 sebanyak 52 kerusi dipertandingkan daripada 98 kerusi (yang bakinya dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi): 51 kerusi dimenangi oleh Parti Perikatan dan satu kerusi oleh Persekutuan Islam se-Tanah Melayu (PAS). Kerusi yang dipertandingkan pada tahun 1959 adalah sebanyak 104 dan ahli yang dilantik telah dihapuskan. Dengan pembentukan Malaysia (kemasukan Sabah, Sarawak, dan Singapura) bilangan kerusi Dewan Rakyat ditambah menjadi 159 buah (104 bagi Semenanjung, 16 Sabah, 24 Sarawak dan 15 Singapura) tetapi pilihan raya tahun 1964 hanya bertumpu di Semenanjung sahaja kerana ahli dewan di ketiga-tiga buah negeri dipilih oleh Dewan Undangan Negeri masing-masing tanpa pilihan raya umum. Selepas Singapura keluar dari Malaysia, jumlah kerusi Dewan Rakyat tahun 1969 dikurangkan menjadi 144 buah. Dalam pilihan raya 24 Ogos 1974, jumlah kerusi Dewan Rakyat ialah 154 buah dan Dewan Undangan Negeri berjumlah 360 buah. Di Dewan Rakyat, Barisan Nasional (barisan parti yang diwujudkan atas kesedaran nasional) menduduki 135 kerusi, DAP 9, SNAP 9, dan PEKEMAS 1.



Fotograf 12(b) Pemasyhuran Kemerdekaan 31 Ogos 1957.


dalam hal tertentu pula, negeri mengendalikan pemerintahannya secara tersendiri, walaupun sebahagian besar kuasa pemerintahannya di bawah kerajaan pusat.³ Kuasa terhadap hal ehwal agama Islam juga terletak di bawah negeri akibatnya timbul anggapan bahawa agama Islam di Malaysia lebih konservatif daripada negeri Asia Barat sendiri dan tujuan penyelarasan hal ehwal keagamaan berjalan di bawah Majlis Hal Ehwal Kebangsaan Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri dan sekarang dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), Malaysia.

Sekarang daerah dalam negeri adalah di bawah jagaan pegawai daerah, manakala kampung pula diketuai oleh penghulu yang dibayar gaji tetap dan menjadi wakil kerajaan di peringkat kampung sebagai jentera pentadbiran politik yang penting.

Peranan pegawai daerah dan penghulu berbeza daripada pembesar dan penghulu masa dahulu kerana jawatan itu kini dipegang melalui pencapaian masing-masing dan tidak semestinya diiktiraf oleh sultan terlebih dahulu; ia bergantung pada pemilihan birokratik. Mereka tidak berpengaruh seperti sebelumnya kerana rakyat boleh berhubung terus dengan pihak atasan tanpa pertolongan mereka. Seluruh perkembangan ini mengubah kehidupan masyarakat dan pentadbiran negara.

Malaysia, walaupun sebuah negara yang kecil, mempunyai penduduk berbilang kaum yang sebahagiannya menjalankan sistem ekonomi kapitalis dan sebahagian yang lain masih kekal dengan ekonomi pertanian secukup hidup. Sistem ekonomi dan sosial masyarakat Melayu masih mewarisi unsur feodal prakapitalis dan sedikit sebanyak perubahan hanya dirasai selepas perubahan berancang, seperti setelah Pembangunan Luar Bandar dilaksanakan melalui Rancangan Tanah Melayu Pertama, Kedua, dan rancangan pembangunan Malaysia kini. Pengalaman perbalahan kaum pada 13 Mei 1969 menimbulkan kesedaran baharu bahawa perbezaan kaum dari segi kegiatan perekonomian tidak harus dibiarkan berlanjutan. Atas sebab itu Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dilaksanakan. Pelaksanaan dasar ini dipergiat menerusi Rancangan

3 Lihat *Perlembagaan Persekutuan*, 1970.



Fotograf 13 Tugu Negara. Lambang jati diri Malaysia dalam pemerintahan demokrasi.

Malaysia Kedua 1971–75. Rancangan ini merupakan rancangan pembangunan yang terbesar yang pernah dijalankan berbanding dengan rancangan sebelumnya. Ia mempunyai dua langkah bagi memenuhi matlamat pembangunan sebagaimana dalam Dasar Ekonomi Baru. Langkah pertama ditujukan bagi mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan menambah pendapatan dan memperbanyak peluang pekerjaan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Langkah kedua adalah untuk mempercepat proses penyusunan semula masyarakat Malaysia bagi memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang supaya dapat mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.⁴

Rancangan luar bandar, perkembangan kegiatan yang dipercepat di luar bandar, serta usaha untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perusahaan Melayu dan kaum bumiputera yang lain ini adalah strategi jangka panjang bagi pembangunan dan pembinaan negara. Untuk tujuan itu perbadanan khusus, seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Urban Development Association (UDA), Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW), dan lain-lain ditubuhkan. Pengeluaran dan cara pengenalan masyarakat tani Melayu semakin mengalami perubahan dan tanda menunjukkan punca kuasa *inanimate* dapat dieksploit bagi pengeluaran secara lebih mekanis. Cara memperoleh kemahiran, terutama selepas kemerdekaan melalui pendidikan formal, latihan teknikal, dan sebagainya mewujudkan mobiliti sosial masyarakat tani; sebahagian besar mereka menjawat jawatan profesional dan kemahiran, seperti pegawai kerajaan, guru, askar, ahli perniagaan, dan dalam lapangan lain yang tidak kurang pentingnya. Sistem perairan moden seperti di Muda dan Kemubu menjamin pengeluaran yang lebih, yang dapat mengubah corak ekonomi secukup hidup kepada komersil dan menggiatkan mereka terlibat dalam pengeluaran dengan motif pasaran. Pemasaran, penggunaan kewangan moden, dan sistem pengangkutan yang cekap menjadi perkara biasa. Kini wujud perubahan nilai yang mendorong mereka untuk memperoleh peluang hidup yang lebih sempurna termasuk

4 Lihat *Rancangan Malaysia Kedua*, 1971.

perubahan nilai ekonomi, keagamaan, dan nilai sosial yang selama ini diabui oleh dasar pemerintahan kolonial di Malaysia.

Kemajuan orang Cina jauh berbeza daripada masyarakat Melayu, walaupun mereka juga asalnya dari kampung. Tetapi semenjak awal kedatangan mereka di Malaysia, mereka terus aktif dalam perusahaan dan mendiami bandar yang baru tumbuh untuk menjalankan perdagangan, dan menceburkan diri dalam perusahaan orang Barat atau berusaha secara sendiri. Lebih daripada tiga per empat orang Cina adalah buruh, tetapi mereka juga tergolong dalam kelas pertengahan perdagangan dan perniagaan kerana keaktifan mereka mengurus niaga dan pengetahuan mereka tentang sistem kredit.

Orang Cina di Malaysia membentuk sistem sosial sendiri kerana kedatangan mereka tidak bersama-sama pemimpin. Mereka menunjukkan prestij sosial bergantung pada pencapaian dan harta kekayaan. Semangat dan sikap mereka terhadap usaha untuk mengumpul kekayaan sesuai dengan ekonomi moden yang sedang membangun. Mereka tidak tertarik pada nilai hidup masyarakat Melayu, tidak mengambil bahagian dalam gerakan sosial orang Melayu, kecuali mengetahui serba sedikit bahasa Melayu untuk kegunaan perniagaan semata-mata. Orang India yang sebahagiannya orang Tamil dari selatan India dibawa bekerja di ladang. Kemajuan Malaysia telah menarik mereka datang dengan kelolaan badan tertentu. Mereka juga mengisi jawatan profesional kerajaan dan persendirian. Selepas Perang Dunia Kedua, sifat masyarakat majmuk di Malaysia semakin nyata dan usaha pembinaan negara pada zaman awal kemerdekaan bagi mewujudkan satu rupa bangsa nampaknya tidak berjaya. Pembentukan Parti Komunis Cina, menyedarkan orang Cina Malaysia untuk tidak pulang ke negara mereka, bahkan pada waktu yang sama imigran Cina hampir-hampir tidak ada sama sekali.

Bangsa Melayu yang mempunyai unit atau kumpulan tertentu sebelum perang berasa betapa pentingnya penyatuan mereka. Kebangkitan nasionalisme Melayu cukup hebat dalam sejarah Malaysia. Bangsa Melayu semakin berasa bahawa mereka adalah rakyat negeri-negeri di Malaysia, dan menyedari perlunya menangani kewujudan masyarakat berbilang kaum, yang menunjukkan

sifat perkauman yang semakin jelas dengan adanya pertubuhan parti politik yang berdasarkan kaum dan agama. Tempoh selepas perang dan kemerdekaan memperlihatkan kebangkitan gerakan dan semangat kebangsaan yang terus memperjuangkan kedaulatan dan cita-cita pembentukan negara untuk kesejahteraan sosioekonomi, kemantapan pemerintahan, dan perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa negara yang tulen.⁵ Jarak sosial memang wujud antara bermacam-macam kumpulan etnik yang hanya memungkinkan konflik yang lebih besar apabila jarak sosial itu semakin besar. Prasangka, yang diimbangi pula oleh tidak wujudnya perhubungan antara satu sama lain, menimbulkan menjadi konflik kaum yang cepat merebak apabila tumbuh satu-satu hal sensitif yang menyinggung perasaan.

Di Malaysia, jelas kelihatan selama beberapa waktu, rakyatnya tidak mempunyai semangat yang sama, persefahaman dan perpaduan sebagai satu rupa bangsa. Walaupun mempunyai sistem undang-undang negara yang sama, mereka masih mewarisi undang-undang adat dan tradisi hidup yang berlainan dari segi perkahwinan, adat resam, moral, kepercayaan, dan sebagainya. Pemerintah amat menyedari masalah sosial yang serius ini dan dasar yang tegas dilaksanakan bagi mengimbangi kedudukan berbagai-bagai kaum dalam segenap bidang. Sistem pendidikan yang sama dengan menggunakan bahasa pengantar yang sama, yakni bahasa Melayu, dilaksanakan dengan tegas mulai tahun 1970. Sebelum ini, mereka masih mempunyai sekolah yang menggunakan bahasa kumpulan etnik masing-masing kecuali sekolah aliran Inggeris. Perlembagaan Negara meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Malaysia. Kedudukannya amat penting sebagai simbol nasional dan faktor utama penyatuan masyarakat berbilang kaum. Peranan ini sangat

5 Sesungguhnya pembina bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan Negara adalah orang Melayu sendiri. Semenanjung Tanah Melayu (Malaysia) asalnya, sebagaimana yang terbukti pada namanya, adalah tanah asal masyarakat berbahasa Melayu dan mungkin atas sebab itu orang Melayu di sini menganggap diri mereka sebagai waris yang sah bagi bahasa dan kebudayaan Melayu. Namun masih terdapat loghat Melayu seperti Kelantan, Kedah, Perlis, Terengganu, dan yang lainnya yang hampir-hampir semuanya berbeza daripada bahasa persuratan dan kesusasteraan. Lihat juga Ismail, 1974.

penting dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan yang merupakan strategi jangka panjang ke arah perpaduan bangsa Malaysia.

Pemisahan demografi antara ketiga-tiga kaum juga dapat dilihat melalui pembahagian kerja dan kegiatan ekonomi yang berlainan yang seseorang dapat dikenali melalui jenis pekerjaannya. Orang Melayu yang tinggal di luar bandar misalnya di pantai timur, sebahagian besarnya adalah petani dan nelayan. Meskipun ada kelemahan yang perlu diperbaiki dari semasa ke semasa, masyarakat luar bandar adalah masyarakat tani yang amat kuat dan stabil di Asia Tenggara. Mereka menunjukkan keupayaan untuk maju ke hadapan apabila sahaja peluang hidup diberi, tidak seperti mana pada zaman pemerintahan kolonial. Mereka membuktikan kuasa politik berada hanya di dalam tangan mereka. Mereka mula sedar dan melepaskan anak mereka mengikuti pengajian tinggi.

Orang Cina adalah peniaga dan orang India pula bekerja di ladang. Pemisahan demografi dan pekerjaan ini menjarakkan lagi hubungan antara mereka; bahkan orang Melayu yang menetap di bandar, seperti Kuala Lumpur, juga membentuk komuniti sendiri di Kampung Baru, Kampung Pandan, dan Kampung Datuk Keramat. Kumpulan minoriti etnik di Malaysia merupakan jumlah terbesar yang berkembang pesat. Orang Melayu merupakan kira-kira 50 peratus, orang Cina 37 peratus, orang India-Pakistan kira-kira 11 peratus dan kaum lain dua peratus⁶ dalam komposisi penduduk Malaysia. Mereka juga sangat susah untuk dijangkakan tentang pandangan politik dan kebudayaannya, terutamanya tiap-tiap kaum itu mempunyai bahasa dan cara hidup yang tersendiri. Dalam konteks kesukuan, rantau ini mempunyai semangat kewilayahan yang amat kuat dan kerana itu memerlukan sikap memberi dan menerima di kalangan semua pihak untuk membina kebudayaan

6. Jumlah penduduk Malaysia (mengikut laporan banci tahun 1970) ialah 10 452 309 orang dengan 8 819 928 di Semenanjung (Melayu 4 689 379, Cina 3 126 336, India dan Pakistan 934 030, kaum lain 70 183); sebanyak 977 438 orang di Sarawak (Melayu 182 709, Cina 294 020, Dayak Laut 302 984, Dayak Darat 83 276, Melanau 53 234, suku asli lain 49 960, lain-lain 9735); dan sebanyak 654 943 orang di Sabah (KadazanDusun 184 512, Murut 31 299, Bajau 77 271, Melayu 18 365, Indonesia 39 526, Cina 139 509, suku asli lain 125 631, lain-lain 37 151).

Malaysia. Setiap golongan bahasa dan kebudayaan harus dapat menyesuaikan diri dengan kebudayaan Melayu yang merangkumi seluruh cara hidup rakyat rantau ini tanpa berasa ciri budaya kesukuan atau budaya asal mereka terancam.

Sejarah perhubungan ras di Malaysia menunjukkan bahawa kumpulan itu mempunyai sikap dan reaksi yang berlainan terhadap satu-satu perkara dan membawa kepentingan yang besar dari segi perbezaan kaum ini.⁷ Dalam situasi yang biasa, prasangka dan rasa cemburu amat cepat lahir di kalangan mereka. Sebelum Perang Dunia Kedua hubungan mereka dianggap baik, tetapi selepas perang keadaan berubah, misalnya orang Melayu yang bersifat neutral menerima pemerintahan Jepun sebagai pengganti pemerintahan Inggeris, kebanyakan orang India pula mengalu-alukan kedatangan Jepun, dan sebaliknya orang Cina membenci Jepun atas sebab politik. Gerila Cina yang kebanyakannya komunis menjadi musuh dan anti-Jepun. Malah sewaktu Malaysia berada di bawah pemerintahan Jepun yang singkat itu, mereka melakukan kezaliman terhadap orang Melayu yang menyebelahi Jepun. Darurat tahun 1948 menunjukkan bahawa banyak orang Cina menyokong komunis dan sebaliknya orang Melayu menganggotai pasukan tentera dan polis. Hubungan yang tidak begitu harmoni dibebankan lagi oleh prasangka hingga pertempuran ras juga berlaku pada tahun 1967 di Pulau Pinang apabila kerajaan menukar mata wang daripada "dolar" Inggeris kepada ringgit Malaysia.

Tragedi yang paling buruk dalam sejarah perhubungan ras di Malaysia ialah peristiwa 13 Mei 1969 yang menunjukkan bahawa pelaksanaan dasar pada masa lampau tidak mencukupi dalam menghadapi tekanan masalah perkauman yang kian meruncing. Tahun 1969 boleh disifatkan sebagai garis pemisah dalam sejarah kehidupan bangsa dan negara Malaysia yang memberi kesempatan untuk kita menentukan haluan masa hadapan rakyat yang berbilang kaum. Buat pertama kali, Rukun Negara yang mengandungi falsafah tertentu dilahirkan daripada daya pemikiran yang sesuai dengan

7 Kajian perbandingan terhadap tanggapan yang berbeza di kalangan kaum yang berlainan menunjukkan dengan jelas ciri ini. Untuk perbandingan, lihat Linton, 1965 *op. cit.*, hlm. 46-59.

suasana kehidupan di Malaysia. Keutamaan bagi meningkatkan perkembangan kegiatan ekonomi dan sosial hasil daripada kemerdekaan, diimbangi sama dalam kehidupan kebudayaan rakyat supaya nasionalisme kebudayaan memenuhi hasrat penyediaan tapak yang kukuh lagi sesuai untuk diwariskan kepada generasi yang akan datang. Cita-cita pemupukan keperibadian Malaysia memang boleh dicapai kerana sudah sedia ada pensejarahan rakyat, negara, bahasa, nilai, minat, dan perlakuan yang sama yang mengikat seluruh negara, di samping mengubah pandangan dan sikap mereka dari segi inspirasi atau mungkin nasionalisme dengan negara asal yang mempengaruhi kedudukan mereka di sini kepada nasionalisme Malaysia.

Perbezaan ekonomi antara kaum di Malaysia membahayakan perhubungan kaum keseluruhannya (kerana ternyata sebagai sebuah negara yang kaya di rantau ini dan tinggi pendapatan perkapitanya⁸ bukanlah bermakna setiap orang menerima pendapatan yang tinggi). Kebetulan pula kedudukan ekonomi orang Melayu adalah jauh lebih rendah dan terkebelakang daripada orang Cina. Dalam negeri sedang membangun, masalah kekurangan modal meluaskan pemodal untuk mendapat keuntungan yang besar dan kerja perusahaan memungkinkan perolehan pendapatan yang lebih tinggi daripada mengusahakan tanah pertanian. Orang Cina lebih cenderung kepada perdagangan dan perusahaan dan orang Melayu kekal dalam pertanian dan perikanan secara tradisional yang menjadi sebab utama kemiskinan mereka. Pengetahuan, kemahiran teknologi, dan pertanian yang tidak teratur di Malaysia, masalah orang tengah, dan hubungan yang melemahkan perekonomian rakyat mula dipandang berat oleh pemerintah.

Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang menekankan peri pentingnya penglibatan orang Melayu sekurang-kurangnya 30

8 Semasa *Rancangan Malaysia Pertama*, pendapatan purata penduduk Malaysia bertambah 3.3 peratus setahun dan kadar ini dijangka dapat dikekalkan atau dlebihkan dalam *Rancangan Malaysia Kedua*. Diramalkan pendapatan per kapita akan pula bertambah sebanyak 3.7 peratus setahun menyebabkan Malaysia menerima pendapatan sebanyak US\$1300 pada tahun 1975 berbanding dengan US\$1080 pada tahun 1970. Lihat *Rancangan Malaysia Kedua*, 1971.

peratus dalam sektor perdagangan dan perusahaan dengan memberi kedudukan dan pengetahuan penggunaan sistem kredit dan perubahan sikap rakyat terhadap usaha perdagangan di samping memonopoli lapangan ini supaya orang Melayu dapat mengambil bahagian dengan tidak sesukar waktu kolonial dahulu. Pemerintah mula bertindak memperbaiki perdagangan dan perusahaan serta menekankan usaha untuk mengubah falsafah bangsa Melayu terhadap pandangan hidup mereka. Masalah ini biasanya menjadi masalah yang hangat dibincangkan oleh negara sedang membangun, yakni kesanggupan anggota masyarakat menerima nilai dan unsur positif yang sebenarnya dengan mengikis unsur tradisional, sikap, dan pandangan yang bertentangan dengan kehendak moden.

Di Malaysia, ada tanda menunjukkan bahawa nilai kepercayaan kuno⁹ (perwakilan kolektif) merupakan masalah yang menjadi halangan bagi usaha untuk melancarkan projek, seperti pengairan penanaman padi dua kali setahun, teknik moden, dan sebagainya dan walaupun ada penerimaan, perubahan nilai itu terjadi dengan kadar yang amat perlahan. Padahal nilai Islam yang sebenar mendorong kemajuan diri dan masyarakat bagi kebahagiaan rohani dan jasmani. Kepercayaan kuno banyak mengikat dan menyekat rasional ekonomi orang Melayu, termasuk kepercayaan salah tentang agama dan adat istiadat yang merugikan. Sesetengah sistem nilai mereka ternyata tidak sesuai dengan unsur moden, dan sistem nilai perkauman semua masyarakat pula mestilah diubah menjadi sistem nilai yang sesuai dengan negara sendiri.

Pembukaan peluang perusahaan kepada orang Melayu dan gambaran lapangan kegiatan hidup berdasarkan kedudukan kaum mengurangkan kegiatan yang selama ini berasaskan ras semata-mata. Masalah perhubungan ras dapat diperkecil khasnya menerusi segala usaha untuk mewujudkan kebudayaan kebangsaan dan identiti dengan semangat yang sama terhadap negara. Satu rupa kebangsaan bukanlah satu hal yang mustahil dicapai. Yang paling penting adalah melalui pelaksanaan dasar pelajaran yang tegas (yang sudah ditegaskan pelaksanaannya mulai tahun 1970), lebih-lebih lagi faktor bahasa adalah faktor yang amat penting dalam

9 Lihat Syed Hussein, 1972.

pertumbuhan kebudayaan dan perkembangan masyarakat manusia dan pembinaan negara.

Hakikat kebudayaan kebangsaan Malaysia amat penting bagi mewujudkan dan memupuk keperibadian kebangsaan, kejiwaan negara demi perpaduan dan pembinaan negara. Masalah pewujudan kebudayaan kebangsaan lahir akibat kolonialisme Barat dan implikasi perkembangan sejarah abad ke-19 atau abad ke-20. Oleh itu masalah kebudayaan negara ini bertalian dengan perkembangan kemasyarakatan dan fakta asas kedatangan kaum asing ke Malaysia. Kemerdekaan bukan sahaja bermakna mengisinya dengan pelaksanaan pembangunan dan kesejahteraan, bahkan juga pembinaan identiti Malaysia yang kini didiami oleh berbagai-bagai kaum. Perkembangan ini tentunya jauh berbeza daripada latar belakang kemasyarakatan abad ke-15 dahulu sewaktu keagungan pemerintahan Melaka yang suasana zamannya jelas tidak serupa sama sekali. Pembangunan negara yang dijalankan bertahun-tahun lamanya selepas kemerdekaan berjaya mengadakan dan memberi kemudahan fizikal kepada rakyat, tetapi tidak memberi gambaran tentang konsep pembinaan negara dan bangsa Malaysia yang sebenar. Pembangunan negara lebih merupakan fakta pembangunan fizikal; sebaliknya, pembinaan bangsa adalah fakta spiritual yang menanamkan semangat nasionalisme dan patriotisme Malaysia. Malaysia mencapai kejayaan yang besar dalam bidang ekonomi dan sosial yang dapat mengekalkan kestabilan, keamanan, dan kemajuan yang dimungkinkan oleh pimpinan politik yang teratur dan alam semula jadinya yang baik.

Pembangunan negara yang sebenarnya adalah pembinaan kerohanian yang merangkumi nilai pembinaan negara yang melibatkan ketaatsetiaan terhadap negara, hasrat mempertahankan negara, ciri persamaan khasnya kejiwaan yang sama di kalangan rakyat, dan tanggungjawab mereka terhadap negara, di samping kemajuan sosioekonomi. Rakyat semestinya menyedari kepentingan pewujudan kebudayaan kebangsaan sebagai suatu ciri hidup dan hak kepunyaan bersama mereka. Pengalaman sejarah kehidupan dan perbalahan kaum menunjukkan bahawa rakyat di negara ini masih belum ada ciri perpaduan yang utuh. Hal ini penting dilihat sebagai aspek perbezaan dan persamaan antara mereka, lebih-lebih

lagi kebudayaan kesukuan masih amat kuat diamatkan. Walaupun perbezaan kaum tidak dihilangkan, penentuan keperibadian dan identiti boleh membezakan antara kebudayaan suku dengan kebudayaan kebangsaan negara ini. Kebudayaan kesukuan adalah pengalaman tradisi budaya suku kaum dan kumpulan rakyat di Malaysia, misalnya, orang Cina, India, Iban, Murut, Bajau, Bidayah, KadazanDusun, Melanau, dan suku asli yang akan terus hidup; tetapi kebudayaan kebangsaan adalah kebudayaan yang wujud melalui proses tertentu penerimaan unsur yang paling sesuai yang ada dan mencerminkan identiti Malaysia berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini yang melangkaui kebudayaan suku tadi serta menunjukkan unsur kebangsaan Malaysia serta semangat dan nilai positif di kalangan seluruh rakyat.

Kebudayaan rakyat asal negara ini berkembang sekian lama dan mengalami penyesuaian perubahan. Dalam konteks hubungan budaya, selain pertembungan dengan agama Hindu dan peradaban Islam, telah ada unsur seni bina Cina pada masjid yang terdapat di Melaka, masjid di Kampung Kling, Kampung Hulu, dan Kampung Trengkera seperti yang dapat dilihat di menaranya, hujung bumbungnya, hiasan pintu gerbangnya, tembikar Cinanya, dan mimbarinya yang menunjukkan ciri kecinaan.¹⁰ Di Kelantan terdapat "wakaf", yakni institusi yang dikatakan berasal daripada amalan agama Buddha, tetapi diberi nama baru oleh orang Melayu.¹¹ Di

10 Masjid tua di ketiga-tiga tempat ini menunjukkan persamaan dan berunsur seni bina Cina dengan hiasan, ukiran pintu gerbang, menara, dan masjidnya berbentuk piramid. Hal ini menggambarkan juga bahawa pembinaan masjid ini adalah hasil usahasama tukang seni bina Melayu-Cina yang melambangkan perpaduan. Masjid Kampung Hulu dibina oleh hartawan Cina yang memeluk Islam, terkenal dengan nama "Datuk Sham Suddin" yang telah mengarah pembinaan masjid tersebut agar mempunyai unsur seni bina Cina. Beliau dikatakan mempunyai tujuan untuk memperlihatkan kepada orang Cina bahawa kebudayaan Melayu dan Islam boleh berhubung dengan kebudayaan Cina. Masjid itu bukan sahaja dapat dilihat dari segi sejarah bahkan sebagai seni bina perpaduan Melayu-Cina. Pembinaan masjid Kampung Kling, Kampung Trengkera, dan Kampung Peringgit dipercayai telah dibina daripada hasil kutipan derma orang Melayu, Cina, dan India yang beragama Islam.

11 Wakaf biasanya didirikan di tepi jalan, di kawasan sawah, dan tempat lain sebagai tempat berhenti penat atau tempat sembahyang dan lain-lain. Wakaf terdapat di mana-mana sahaja di negeri Kelantan dan mempunyai fungsi sosiobudaya.

Perlis pula terdapat tarian canggung yang dipercayai dicipta semasa Perang Dunia Kedua berasaskan tarian Siam, tetapi memperlihatkan ciri Melayu yang khusus seperti bentuknya sekarang. Demikian juga bentuk kesenian yang lain, seperti tarian joget (berasal dari Portugis), zapin (berasal dari Arab), asyik (yang banyak menerima pengaruh Siam), dan lain-lain yang disesuaikan dan dipadankan dengan jiwa dan keperibadian Melayu hasil daripada pertembungan dengan pengaruh luar. Hubungan yang serupa terdapat dalam seni muzik, misalnya lagu Melayu asli, seperti Mas Merah, Dayung Sampan (dipercayai berasal dari China), ghazal (dari Arab) dan nyanyian serta permainan beramai-ramai seperti hadrah, kompong, dan lain-lain yang sudah tidak dapat dianggap asli dalam sumber kebudayaan asalnya kerana telah diubahsuai.

Seni pahat dan seni ukir juga mengalami perkembangan dari segi bentuk; terdapat daripada bentuk ukiran burung, binatang, gambar hantu dan lain-lain yang banyak terdapat pada zaman animisme bertukar kepada bentuk berhala Hindu-Buddha dan kemudian bertukar lagi kepada ukiran huruf jawi dan awan larat yang tidak berunsur agama selepas kedatangan Islam. Penyesuaian yang tidak merosakkan keperibadian kebudayaan pula dapat dilihat dalam permainan sepak raga dan silat Melayu; sepak raga dan sepak takraw (kombinasi nama Melayu-Siam) dimainkan secara tradisional dalam bentuk bulatan tetapi dengan peraturan baharu sebagaimana permainan lain. Pencak silat Melayu merupakan warisan mempertahankan diri peradaban Timur seperti seni lain yang sedemikian di Jepun, China, dan Korea. Namun silat kekal dengan keperibadian Melayu. Silat adalah satu-satunya seni mempertahankan diri rumpun Melayu.

Sebagaimana yang disebut sebelum ini bahawa kedudukan Selat Melaka begitu strategik, menghubungkan Timur dan Barat. Faktor geografi Alam Melayu menunjukkan sifat dinamik yang cemerlang dalam sejarah kebudayaan Asia Tenggara dengan tradisi masyarakat asal yang mengalami pembaharuan, perubahan, dan penyesuaian yang memberi implikasi kepada pembentukan identiti negara kita, Malaysia. Ahli fikir kebudayaan dan masyarakat kita tidak sama sekali menyetepikan hakikat ini ketika membahaskan pembentukan kebudayaan kebangsaan dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan

yang diadakan pada bulan Ogos 1971.¹² Tiga prinsip penting ditetapkan dan diterima oleh kerajaan sebagai dasar kebudayaan negara ini, iaitu:

1. Kebudayaan Kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini,
2. Unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan, dan
3. Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.

Sejarah kebudayaan Alam Melayu memang memperlihatkan perkembangan kebudayaan Melayu dalam jangka masa yang panjang. Kebudayaan Malaysia yang akan wujud adalah kebudayaan yang telah berkembang dan mengalami berbagai-bagai pengaruh dari zaman prasejarah dengan masyarakat animismenya hingga ke zaman peradaban India, Islam, dan Barat.

Kebudayaan Melayu keseluruhannya ialah warisan bangsa Melayu baik berbentuk kebendaan atau bukan kebendaan; antaranya dapat dilihat dalam adat istiadat, kepercayaan, kesenian, pembikinan

12. Sebelum ini telah diadakan Kongres Kebudayaan Melayu Pertama Tanah Melayu dari 30 Disember 1957 hingga 2 Januari 1958 dengan dihadiri oleh 53 buah badan kebudayaan Melayu dari seluruh Semenanjung, Singapura, dan Kalimantan Utara yang mempelopori idea yang sebilangannya menjadi teras kebudayaan kebangsaan yang dilaksanakan hari ini. Kongres ini juga mengkaji sedalam-dalamnya permasalahan kebudayaan Melayu dalam bidang yang penting termasuk kerajinan dan pertukangan, filem dan kesusilaan, seni wayang dan drama, bahasa dan kesusasteraan, adat istiadat dan budi bahasa, pendidikan masyarakat, sekolah dan rumah tangga, pendidikan jasmani, dan kebudayaan Melayu secara umum. Kongres tersebut mengambil ketetapan bahawa "Kebudayaan Melayu boleh dan sesuai dijadikan teras kebudayaan kebangsaan di Tanah Melayu" dan mengemukakan satu piagam Dewan Kebudayaan Kebangsaan yang berfalsafah kebangsaan, kedaulatan, kesatuan bahasa, kekeluargaan, dan keagamaan yang mempunyai sifat dalam lapangan gerakannya yang meliputi politik, ekonomi, sosial, dan kesenian. Cita-cita pelaksanaan kebudayaan kebangsaan telah diberi penegasan yang amat penting dengan terlaksananya Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971 yang pertama kali dianjurkan oleh kerajaan sesudah wujudnya Malaysia. Lihat kertas Kerja Kongres Kebudayaan Melayu I dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1973.

barang, politik, sosial, dan ekonomi. Lapangan ini melalui beberapa zaman mengikut perkembangan sejarah budaya masyarakat Melayu sejak berabad-abad yang lalu tanpa menjejaskan keperibadian dan identiti Melayu, meskipun telah disesuaikan dengan kehendak masyarakatnya sendiri.¹³ Peringkat pertama pertembungan dengan pengaruh luar, yakni bagaimana kebudayaan Melayu menghadapi ujian pertama pertumbuhannya dengan pengaruh Hindu, telah meninggalkan kesan yang agak mendalam daripada aspek kepercayaan sehingga pengaruh itu membentuk sikap, pandangan, dan nilai hidup yang sukar dikikis, walaupun selepas menerima Islam. Hal ini juga menunjukkan bahawa pertumbuhan kebudayaan menanamkan nilai palsu kebudayaan luar yang boleh melenyapkan etos dan nilai peradaban sendiri. Kebudayaan Melayu menyerap unsur pengaruh tadi; ini ternyata dalam hubungan perdagangannya, terutama pada zaman kegemilangan kerajaan Melayu Melaka yang memperlihatkan ciri kebudayaan Cina yang disesuaikan. Perhubungan dengan China beratus-ratus tahun yang lalu sangat berbeza

-
- 13 Adat istiadat orang Melayu, termasuk di kalangan raja seperti "adat pertabalan", "adat bersiram", atau adat Minangkabau dengan keistimewaan wanita dalam mewarisi harta pusaka, menunjukkan ciri tertentu. Orang Melayu juga terkenal dengan adat "sopan santun" dan "hormat-menghormati". Pembikinan barang, seperti keris, kapak, pisau, pedang, lembing, beliung, tombak, periuk belanga, pinggan mangkuk, sampan, dan lain-lain memperlihatkan warisan budaya yang indah dan halus buaatannya. Kesenian ini memungkinkan pula daya cipta ukiran di rumah orang Melayu hingga kini. Kesenian lain, seperti nyanyian dalam makyung, menora, wayang kulit, dondang sayang, serampang dua belas, kuda kepang, berjoget, atau bentuk kesusasteraan dalam pantun, syair, gurindam, seloka adalah ciri kesenian Melayu yang mengagumkan. Bahkan perbezaan antara kepercayaan orang Melayu dengan agama mereka yang sebenar (yakni agama Islam) sesungguhnya amat unik. Secara turun-temurun pula mereka mempunyai permuafakatan dalam institusi sosioekonomi-politik yang dijelmakan melalui bentuk kerjasama, terutama "gotong-royong" dalam menjayakan sesuatu projek bagi kebaikan masyarakat dan mereka mempunyai sistem perhubungan yang luas dengan adanya kebijaksanaan menyesuaikan diri dengan laut atau sungai. Ciri ini telah menjadi warisan yang disemaikan dan disesuaikan dengan kehendak masa hingga kini. Hakikat perkembangan dan pertumbuhan kebudayaan asal rantau ini amat memerlukan pengkajian yang sungguh-sungguh yang dalam konteks negara kita selain kebudayaan Melayu, ialah kebudayaan kesukuan orang Iban, Murut, KadazanDusun, Melanau, Bajau, Kenyah, dan lain-lain di wilayah Timur. Lihat bab terdahulu.

daripada perhubungan kaum kini, yakni setelah kemasukan orang Cina berlaku secara besar-besaran melalui dasar pintu terbuka pemerintahan Inggeris mulai abad ke-19.

Hubungan perpaduan dan keharmonian hari ini sama sekali tidak dapat disamakan dengan hubungan diplomatik Melaka-China pada abad ke-15, kerana penyesuaian yang lampau tidak sama lagi dengan penyesuaian kini, lebih-lebih lagi timbul konflik kepentingan yang semakin luas dan perkembangan sosial pada zaman pemerintahan Inggeris yang hanya mengisi ruang matlamat penjajahan mereka semata-mata. Pembentukan kebudayaan dan perpaduan masyarakat Malaysia kini menjadi kusut kerana pemerintahan kolonial tidak pernah menumpukan perhatian yang serius padanya. Kesedaran terhadapnya mula dirasai hanya selepas meletus tragedi perbalahan 13 Mei, walaupun cita-cita kebudayaan kebangsaan sudah sedia ada sejak tarikh kemerdekaan lagi.

Berdasarkan ketiga-tiga faktor tadi, kebudayaan kebangsaan Malaysia memang dapat dibentuk dan diperkembangkan untuk diterima oleh seluruh rakyat. Kebudayaan yang wujud bukannya kebudayaan kesukuan atau kaum tetapi kebudayaan rakyat negara ini yang juga merangkumi unsur budaya tradisional Melayu menerusi hasil ciptaan nasional, terutama kesenian, falsafah, dan pemikiran kreatif yang menjadi manifestasi nilai, etnik, dan estetika, pemikiran dan perkembangan ilmu pengetahuan, bahasa dan kesusasteraan, nilai sosioekonomi, sejarah, kesenian, kepercayaan dan falsafah, undang-undang, moral dan cara hidup masyarakat Malaysia yang tidak lari daripada teras yang ditetapkan tadi.¹⁴ Bahkan tidak boleh dinafikan bahawa kebudayaan yang selama ini berkembang zaman-berzaman ialah kebudayaan rakyat asal negara ini yang menjadi sebahagian daripada seluruh perkembangan sosiobudaya rantau ini. Maka sewajarnya ia menjadi teras kebudayaan yang dicorakkan oleh identiti dan keperibadian selepas kedatangan penerimaan Islam. Kedatangan Barat membawa masalah rumit dalam perhubungan kaum dan mewujudkan berbagai-bagai

14 Untuk ini lihat rumusan Kongres Kebudayaan yang dibuat berdasarkan kertas kerja dan perbincangan yang meluas tentang kebudayaan kebangsaan. Lihat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1973.

kebudayaan suku yang berkembang sendirian, tetapi tidak ditinggalkan terus dalam cita-cita pembentukan kebudayaan kebangsaan. Ini jelas selagi ciri yang sesuai tidak menyeleweng daripada dua perkara prinsip utamanya. Hakikat pembentukannya dapat diterima oleh seluruh rakyat kerana cita-citanya yang tidak lari sama sekali daripada tujuan pembinaan negara dan pembentukan keperibadian bangsa Melayu.

Orang Cina membuktikan bagaimana cara hidup mereka dapat disesuaikan dengan cara hidup rakyat asal rantau ini, khususnya di Malaysia, orang Cina di Melaka dengan budaya Baba Nyonya seperti juga budaya orang Melayu, tanpa melenyapkan identiti kecinaan mereka, malah banyak antara mereka yang pandai menyanyi menjadi ahli dondang sayang. Demikian juga, misalnya, orang Cina di Kelantan yang dapat berbahasa pelat Kelantan, pandai bermain wayang kulit, bersilat, dan menyertai kegiatan kebudayaan seperti mana anak negeri; begitulah halnya di Terengganu, terutama di Marang dan Kuala Terengganu.¹⁵ Di Kelantan, Terengganu, dan mungkin di Kedah, masalah perkauman tidak timbul. Mereka bersatu padu dalam banyak hal dan masyarakat bukan Melayu telah melalui proses asimilasi ke dalam masyarakat induknya.

Proses sejarah memperlihatkan bahawa kebudayaan rakyat negara ini sentiasa terbuka dan sesuai untuk seluruh masyarakat kerana kebudayaan dalam pembentukannya amat banyak menyesuaikan diri dan menerima pengaruh dari luar. Keagungan kebudayaan rakyat asal negara ini mestilah dalam perspektif rakyat di rantau ini yang memperlihatkan bahawa keperibadian dan identiti mereka telah wujud sejak zaman-berzaman tanpa menolak ciri perubahan masyarakat sebagaimana yang dialami oleh masyarakat lain kerana dinamismenya. Kebudayaan dan masyarakat bumiputera Malaysia bukan sahaja telah menerima ujian pertembungan sosio-budaya dengan Timur dan Barat, malah yang penting identiti dan keperibadian mereka telah diisi dan diperkuat dengan penerimaan Islam yang mempengaruhi keseluruhan cara hidup mereka. Selama ini yang paling ketara dalam kebudayaan dan masyarakat Malaysia serta pensejarahannya adalah unsur yang asing yang ditandai oleh

15 Lihat Gosling dlm. Bastin, John dan Roolvink (ed.), 1964, hlm. 203-21.

bekas Portugis, bangunan yang dibina oleh Belanda dan Inggeris atau kesengajaan hasrat kolonial yang menyebabkan terputusnya rakyat negara ini dari akar pertumbuhannya sendiri. Tetapi kita kini sedang melampaui zaman keasingan tersebut.

Kita telah mengikat semula hubungan dengan kebudayaan dan daerah rantau kita dengan prinsip yang pragmatik untuk zaman yang akan datang tanpa menolak fakta sejarah bahawa rakyat asal telah mengalami perkembangan dengan menghadapi ciri luar dan tidak menolak hakikat pentingnya peradaban Islam yang utuh dengan tradisinya yang amat dinamik dan positif. Islam, khususnya di Malaysia, tidak boleh disamakan dengan Kristian di Barat kerana Barat hanya mengambil agamanya dengan tidak mementingkan fungsinya dalam masyarakat. Maka Islam di Malaysia adalah tunjang kepada seluruh cara hidup. Nilai Islam telah tertanam dalam kebanyakan institusi, struktur, dan organisasi masyarakat dan sistem sosial umatnya di Malaysia; malah yang amat penting Islam telah membentuk kebudayaan seluruh umat Islam di muka bumi.

Bab Sembilan

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN MALAYSIA

Kebudayaan adalah keseluruhan cara hidup manusia yang meliputi akal fikiran (budi) serta daya ciptaan bagi memenuhi kehendak biologi, kemasyarakatan, serta alam sekeliling yang sesuai dengan keperluan jasmani dan rohani. Dengan demikian, kebudayaan dapat dilihat daripada segala hasil pemikiran atau perkara yang berbentuk bukan kebendaan (*spiritual*) dan segala hasil ciptaan manusia atau perkara yang berbentuk kebendaan (fizikal). Bidang kebudayaan boleh dilihat melalui fikiran atau idea (seperti ilmu pengetahuan, bahasa, falsafah, persuratan, mitos, legenda, kesusasteraan, kepercayaan, dan cerita lisan); kebendaan (seperti seni bina, bangunan, alat mesin, *object de art*, pakaian, makanan, ubat-ubatan, dan perabot); kesenian (dilihat dari dua bidang kemahiran, iaitu seni lakon (tarian, teater, muzik, dan nyanyian) dan seni tampak (ukiran, lukisan, seni pahat, tenunan, tekat, dan anyaman); nilai dan norma (seperti peraturan undang-undang, adat resam, *folkways*, *mores*, gaya dan perlakuan, pantang larang, upacara dan nilai keagamaan dan sopan santun).

Keempat-empat bidang tersebut memperlihatkan bukan sahaja hasil yang berasaskan sesuatu yang abstrak atau tidak kelihatan, tetapi juga yang bercorak kebendaan. Hasil itu lahir sebagai bentuk fizikal (jasmaniah) atau bukan fizikal (rohaniah). Misalnya, pertalian antara pemikiran dengan perlakuan dan pemilikan digambarkan melalui ketinggian mutu seni ukir yang lahir daripada pemikiran dan falsafah yang tinggi, dijelmakan daripada perbuatan mengukir dan akhirnya ukiran menjadi hasil warisan budaya.

Pembangunan Kebudayaan Kebangsaan bagi negara yang baru merdeka, perlu diutamakan kerana dasar pembinaan negara dan bangsa tidak pernah menjadi dasar utama sewaktu penjajahan, apalagi dasar yang berkaitan dengan kebudayaan. Tujuan di sebalik perancangan dan pewujudan Kebudayaan Kebangsaan, antaranya ialah:

1. Menggalakkan atau memberi penekanan terhadap daya kreatif bebas dan dorongan pemupukan bakat dan pemikiran kumpulan atau individu (misalnya, meningkatkan taraf dan mutu kesenian dalam bidang seni muzik, seni lakon, seni tari, dan sebagainya).
2. Mengetengahkan ciri atau nilai yang terbaik dalam sesuatu bidang (misalnya, etika kerja, disiplin, hormat pada ibu bapa di kalangan kanak-kanak, budaya penyayang, nilai positif yang boleh dikongsi bersama dan sebagainya).
3. Dalam masyarakat berbilang kaum, menonjolkan ciri keperibadian nasional perlu diperkenalkan dan harus menjadi salah satu matlamat utama supaya negara dikenali melalui identiti bangsanya bukan sesuatu kaum. Asasnya hendaklah berlandaskan teras induknya atau yang asal.
4. Mengatasi kelemahan dan keburukan sebahagian budaya massa, seperti pengaruh tarian separuh bogel, disko, hipisme, rock berat (*heavy metal rock*), dan sebagainya;
5. Mengatasi pengaruh asing yang tidak terkawal dan tidak sesuai yang mungkin membawa unsur *cultural imperialism*. Dasar tertentu dibuat melalui tapisan, misalnya, peraturan penayangan atau kemasukan filem asing di kaca televisyen dan pawagam atau penyebaran bahan dalam media cetak.

Kerajaan Malaysia telah menerima dan menetapkan bahawa Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) hendaklah berlandaskan kepada tiga prinsip:

1. Kebudayaan Kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini.

2. Unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur Kebudayaan Kebangsaan.
3. Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan.

Dasar ini telah digubal dan diperaku melalui Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971. Allahyarham Tun Abd. Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia Kedua, sewaktu merasmikan Kongres tersebut ada menyebut:

... nenek moyang bangsa kita yang mendiami rantau Nusantara ini meninggalkan pusaka kebudayaan yang kaya raya dan tinggi mutunya. Maka, sudah sewajarnya kita menerima gagasan bahawa Kebudayaan Kebangsaan yang sedang dibentuk dan dicorakkan itu hendaklah berlandaskan kebudayaan rakyat asal rantau ini. Bagaimanapun, patutlah juga kita mengambil unsur kebudayaan yang datang ke rantau ini dan membawa pengaruh ke atasnya semenjak beberapa lama supaya pengaruh yang bermanfaat dapat menyegarkan dan menentukan corak kebudayaan Malaysia bagi masa hadapan. Namun, haruslah diingat, dalam mencari bentuk dan menentukan corak kebudayaan kebangsaan, kita tidak melupakan hakikat masyarakat yang berbilang bangsa. Kita hendaklah sentiasa berpandu kepada cita-cita membentuk sebuah negara dengan rakyatnya daripada berbagai-bagai kaum dan golongan dijalin dalam satu ikatan yang padu. Saya percaya selagi kita sedar dan insaf akan hakikat ini, kita tidak akan melencong daripada matlamat untuk mendirikan bangsa yang bersatu.

“Kebudayaan” adalah keseluruhan cara hidup manusia. Maka usaha pembentukan warganegara dan pembinaan negara bagi mencerminkan satu keperibadian bangsa Malaysia merupakan pengemblengan daya dan usaha sama semua pihak di semua peringkat dan lapisan masyarakat.

Kebudayaan Kebangsaan dan Kebudayaan Kesukuan

Status dan tahap kebudayaan kebangsaan perlu dibezakan daripada kebudayaan kaum atau kebudayaan suku. Kebudayaan kebangsaan bertujuan untuk merapatkan jurang perbezaan pelbagai kaum di

negara ini agar semua rakyat dapat bersatu padu bagi membolehkan negara ini muncul dengan identitinya yang tersendiri di kalangan negara di dunia. Kebudayaan kebangsaan dilihat sebagai lambang kebesaran yang dapat membangkitkan emosi, rasa kepunyaan, kebangsaan, kenegaraan, serta rasa kebanggaan terhadap negara, bukannya suku kaum masing-masing, manakala kebudayaan kaum atau suku hanya terhad kepada amalan hidup kaum atau adat resam suku kaum tertentu sahaja. Kebudayaan kebangsaan akan memberi kita kekuatan identiti yang mengatasi ciri kaum atau suku bangsa di kalangan kita. Maknanya, bangsa Malaysia yang terdiri daripada kaum ataupun suku bangsa bumiputera atau peribumi atau bangsa serumpun akan mengamalkan ciri kebudayaan yang sama asasnya. Kaum Cina dan India pula mempunyai ciri kebudayaan masing-masing, tetapi sebahagian unsur-unsurnya juga telah diterima dan diserapkan sebagai kebudayaan masyarakat umum.

Kebudayaan kebangsaan mengatasi kebudayaan kaum dan suku dan merangkumkan ciri penting lambang serta institusi kebangsaan yang dapat menimbulkan emosi dan perasaan kepunyaan bersama, seperti Perlembagaan Negara, Rukun Negara; dan simbol perpaduan negara, seperti bahasa Kebangsaan, bendera Malaysia, lagu Negaraku, kedaulatan Raja dan kedudukan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara dan institusi seperti demokrasi berparlimen. Manakala kebudayaan kaum dan suku diamalkan oleh sesuatu kaum atau suku bangsa di negara kita dan mana-mana unsur yang sesuai dan wajar daripada kebudayaan kaum atau suku itu, atau unsur asing, apabila tidak bercanggah dengan prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan mengalir masuk dalam aliran kebangsaan di atas. Manakala apa-apa ciri kebudayaan kaum dan suku yang tidak sesuai terus menjadi amalan suku atau kaum tadi. Perkara ini sesuai dengan Perlembagaan yang menjamin hak asasi rakyat dan Rukun Negara yang membolehkan warisan tradisi dan budaya itu diamalkan secara liberal. Oleh hal yang demikian, unsur kebudayaan kebangsaan diamalkan dalam upacara "rasmi" yang harus dibezakan daripada unsur kebudayaan suku atau kaum yang berada di peringkat "tidak rasmi". Misalnya, dalam upacara istiadat dan acara rasmi negara, unsur kebudayaan kebangsaan sahaja yang boleh diketengahkan seperti pakaian kebangsaan,

hidangan jamuan yang tidak bertentangan dengan nilai kebudayaan kebangsaan, persembahan kesenian yang bercorak kebangsaan. Demikian juga nilai positif yang diwarisi bersama oleh semua lapisan rakyat Malaysia harus dipupuk dan dibina bagi pembangunan negara, misalnya, melalui disiplin, etika kerja yang baik, bersih, cekap, amanah, budaya kerja, budaya ilmu, berdikari, budi bahasa, hormat-menghormati, gotong-royong, kerjasama, muafakat, budaya penyayang, dan sebagainya.

Penggubalan tiga prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan dibuat dengan mempertimbangkan segala realiti dan fakta perkembangan sejarah negara. Kedudukan negara kita juga menarik dan sejarah juga menjadikannya pusat pertemuan dunia, sebagai pusat tamadun rantau ini dan pusat perdagangan wilayah Alam Melayu dengan India, China, Asia Barat, dan Asia Timur semenjak lebih daripada 2000 tahun yang lampau. Melalui kegiatan perdagangan ini, terjadilah proses pertemuan serta penyerapan pelbagai unsur kebudayaan. Kedudukan geografinya yang strategik menjadikan rantau ini tempat penumpuan dan asimilasi unsur asing daripada pelbagai unsur kebudayaan dunia yang sesuai ke dalam kebudayaan asal rantau ini.

Kebudayaan Kebangsaan Malaysia Hendaklah Berteraskan Kebudayaan Rakyat Asal Rantau Ini

Takrif "rantau ini" (takrif yang digunakan dalam antropologi, sosiologi, sejarah dan linguistik; pendekatan dijadikan takrif dan asas keseluruhan konsep kebudayaan kebangsaan) dimaksudkan Alam Melayu atau Dunia Melayu yang merangkumi kawasan Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura, Filipina, Thailand, dan sebahagian Indo-China serta Kepulauan Pasifik Selatan (Polinesia, Melanesia, dan Oceania). Rantau ini merupakan sebahagian daripada kawasan tamadun atau budaya Melayu atau alam kebudayaan Melayu yang lebih luas yang meliputi Sri Lanka, Malagasi, dan Formosa Selatan. Rantau ini merupakan pusat pemancaran, pengembangan dan warisan kebudayaan Melayu. Tamadunnya dikenali sebagai tamadun Melayu-Polinesia. UNESCO mentakrif kebudayaan Melayu sebagai:

The foundation of Malay culture, as used here, is a convenient term to refer to the early generalised culture of the geographical areas in South East Asia and Madagascar inhabited by peoples speaking closely related languages and who stress the unity of region as well as its links with other cultures in Asia and Oceania....¹

Semenjak abad ke-15, ketika zaman kegemilangan dan keagungan tamadun Melayu berpusat di Melaka, bahasa Melayu terbukti menjadi bahasa perhubungan antarabangsa (*lingua franca*) bagi tujuan perdagangan, ilmu pengetahuan, pemerintahan, diplomasi, dan undang-undang laut. Malahan sebelum itu pun, yakni semenjak awal zaman Masihi dan zaman kerajaan Melayu Seriwijaya, Majapahit, dan kerajaan kecil wilayah Melayu, bahasa dan kebudayaan Melayu telah lama berkembang. Ini terbukti dalam kajian dunia dan diakui dalam dunia kesarjanaan.

Sebagai satu sistem kebudayaan yang sofistikated dan meliputi segala aspek kehidupan, kebudayaan Melayu pada hari ini merupakan cara hidup, lambang identiti dan asas ukuran keperibadian lebih 200 juta orang umat manusia yang menuturkan bahasa yang sama, bahasa Kepulauan Melayu atau Melayu-Austronesia.

Jelaslah, penduduk asal dan rakyat asal rantau ini terdiri daripada satu rumpun yang sama, iaitu rumpun Melayu-Polinesia/Austronesia. Perkembangan kebudayaan dan masyarakatnya adalah berasaskan pertumbuhan serta pertalian perhubungan yang terjalin daripada perkembangan serantau. Dengan demikian, konsep penubuhan kesatuan negara atas nama Pertubuhan Negara Asia Tenggara atau ASEAN adalah berasaskan pertimbangan dan pertumbuhan kebudayaan dan kehendak baharu dalam bidang kerjasama ekonomi, sosial dan politik. Kesemuanya adalah berasaskan fakta perhubungan dan sejarah yang terjalin daripada perkembangan kebudayaan dan tamadun di rantau ini pada zaman dahulu dan kini.

Unsur Kebudayaan Lain yang Sesuai dan Wajar Boleh Diterima Menjadi Unsur Kebudayaan Kebangsaan

Prinsip ini adalah berasaskan sifat kebudayaan yang dinamik, iaitu

¹ Lihat UNESCO, 1973.

sentiasa berubah melalui proses penyerapan dan penyesuaian. Prinsip kedua ini bertepatan dengan situasi latar belakang Malaysia yang penduduknya berbilang kaum dan mewarisi pelbagai warisan kebudayaan dan masalah politik rakyat di Malaysia. Dengan itu unsur budaya Cina, India, Arab, Barat, dan lain-lain yang sesuai dan wajar sentiasa diberi pertimbangan dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.

Konsep "sesuai" di sini bermakna *pertinent*. Unsur-unsur asing yang hendak diterima itu mestilah yang sesuai dengan norma hidup yang sedia wujud, khususnya yang melambangkan keperibadian Malaysia. Mana-mana unsur asing yang sesuai dengan ciri kebudayaan rakyat asal rantau ini tidak bercanggah dengan agama Islam dan kepentingan nasional dapat memperkaya serta meningkatkan kebudayaan kebangsaan.

Dalam konsep kebudayaan kebangsaan, yang diutamakan ialah ciri yang melambangkan sifat kebangsaan, bukan kebudayaan kaum atau suku. Sifat kebudayaan boleh kekal diamalkan oleh satu-satu kaum mengikut lunas Perlembagaan dan Rukun Negara, misalnya, istiadat perkahwinan, jenis makanan, adat, agama, dan kepercayaan masing-masing yang berada di tahap masing-masing dan tidak melangkaui garis sempadan kaum untuk menjadi lambang kebangsaan. Unsur ini akan dihormati oleh masyarakat lain sebagai usaha dan cita-cita pemupukan perpaduan antara kaum.

Islam Menjadi Unsur yang Penting dalam Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan

Agama atau kepercayaan pada Tuhan merupakan unsur yang penting dalam proses pembangunan negara serta pembentukan rakyat yang berakhlak dan berkeperibadian mulia. Agama memberi panduan kepada manusia untuk mengimbangkan dan memadukan usaha bagi mengisi kehendak emosi dan fizikal dengan nilai moral yang ditentukan. Kebudayaan meliputi keseluruhan kehidupan manusia. Justeru itu, agama perlu dijadikan asas bagi menepati kesempurnaan hidup tersebut. Kesempurnaan hidup melalui pengimbangan dan integrasi antara keperluan fizikal dan nilai moral-kerohanian bukan sahaja wujud di dalam diri orang perseorangan,

tetapi juga dalam masyarakat dan peradaban. Oleh sebab negara ini mempunyai rakyat yang berbilang kaum dan agama, maka dalam membentuk kebudayaan kebangsaan, agama penting diambil kira bagi memenuhi matlamat perpaduan dan pewujudan negara yang unggul.

Dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan, Islam dijadikan unsur yang penting. Agama Islam dipilih daripada agama lain yang terdapat di negara ini adalah berdasarkan fakta sejarah dan nilai Islam yang didukung oleh sebahagian besar rakyat rantau ini. Islam juga menjadi unsur yang penting berasaskan rasional kedudukannya yang diiktiraf sebagai agama rasmi negara, sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Nilai serta ajaran Islam meliputi keseluruhan keperluan rohani dan jasmani manusia sejagat dan tidak terhad kepada ibadat semata-mata, seperti sembahyang, puasa, dan fardu haji. Sistem nilai Islam menekankan kesejahteraan dan kebajikan dunia dan akhirat dan bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang sejahtera dan mempunyai kualiti hidup yang tinggi termasuk di bidang ekonomi, pembangunan fizikal, kemajuan, dan kehidupan sosiobudaya. Persoalan hidup tidak diasingkan daripada nilai kerohanian yang mementingkan moral, disiplin, etika, dan perlakuan manusia yang lain. Unsur akhlak dilihat sebagai punca terpenting segala masalah kehidupan.

Sumber kehidupan yang murni bagi masyarakat juga terdapat dalam nilai agama dan kepercayaan besar dunia yang lain, seperti dalam ajaran Kristian, Buddha, Hindu, dan sebagainya. Ada unsur dalam agama itu yang juga mendorong nilai positif, seperti nilai hidup berkeluarga, menghormati orang tua dan kumpulan masyarakat. Kepercayaan pada Tuhan juga diterapkan sebagai salah satu prinsip Rukun Negara yang membawa makna bahawa bangsa Malaysia adalah manusia yang beragama dan percaya pada Tuhan.

Islam telah bertapak di Alam Melayu sejak lebih 600 tahun dan pada masa ini dianuti oleh kira-kira 160 juta orang yang membentuk 60 peratus daripada rakyat asal rantau ini. Kebudayaan Melayu-Polinesia telah melalui zaman kebangkitannya selepas merdeka. Tiap-tiap zaman mempengaruhi sistem kepercayaan, nilai dan norma, serta mencorakkan pola kehidupan masyarakat zaman-nya dan sebahagian unsur itu telah disebatikan dan disesuaikan

dengan kehidupan sosiobudaya Melayu. Begitu juga dengan Islam. Dalam hubungan ini, Islam meninggalkan dasar yang teguh dan kukuh. Islam membawa perubahan dan pengaruh dalam bidang kepimpinan, intelektual, ilmu pengetahuan, pendidikan, bahasa dan sastra, dan nilai pemerintahan, sosioekonomi, dan kebudayaan.

Pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan memerlukan penglibatan semua kementerian, agensi, dan jabatan yang berkenaan dengannya kerana bidang kebudayaan ternyata amat luas. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengkhususkan peranannya kepada beberapa bidang yang boleh dilihat dalam usaha penyelidikan, penggalakan kebudayaan, pengembangan kesenian, dan perhubungan urus setia. Keempat-empat bidang ini ditekankan oleh kementerian sesuai dengan peranan dan praktikaliti dari segi pembinaan kesenian dan pendekatan untuk melaksanakan pendidikan kebudayaan. Kesedaran kebudayaan amat penting dan penglibatan agensi lain turut ditekankan mengikut bidang tugas masing-masing. Di bawah Kementerian, terletak Muzium Negara, Arkib Negara, Balai Seni Lukis Negara, dan institusi budaya lain yang dibangunkan pada masa akan datang. Sebelum tahun 1990, Perpustakaan Negara terletak di bawah kementerian yang sama. Kementerian lain, agensi dan jabatan di peringkat pusat dan negeri, dan lain-lain tidak kurang pentingnya untuk ikut bersama-sama melaksanakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Penglibatan Kementerian Pendidikan, Kementerian Penerangan, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Perpaduan Negara, Kementerian Luar Negeri, dan kementerian lain adalah amat mustahak, sama ada secara langsung atau tidak. Kementerian ini turut sama bertanggungjawab terhadap perkembangan kebudayaan dalam bidang tertentu.

Hubungan antara penyelarasan dasar dengan dasar Kerajaan Negeri harus dipertingkatkan supaya perancangan pembangunan bandar, taman perumahan, penamaan jalan, persembahan di hotel, penggunaan bahasa kebangsaan di papan tanda dan sebagainya dapat dilaksanakan dengan sempurna. Penyelarasan terus dibuat terhadap dasar institusi kebudayaan di peringkat negeri, seperti muzium negeri, perpustakaan negeri, muzium diraja, pustaka peringatan, dan pemeliharaan warisan budaya.

Pihak swasta juga memainkan peranan dalam pertumbuhan kebudayaan dan pelaksanaan cita-cita kebudayaan kebangsaan. Bagi pihak swasta terdapat dua peranan yang utama, iaitu (a) menjalankan usaha pembinaan kebudayaan di peringkat masing-masing, (b) membiayai penajaan program atau projek kebudayaan, misalnya, oleh pemaju perumahan, bank, dan syarikat boleh mengutamakan ciri kebudayaan kebangsaan melalui seni bina, penamaan gedung, dekorasi, dan hiasan pejabat mereka. Begitu juga dalam lapangan pengiklanan, ciri kebudayaan kebangsaan boleh ditonjolkan dengan berkesan.

Demikian juga dengan pertubuhan sukarela dan pertubuhan kebudayaan. Pertubuhan pasukan berpakaian seragam, seperti Pengakap, Pandu Puteri, dan Persatuan Bulan Sabit Merah boleh berperanan dari segi meletakkan identiti kebudayaan pakaian, aktiviti-aktiviti kesenian melalui muzik berpancaragam dan cenderamata yang dikeluarkan. Pertubuhan kebudayaan di peringkat kebangsaan, Majlis Kebudayaan Negeri dan Daerah, Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) dan pertubuhan penulis, pertubuhan wartawan, Wanita, Silat, Seniman, Persatuan Sejarah Malaysia dan sebagainya mempunyai peranan yang tersendiri. Kefahaman dan penyelarasan usaha secara sedar harus diadakan berterusan.

Penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah penting bagi sesebuah negara membangun dan yang mempunyai penduduk berbilang kaum. Dasar ini dapat menjadi garis panduan dalam membentuk serta mewujudkan satu bangsa (*nation*) yang bersatu padu, ke arah mewujudkan dan mengekalkan identiti negara di kalangan bangsa-bangsa dunia dan meningkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian. Pembangunan kebudayaan harus dilihat bersama-sama dengan pembangunan ekonomi supaya pembinaan bangsa menjadi seimbang dengan nilai kerohanian. Kebudayaan kebangsaan sesebuah negara dipercayai mampu mengelakkan berkembangnya kesan negatif pengaruh kebudayaan asing yang tidak sesuai atau nilai buruk yang tidak terkawal yang boleh menjejaskan pembinaan keperibadian, keamanan, keharmonian, dan sebagainya.

Perancangan kebudayaan sesebuah negara yang rakyatnya

terdiri daripada berbilang kaum, seperti Malaysia, menjadi sangat penting supaya ciri kebudayaan kebangsaan yang lahir merupakan cara hidup bangsa Malaysia. Perancangan kebudayaan juga akan menentukan sifat yang terbaik, mulia dan tapak bagi pembinaan bangsa. Sebuah negara-bangsa hanya muncul dan tegak atas landasan kebudayaan kebangsaannya.

Bab Sepuluh

POLITIK DAN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI

I

Malaysia pada hari ini amat berbeza sekiranya dibandingkan dengan zaman sebelum kemerdekaan. Sejak mula merdeka lagi Malaysia muncul dengan cita-cita dan harapan untuk menjadi sebuah negara-bangsa (*nation state*) baharu dengan mengorak langkah ke hadapan mengatur pelbagai dasar pembangunan dan pembinaan bangsa (*nation bulding*), menyaingi negara-negara membangun dan negara-negara yang baru terlepas daripada belenggu penjajahan. Gagasan bangsa Malaysia ini dibayangkan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Hussein sewaktu beliau merasmikan Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971 anjuran kerajaan. Kerajaan telah menumpukan perhatian kepada perencanaan dasar pembangunan ekonomi dan kesejahteraan sosial. Dalam tempoh itu juga, wujud usaha memperbaiki aspek-aspek pentadbiran daripada warisan British dan mengubahsuai strukturnya kepada kehendak negara.

Persoalan pembentukan kebudayaan kebangsaan telah menjadi gerakan rakyat sejak tahun-tahun awal sebelum negara mencapai kemerdekaan. Isu tersebut pernah ditimbulkan dalam siri-siri Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu sejak tahun 1952 sehinggalah teretusnya Kongres Kebudayaan Melayu pada tahun 1957. Malaysia telah membuktikan kemampuannya mengejar kemajuan, sungguh pun turun naiknya ditandai oleh sedikit sebanyak krisis kehidupan sosial dan politik pengaruh daripada keberagaman kaum

dan perbezaan budaya, adat resam, bahasa, agama dan kepercayaan rakyatnya. Penjajahan telah berakhir dan kemerdekaan dicapai hasil kebangkitan semangat kebangsaan dan perjuangan para pemimpin dengan dukungan padu rakyat. Langkah ke hadapan ke arah memenuhi tuntutan kemajuan dan perubahan kehidupan dalam semua bidang itu bukanlah mudah, kerana kejayaan yang terampang bukan dicapai dalam sehari, bahkan melalui pahit-getir perjuangan, pengorbanan dan erti kegigihan oleh generasi terdahulu.

Sejarah membuktikan bahawa para pemimpin Malaysia dari mula sudah pun mempunyai cita rasa dan formula tersendiri dalam membawa haluan bahtera negara ke arah kemajuan. Oleh itu, adalah penting rakyat Malaysia memahami dan mengingati hakikat sejarah, semangat kebangsaan dan perjuangan menuntut kemerdekaan, penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar negara dalam semua bidang terutamanya pembangunan ekonomi dan dasar-dasar sosial yang pragmatik sehingga kejayaan demi kejayaan dapat dicapai. Kejayaan Malaysia ini datang daripada hasil kebijaksanaan pemerintahan dengan adanya keazaman dan kestabilan politik, sikap kesederhanaan serta disokong oleh kecekapan pentadbirannya. Hakikat sejarah dan semangat kebangsaan dalam perjuangan menuntut kemerdekaan sangat penting disedari oleh semua rakyat. Semangat inilah akhirnya yang melahirkan gagasan dan permufakatan sehingga sebuah negara dibentuk dan dipandu oleh sebuah perlembagaan negara merdeka. Segala prinsip dan perkara utama dikanunkan dalam Perlembagaan Persekutuan dengan mengambil kira kepentingan rakyat dan jati diri negara-bangsa.

Kalau ditelusuri hakikat ini, kita akan dapati semangat dan kebangkitan *nasionalisme* meletus apabila pihak Inggeris mahu memperkenalkan pemerintahan melalui rancangan *Malayan Union* pada 1 April 1946 iaitu selepas Perang Dunia Kedua. Rancangan ini bertujuan untuk menjaga kepentingan Inggeris di Tanah Melayu dan memberikan taraf kerakyatan kepada warga asing yang dikatakan memainkan peranan dalam perkembangan ekonomi penjajah Inggeris di Tanah Melayu. Pihak Inggeris bercita-cita mahu terlibat secara langsung dalam pemerintahan dan pentadbiran negara menyeragamkan dan mengukuhkan kuasa kerajaan pusat dengan mencantumkan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dengan Negeri-

Negeri Melayu Tidak Bersekutu. Melalui *Malayan Union*, Inggeris dapat memperkukuhkan lagi pertahanannya di Tanah Melayu. Penentangan hebat terhadap *Malayan Union* dan kemarahan orang Melayu sampai ke kemuncaknya apabila sultan-sultan Melayu dinafikan kuasa mereka dan akan bertanggungjawab dalam hal agama Islam dan adat-istiadat Melayu sahaja. Kuasa Majlis Mesyuarat Negeri akan hilang kepentingannya. Kuasa raja-raja Melayu akan diambil alih oleh Gabenor *Malayan Union*. Situasi ini sekali gus menghapuskan kedaulatan raja-raja Melayu dan dijangka akan menghakiskan langsung warisan tradisi kebudayaan zaman berzaman. Kedudukan orang Melayu sebagai bumiputera juga terancam apabila hak kerakyatan diberikan kepada warga asing untuk membolehkan mereka mendapat hak-hak politik yang sama dengan orang Melayu.

Setelah menyedari hakikat ini, perpaduan Melayu bertambah kukuh dan kuat. Maka sebuah pertubuhan siasah Melayu, **Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu** (UMNO) ditubuhkan pada 11 Mei 1946 dengan Dato' Onn bin Jaafar telah dilantik sebagai Presiden UMNO yang pertama. UMNO ditubuhkan untuk menyatupadukan umat Melayu menentang *Malayan Union*, melindungi hak orang Melayu dan berjuang bagi mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Di bawah pimpinan Dato' Onn, rancangan *Malayan Union* telah dapat digagalkan apabila sultan-sultan Melayu memulaukan pelantikan Sir Edward Gent sebagai Gabenor *Malayan Union*. Rancangan *Malayan Union* terkubur dan digantikan dengan **Persekutuan Tanah Melayu** pada tahun 1948. Persekutuan Tanah Melayu yang ditubuhkan itu mengandungi sembilan buah negeri Melayu dan dua buah negeri Selat iaitu Pulau Pinang dan Melaka. Sultan-sultan Melayu kembali berkuasa di negeri masing-masing, dan pihak British berperanan memelihara kedudukan istimewa orang Melayu serta kepentingan kaum-kaum lain dengan syarat kerakyatan diperketatkan.

Pilihanraya pertama iaitu Pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur diadakan pada tahun 1952. UMNO dan **Persatuan Cina Malaya** (MCA) bergabung menjadi Parti Perikatan. Perikatan memenangi sembilan daripada 12 buah kerusi. Kesepakatan ini menunjukkan semangat perpaduan antara Melayu dengan orang

bukan Melayu semakin kukuh. Prinsip perkongsian kuasa ini berkembang menjadi semacam pakatan agung sejak itu, dan kekal sehingga sekarang. Perikatan telah mendesak Inggeris untuk mengadakan pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan sebagai satu langkah ke arah kemerdekaan. Kekuatan perpaduan rakyat semakin padu dan terserlah dengan kemasukan Kongres India Malaya (MIC) dalam Perikatan. Pilihanraya umum yang pertama telah diadakan pada tahun 1955. Perikatan telah memenangi 51 kerusi daripada 52 buah kerusi yang dipertandingkan. Mereka sebulat suara mempersetujui Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Ketua Perikatan dan menjadi Ketua Menteri. Tunku kemudian telah mengetuai rombongan perundingan merdeka ke London dan akhirnya berjaya mendapatkan kemerdekaan bagi Tanah Melayu.

Pada tahun 1956, Suruhanjaya Reid ditubuhkan untuk mengubal perlembagaan baru bagi Tanah Melayu dengan mengambil kira pelbagai cadangan daripada banyak pertubuhan. Dengan semangat kerjasama dan tolak ansur antara UMNO-MCA-MIC, mereka telah menghantar cadangan melalui memorandum yang telah dipersetujui. Parti UMNO-MCA-MIC menerima Perlembagaan baru tersebut sebagai suatu kontrak kesepakatan janji dan mengakui prinsip-prinsip utama negara dengan mengiktiraf kedudukan raja-raja Melayu, kedudukan yang menjamin hak keistimewaan orang Melayu, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara serta agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan. UMNO bersetuju tentang pemberian kerakyatan kepada orang asing berdasarkan prinsip *jus soli*. Pada 5 Ogos 1957, perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani antara sultan-sultan Melayu dengan wakil kerajaan British. Melalui perjanjian ini, Persekutuan Tanah Melayu telah diisytiharkan mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Sejak itu, Tanah Melayu mengamalkan sistem politik *demokrasi berparlimen* dan *raja berperlembagaan*. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj telah dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Sambutan detik bersejarah perisytiharan kemerdekaan telah diadakan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.

Rakyat Malaysia sepatutnya menghayati dan menghargai

pengorbanan para pejuang kemerdekaan negara. Semangat kebangsaan tersebut terbukti apabila mereka sanggup bergabung parti dalam suatu wadah politik nasional untuk kepentingan perpaduan bangsa sesuai dengan slogan *Bersatu Teguh, Bercerai Roboh* dan *Bersekutu Bertambah Mutu*. Kesepakatan ini boleh dianggap sebagai satu pakatan agung dalam satu formula perkong-sian kuasa rakyat Malaysia yang kekal sehingga sekarang. Kemerdekaan membolehkan kerajaan menggubal dan memperkenalkan beberapa dasar perancangan yang tersusun dan pelaksanaan yang rapi. Dasar-dasar ini diterjemahkan pelaksanaannya melalui pelbagai rancangan dan program pembangunan kerajaan yang bertujuan menjamin kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan sosial jangka panjang dalam semua bidang.

II

Kalau kita kaji pendekatan dan strategi kerajaan sejak dahulu, kita mendapati bahawa pemerintahan dan pentadbiran Malaysia adalah mengikut acuan cara dan pendekatan sendiri. Kerajaan sedar wujudnya kesan-kesan negatif pemerintahan British yang tidak seimbang. Wujud jurang pemisah taraf ekonomi antara kawasan bandar dengan luar bandar serta antara kaum sehingga mewujudkan perbezaan taraf hidup penduduknya. Kesan dwiekonomi ini secara langsung menimbulkan konflik sosial. Justeru itu, transformasi kebudayaan yang berasaskan perubahan nilai amat perlu digerakkan sepanjang masa terutama di kalangan masyarakat Melayu dan bumiputera. Dalam hal sedemikian maka fasa-fasa perancangan pembangunan ekonomi yang digubal boleh dilihat pembahagiannya kepada dua fasa iaitu Fasa Pertama (1956–1970) dan Fasa Kedua (1970–1990) yang juga dikenali sebagai Dasar Ekonomi Baru (DEB). Melalui rancangan ini, kerajaan telah menetapkan pembangunan ekonomi selama lima tahun untuk bagi satu fasa untuk mencapai matlamat yang dirancang. Fasa Pertama terdiri daripada Rancangan Tanah Melayu Pertama (1956–1960), Rancangan Tanah Melayu Kedua (1961–1965) dan Rancangan Malaysia Pertama (1966–1970). Manakala, Fasa Kedua mengandungi Rancangan Malaysia Kedua

(1971–1975), Rancangan Malaysia Ketiga (1976–1980), Rancangan Malaysia Keempat (1981–1985) dan Rancangan Malaysia Kelima (1986–1990).

Pelaksanaan Rancangan Tanah Melayu Pertama (1956–1960) menjurus ke arah pembangunan sektor luar bandar yang bertujuan menambahkan pendapatan dan sara hidup penduduk kampung. Sumber negara pula dipelbagaikan bagi mengelak kebergantungan kepada hasil getah dan bijih timah sahaja. Kerajaan telah meningkatkan kesedaran rakyat untuk lebih bergerak aktif dalam sektor pertanian dengan mempelbagaikan keluarannya. Ternyata usaha ini berjaya mengurangkan kadar kemiskinan. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan *Rural Industrial Development Authority* (RIDA) telah ditubuhkan untuk melaksanakan pembangunan di luar bandar. Melalui kedua-dua agensi ini, kehidupan masyarakat di kawasan luar bandar dapat dimajukan dalam aspek-aspek pembangunan sosial, ekonomi dan infrastruktur. Usaha murni kerajaan itu juga telah mengubah kehidupan kebudayaan yang jelas tergambar pada perubahan sikap, pemikiran dan perlakuan baru mereka terhadap persepsi pembangunan. Hasrat kerajaan ialah untuk melihat peningkatan taraf hidup rakyat dalam kehidupan ekonomi dan sosial. Pada masa itu, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang dipimpin oleh Dato' Abdul Razak bin Hussein telah memainkan peranan penting dalam penyelarasan pembangunan luar bandar. Nikmat kehidupan yang lebih baik dirasakan apabila kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, jalan raya, balai raya dan pembinaan klinik di luar bandar.

Matlamat pembangunan ekonomi diteruskan lagi dengan Rancangan Tanah Melayu Kedua. Pembukaan tanah beribu-ribu hektar dan penempatan baru dibuka oleh FELDA dengan perpindahan penduduk untuk meluaskan sektor pertanian melalui penanaman getah, kelapa sawit dan koko. Beberapa projek telah digerakkan oleh FELDA seperti Projek Segitiga Jengka, Pahang, Projek Johor Tenggara, dan Projek Pahang Tenggara. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) pula ditubuhkan pada tahun 1965 untuk membantu para petani memasarkan hasil pertanian mereka. Rancangan Tanah Melayu Kedua lebih tersusun dan terancang

berikutan penyertaan rakyat dalam rancangan pembangunan yang dibuat berdasarkan kepada kehendak rakyat sendiri. Berikutan itu, '**Buku Merah**' diperkenalkan oleh kerajaan sebagai langkah untuk mengawal keberkesanan pelaksanaan program pembangunan. Buku ini menetapkan kaedah pelaksanaan dan penilaian tahap kemajuan sesuatu program.

Rancangan Malaysia Pertama diwujudkan selepas itu melibatkan operasi menyeluruh dalam semua bidang ekonomi. Antara objektif utama rancangan ini adalah ke arah mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat yang meliputi Semenanjung Tanah Melayu, Sabah, dan Sarawak, mempelbagaikan ekonomi, mengurangkan kadar pengangguran dan meningkatkan taraf hidup rakyat yang berpendapatan rendah. Dengan aspirasi ini, Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah ditubuhkan pada tahun 1966. MARA adalah agensi yang nama asalnya dikenali sebagai RIDA, berperanan untuk menggalakkan penyertaan orang Melayu dan kaum bumiputera dalam kegiatan ekonomi peniagaan, perdagangan dan perindustrian. Bantuan telah diberikan kepada usahawan Melayu untuk memulakan perniagaan dari segi pinjaman kewangan dan latihan kemahiran. MARA juga terlibat dalam bidang pendidikan dengan menubuhkan institusi pendidikan hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi. Pada tahun yang sama juga, kerajaan telah menubuhkan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA). Lembaga ini berperanan untuk memulih dan memajukan tanah negara. Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) ditubuhkan pada tahun 1969. Institut ini berperanan memajukan pertanian melalui penyelidikan tanaman. Ini adalah satu cabang usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti keluaran sektor pertanian. Keprihatinan kerajaan terhadap kesejahteraan rakyat dapat dilihat melalui rancangan-rancangan yang terkandung dalam Pembangunan Fasa Pertama tersebut.

Pembangunan Fasa Kedua diteruskan oleh kerajaan dengan memperkenalkan pembaharuan melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bermula dengan Rancangan Malaysia Kedua pada tahun 1970. Dasar ini digubal setelah meneliti akibat dan kesan daripada peristiwa berdarah rusuhan kaum 13 Mei 1969. Peristiwa ini menjadi titik hitam sejarah negara yang menyebabkan

kerajaan menilai semula pelaksanaan dasar-dasar yang sedia ada dan mengambil langkah membentuk dasar-dasar baru yang bertujuan mewujudkan pembangunan sosioekonomi yang seimbang antara kaum, wilayah dan antara bandar dengan luar bandar. Dengan kesedaran yang sama tumpuan pendekatan baru juga diberikan kepada aspek-aspek keselamatan, perpaduan, dan mewujudkan masyarakat yang adil dan berwibawa. Kerajaan telah membuat penegasan semula pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan dengan bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar utama sesuai dengan Dasar Bahasa Negara dan Perlembagaan Persekutuan, menggubal Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971) dan perancangan pembangunan ekonomi jangka panjang di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB). Rukun Negara yang menunjangi nilai-nilai kejiwaan telah juga digubal. Rukun Negara mengandungi lima prinsip penting secara tersirat melibatkan kebebasan beragama dengan kepercayaan kepada Tuhan, kesetiaan kepada raja dan negara, hak asasi rakyat melalui keluhuran perlembagaan, keadilan rakyat di bawah kedaulatan undang-undang dan kesopanan dan kesusilaan. Rukun Negara adalah suatu pernyataan falsafah tertinggi kebudayaan dan ideologi negara. Sejak tahun 1970, kerajaan telah melaksanakan pembangunan negara berpandukan prinsip-prinsip Rukun Negara dengan DEB berperanan penting untuk menstabilkan ketidakseimbangan jurang ekonomi yang wujud antara kaum dengan sektor.

DEB mempunyai matlamat serampang dua mata yakni ke arah menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan. Kerajaan telah mengadakan program-program yang membantu meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan rakyat miskin. Membina kemudahan asas di bandar dan luar bandar serta penyusunan semula masyarakat untuk menghapuskan pengenalan kaum mengikut kegiatan ekonomi. Semua kaum digalakkan untuk mencebur diri dalam sektor ekonomi utama. Golongan petani dan pekerja luar bandar juga tidak diabaikan oleh kerajaan. Menerusi rancangan ini, tumpuan diberikan kepada usaha-usaha pemodenan kehidupan masyarakat luar bandar dan menggalakkan penyertaan bumiputera dalam bidang perusahaan dan perniagaan. Dengan itu pusat-pusat pertumbuhan baru diwujudkan di bawah rancangan pembangunan wilayah tadi.

Dasar-dasar Kerajaan yang dilaksanakan itu bersesuaian dengan aspirasi perlembagaan dan dasar pembangunan melalui pengagihan ekonomi yang adil di kalangan rakyat. Maka bagi mempercepatkan pelaksanaan dasar-dasar tersebut, beberapa agensi telah ditubuhkan oleh kerajaan. Antaranya ialah Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) dan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA). PERNAS membantu penyertaan usahawan bumiputera dalam perniagaan manakala UDA membantu bumiputera mendapatkan ruang niaga yang strategik di bandar. Pada waktu yang sama, usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar giat dijalankan. FELDA umpamanya dipertanggungjawabkan untuk membuka tanah di kawasan baru bagi tujuan penempatan semula dan untuk kegiatan pertanian. Kerajaan juga menjalankan pembukaan tanah secara bersepadu oleh lembaga tertentu seperti Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR). Rancangan Malaysia Ketiga merupakan lanjutan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan terus menggiatkan aktiviti pembangunan wilayah dan pembukaan bandar baru dalam fasa tersebut dengan mengamanahkan tugas dan tanggungjawab itu kepada KEJORA, KETENGAH, KESEDAR dan DARA. Hasilnya sehingga akhir tahun 1980, sebanyak 28 buah bandar baru telah dibina.

Kerajaan sentiasa memperbaiki dan memodenkan aspek-aspek pengurusan dan pentadbirannya demi memastikan kejayaan pembangunan dicapai. Dalam tempoh ini, tumpuan dititikberatkan pada perusahaan dan perindustrian berat negara. Dasar Perindustrian Negara telah dilancarkan melalui Rancangan Malaysia Keempat yang dilandasi oleh penggunaan teknologi tinggi, pelaburan modal dan sumber tenaga yang mahir. Dasar ini diperkenalkan untuk menyusun strategi pembangunan perindustrian dan mengurangkan pergantungan negara pada sektor pertanian dan perlombongan. Di bawah Dasar Perindustrian Berat, Malaysia mengurangkan pergantungan negara kepada industri sokongan negara asing yang membekalkan peralatan jentera berat. Menyedari perindustrian berat merupakan salah satu sektor yang kian membangun, kerajaan

menubuhkan Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) pada tahun 1980. HICOM berperanan melaksana, mengurus dan mengenal pasti projek-projek industri berat. Selain itu, kerajaan menggalakkan pelabur-pelabur asing menggiatkan pembukaan perindustrian baru dan mengadakan zon perdagangan bebas dengan tidak mengenakan cukai pada barangan eksport di sesuatu kawasan. Bagi mencapai matlamat dan strategi yang dirancangan, Pelan Induk Perindustrian (PIP) dilancarkan sebagai salah satu program untuk mengkaji struktur perusahaan awam. Program lain yang turut diadakan iaitu Kajian Dasar Perindustrian Malaysia (KDPM). Kedua-dua program merupakan agenda dalam Dasar Perindustrian Malaysia yang dilancarkan pada tahun 1983. Melalui kajian ini, penelitian dibuat tentang dasar negara untuk meningkatkan hasil eksport dan menggalakkan pelaburan asing ke negara ini. Kerajaan juga memperkenalkan Dasar Pertanian Negara pada tahun 1984 yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan golongan petani serta meningkatkan sumbangan sektor pertanian terhadap pengeluaran negara. Strategi kerajaan melalui dasar ini antaranya ialah mengadakan perkebunan berkelompok. Dalam program ini kebun yang kurang berhasil disatukan menjadi ladang di bawah satu pengurusan, kerajaan juga menubuhkan perusahaan kraftangan. Bagi pekebun-pekebun kecil getah, bantuan penanaman semula getah, subsidi baja dan racun rumput diberikan oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil (RISDA). Pendapatan kaum nelayan juga ditingkatkan dengan tertubuhnya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang memberi subsidi peralatan menangkap ikan secara moden kepada nelayan.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah menggalakkan penyertaan pihak swasta dalam pembangunan, sebagai satu usaha tanggungjawab bersama untuk mengurangkan beban kewangan kerajaan. Strategi yang diambil telah menyediakan banyak peluang pekerjaan, di samping dapat menyusun semula penggunaan tenaga mahir dan menambahkan pengeluaran barangan tempatan. Cara ini telah dapat mengawal kenaikan harga barang serta mengelakkan inflasi. Melalui rancangan ini juga, Permodalan Nasional Berhad (PNB) ditubuhkan dan skim Amanah Saham Nasional (ASN) serta Amanah Saham Bumiputera (ASB) dilancarkan. Skim ini merupa-

kan salah satu usaha kerajaan untuk mengimbangi kekayaan negara agar semua rakyat berpeluang memiliki harta dan saham tanpa mengira kaum. Berikutan dengan itu, beberapa dasar lain telah diperkenalkan oleh kerajaan iaitu Dasar Persyarikatan Malaysia dan Dasar Penswastaan. Dasar-dasar ini telah diperkenalkan oleh Kerajaan pada tahun 1983. Dasar Persyarikatan bermatlamat mewujudkan kerjasama erat antara sektor awam dengan swasta dalam usaha memajukan pembangunan dan mempertingkatkan hasil negara. Menerusi dasar ini, sektor swasta bertindak memahami dasar-dasar kerajaan sejajar dengan kepentingan nasional serta memperoleh keuntungan yang maksimum, manakala sektor awam bertindak sebagai penyumbang perkhidmatan sokongan yang cekap untuk memudahkan operasi sektor swasta. Strategi pelaksanaan dijayakan dengan mengadakan forum yang boleh mewujudkan persefahaman di antara kedua-dua sektor, Penubuhan Panel Perundingan dalam struktur pentadbiran awam di semua kementerian, jabatan dan badan berkanun. Kakitangan kerajaan ditempatkan di beberapa syarikat swasta dan mereka didedahkan kepada operasi sektor itu. Langkah ini telah dapat mengeratkan lagi hubungan antara sektor kerajaan dengan pihak swasta. Dasar Penswastaan ini telah dapat mengurangkan beban kerajaan dalam belanjawan dan kos operasi pentadbiran dengan adanya pemindahan perkhidmatan kerajaan kepada sektor swasta. Dasar ini dilaksanakan sebagai satu usaha untuk meningkatkan kecekapan, mutu dan daya pengeluaran pelbagai perkhidmatan yang terlibat. Secara umumnya, pembangunan ekonomi negara dapat dipercepatkan melalui pelaburan daripada pihak swasta. Dalam jangka masa Rancangan Malaysia Keempat, kerajaan terus menggerakkan Dasar Perindustrian Negara, Dasar Pertanian Negara, Dasar Persyarikatan Malaysia, Dasar Penswastaan, Pelan Induk Perindustrian dan Kajian Dasar Perindustrian Malaysia.

Rancangan Malaysia Kelima merupakan rancangan akhir yang dilaksanakan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1). Sememangnya bermula daripada Rancangan Malaysia Pertama hingga ke rancangan ini, semangatnya kekal berteraskan DEB yang bermatlamatkan perpaduan dan menjamin kesejahteraan negara serta kestabilan ekonomi. Dalam perancangan strateginya,

kerajaan telah mengatur pelaksanaannya dengan mengambil pelbagai langkah yang berterusan, antaranya ialah dengan mempercepat perkembangan perusahaan secara meningkatkan sumbangan sektor swasta dan meningkatkan kecekapan pengurusan dalam perkhidmatan kerajaan. Bagi sektor pertanian pula, penggunaan tanah dikendalikan dengan lebih cekap supaya produktiviti dapat memaksimumkan keuntungan misalnya, penggunaan tanah lombong untuk pertanian. Latihan kemahiran juga diberikan kepada para petani supaya dapat menghasilkan sumbangan yang berkesan dalam sektor pertanian. Perusahaan pelancongan pula diberi perhatian sebagai salah satu cabang sumber ekonomi dan pendapatan negara. Galakan kerajaan kepada pihak swasta termasuklah usaha untuk menggiatkan pembinaan hotel dan memajukan kawasan pelancongan baru, seperti kawasan peranginan di tanah tinggi dan pantai. Kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Pelancongan Malaysia (TDC) yang sekarang dikenali sebagai Lembaga Kemajuan Pelancongan Malaysia (LKPM) di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Kempen pelancongan seperti Tahun Melawat Malaysia 1990 dan 1994 telah dianjurkan dengan jayanya.

Bidang penyelidikan dan pembangunan (*Research and Development*) turut dijalankan bertujuan meningkatkan produktiviti dan keupayaan tenaga tempatan. Daya pengeluaran negara dipertingkatkan di samping peluang-peluang latihan kemahiran turut bertambah. Ini sejajar dengan Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran Negara yang bermatlamatkan pencapaian kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan berterusan. Selain itu, rancangan ini juga memberi tumpuan kepada sektor pembuatan. Misalnya, perusahaan pembuatan kereta penumpang dipergiatkan peranannya oleh Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON). Malaysia telah mencatatkan sejarah apabila berjaya mengeluarkan kereta nasional yang pertama iaitu Proton Saga pada tahun 1985. PROTON juga berjaya meluaskan pasarannya ke peringkat antarabangsa antaranya ke negara Britain dan Singapura. Banyak lagi rekaan model baru diperkenalkan dan dieksport ke luar negara seperti Proton Aeroback, Knight, Iswara, Wira, Satria, Putra, Kancil, Kenari, Waja dan sebagainya sehinggalah ke hari ini. Nama-nama kereta Proton ini

telah dipilih mengambil kira nama-nama tempatan yang sesuai dengan konsep identiti budaya dan tarikan pemasaran. Dalam tempoh 1980–1990, daya pengeluaran negara telah meningkat apabila ekonomi negara menunjukkan kadar pertumbuhan yang pesat. Melalui dasar-dasar yang dilancarkan, kerajaan telah membuktikan usaha-usahanya yang bersungguh-sungguh dalam membangun dan mengimbangkan sektor pertanian, perusahaan dan perkhidmatan.

Dalam langkah memasuki abad ke-21, penekanan usaha secara bersepadu dalam semua bidang pembangunan akan diteruskan. Dasar-dasar lalu diperkukuhkan dengan strategi baru mengikut kepentingan dan keperluan. Ini selaras dengan Dasar Pembangunan Nasional yang diumumkan oleh Kerajaan pada 17 Jun 1991 di Parlimen. Dasar ini merupakan permulaan pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) yang merangkumi tempoh 1991–2000. Dasar ini menggantikan DEB, sungguhpun begitu dasar ini mempunyai perancangan strategik yang sama dengan matlamat terakhirnya ialah perpaduan negara. Rancangan ini menggariskan strategi-strategi pembangunan yang seimbang secara menyeluruh melalui kepelbagaian asas perindustrian seiring dengan peningkatan pembangunan sumber tenaga manusia dan teknologi. Di bawah rancangan ini, sektor swasta akan memainkan peranan sebagai pendukung pertumbuhan ekonomi. Rancangan ini juga menitikberatkan pengagihan pertumbuhan ekonomi yang saksama melalui penekanan terhadap aspek-aspek kualitatif dalam usaha mengatasi masalah ketidakseimbangan ekonomi antara kaum dengan pembasmian kemiskinan. Dalam penyusunan semula masyarakat dekad ini, penyertaan bumiputera dalam kerjaya profesional dan teknikal ditingkatkan dan pada masa yang sama, kerajaan menggalakkan penyertaan bukan bumiputera ke dalam perkhidmatan awam dan sektor pertanian moden. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) menjadi ujian bagi bangsa Malaysia untuk terus maju pada abad dan alaf baru, sekurang-kurangnya mengukur kemampuan Malaysia membina sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Malaysia mengakhiri dekad terakhir abad ke-20 dengan mendukung segala usaha lalu yang telah dibuat. Apa pun pembaharuan pastinya akan mengikut formula sendiri yang sudah teruji.

III

Rakyat Malaysia telah dikejutkan oleh cetusan idea besar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamad iaitu Wawasan 2020 yang diumumkan pada 28 Februari 1991 sempena Persidangan Majlis Perniagaan Malaysia yang pertama. Wawasan 2020 menjangkau tempoh 30 tahun untuk Malaysia membuktikan matlamatnya tercapai menjadi sebuah negara maju. Wawasan ini menitikberatkan pembangunan menyeluruh yang meliputi semua aspek dari segi kemajuan ekonomi, kestabilan politik, keadilan sosial, kerohanian dan kebudayaan di samping berkeyakinan penuh terhadap aspirasi dan keupayaan negara membentuk bangsa Malaysia. Cabaran yang paling utama ialah pembentukan bangsa Malaysia yang berlandaskan sembilan cabaran strategik. Cabaran tersebut meliputi perkara yang berkaitan tentang pembentukan bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik, mewujudkan masyarakat Malaysia yang berjiwa bebas, tenteram dan maju, memperkembangkan masyarakat yang berdemokratik, memupuk masyarakat yang bermoral, dan beretika sepenuhnya, mewujudkan masyarakat yang bersifat liberal dan toleran, membentuk masyarakat yang bersaintifik dan progresif, berbudi, berbudaya penyayang, masyarakat yang adil dan bersifat dinamik dan mempunyai daya ketahanan dalam menghadapi apa jua persaingan. Bagi melahirkan masyarakat yang maju ekonominya, pengagihan kekayaan negara mestilah dibuat secara adil dan saksama. Atas kesedaran dan tanggungjawab ini, rakyat Malaysia dituntut agar bersama-sama berganding bahu menyahut seruan kerajaan ini.

Rancangan pembangunan sosial negara yang diberi tumpuan utama ialah pendidikan. Dasar Pendidikan Kebangsaan diperkenalkan bermula dengan Penyata Razak 1956 dan Penyata Rahman Talib 1960. Selepas itu Akta Pendidikan Pendidikan 1961 dengan beberapa pindaan kemudiannya yang menitikberatkan unsur-unsur falsafah yang membawa nilai-nilai progresif, rakyat yang berilmu pengetahuan, bersatu padu melalui satu bahasa pengantar yang sama dan ke arah melahirkan tenaga mahir dalam semua bidang pembangunan negara. Konsep falsafahnya jua meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual yang diadun secara bersepadu.

Pembangunan di Malaysia selama ini kerap ditafsirkan skopnya kepada pembangunan ekonomi semata-mata yang menjadi prasyarat pembangunan negara. Bagi sesetengah pendapat, perspektif agenda sosial sama ada pada peringkat makro atau mikro hendaklah selaras dengan dasar dan komitmen yang menyumbang kepada pencapaian objektif perpaduan negara, *social cohesion*, *social justice*, kestabilan politik, kualiti kehidupan, nilai-nilai murni kerohanian, kenegaraan dan maruah negara, moral, keluhuran budaya dan keadilan. Perspektif pembangunan juga seharusnya dilihat dari sudut alam fizikal, alam sosial dan alam rohani (*spiritual*) yang menjalinkan hubungan antara manusia dengan Penciptanya secara *vertical* dan antara manusia dengan manusia dan dengan alam secara *horizontal*nya. Cabaran sosial dalam Wawasan 2020 merupakan aspek pembangunan yang menyentuh pembangunan sosial yang ada hubung kaitnya dengan usaha mewujudkan bangsa Malaysia bersatu; masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju; masyarakat yang bermoral dan beretika; masyarakat liberal dan bertolak ansur, dan masyarakat penyayang. Penyelesaian masalah sosial akan dapat diusahakan dengan membangunkan **Teras Insaniah** sebagai faktor dalaman dan **Teras Sokongan** sebagai faktor luaran. Pendekatan perintis ini akan dijadikan asas dalam Pelan Induk Tindakan Sosial (PINTAS) dalam usaha melahirkan **masyarakat madani** (*civil society*).

Hasrat kerajaan untuk membentuk bangsa Malaysia merupakan cabaran sosial dalam Wawasan 2020. Isu ini sangat penting kerana pembangunan dan pembinaan sebuah negara bangsa adalah menjadi tanggungjawab semua pihak. Bagi golongan tertentu, istilah bangsa Malaysia mungkin baru didengar lebih-lebih lagi apabila gagasan Wawasan 2020 dicetuskan hanya pada awal tahun 1991. Tafsiran dan konsepnya tidak dijelaskan sehingga konsep bangsa dalam pembinaan negara disamakan dengan konsep bangsa sebagai ras, masyarakat atau kaum. Kata bangsa dan kebangsaan dalam konteks ini adalah merujuk kepada **negara** (*nation*) atau **negara bangsa** (*nation state*). Istilah **nasionalisme** pula lahir daripada *nation* berbeza dengan kaum atau ras (*race*) atau istilah perkauman (*racialisme*). Kata masyarakat mungkin terlalu sempit untuk kita seertikan dengan bangsa kerana masyarakat Malaysia tidaklah sama

dengan bangsa Malaysia. Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai masyarakat atau kaum atau suku kaum seperti masyarakat induknya Melayu, masyarakat Cina, India atau suku kaum seperti Iban, KadazanDusun, Bidayuh, Bajau, Murut, dan beberapa suku kaum lain yang lebih kecil jumlahnya. Sejarah telah melahirkan Malaysia sebagai sebuah negara masyarakat majmuk (*plural society*) tetapi kehidupan Malaysia masa kini tidak lagi terpisah. Telah wujud ciri-ciri kita sebagai sebuah bangsa berasaskan sistem pemerintahan yang berkonsepkan demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan, dengan sistem ekonomi, pendidikan, lambang-lambang negara yang dikongsi bersama. Manakala kegiatan harian berjalan bersama di bawah satu bumbung dengan pelbagai hubungan sosial yang tidak mengasingkan komuniti. Konsep bangsa dalam erti kesatuan dan persatuannya perlu dihayati oleh seluruh warga Malaysia. Unsur-unsur yang diperlukan untuk membina sesebuah bangsa adalah berbeza antara satu negara dengan negara yang lain mengikut geobudaya dan persekitaran mereka sendiri. Bangsa Amerika berbeza dengan bangsa Cina, bangsa India berbeza dengan bangsa Perancis dan begitulah bagi bangsa-bangsa warga lain bagi sesebuah negara. Pembinaan negara akan menjurus kepada pempupukan nilai-nilai ilmu, keberanian, keadilan, kerohanian, ketaatsetiaan, patriotisme, nilai-nilai bersama, cintakan negara dan ciri-ciri persamaan lain yang boleh dikongsi bersama dari segi pengalaman sejarah, arah tuju sistem kehidupan dan termasuk menyatukan rakyat melalui sebuah bahasa kebangsaan. Dasar-dasar sosial negara perlu diterjemahkan kepada program dan aktiviti yang boleh memupuk perpaduan dan integrasi, keseimbangan pembangunan kerohanian dan kemanusiaan serta jati diri bangsa. Dasar-dasar itu membayangkan aspirasi Perlembagaan negara sebagaimana semangat yang terjelma dalam Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Malaysia sedang menuju ke arah Wawasan 2020. Bilangan penduduk Malaysia akan bertambah dari 21.17 juta orang pada tahun 1996 kepada 33.4 juta orang pada tahun 2020. Masalah sosial yang dihadapi Malaysia dalam dua dekad akhir abad 20 menandakan citra bangsa Malaysia belum benar-benar terserlah dalam proses

kelahirannya. Komposisi penduduk baik belia berumur 18 tahun ke bawah yang dianggarkan berjumlah 9.6 juta pada tahun 2000 dan warga tua 1.4 juta pada tahun yang sama meminta perhatian khusus. Kes-kes baru jувana, kes sumbang mahram, pembuangan bayi, rogol, penderaan kanak-kanak, penagihan dadah, orang hilang adalah hampir kesemuanya terdiri daripada golongan belia. Terdapat kebimbangan apabila terjadinya kemerosotan keluarga besar (*extended family*) dan sistem keluarga kecil (*nuclear family*) yang terus meningkat dari 60 peratus (1991) kepada 68 peratus (1994) kerana situasinya akan mempengaruhi nilai-nilai kekeluargaan dan nilai-nilai sosial yang lebih besar. Kalaulah dikatakan agenda sosial merupakan salah satu agenda penting negara, peruntukan kewangan yang bertambah hanya 4 peratus yakni dari 25.3 peratus dalam Rancangan Malaysia Keenam kepada 29.3 peratus di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (1991–2000) tidaklah memperlihatkan komitmen sedemikian besar. Agenda sosial di Malaysia memerlukan penyelarasan antara agensi yang mendukung pembangunan sosial tersebut. Agenda sosial memang luas dan beragam sifatnya kerana ada bidang-bidang tertentu yang menjadi tanggungjawab sesuatu pihak dan ada bidang-bidang yang memerlukan tindakan dan pendekatan bersepadu (*integrated approach*).

IV

Senario dasar luar Malaysia dalam konteks perhubungan politik dan diplomatik juga dikatakan mengagumkan dunia. Pada amnya, dasar luar yang dijalinkan oleh sesebuah negara itu meletakkan wadah perhubungan antarabangsa yang mengambil kira aspek-aspek kerjasama ekonomi, politik, sosial dan perhubungan kebudayaan. Dasar luar negara Malaysia juga merangkumi matlamat, tindakan dan rancangan yang menjalinkan hubungannya dengan negara-negara luar. Untuk itu, maka Malaysia telah mengadakan hubungan yang baik dengan negara-negara lain tanpa mengira ideologinya berlandaskan dasar berkecuali dan tidak mencampuri hal ehwal dalam negeri sesebuah negara asing. Hubungan Malaysia dengan negara luar lebih mengutamakan aspek-aspek ekonomi

berbanding politik dan keselamatan kerana Malaysia ingin melihat kemasukan pelaburan asing ke negara ini dan memperluaskan hasil eksportnya ke negara luar dengan perkongsian ekonomi yang tidak berat sebelah antara blok kuasa.

Kemasukan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1957 merupakan titik permulaan kerjasama dengan semua negara anggota badan induk tersebut. Kepentingan PBB diakui dan terbukti sepertimana yang terkandung dalam manifesto Parti Perikatan pada tahun 1959 iaitu mengutarakan asas utama dalam hubungan antarabangsa dan memberi sumbangan untuk kemajuan, keamanan dan kemakmuran seluruh dunia dan mematuhi prinsip-prinsip Piagam PBB. Penglibatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di bawah misi PBB bermula sejak tahun 1960-an melalui penghantaran Batalion Keempat Rejimen Askar Melayu Diraja ke Kongo. Pasukan tentera negara ini telah berjaya menyempurnakan misinya. Kerajaan juga telah membantu meningkatkan bantuan ketenteraan bagi menjamin keselamatan negara berkenaan. Pada tahun 1988, Malaysia telah menyertai pasukan pemerhati PBB di sempadan Iran-Iraq dan menyertai Kumpulan Bantuan Peralihan PBB di Nambia, Afrika pada tahun berikutnya. Malaysia ikut menjadi ahli dalam beberapa agensi PBB seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Pertubuhan Perumahan dan Pertanian (FAO), Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), dan Bank Dunia. Selain itu, Malaysia telah dipilih menjadi ahli Majlis Keselamatan PBB pada tahun 1965, 1989 dan 1990.

Dalam perhimpunan atau persidangan PBB, walaupun sebagai sebuah negara kecil, Malaysia dengan lantangnya mengkritik dasar apartheid negara Afrika Selatan. Malaysia juga telah membangkitkan isu Antartika dan mencadangkan kepentingan hasil Antartika sepatutnya dikongsi bersama oleh negara anggota. Malaysia merupakan ahli gabungan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang terdiri daripada negara-negara membangun yang lain di Asia, Afrika dan Amerika Latin. Pergerakan yang ditubuhkan pada tahun 1961 ini berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan matlamat penubuhannya iaitu menghormati hak-hak masyarakat

antarabangsa dan Piagam PBB, mengakui persamaan bangsa dan negara, tidak campur tangan hal ehwal sesebuah negara dan memajukan kepentingan bersama. Semua negara anggota NAM juga menyetujui bahawa segala pertelingkahan antarabangsa perlu dirundingkan secara aman dan bertolak ansur. Konsep NAM bersesuaian dengan pendirian Malaysia yang tidak berpihak kepada Blok Barat atau Blok Timur. Ini selaras dengan kedudukan Malaysia sebagai salah sebuah negara anggota ASEAN yang mengamalkan dasar berkecuali. ASEAN ialah Persatuan Negara-negara Asia Tenggara yang ditubuhkan pada tahun 1967. Pada tahun 1971, Perdana Menteri Malaysia yang kedua iaitu Tun Abdul Razak telah memperkenalkan konsep ZOPFAN (*Zone of Peace, Freedom and Neutrality*) dalam Persidangan Menteri-Menteri Luar ASEAN di Kuala Lumpur. ZOPFAN bertujuan untuk mewujudkan keamanan dan kestabilan politik dan ekonomi di rantau Asia Tenggara. Konsep ini telah dipersetujui oleh semua negara anggota.

Suara Malaysia kian lantang didengar menjelang dan sesudah tahun 1990-an di dalam persidangan dan forum-forum antarabangsa. Di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Malaysia berani menyuarakan pandangan dan mengemukakan cadangan bahkan lantang memberi kritikan. Malaysia telah memainkan peranan penting membela nasib negara-negara sedang membangun, negara-negara selatan dan Dunia Ketiga. Pendirian Malaysia tentang isu-isu yang melibatkan Dunia Ketiga selalu diutarakan. Malaysia sering mengkritik sikap negara-negara maju yang hanya meletakkan kepentingan mereka sebagai agenda utama dunia tanpa menyentuh permasalahan yang dihadapi oleh negara-negara membangun. Kritikan ini disuarakan oleh Malaysia dalam Persidangan Kemuncak Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel dan dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Selain itu, Malaysia telah memainkan peranan aktif dalam Kumpulan Negara Selatan-Selatan dan seterusnya berjaya mengesyorkan penubuhan Suruhanjaya Selatan-Selatan pada tahun 1989. Melalui suruhanjaya ini, kerjasama ekonomi dan teknikal di kalangan Dunia Ketiga dapat diperkukuhkan. Pada tahun yang sama, Kumpulan 15 (G-15) ditubuhkan melibatkan 15 buah negara membangun yang bertujuan untuk mempercepatkan pelak-

sanaan program dan kerjasama Selatan-Selatan. Kemuncak persidangan G-15 telah diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1990 dan gesaan Malaysia terhadap negara-negara Selatan supaya sentiasa membantu antara satu sama lain dalam bidang ekonomi dan perdagangan telah disambut baik bagi menghadapi tekanan negara-negara maju. Malaysia telah mencadangkan penubuhan Talian Maklumat Perdagangan, Pusat Pertukaran Maklumat Pelaburan Selatan dan Urus Setia Negara Selatan Selatan pada persidangan tersebut.

Dalam beberapa hal Malaysia mengejutkan banyak kuasa besar apabila mencadangkan Penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan cadangan ini telah pula diterima sebagai satu projek ASEAN pada tahun 1991 dan disahkan penubuhannya pada bulan Januari 1992 di Singapura dalam sidang kemuncak ASEAN. Penubuhan EAEC membolehkan negara-negara Asia Timur menyuarakan kepentingannya dalam setiap rundingan perdagangan dunia terutamanya dengan Eropah dan Amerika Utara. Negara-negara ini juga bersetuju untuk mengambil pendirian yang sama berkaitan isu-isu ekonomi dan politik dunia. Semasa kegawatan ekonomi 1997 hingga awal 1999 baru-baru ini, Malaysia telah membuka mata dunia berhubung spekulasi mata wang dan peranan seorang spekulator dunia berbangsa Yahudi, George Soros. Soros dituduh dan diselar supaya bertanggungjawab terhadap kegawatan ekonomi atas perbuatan khianatnya tentang perdagangan tukaran wang asing yang mengancam kemantapan ekonomi banyak negara. Malaysia dengan tegasnya menolak tawaran pinjaman dana oleh *International Monetary Fund* (IMF) bagi memulih kembali situasi ekonominya yang merudum, sungguhpun ada negara lain yang menerimanya dengan syarat-syarat yang ketat. Malaysia juga dengan beraninya mencadangkan pengawalan aliran tukaran wang asing dengan menetapkan tukaran ringgit Malaysia pada kadar RM3.80 bagi satu dolar Amerika. Cadangan Malaysia telah dikecam hebat oleh IMF tetapi akhirnya badan induk tersebut telah memuji Malaysia apabila menyedari langkah tersebut berjaya menyelamatkan Malaysia daripada krisis ekonomi yang teruk malahan berjaya memulih dan membawa semula kemajuan ekonominya dengan mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan berterusan.

Negara Malaysia sudah gah di persada antarabangsa. Malaysia mampu menjadi tuan rumah bagi pertemuan dan forum antarabangsa. Sebagai salah sebuah negara Komanwel, Malaysia telah diberi kepercayaan untuk menjadi negara tuan rumah Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) pada tahun 1989. Hasil sidang CHOGM di Kuala Lumpur ini, Deklarasi Langkawi telah diluluskan untuk menggesa masyarakat antarabangsa berkeprihatinan dan berinisiatif terhadap masalah pencemaran alam sekitar dunia. Pada tahun 1991 berikutnya, Malaysia sekali lagi dipilih menjadi tuan rumah dalam Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Komanwel (CFMM) yang juga diadakan di ibu negara. Pada bulan September 1998, Malaysia berjaya menganjurkan Sukan Komanwel yang merupakan sukan kedua berprestij di dunia selepas Sukan Olimpik. Kejayaan Malaysia telah diiktiraf oleh masyarakat Komanwel sebagai yang terbaik pernah dianjurkan sebelum ini. Pada keseluruhannya, kejayaan ini adalah kejayaan sepenuhnya yang harus dirasai kebanggaannya oleh seluruh rakyat Malaysia yang sekian lama berganding bahu dan bertungkus-lumus menyahut seruan kerajaan dalam menjayakan program besar negara.

V

Sehingga ke akhir abad ke-20, pelbagai kejayaan telah dikecapi oleh rakyat dan negara Malaysia. Pembangunan telah dilaksanakan dengan jayanya melalui pelbagai rancangan dan rangka kerja yang bijaksana. Kemajuan yang dicapai meliputi aspek-aspek pembangunan material, keperluan fizikal dan kemudahan prasarana serta pembangunan kerohanian dan keagamaan. Pembangunan infrastruktur Malaysia sudah dianggap setanding dengan negara-negara maju. Berdirinya Menara Kuala Lumpur sebagai mercu tanda kejayaan negara dan Menara Kembar Petronas yang tingginya 452m adalah merupakan simbolik pertumbuhan ekonomi yang pesat. Bukan itu sahaja, Suria KLCC (*Kuala Lumpur City Centre*) juga menjadi daya tarikan pelancongan. Laluan masuk utama antarabangsa diserikan lagi dengan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa (KLIA). Lapangan terbang yang dirasmikan pada 27 Jun

1998 ini merupakan lapangan terbang yang terbaik di dunia sebagai persediaan Malaysia berada di abad baru. Demikian juga dengan pembangunan kota pemerintahan dan pentadbiran secara berpusat bertempat di Putrajaya yang memenuhi konsep pengisian kemerdekaan dan jati diri sendiri. Ibu kota Kuala Lumpur kekal sebagai bandar raya perdagangan, perniagaan dan kegiatan ekonomi, bagaikan Washington dengan New York. Konsep mengadakan sebuah pusat pentadbiran bersepadu merupakan tradisi peradaban besar dan pernah terjadi pada zaman keagungan kerajaan lampau misalnya, semasa kerajaan Islam Moghul di India dan Empayar Ottoman Turki dan tradisi besar tamadun lain. Dari sudut lain, pembangunan itu mungkin dianggap sebagai pembaziran pada permulaannya, tetapi jangka panjangnya akan menjadi warisan kebudayaan dan tamadun bangsa dan negara. Usaha menerapkan ciri-ciri kebudayaan kebangsaan dan unsur-unsur seni Islam dari segi seni binanya wajar menjadi kebanggaan semua rakyat Malaysia. Projek ini diimbangi lagi oleh projek lain seperti Koridor Raya Multimedia (*Multimedia Super Corridor*) yang meliputi beberapa aplikasi utama seperti Kerajaan Elektronik, Sekolah Bestari, Teleperubatan, dan sebagainya. Ini termasuklah pembangunan kompleks dan gelanggang sukan, kompleks kebudayaan seperti Panggung Negara yang lebih dikenali dengan nama Istana Budaya. Kejayaan ini telah menunjukkan kesungguhan kerajaan dan rakyatnya membawa Malaysia ke pentas dunia. Kejayaan ini dicapai hasil dari kestabilan politik dan perkongsian wawasan serta sikap toleransi dan kesederhanaan dalam pendekatan pemerintahan dan pentadbiran negara. Dasar-dasar Kerajaan dapat dilaksanakan dengan baik kerana Malaysia mempunyai perkhidmatan awam yang terbaik setanding dengan negara-negara maju. Kerajaan telah melakukan pembaharuan pentadbiran dengan memupuk budaya kerja baru, penerapan nilai Islam, etika, penghayatan nilai-nilai murni, pengurusan kualiti menyeluruh, penggunaan teknologi baru dan penyusunan sistem yang sesuai dengan tuntutan baru. Gerakan ini cukup dirasakan sejak awal 1980-an serentak dengan pelaksanaan dasar-dasar baru negara.

Selama empat dekad sesudah penjajahan berakhir, Malaysia telah siap sedia melangkah masuk ke abad 21, dengan membawa

perubahan yang luar biasa berbanding dengan negara-negara dunia ketiga yang lain di Afrika dan Amerika Latin. Kejayaan Malaysia mengekori negara-negara maju di Asia seperti Jepun dan Korea Selatan cukup memikat perhatian dunia, bahkan kemajuannya jauh meninggalkan negara-negara di Asia Tenggara dan Asia Selatan. Sambutan hari Kemerdekaan Malaysia yang dirayakan setiap tahun sejak 1957 memilih tema yang pelbagai sesuai dengan hasrat memupuk kesedaran dan keinsafan warganya. Sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-42 pada tahun 1999 umpamanya bertemakan **Bersatu ke Alaf Baru** bagaikan mengajak rakyatnya mencapai cita-cita dan mengukuhkan persatuan dan kesatuan menghadapi cabaran yang baru pula. Demikian juga slogan **Malaysia Boleh** yang sering dikumandangkan bertujuan menanam kekuatan jiwa dan keazaman rakyat untuk meneroka, mencipta, melakukan sesuatu dalam daya tahan dan daya saing bagi mencapai kejayaan cemerlang. Jika diimbau kembali kejayaan Malaysia, pasti sukar bagi sesiapa pun untuk menghitungkannya satu per satu. Kejayaan demi kejayaan yang dinikmati adalah untuk kesejahteraan rakyatnya, hasil daripada komitmen dua pihak antara kerajaan dengan rakyat sendiri. Keprihatinan rakyat untuk mengekalkan prinsip hidup berorientasikan kesederhanaan, toleransi, cintakan keamanan dan pengamalan nila-nilai budaya murni pasti sekali membantu negara mengejar arus pembangunan dan kemodenan.

Kekal atau hancurnya pembinaan tamadun baru Malaysia yang kerangkanya diasaskan oleh peradaban Melayu-Islam dan sumber peradaban besar dunia seperti semangatnya yang tersirat dalam Perlembagaan Malaysia itu terletak kepada kemahuan rakyat sendiri. Apa pun perubahan masa hadapan politik boleh sahaja berlaku kerana lumrah peradaban manusia memang begitu dan pernah terjadi dalam sejarah silam tamadun manusia di Barat atau di Timur. Rakyat tetap mempunyai peranan mengharum dan mempertahankan maruah negara di persada antarabangsa dengan mengekalkan perpaduan, kemakmuran, dan keselamatan negara mengikut acuan Malaysia sendiri. Malaysia perlu dipertahankan daripada pengaruh penjajahan baru dalam konteks globalisasi, liberalisasi dan gagasan pascamodenisme tajaan Barat. Malaysia perlu menafsirkan bentuk baru imperialisme budaya daripada kaca

mata sendiri dengan arah kebudayaan dan pembinaan peradabannya mengikut persepsi perbezaan warisan teras yang tentunya berbeza dengan Barat.

THE UNIVERSITY OF CHICAGO
DEPARTMENT OF CHEMISTRY
5800 S. UNIVERSITY AVENUE
CHICAGO, ILLINOIS 60637
TEL: (773) 835-3100

LAMPIRAN

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI
ALLAHYARHAM TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN
DI MAJLIS PERASMIAN KONGRES KEBUDAYAAN KEBANGSAAN
DI DEWAN TUNKU CANSELOR, UNIVERSITI MALAYA,
KUALA LUMPUR, 16 OGOS 1971

Saya bersyukur ke hadrat Tuhan Rabbulalamin yang telah memberi kita taufik dan hidayat-Nya dan menghimpunkan kita beramai-ramai di sini pagi ini menempa satu peristiwa yang penting dalam sejarah negara. Inilah Kongres Kebudayaan yang pertama kali diadakan di bawah anjuran Kerajaan, dan perhimpunan ahli kebudayaan dan bijak pandai dari seluruh negara adalah natijah yang nyata bahawa kita sudah mempunyai kebulatan sikap hendak memenuhi hasrat dan cita-cita kebangsaan dalam usaha memenuhi dan memberi makna kepada masyarakat.

Selama beberapa hari yang akan datang ini, saudara-saudara akan membincangkan beberapa kertas kerja yang telah disediakan oleh bijak pandai kita mengenai pelbagai aspek kebudayaan. Tidaklah syak lagi saudara-saudara yang ditugaskan menulis kertas-kertas kerja telah memeras otak untuk mengemukakan penilaian-penilaian dan pendapat-pendapat baru untuk dikaji bersama-sama dalam kongres ini. Saya berharap persediaan-persediaan yang dibuat oleh pihak penyelenggara kongres ini adalah cukup memuaskan

dan suka saya mengambil kesempatan ini memberi ucapan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan ahli jawatankuasa Kongres atas penat lelah mereka mengadakan pe siapan yang lengkap yang disulami dengan acara yang permai seperti kita saksikan sebentar tadi dan dalam acara lain kongres ini.

TUJUAN

Pada pandangan saya, tujuan utama kita mengadakan kongres ini adalah sebagai langkah awal mencari asas *fundamental* kebudayaan kebangsaan yang kita cita-citakan itu. Seperti yang sama-sama dimaklumi, bentuk dan corak kebudayaan sesuatu bangsa hanya boleh dipastikan setelah menempuh proses timbang-terima masyarakatnya serta menempuh ujian masa yang setengah-setengah unsur itu diterapkan menjadi bentuk kebudayaan yang kekal sementara yang lainnya ditolak dan ditinggalkan. Oleh itu jelaslah kepada saudara-saudara bahawa maksud kita adalah meneroka jalan ke arah matlamat yang hanya dapat dilihat hasilnya beberapa generasi yang akan datang.

Kebudayaan sesuatu bangsa, menurut fahaman saya ialah pengumpulan idea dan perasaan, kepercayaan dan lambang, nilai dan bentuk kemasyarakatan serta objek kebendaan yang diwariskan turun-temurun, dari satu masa ke satu masa dan daripada generasi kepada generasi yang berikutnya. Barangkali saudara-saudara di sini, terutama mereka daripada golongan akademik, dapat memberi pengertian atau tafsiran yang lebih lengkap. Bagaimanapun, kalau kita boleh menerima pengertian tadi sebagai asas perbincangan, saya rasa tidaklah terlalu sukar bagi saudara-saudara hendak menghuraikan masalah yang menyentuh berbagai-bagai bidang kebudayaan serta mencari kata sepakat tentang bentuk corak kebudayaan yang dikehendaki itu.

Wujud kita sebagai satu bangsa masih sangat baru dan belum pun sampai satu generasi semenjak kita merdeka dan berdaulat, mula-mulanya sebagai bangsa Malaya dan kemudian menjadi bangsa Malaysia. Oleh itu, tidaklah dapat dielakkan timbulnya salah pengertian di kalangan orang kita, terutama dalam hal menentukan

unsur yang mana dalam kebudayaan asli kita yang patut dipertahankan dan yang mana harus tunduk kepada pembaharuan. Masalah ini menjadi lebih rumit kerana ada setengah-setengah pihak yang hanya mengambil ruang yang sempit dan terus mempertahankan semua unsur tradisional yang mengakibatkan masyarakat itu menjadi statik dan mundur.

Manifestasi seperti ini tentulah tidak dapat diterima apalagi kalau kita mengingati ajaran agama kita bahawa setiap yang dijadikan oleh Tuhan sentiasa berubah-ubah. Jadi, tidaklah benar sesuatu tradisi itu baik semata-mata kerana lamanya, dan sebaliknya janganlah ditolak dan diketepikan sesuatu kerana baharunya. Tidak ada adat resam dan cara hidup yang tidak berubah menurut aliran waktu dan tidak pula bermakna bahawa proses perubahan terus mengakibatkan ia lenyap sama sekali. Pendek kata, dalam kehidupan masyarakat, tetap akan berlaku proses evolusi atau penyerapan nilai baharu yang disebabkan pertumbuhan dari dalam mahupun melalui *contact* penemuan dari luar yang memberi ketegasan dan kekuatan kepada masyarakat itu.

Semasa kita mencapai kemerdekaan 14 tahun yang lalu, kerajaan sedar dan insaf bahawa kewajibannya yang utama adalah untuk memenuhi bidang kehidupan rakyat yang serba kekurangan pada masa itu. Oleh itu, keutamaan (*priority*) kita adalah untuk meninggikan perkembangan dalam bidang ekonomi dan sosial supaya rakyat dapat mengecap nikmat kemerdekaan dalam tempoh yang singkat menurut kadar masing-masing. Begitu juga dirasai adanya kekurangan dalam kehidupan kebudayaan rakyat di negara kita setelah dijajah sekian lama. Perlembagaan Negara yang telah kita gubal sendiri meletakkan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan kita dan dari satu masa ke satu masa kerajaan berusaha meningkatkan pemakaian bahasa Kebangsaan kepada taraf sewajarnya kerana kita insaf peri mustahaknya bahasa sebagai simbol nasional di samping menjadikannya faktor yang utama untuk menyatukan rakyat yang berbilang bangsa. Peranan bahasa Kebangsaan sebagai bahasa penyatuan adalah *fundamental* dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan kita, yang merupakan strategi jangka panjang untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu padu.

IDENTITI

Dalam sejarah kehidupan sesuatu masyarakat, ada kalanya juga satu peristiwa krisis membawa bersama-samanya muktamad. Bagi kita bolehlah disifatkan tahun 1969 sebagai garis pemisahan yang nyata dalam sejarah kehidupan bangsa dan negara. Dalam hubungan inilah saya menegaskan bahawa sudah sampai ketikanya bagi kita menentukan identiti atau keperibadian kebangsaan sebagai satu bangsa yang mempunyai maruah dan martabat seperti bangsa lain yang merdeka dan berdaulat di dunia ini.

Tempoh kesedaran baharu berikutan peristiwa 13 Mei memberi kita kesempatan yang baik untuk mengkaji keadaan masyarakat dan negara kita sedalam-dalamnya, memikirkan serta menimbang-nangkan dengan teliti arah dan haluan masa depan masyarakat kita yang berbilang bangsa ini. Kita boleh berbangga kerana daripada pemikiran dan pertimbangan inilah lahirnya Rukun Negara yang mengandungi lima prinsip utama sebagai falsafah negara kita bagi panduan dan amalan setiap rakyat yang cinta pada tanah airnya. Untuk pertama kalinya dalam sejarah Malaysia yang masih muda ini, kita berjaya menghasilkan garis panduan bagi membentuk masyarakat yang aman damai dan bersatu padu. Rukun Negara ini adalah ciptaan kita sendiri hasil daripada daya pemikiran bijak pandai kita, sesuai dengan *environment* dan iklim Malaysia. Dengan berpancukan kedua-dua Perlembagaan dan Rukun Negara, saya percaya sepenuhnya bahawa jalan yang kita lalui dan yang akan ditempuh oleh generasi akan datang tetap membawa kepada mercu kebahagiaan yang dicita-cita itu.

Sebagai bijak pandai, saudara-saudara tentulah lebih faham bahawa dalam mana-mana masyarakat di muka bumi ini, individu atau perseorangan hidup dalam kebudayaan. Majunya atau mundurnya sesuatu bangsa diukur melalui tingkatan kebudayaan yang telah dicapainya pada satu-satu ketika dan ini dibuktikan dengan jelas oleh sejarah. Saudara-saudara yang lebih hampir dengan tulisan tokoh-tokoh yang terkenal, seperti Malinowski, Benedict, Mead, Boas, dan lain-lain lagi tentulah mengetahui dengan lebih luas serta mendalam teori evolusi masyarakat dan masalahnya. Pada pandangan saya, keadaan seperti kita di Malaysia ini barangkali tidak

ada seumpamanya di dunia ini dan penghuraian masalah kita haruslah dicari sendiri.

Oleh itu, tentulah saudara-saudara sependapat dengan saya bahawa cabaran yang kita sama-sama hadapi, terutama berhubung dengan pembentukan bangsa Malaysia, mungkin tidak ada bandingannya. Masih jauh jalan yang harus kita lalui dan banyak pula yang harus kita kerjakan sebelum sampai pada matlamat kebudayaan kebangsaan yang dicita-citakan itu. Saya yakin dan saya percaya saudara-saudara juga, bahawa dengan kesungguhan hati dan kebulatan tekad kita menghadapi cabaran itu, kita tidak akan mengecewakan harapan generasi yang berikut kelak.

Memandangkan kehendak masa depan, kita tidak boleh mengelak daripada sikap pendirian bahawa disiplin pergaulan hidup cara lama hendaklah memberi tempat kepada yang baharu.

Kita sesungguhnya beruntung kerana kebudayaan asli rantau Asia Tenggara ini adalah warisan kebudayaan purba yang bermutu tinggi, merupakan khazanah daripada tradisi yang mempunyai nilai sosial, moral, dan artistik. Pada zaman lampau, tradisi ini dapat menjamin kehidupan masyarakat yang aman dan stabil di rantau ini, mahupun sewaktu mengalami penjajahan negara Barat untuk beberapa lama. Perubahan yang timbul daripada pergolakan sosio-politik dan sosioekonomi sesudah Perang Dunia Kedua, yang membawa kepada kemerdekaan negara kita, sedapat mungkin hendaklah disalurkan menurut satu cara yang dapat menjamin manfaat kebendaan tanpa merosakkan nilai yang ada. Kemerdekaan menyebarkan semula kesedaran kebudayaan atau *cultural nasionalism* yang tersekat kemajuannya oleh penjajahan.

Dalam hubungan ini, melihat pengalaman setengah-setengah masyarakat dan juga kesedaran kita tentang proses perkembangan masyarakat moden, perlulah kita menitikberatkan perkembangan yang sedikit sebanyaknya dirancangan terlebih dahulu supaya kita dapat mengelakkan keburukan daripada proses perubahan itu. Di samping itu, perlulah kita menyesuaikan dan mencantumkan unsur yang terbaik daripada tamadun sains dan teknologi dengan unsur yang bernilai daripada tradisi kebudayaan lama yang kita warisi. Sebagai contoh, kita dapat melihat kemajuan bangsa Jepun menunjukkan dalam berbagai-bagai cara bahawa perindustrian moden

tidak membawa keruntuhan tradisi kebudayaan bangsa, istimewa bidang keseniannya.

MASALAH

Masalah besar yang kita hadapi dalam usaha untuk memenuhi hasrat *cultural nasionalism* ini adalah untuk menyediakan tapak yang kukuh dan sesuai bagi membentuk kebudayaan untuk diwariskan kepada generasi akan datang.

Seperti yang saya katakan tadi, nenek moyang bangsa kita yang mendiami rantau Nusantara ini meninggalkan pusaka kebudayaan yang kaya raya dan tinggi mutunya. Maka, sudah sewajarnya kita menerima gagasan bahawa kebudayaan kebangsaan yang sedang dibentuk dan dicorakkan itu hendaklah berlandaskan kebudayaan rakyat asli rantau ini. Bagaimanapun, patutlah juga kita mengambil unsur kebudayaan yang datang ke rantau ini dan membawa pengaruh ke atasnya semenjak beberapa lama supaya pengaruh yang bermanfaat dapat menyegarkan dan menentukan corak kebudayaan Malaysia pada masa hadapan. Namun, haruslah diingat, dalam mencari bentuk dan menentukan corak kebudayaan kebangsaan, kita tidaklah melupakan hakikat masyarakat yang berbilang bangsa – *the reality of our multi-racial society*. Kita hendaklah sentiasa berpandu pada ciri membentuk sebuah negara yang rakyatnya daripada berbagai-bagai kaum dan golongan dapat dijalin dalam satu ikatan yang padu. Saya percaya selagi kita sedar dan insaf akan hakikat ini, kita tidak akan mengelencong daripada matlamat mendirikan bangsa yang bersatu.

Seperti yang kita sama-sama maklum, masyarakat di mana-mana jua terdedah kepada berbagai-bagai pengaruh disebabkan oleh perkembangan dan kemajuan dalam bidang hubungan am atau *mass communications*. Masalah *acculturation* yang timbul akibat *cultural contact* ini menimpa masyarakat yang lemah kerana nilai palsu daripada kebudayaan yang mendatang itu mungkin mengakibatkan rosak atau lenyapnya etos dan nilai peradaban mereka sendiri. Masyarakat kita di rantau Asia Tenggara ini khasnya, dan di Asia amnya, sedikit sebanyak mengalami kelumpuhan akibat kolonialisme Barat. Tetapi tidaklah dapat dinafikan pula adanya kema-

juan positif yang kita terima hasil daripada sistem pendidikan moden yang membolehkan kita menerima faedah daripada perkembangan sains dan teknologi Barat, di samping konsep baharu seperti demokrasi berparlimen yang menjadi darah daging kita hari ini.

Secara umum, kita melihat masalah-masalah yang ditimbulkan oleh *cultural contact* ini berbeza menurut kelompok-kelompok dan lapisan masyarakat. Bagi masyarakat kita sendiri, perbezaan ini amat nyata antara kelompok bandar atau *urban group* dengan kelompok luar bandar. Meskipun barangkali ada di antara saudara-saudara yang keras mempertahankan "kemurnian" masyarakat luar bandar yang dikatakan lebih kukuh berakar umbi dan stabil, tetapi mestilah kita akui bahawa pada hakikatnya tingkatan hidup mereka adalah lebih rendah dan kurang berkemampuan untuk menghadapi cabaran zaman moden. Terutama memandangkan peri mustahaknya perseimbangan ekonomi *urban/rural*, demi kepentingan perpaduan dan kestabilan negara dewasa ini, tentulah "kemurnian" hidup desa yang diagung-agungkan oleh setengah-setengah penulis kita tidak dapat diterima dalam konteks pembangunan masyarakat Malaysia masa hadapan. Inilah rasional Dasar Ekonomi Baru yang menjadi urat nadi Rancangan Malaysia Kedua.

Saya ingin menegaskan bahawa dalam usaha kita hendak membentuk kebudayaan kebangsaan, kita hendaklah berhati-hati memilih unsur yang sedar dan positif, mengingat latar belakang masyarakat kita yang berbilang bangsa. Kita mestilah ingat dan faham bahawa evolusi atau pertumbuhan *indigenous culture* di negara kita ini hendaklah mempunyai asas yang kukuh dan tapak yang luas kerana kebudayaan itu hanya akan tahan dan kekal setelah melalui proses ujian masa dan mendapat persetujuan serta dukungan sepenuhnya daripada rakyat masyarakat kita.

PERUBAHAN

Dalam beberapa tahun akan datang, seperti yang diterangkan dalam Rancangan Malaysia Kedua, masyarakat kita terutama masyarakat Melayu, akan mengalami perubahan yang besar daripada penyusunan semula atau *restructuring of society*. Saya percaya saudara-saudara dalam beberapa hari ini akan memberi perhatian penuh

kepada masalah inti yang akan timbul daripada proses pembaharuan yang besar maknanya dan belum pernah berlaku pada masa lalu.

Pada pendapat saya, perubahan ini bukanlah hanya melaksanakan *bandarisasi* atau *urbanization*, bagi memenuhi kehendak perkembangan dan kemajuan perindustrian di bandar-bandar besar ataupun bandar-bandar baharu kelak. Yang lebih penting ialah bagi mereka mengubah konsep *value system* dalam kehidupan seharian serta menerima nilai hidup yang moden dan progresif sesuai dengan kemajuan zaman. Bagi menghadapi perubahan masa depan itu, mustahaklah mereka memperlengkapkan diri bukan sahaja dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran, tetapi, tidak kurang pentingnya, mengisi kekuatan rohani mereka. Rakyat Malaysia sekarang dan akan datang hendaklah mempunyai nilai hidup yang membolehkan mereka menghadapi zaman pergolakan yang penuh dengan cabaran serta mengatasi masalah yang berbagai-bagai rupa dalam dunia moden ini. Barangkali kita boleh menjangka corak kehidupan baharu sekeliling mereka itu dapat melahirkan bentuk kebudayaan yang lebih segar dan dinamis yang pusaka tradisi yang indah dan bernilai itu dipelihara serta disesuaikan dengan iklim dan *environment* baharu. Inilah perkembangan yang benar-benar kita ingini dan menjadi matlamat segala langkah dan usaha kita hari ini.

Dalam konteks ini juga saya melihat satu perubahan corak golongan intelligensia negara kita iaitu timbulnya golongan baharu yang dibesarkan dan terdidik dalam suasana negara yang merdeka menggantikan golongan intelligensia hari ini yang mendapat pendidikan semasa zaman kolonial. Ini adalah satu perubahan yang penting dan yang membawa kemungkinan besar kerana suasana baharu inilah memupuk perkembangan hasil karya yang bernilai tinggi, baik dalam bentuk sastera mahupun yang lain, serta mencerminkan identiti kebangsaan yang sebenar.

CABARAN

Cabaran masa depan itu adalah juga merupakan kesempatan yang berharga kepada sesuatu bangsa. Kita semua, terutama golongan cerdik pandai, mendukung beban yang berat kerana di tangan kitalah

terletak tugas menentukan arah haluan dan nasib bangsa dan negara. Saya percaya saudara-saudara yang berada di sini sedia dan sanggup menerima cabaran itu. Kita telah mencapai banyak kejayaan sehingga ini, tetapi matlamat kita masih jauh di hadapan. Kita boleh berbangga kerana berkat usaha di kalangan kaum seniman dan sasterawan kita, kemajuan dalam bidang seni dan sastera bergerak maju setingkat demi setingkat. Inilah sedikit sebanyaknya yang boleh kita wariskan kepada generasi akan datang, tetapi tentulah kita belum berpuas hati dengan kejayaan setakat itu sahaja.

Dalam bidang kebudayaan kita hari ini, masih banyak ruang kekosongan yang perlu diisi dan sementara kita menghasilkan karya yang lebih besar dan bermakna, patutlah juga kita menerima dan mengembangkan unsur terbaik daripada kebudayaan dunia luar yang diterima secara universal. Dalam bidang muzik, umpamanya, pengenalan yang lebih meluas mengenai *composers* yang ulung, seperti Beethoven, Rachmaninov, dan Mahler adalah sama pentingnya kepada masyarakat sehingga kita dapat melahirkan gubahan *indigenous music* yang bermutu tinggi.

Begitu juga saya rasa pengenalan karya sastera Eropah yang mengemukakan pendapat dan unsur pembaharuan, adalah penting bagi ilmu pengetahuan di samping memupuk hasil penulisan yang menyumbangkan cita-cita *need for achievement* supaya mendorong kemajuan dan perkembangan ekonomi dan sosial yang lebih pesat dan meluas. Sastera nasional mencerminkan tingkatan pemikiran sesuatu bangsa dan pada fikiran saya tidak melihat kemungkinan kemajuan selama ini sastera berpusat sekitar masyarakat desa yang tidak dapat melihat lebih jauh dari dunia sekeliling mereka itu.

Baru-baru ini saya membentuk satu Panel Hakim yang tetap yang akan bertanggungjawab memilih buku yang baik, pengarang atau sasterawan atau *essayists* yang baik untuk diberi hadiah oleh kerajaan pada tiap-tiap satu tahun atau tiga tahun sekali.

Untuk beberapa hari ini kelak, saudara-saudara akan mengkaji dan menimbang pendapat dan idea yang bernas terbit daripada perbincangan atau kertas kerja yang telah disediakan oleh ahli budaya dan cerdik pandai kita untuk Kongres ini. Rumusan yang akan dicapai daripada perbincangan ini adalah penting dan besar maknanya kerana rumusan itu akan menentukan bentuk dan corak

kebudayaan yang kita kehendaki.

Bagi pihak kerajaan, saya menyatakan keyakinan bahawa Kongres Kebudayaan pertama ini akan memberi garis panduan kepada saya dan rakan-rakan saya mengenai perkembangan kebudayaan untuk membolehkan kita mengatur langkah yang diperlukan. Rumusan kongres ini akan dipertimbangkan sedalam-dalamnya kerana ini bolehlah disifatkan sebagai permulaan satu *phase* baharu dalam kehidupan kita sebagai satu bangsa.

Bagaimanapun, saya suka mengingatkan bahawa bentuk kebudayaan yang dirumuskan itu belumlah benar-benar muktamad kerana kehidupan kebudayaan hanya akan menjadi tradisi yang berkekalan setelah ia melalui liku-liku zaman dan diterima sebagai amalan hidup oleh generasi akan datang.

Saya dengan seberapa sukacitanya merasmikan Kongres Kebudayaan ini dan berdoa semoga Kongres ini mencapai kejayaan sepenuhnya.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Mohammed (Nakula), "Kelantan dari Zaman Prasejarah hingga Zaman Permulaan, Sriwijaya" dlm. *Jernal Persatuan Sejarah Kelantan*, Bil. 1, 1964/5.
- Ahmad Ibrahim, "Islam Customary Laws – Malaysia" dlm. *Intisari*, II: 2, hlm. 47-74.
- Ahmad Ibrahim, 1970. *Malaysian Legal History (Mineographed)*. Kuala Lumpur: Penerbit Malaya.
- Akta Malaysia*, 1963. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Ali Taib, "Satu Aspek dari Tamadun Islam Mengikut Gambaran al-Qur'an" dlm. *SEJAHTERA* 5, hlm. 5.
- Alisjahbana, S. Takdir, 1966. *Indonesia, Social and Cultural Revolution*. Kuala Lumpur: OUP.
- Alisjahbana, S. Takdir, Xavier. S. Thani Nagayana dan Wang Gungwu (ed.), 1965. *The Cultural Problems of Malaysia in the Context of Southeast Asia. The Malaysia Society Orientalist*.
- Baharuddin Hj. Musa, "Ke Arah Pengujudan Kebudayaan Kebangsaan" dlm. *PEMIMPIN* Oktober 1973.
- Bastin, John dan Winks, Robin W., 1966. *Malaysia: Selected Historical Reading*. Kuala Lumpur: OUP.
- Cady, John F., 1964. *Southeast Asia: Its Historical Development*. New York: Mc. Graw Hill. Inc.
- Chand, Morn Chao, "Lang-Ya-Shu and Langkasuka: Reinterpretation" dlm. *Nusantara*, Julai 1972.
- Coedes, G., 1968. *The Indianized States of Southeast Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Cole, Fay-Cooper, 1945. *The People of Malaysia*. New York: Van Nostrand Co. Inc.

BIBLIOGRAFI

- de Jong, De Josselin P.E., 1965. *Agama-agama di Gugusan Pulau-pulau Melayu*. Kuala Lumpur: OUP.
- De Santillana, D., 1970. *An Analysis of Malay Magic*. London: OUP.
- Durkheim, E., 1960. *The Division of Labour in Society*. Illinois: The Free Press of Glencoe.
- Emeis, M.G., 1965. *Bunga Rampai Melayu Kuno*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatimi, S.Q., 1953. *Islam Comes to Malaysia*. Singapura: Malaysian Sociological Research Institute.
- Firth, Raymond William, 1968. *Malay Fisherman: Their Peasant Economy*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Firth, Raymond, 1963. *Elements of Social Organization*. London: Watts & Co.
- Furnivall, J.S., 1956. *Colonial Policy and Practice*. New York: New York University Press.
- Geertz, C., 1969. *The Religion of Java*. New York: The Tree Press.
- Ghazali Dunia, 1969. *Langgam Sastera Lama*. Kuala Lumpur: Singapore OUP.
- Gimlette, John D., 1971. *Malay Poisons and Charm Cures*. Kuala Lumpur: OUP.
- Gimlette, John D. dan Thomson, H.W., 1971. *A Dictionary of Malayan Medicine*. Kuala Lumpur: OUP.
- Gullick, J.M., 1972. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hall, D.G.E., *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harrison, Brian, *Asia Tenggara, Satu Sejarah Ringkas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harrison, Thomas Harnett, 1959. *World Within: A Borneo Story*. London: Cresset Press.
- Hooker, M.B., 1972. *Adat Laws in Modern Malaya*. Kuala Lumpur: OUP.
- Husin Ali, Syed, 1966. *Patterns of Rural Leadership in Malaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Husin Ali, Syed, 1975. *Malay Peasant Society and Leadership*. Kuala Lumpur: OUP.
- Hussein al-Atas, Syed, 1972. *Siapa yang Salah, Sekitar Revolusi Mental Peribadi Melayu*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Hussien al-Atas, Syed, "Mahaguru Terburu-buru" dlm. *Mingguan Malaysia*, 29 September 1974 dan 6 Oktober 1974.
- Hussin Ali, Syed, "A Note on Malay Society and Culture". Jabatan

BIBLIOGRAFI

- Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Ismail Hussien, "Penyatuan Bahasa Malaysia-Indonesia" dlm. *Mingguan Malaysia*, 3 Jun 1974.
- Ismail Hussien, 1966. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Joesoef Souyb, *Mastika*, Jan. 1973 dan Feb. 1973, Utusan Melayu (M) Bhd. Kuala Lumpur.
- Johnson, H.M., 1967. *Sociology. A Systematic Introduction*. Bombay: Allied Publishers Pte. Ltd.
- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1973. *Asas Kebudayaan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Kertas kerja Kongres Kebudayaan Melayu 1, Melaka, Disember 1957 – Januari 1958.
- Khoo Kay Kim (Dr.), "Malay Society 1874 – 1920," dlm. *Journal of South East Asian Studies* 5: No. 2.
- Khoo Kay Kim (Dr.), "The Origin of British Administration in Malaya," dlm. *JRASBM*, 39: 1, hlm. 5–91.
- Khoo Kay Kim (Dr.), "The Pangkor Engagement of 1874" dlm. *Journal the Royal Asiatic Society Malaysia Branch XL VIII*: 1, hlm. 1–9.
- Koentjaraningrat, 1970. *Pengantar Antropologi*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Koentjaraningrat, 1971. *Manusia dan Kebudayaan di Indonesia*. Jakarta: Penerbitan Djambatan.
- Le May, Reginald, 1965. *The Culture of Southeast Asia. The Heritage of India*. Cet. ke-3. London: George Allen and Unwin Ltd.
- Linton, R., 1965. *The Study of Man*. London: Peter Owen Ltd.
- Mac, Donald, Dunca, B., 1964. *Development of Muslim Theology, Jurisprudence and Constitutional Theory*. Lahore: Premeir Book House.
- Mackeen, A.M.N., 1969. *Contemporary Islamic Legal Organization in Malaya*. Siri Monograf No. 13. Connecticut: Yale University, Southeast Asia Studies.
- Mahmud Mat, "The Passing Old Slavery in East Pahang" dlm. *The Malayan Historical Journal* 1: No. 1.
- Malon, W.P., "The Music of the Malaysian Mak Yong" dlm. *Tenggara* 5.
- Manning, Nash, 1966. *Primitive and Peasant Economic System*. Amerika Syarikat: Chandler Publishing Company.
- Manning, Nash, 1974. *Peasant Citizens. Politics, Religion and Modernization in Kelantan, Malaya*. Ohio: Ohio University Centre

BIBLIOGRAFI

- for International Studies.
- Marrison, G.E., 1955. "Persian Influences on Malay Life" dlm. *JMBRAS*. XXVIII.
- Mazidah Zakaria, *Susunan Ekonomi dan Sosial Kampung Changkat Larang Kawasan Simpanan Melayu, Perak*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Mc. Nair, J.F., 1972. *Perak and the Malays*. Kuala Lumpur: OUP.
- Mohd. Taib Osman, 1974. *Asas dan Pertumbuhan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Mohd. Taib Osman, 1969. "Socio-Cultural Context of Traditional Malay Music" dlm. *Tenggara* 5.
- Muhammad Naquib al-Atas, Syed, 1970. *Mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Naquib al-Atas, Syed, 1968. *The Origin of the Malay Shair*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Naquib al-Atas, Syed, 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Naquib al-Atas, Syed, 1972. *Modernization and Social Change*. Sydney: Angus and Robertson.
- Muhammad Uthman El. Muhammady, "Peranan Ulama dalam Masyarakat Islam" dlm. *Dewan Masyarakat* II: 12.
- Official Year Book* (1965 hingga 1973), Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Perlembagaan Persekutuan*, 1970. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Piddington, R., 1952. *An Introduction to Social Antropology*. Jil. 1. Edisi ke-2. London: Oliver and Boyd.
- Rancangan Malaysia Kedua*, 1971. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Reischrauer, Edwin O. dan Fairbank, John K., 1969 *East Asia "The Great Tradition"*. Tokyo: Charles E. Tuttle Co. Inc.
- Roff., William R., 1964. *The Origin of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ross, E.A., 1901. *Social Control*. New York.
- Ryan, N.J., 1971. *The Making of Modern Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: OUP.
- Ryan, N.J., 1972. *The Cultural Heritage of Malays*. Kuala Lumpur: Longsman Malaysia.
- Shahrum bin Yub, 1967. *Keris dan Senjata-senjata Pendek*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

BIBLIOGRAFI

- Sheppard, Mubin, 1972. *Taman Indera, Malay Decorative Arts and Pastimes*. Kuala Lumpur: OUP.
- Siti Hawa Salleh, 1966. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Skeat, W. William, 1965. *The Malay Magic*. London: Frank Cass & Co. Ltd.
- Slametmuljana, 1967. *Berundang-undang Madjapahit*. Jakarta: Bharata.
- Sweeney, Amin, 1972. *The Ramayana and the Malay Shadow Play*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Swift, M.G., 1965. *Malay Peasant Society in Jebebu*. London: The Athlone Press, University London.
- Teeuw A., "The Malay Syair: Problems of Origin and Tradition" dlm. *Bijdragen Tot de Taal-Land-en-Volkenkunde*.
- Teeuw, A., 1969. *A History of Classical Malay Literature*. Singapura: OUP.
- Tregonning, K.C., "A New Approach to Malayan History: Not All Cultures in Malaya are foreign" dlm. *The Straits Times*, 21 dan 24 November 1958.
- Tregonning, K.C., 1965. *The British in Malaya 1786 - 1826*. Tucson: The University of Arizona Press.
- Trimingham, J. Spencer, 1959. *Islam in West Africa*. London: OUP.
- Tweedie, M.W.F., 1965. *Prehistoric Malaya*. Singapura: Eastern University Press Sdn. Bhd.
- Vlekke, Bernard H.M., 1967. *Nusantara, Sejarah Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wales, H.G. Quaritch, 1961. *The Making of Greater India*. London: Bernard Quaritch Ltd.
- Weirtheim, W.F., 1959. *Indonesia Society in Transition*. The Hague and Bandung.
- Wheatley, Paul, 1966. *The Golden Khersonese*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu.
- Wilkinson, R.J., "Early Indian Influences in Malaysia" dlm. *JRASMB* II: 1.
- Willkinson, P.J., 1971. *Papers on Malay Subject*. Kuala Lumpur: OUP.
- Winstedt, R.O., 1961. *The Malays: A Cultural History*. London: Routledge and Kegan Paul Ltd.
- Winstedt, R.O., 1969. *A History of Classical Malay-Literature*. Kuala Lumpur: OUP.
- Winstedt, R.O., *JMBRAS*. Jil. 13:1.
- Wolf, Eric R., 1966. *Peasant*. Foundations of Modern Anthropology

BIBLIOGRAFI

- Series. New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Wolters, O.W., 1970. *The Fall of Srivijaya in Malay History*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Za'ba, 1960. *Pelita Bahasa Melayu I, II & III*. London: Mac Millan and Co. Ltd.
- Za'ba, 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

INDEKS

- A. Aziz Deraman, Dato' xv-xvii
Abdul Rauf Singkel 60, 73 *lih. juga*
SINGKEL
Acheh 65, 69, 73, 77, 80, 82, 102
Adat
 Istiadat 5, 13, 17, 46, 51, 63, 113,
 118, 127, 132, 142, 147n, 157, 164
 Perpatih 49, 99
 resam 2, 4, 10, 30, 81, 121, 138,
 151, 154
 Temenggung 49
Agama 4, 7, 83, 109, 132, 138, 142,
 158
Al-Farabi 79
Alam Melayu 10, 10n-11n, 12-15,
 19, 21, 28, 33-34, 38-41, 57, 64,
 69, 73, 77-82, 88, 90, 116, 119,
 155, 158
Alim ulama 80
Ampel 80
Angkor Watt 57
Animisme 23, 58, 60-61, 110, 113-
 14, 129, 146
Annam 15, 32, 38
Antropologi 2, 26, 37, 39, 109
Aristotle 80
Arjuna Wiwaha 53
Arkeologi 26, 30, 33, 36, 44
Artifak 5n, 26, 29, 30, 34

Baba Nyonya 149
Babad Jawa 45, 53

Baharuddin Hj Musa 7n
Bajau 6, 144, 147n, 177
Bangsa Malaysia 7-9, 154, 161, 175-
 76, 188
Batu
 Bersurat 42, 44-45, 65, 67
 nisan 65, 72
Belanda 12, 23, 28, 90, 117, 119, 131,
 150
Benedict 3, 190
Bidayuh 6, 144, 147n, 177
Bierstedt 12
Boas 190
Bomoh 112
Boria 11
Brahmin 42-43, 46, 50, 54, 59
Budaya
 bukan kebendaan 5
 kebendaan 5
 relatif 5
 universal 3
Bugis 22
Bukit
 Meriam 44, 54
 Tengku Lembu 34, 36
Buku Merah 168
Burhanuddin Helmi, Dr. 129
British
 warisan *lih.* WARISAN
Buddha
 agama 41, 58, 78, 81, 158
Burma 26, 28, 30

INDEKS

- C. C. Berg 42
 Callenfels 33-34
 Campa 34
 Candi
 Borobodur 54, 57
 Bukit Batu Pahat 44
 Mendut 54
Cattle drum 31
 Cerita panji 42
 Cerok Tokkun 44, 54
 Cesar Adib Majul 69
 China 27, 34, 43, 59, 72, 103
 Selatan 36
 Cina 6-7, 23
 kuno 111
 orang *lih.* ORANG
 pelombong 100
 Cincin 36
 Coedes 13, 23n, 31, 39n
 Columbus 39
 Cukai 97-98
Cultural barrier 7
Cultural imperialism 152
Cultural nasionalism 191-92
- Dasar Ekonomi Baru (DEB) 134, 136,
 141, 166, 168-74, 177, 193
 Dasar Kebudayaan Kebangsaan
 (DDK) 152, 154-55, 159-60,
 169, 177
 Dasar Pelajaran Kebangsaan 139, 189
 Dasar Pendidikan Kebangsaan 169,
 177
 Dasar Penswastaaan 172
 Dato' Onn bin Jaafar 164
 Datuk Bahaman 108
 Daya kreatif bebas 152
 Delhi 79
 Demak 80
 Derhaka 47
 Devaraja 46
 Dharma 46
 Dharmasutra 49
 Diakronis xiii
 Dikir barat 11
 Dondang sayang 114, 147n, 149
 Dongeng 82
 Dongson 32, 38
- kebudayaan 15
 Dravidian 59-60
 Duarte Barbosa 65
 Durkheim 107n
- EAEC 181
 Edward B. Tylor 2
 Edward Gent, Sir 164
 Ekonomi 168, 177-78, 181
 pembangunan 176
 pertumbuhan 174-75, 181
 Empayar Funan 15, 32, 38
 Emosi xvii, 154, 157, 175
 Empu Prapanca 45, 53
 Epik
 Hindu 53
 India 53
 Etika 155, 158
 Etos 16
 Eugene Du Bois 28
- F. L. Dunn 33-34
 Fa Hsien 42, 45
 Falsafah 46, 59-60, 78, 80, 83, 108,
 114, 122, 151
 Bangsa Melayu 142
 FAMA 167
 FELDA 167, 170
 Feudalisme
 Eropah 94
 Hindu *lih.* HINDU
 konsep 94
 Filipina 34, 36n, 69, 117, 155
 Formosa 34, 155
 Fossil 26, 29
 Funan 44, 50
- G. de G. Sieveking 33-34
 Gangsa 32
 gong 37
 loceng 37
 GAPENA 160
 Gelang 36
 Geldern 36, 38
 Gerisek 66
 Gimlette 112
 Ghazal 145
 Gotong royong 39, 92, 107-108, 114,

INDEKS

- 147n, 155
- Gua
- Cha 33-36
 - Chou-K'ou 29n
 - Kecil 33-34
 - Niah 36
- Gujerat 65-66, 72
- Gurindam 147n
- Hindu
- astrologi 47
 - Buddha 45, 53, 58, 74-75
 - pengaruh 16, 43-45, 60, 64, 69, 75, 99, 103
 - peradaban 75
 - epik *lih.* EPIK
 - feudalisme 127, 129
 - pemerintah 91
 - pengaruh xvi, 16, 18, 21, 23, 46, 49, 52-53, 59, 111-18, 147
 - peradaban 18-19, 40, 44, 50, 72
 - undang-undang 48-50, 81
 - unsur *lih.* UNSUR
 - warisan *lih.* WARISAN
 - zaman pengaruh *lih.* ZAMAN
- I. Tsing 42, 44-45, 58n
- Iban 6, 144, 147n, 177
- Ibnu Battuta 65
- IMF 181
- India 6-7, 23, 27-28, 42-43, 79, 82, 103, 109, 131
- epik *lih.* EPIK
 - kebudayaan 42, 52, 114
 - orang *lih.* ORANG
 - peradaban 42-43, 46
- Indo-China 26, 30
- Indonesia 30, 34, 36n, 112, 117, 131, 155
- orang 38, 46
- Inggeris 12, 23, 99, 108, 116-21, 124-25, 131, 148, 163-65
- Islam 46, 49, 60-61, 64-66, 69, 73-77, 82, 88, 150
- Agama 17, 50, 78-83, 88, 109-110, 114, 134, 157-59, 164
 - akidah 17
 - intelektual 80-81
 - kebudayaan 79, 114
 - nilai 142, 150, 158
 - orang 72
 - pengaruh 17, 19, 53, 72, 111, 118
 - peradaban xvi, 19, 54, 63, 144, 150
 - perkembangan 78
 - sistem politik *lih.* SISTEM
 - umat 96
 - unsur 83
- Ismail Hussein 63n, 124n
- Istanbul 79
- J. M. Gullick 97n
- J. V. Keonings 29
- Jabatan Perpaduan Negara 159
- Jakim 134
- Jamu 112
- Jataka 53
- Jawa 14, 16, 20, 28, 38, 42, 45, 52-53, 57, 69, 73, 79, 90, 94, 102, 114
- Melayu 22
 - manusia 29n
- Jepun 111, 130, 184
- pemerintahan 140
- Jingling Nona 119
- Kadazan 6, 144, 147n, 177
- Kaherah 79
- Kanibalisme 29
- Kapak 36
- Karl Marx 93
- Karma 59
- Kaum Muda 80
- Kaum Tua 80
- Kawalan sosial (social control) 4
- Kebudayaan Kebangsaan Malaysia 143-46, 152, 154
- Kedah 44, 48, 54, 79, 104
- Kelang 31-32, 37
- Kelantan 45, 52, 57, 79, 113
- Keluarga
- asas (nuclear family) 4
 - besar (extended family) 4
- Kemboja 30, 34, 36, 57
- Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan xiv, 6n, 148n, 159

INDEKS

- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan xiv, 159
 Kenyah 6, 144, 147n
 Keperibadian Malaysia 14, 143
 Kerajaan
 Buddha-Langkasuka 44
 Melayu Melaka 15
 Keramat 110
 Keraton 16
 Keris 38, 56–57, 96, 147n
 Kern 36
 Koentjaraningrat 3, 28n
 Kolonial
 Inggeris xiii, xiv, xvi *lih. juga*
 INGGERIS
 Kepulauan Inggeris xiv
 masyarakat xiii, xvi
 Kolonialisme Barat 21n, 143
 Kongres Kebudayaan Kebangsaan 6, 145–46, 153, 162, 196
 Kongres Kebudayaan Melayu 146, 162, 187
 Koridor Raya Multimedia 183
 Kota Tampan 28
 Ksyatriya 42–43, 47, 59
 Kuda kepang 11, 147n

 Langkasuka 44–45, 52
 Le May 25n, 58n
 Lembaga 10
 Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) 136
 Lembah
 Mekong 15, 32, 38
 Sungai Bengawan Solo 29
 Lingua-franca 82, 156

 Ma Huan 65
 Mackeen 81n
 Madrasah 17, 79
 Mahathir Mohamad, Datuk Seri Dr. 175, 180
 Majapahit 45, 50, 102, 156
 Makyung 11, 124
 Marco Polo 65
 Malayan Union 130, 163–64
 Malaysia
 identiti 143–44
 masyarakat 7
 Patriotisme 143
 Malaysian-Chinese 7
 Malaysian-Indian 7
 Malinowski 3, 190
 Mantera 113
 Mantifek 5
 Manusia Jawa *lih. JAWA*
 MARA 136, 168
 MARDI 168
 Mas Merah 114
 Masyarakat Agraria 102
 Mat Kilau 108
 Mat Lela 108
 Mataram 45
 MCA 164–65
 Mead 3, 190
 Melanau 6, 144, 147n
 Melaka 50, 69, 80, 82, 90, 100, 102–03, 119, 156
 Melayu 6–7, 156, 165, 177
 alam *lih. ALAM*
 Jawa 22
 kesusasteraan 83, 123–24, 151
 Minangkabau 22
 nasionalisme 80, 122, 131, 137
 Polinesia 158
 Sumatera 22
 Menora 11, 147n
 MIC 165
 Minangkabau 99
 Melayu *lih. MELAYU*
 Mitos 82, 151
 Mohd. Affandi Hassan xix
 Mohd. Taib Osman 15–16, 20n, 34n, 46n, 112n
 Mon-Khmer 36
 Moquette 66, 72
 Moral 2, 5n, 13, 83, 114, 138, 157–58
 Muhammad Abduh 80, 110
 Murut 6, 144, 147n, 177
 Muzik 1, 151–52

 N. J. Krom 43
 Nasionalisme 163, 176
 kebudayaan 141
 Negarakertagama 45, 53

INDEKS

- Negeri Sembilan 101
 Nilai 4, 17, 59-60, 121, 136, 141
 budaya 10, 155
 ekonomi 137
 kepercayaan kuno 142
 perkauman 142
 sosial 9
 Nirwana 59
 Non Nok Tha 31
 Nuruddin al-Raniri 73
- Object de art* 151
 Orang
 Arab 5, 72, 103
 Campa 36
 Cina 5, 126, 137, 139, 148
 Eskimo 5
 India 5, 41, 43, 51, 57, 66, 137
 Jakun 37
 Kristian 69, 73
- Pahang 34, 36, 45, 48, 120
 Palembang 45
 Pantun 111, 147n
 Papua 30
 Parsi 109
 Pasai 65, 73, 80
 Pattani 77
 Pawang 112
 PBB 179-80
 Pengaruh Barat 18, 77
 Penglipur lara 111
 Peradaban Timur 18
 Perak 33, 48, 50, 101, 104, 120
 Perancis 94, 131
 Perang Dunia Kedua 130-31, 137,
 140, 145, 163
 Perdalangan 113
 Peribahasa 111
 Perikatan 165, 179
 Peristiwa 13 Mei 1969 xiv, 134, 140,
 168, 190
 Periuk 36
 Perjanjian Pangkor 90
 Perkauman 138
 Perlembagaan Persekutuan 132n,
 134, 154, 157-58, 163
 Pesantren 17, 79
- Pesta
 Budaya Melaka 113
 puja pantai 113
 Peter V. 33-34
 Piddington 3, 5
 Pisau tembeling 36
Pithecanthropus 29
 Plato 80
 Plotinus 80
 PNB 171
 Politik 4, 17, 83, 109
 kuasa 95
 Pondok 17, 79
 Portugis 12, 23, 69, 90-91, 114, 119,
 150
 Prasangka xiii, 138, 140
 Primitif 30
 Primitive Culture 2
 Proto Melayu 37-38
 PROTON 173
- R. Linton 3
 Raja xvi
 Raja Bot 101
 Raja Mahadi 101
 Raja Malik 101
 Raja Tuhan 47
 Ramayana dan Mahabharata 53-57
 Rancangan Malaysia
 Pertama 141n, 166, 168
 Kedua 141n, 136, 166-67, 193
 Ketiga 166, 170
 Keempat 166, 170, 172
 Keenam 178
 Ketujuh 178
 Revolusi
 Industri 90, 119
 Pertanian 119
 Richard Winstedt, Sir xv, 18, 38n,
 46n, 59n
 RIDA 167-68
 RISDA 171
 Robert Bierstadt 2
 Robert Brown 30
 Ross 107n
 RRJP1 172
 RRJP2 174
 Rukun Negara xiv, 140, 154, 157-58,

INDEKS

- 169, 198
 Ryta 46
- S. Q. Fatimi 69
 S. Takdir 34, 102n
 Sabah 130, 168
 Sailendra 45-46
 Sajak 1
 Sarawak 36, 130, 168
 Sastera 1, 17, 43
 Seberang Perai 44, 54
 Sejarah Melayu 50, 74, 78
 Semangat
 Hindu-Buddha 94
 puja 111
 Seni
 pahat 145, 151
 ukir 145, 151
 Sepanyol 12, 69, 90, 117, 131
 Sfera
 kampung 92
 suprakampung 92, 95
 Seriwijaya 38, 45, 50, 58n, 102, 156
 Shamsuddin al-Sumatrani 60, 73
 Siam 34, 36n
 Silat 113, 145, 149, 160
 Singapura 45, 130, 155
 Singasari 45
 Singkel 80
 Sinkronis xiii
 Sistem
 Feudal 100
 Kerah 48
 Politik Islam 80
 sosial 4, 16, 19
Social Order 2
 Socrates 79
 Sudra 47
 Sufi, ahli 65, 69, 72-73
 Sumatera 20, 45, 65-66, 78, 80, 102, 114
 Melayu *lih.* MELAYU
 Sungai Perak 28
 Sungai Tembeling 31-32, 37
 Suruhanjaya Reid 165
 Snouck Hurgronje 18
 Spirit Cave 31
 Syair 147
 Gul Bakawali 83
 Ken Tambuhan 83
 Siti Zubaidah 83
 Syed dan Syarifah xvi
 Syed Hussin Ali 99n, 122n
 Syed Muhammad Naquib al-Atas 17, 64n, 66, 72, 77n
 Syed Syeikh al-Hadi 110
- Taiwan 36n
 Tangkal 110
 Tarian 1, 11, 113
 Tembeling 33, 36
 Teori
 Brahmin 42-43
 Ksyatriya 42
 Vaisya 42
 Terengganu 45, 65, 113
 Thailand 31, 36, 155
 Timur Tengah 66, 79, 110
 Tome Pires 65
 Tradisi 10, 14, 17
 Tuk Janggut 108
 Tulisan
 Kawi 54, 82
 Pallawa 54, 82
 Tumasek 45
 Tweedie 33
 Tylor 3, 12
- UDA 136, 170
 UMNO 164-65
 Undang-undang 2, 5, 13
 UNESCO 179
 Ungku Omar, Dr. 129
- Vaisya 42-43, 59
 Van Der Tuuk 37
 Van leur 14, 17-18, 43, 69
 Van Stein 33-34
 Vietnam 30, 34, 36
 Vlekke 31, 64, 65n, 102n
- W F Weithcim 16, 23n, 59n
 Wahhabi 80
 Wakaf 144
 Warisan
 British 162

INDEKS

- budaya 151, 159
- Hindu 77
- Kebudayaan Sosial 9
- Wawasan 2020 175-77
- Wayang kulit 11, 55, 57, 124, 149
- Wilhelm G. Solheim II, Prof. 27
- Wilkinson 44n

- Yunan 33
 - dataran 39
- Yunani 79
- Yunan-Tibet 30

- Za'ba, Dr. 129
- Zaman
 - Batu 27-39, 117
 - Gangsa 32, 103
 - kolonial xv
 - Logam 28, 31-32, 38, 117
 - Pleistosen 27
 - pengaruh
 - Barat 12
 - Hindu 13-14, 82
 - Islam 13-14
 - prasejarah 13
- ZOPFAN 180